

Untuk Kegunaan Umat Kristian Sahaja

PANDUAN
PELAJARAN SEKOLAH SABAT
DEWASA

Roh Suci
dan
Kerohanian
Oleh:
Frank Hasel

Januari - Februari-Mac
2017

PEJABAT PENERBITAN EDISI BAHASA MALAYSIA:

Gereja Seventh-day Adventist,
Misi Sabah,
Tamparuli.

Penerbit Eksekutif:

Nelson G. Bendah - Jibil Simbah - S.H. Lim

Penyumbang Utama:

Frank Hasel

Pengarah Penerbitan:

Ervin Karau

Penterjemah:

Lesaya L. Sorudim
Mokuntil Modili

Penyunting Bersama:

Ervin Karau

Sila layari <http://www.absg.adventist.org> untuk bahan Pelajaran Alkitab Bahasa Inggeris

Panduan Pelajaran Sekolah Sabat Dewasa ini disediakan oleh Pejabat Panduan Pelajaran Alkitab Dewasa di General Conference Seventh-day Adventist. Penyediaan Panduan ini adalah dibawah arahan umum Jawatankuasa Penilaian Manuskrip Sekolah Sabat Sedunia. Ahli-ahlinya bertindak sebagai perunding penyunting. Hasil yang diterbitkan menggambarkan bahan yang diberikan oleh jawatankuasa dan dengan itu tidak semestinya menggambarkan maksud dan tujuan sebenar oleh pengarang.

Kecuali dinyatakan, semua petikan Alkitab adalah daripada versi Alkitab Elektronik 2.0.0 Terjemahan Baru 1974 terbitan Lembaga Alkitab Indonesia.

Petikan dari Alkitab Berita Baik terbitan The Bible Society of Malaysia, Petaling Jaya Selangor dinyatakan dengan singkatan ABB.

Mengapa Merpati?

Ángel Manuel Rodríguez

Mengapakah Roh Suci itu menampakkan diriNya dalam bentuk seekor burung merpati pada pembaptisan Yesus?

Nampaknya tiada satu penjelasan yang diterima secara umum mengenai mengapa burung merpati digunakan bagi melambangkan Roh Suci. Kita menanggapi satu pertanyaan tentang mentafsir satu lambang yang tidak biasa digunakan di dalam Alkitab.

Pada zaman purba di Timur Dekat, burung merpati sering digunakan untuk melambangkan dewa kekafiran. Di Mesir “jiwa” orang yang meninggal dunia dipercayai sebagai mengambil bentuk seekor burung, yang selalunya adalah burung merpati, ketika simati dikatakan sebagai berpisah untuk pergi ke syurga. Lambang seperti ini sama sekali suatu yang asing dalam Perjanjian Lama; merpati tidak pernah digunakan bagi melambangkan Tuhan.

Namun demikian, satu kajian teliti mengenai penggunaan simbolik pada merpati di dalam Perjanjian Lama boleh membantu dalam memahami fungsi simboliknya pada pembaptisan Yesus (Mat. 3:16).

1. Lambang Perkabungan: Suara rendah dan halus dari burung merpati memberikan satu gambaran kepada yang mendengar bahawa ia sedang meratap atau berkabung lalu ia menjadi lambang bagi pengalaman manusia seperti itu. Semasa Hizkiah sakit, dia berkata, “suaraku redup seperti suara merpati [yang berkabung]” (Yesaya 38:14). Mereka yang terselamat dari serangan Babilon “akan tinggal di gunung-gunung seperti burung perkutut [merpati] di lembah-lembah” (Yeh. 7:16). Nabi Yesaya telah menulis: “suara kami redup seperti suara burung merpat” (Yes. 59:11).

2. Lambang Keragu-raguan: Burung merpati terbang berulang alik ke suatu arah, yang memberikan gambaran bahawa ia tidak mempunyai haluan yang tetap atau bersikap keragu-raguan sehubungan dengan arah tujuannya. Sifat pada burung seperti ini menjadi simbol tepat kepada ketidaktentuan bangsa Israel, iaitu kurangnya komitmen mereka kepada Tuhan: “Efraim telah menjadi merpati tolol, tidak berakal, dengan memanggil kepada Mesir, dengan pergi kepada Asyur” (Hosea 7:11).

3. Simbol Kasih: Kecantikan merpati dan kesetiaan tradisinya kepada pasangannya telah diambil oleh orang purba sebagai lambang kasih dan kecantikan manusia. Hal ini tepat sekali di dalam Kidung Agung: “Merpatiku di celah-celah batu, di persembunyian lereng-lereng gunung, perhatikanlah wajahmu, perdengarkanlah suaramu! Sebab merdu suaramu dan elok wajahmu!” (2:14); “Bukalah pintu, dinda, manisku, merpatiku” (5:2; banding

dengan 1:15; 4:1). Kristus mengarahkan murid-murid untuk menyatakan di dalam hidup mereka kasih dan ketelusan seperti burung merpati (Mat. 10:16).

4. Simbol Pembebasan: Kepantasan burung merpati terbang telah menjadi lambang pembebasan dari musuh seseorang atau dari suatu keadaan yang mengancam keselamatan. Pemazmur telah menulis: "Sekiranya aku diberi sayap seperti merpati, aku akan terbang dan mencari tempat yang tenang" (Mazmur 55:6). Orang Israel yang kembali dari buangan digambarkan sebagai mereka yang "melayang seperti awan dan seperti burung merpati ke pintu kandangnya" (Yesaya 60:8; banding dengan Hosea 11:11). Mungkin simbol paling penting adalah merpati yang dilepaskan oleh Nuh dari bahtera dan kembali dengan sehelai daun zaitun pada paruhnya (Kejadian 8:10-12). Ia berupa tanda damai sejahtera; ribut taufan sudah berlalu.

Mana satukah di antara makna itu yang boleh dikaitkan dengan penggunaan merpati sebagai lambang pada pembaptisan Yesus? Kita boleh abaikan dua tafsiran yang awal kerana ia mengungkapkan sudut negatif pada simbol tersebut. Adalah juga jelas bahawa menurut Matius 3:16 merpati itu adalah ungkapan nyata kepada kehadiran Roh yang mengurapi Yesus.

Tetapi mengapa gunakan merpati? Kata-kata yang diungkapkan oleh Tuhan pada saat itu membantu kita memahami simbolisme tersebut. Dia berkata. "Inilah AnakKu yang Kukasihi" (ayat 7). Simbol kasih, iaitu merpati, and perkataan kasih bergabung di dalam peristiwa pembaptisan Yesus. Kasih Tuhan mengalir kepada AnakNya yang kini sudah menjadi ahli keluarga bangsa manusia. Di dalam Kristus maka satu saluran telah wujud yang melaluiNya kasih Tuhan akan sampai kepada kita; Dia telah diurapi untuk berfungsi sebagai satu-satunya jalan yang melaluinya rahmat Tuhan tersedia untuk kita.

Seseorang boleh juga berhujah bahawa merpati itu, dalam halnya di sini secara tertentu, adalah simbol pembebasan. Merpati sebagai simbol bagi kasih telah muncul dan memberitahu kita bahawa, sama seperti pada Air Bah, ribut taufan dosa tidak punya kuasa yang cukup kuat untuk memisahkan kita selamanya dari Bapa. Planet kita kini sudah ada saluran perhubungan dengan Syurga melalui Kristus. Dalam menerima AnakNya, Tuhan menandakan kepada kita bahawa kita juga diterima di dalam KekasihNya melalui iman pada pemberian keselamatan yang Dia telah berikan untuk kita.

<https://www.adventistbiblicalresearch.org/materials/holy-spirit/why-dove>

Kandungan:

- 1 Roh dan Firman
– 31 Dis. – 6 Jan.
- 2 Roh Suci: Bekerja Di Belakang Tabir
– 7- 13 Jan.
- 3 Keilahan Roh Suci
– 14 – 20 Jan.
- 4 Keperibadian Roh Suci
– 21 – 27 Jan.
- 5 Pembaptisan dan Pencurahan Roh Suci
– 28 Jan.- 3 Feb. 3
- 6 Roh Suci dan Menjalani Hidup Yang Suci
– 4-10 Feb.
- 7 Roh Suci dan Buah Roh
– 11-17 Feb.
- 8 Roh Suci dan Kurnia Roh
– 18 – 24 Feb.
- 9 Roh Suci dan Gereja
– 25 Feb. – 3 Mac
- 10 Roh Suci, Firman dan Doa
– 4 – 10 Mac
- 11 Mendukakan dan Melawan Roh
– 11 – 17 Mac
- 12 Pekerjaan Roh Suci
– 18 – 24 Mar

Penterjemah:
Lesaya Lopog Sorudim / Mokuntil Modili

Penyunting:
Ervin Karau - Raychel L Sorudim

Roh Suci dan Kerohanian

Ramai di antara kita yang telah mendengar kata-kata ini dilafazkan: "Saya baptiskan engkau di dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Suci." Jika kita telah dibaptiskan, kita pasti sudah mendengarnya sebelum pastor menyelamkan kita ke dalam air (lihat Matius 28:19).

Dibaptiskan di dalam nama Bapa, Anak dan Roh Suci. Ya, Roh itu disebutkan di situ bersama-sama dengan Bapa dan Anak.

Tidak menghairankan bahawa Dasar Kepercayaan Seventh-day Adventist yang kelima, "Tuhan Roh," yang berbunyi; "Tuhan Roh yang kekal adalah aktif bersama Bapa dan Anak di dalam Penciptaan, inkarnasi dan penebusan. Dia yang telah memberi ilham kepada para penulis Kitab Suci. Dia memenuhi kehidupan Kristus dengan kuasa. Dia menarik dan menyakinkan manusia; dan Dia perbaharui mereka yang merespon, dan mengubah mereka menjadi imej Tuhan. Diutus oleh Bapa dan Anak untuk sentiasa bersama anak-anakNya, Dia memberikan kurnia roh kepada gereja, memperkasakan gereja untuk menjadi saksi bagi Kristus dan menuntun mereka kepada semua kebenaran seharmonis dengan Kitab Suci."

Namun demikian, ketika kita membaca Alkitab, terutamanya Perjanjian Lama, kita melihat aktiviti secara langsung dan pekerjaan Bapa. TindakanNya terdapat di semua tempat. Di dalam Perjanjian Baru, terutamanya di dalam Injil, kita berulang kali membaca mengenai pekerjaan dan aktiviti Yesus, Anak itu. Yesus - kehidupan dan kematianNya serta pelayananNya di Syurga - mendominasi kitab Perjanjian Baru.

Berbeza dengan aktiviti Bapa dan Anak, pekerjaan Roh Suci pula tidak sama digambarkan secara terbuka di dalam Perjanjian Lama dan Baru.

Tetapi ada sebab bagi perbezaan ini: Roh Suci tidak berusaha untuk menjadi pusat tumpuan. Dia memainkan peranan lebih kepada belakang-tabir-sahaja. Bapa dan Anak dinyatakan dengan lebih jelas di dalam Firman. Itu adalah kerana Roh Suci berada di sana untuk menunjukkan kita, bukan kepada diriNya sendiri, tetapi kepada Yesus dan apa yang Yesus telah lakukan untuk kita.

Semasa kita mempelajari pekerjaan Roh Suci, kita akan melihat betapa pentingnya Dia di dalam kehidupan kita sebagai Kristian. Roh Suci, yang adalah Tuhan sendiri, mengenali Tuhan lebih daripada sesiapaupun; oleh yang demikian, Dia boleh menyatakan Tuhan kepada kita dalam cara yang boleh dipercayai dan boleh diharapkan. Terlebih dahulu, Roh Suci telah memberikan inspirasi kepada para penulis Alkitab dan hari ini Roh Suci menuntun kita untuk mempelajari apa yang Dia telah ilhamkan kepada para penulis ini untuk disampaikan kepada kita. Roh Suci memberi kepastian tentang keselamatan kita melalui Yesus Kristus (*Roma 8:16*), dan Dia memberikan kenyataan tentang pekerjaan Tuhan di dalam diri kita (*1 Yohanes 3:24*). Roh Suci juga membersihkan kita dari dosa dan menyucikan kita. "Kamu telah memberi dirimu disucikan, kamu telah dikuduskan, kamu telah dibenarkan dalam nama Tuhan Yesus Kristus dan dalam Roh Tuhan kita" (*1 Korintus 6:11*). Roh membuahkan di dalam diri kita pertumbuhan dalam kekudusan seumur hidup dan menghasilkan buah-buah roh di dalam diri kita – "kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri" (*Galatia 5:22, 23*).

"Roh adalah diberikan sebagai ejen penjana semula dan tanpa ini pengorbanan Kristus adalah sia-sia. Kuasa kejahatan telah menjadi lebih kukuh selama berabad-abad dan penyerahan manusia kepada tawanan kesyaitanan ini sangat menakjubkan. Doa boleh dilawan dan dikalahkan hanya melalui agensi perkasa dari Uknun Ketiga pada

Ketuhanan, yang akan datang tanpa tenaga yang diubahsuai, tetapi di dalam kepenuhan kuasa Ilahi. Roh Suci lah yang akan menjadikan berkesan apa yang telah dilakukan oleh Juruselamat dunia.” – **Ellen G. White**, *The Desire of Ages*, ms. 671.

Oleh kerana peranannya yang penting di dalam kehidupan umat percaya maka pelajaran pada suku tahun ini akan membantu kita untuk memahami dengan lebih baik pemberian besar yang ada pada kita dari Roh Suci.

Frank M. Hasel, Ph.D., adalah dekan Jabatan Teologi di Bogenhofen Seminary, Austria, Eropa, di mana dia juga adalah pengarah Pusat Kajian Ellen G. White. Pada tahun 2009 isterinya meninggal dunia akibat kanser. Sejak itu dia telah belajar untuk percaya kepada kebaikan Tuhan dalam cara yang baharu setiap hari dan mengalami keselesaan, kedamaian dan kuasa mengubah dari Roh Suci di dalam hidupnya.

Garis Panduan Pembelajaran bagi Pelajaran 1-12 dan Cara pembelajaran 1 – 12 oleh Mark Finley, pembantu kepada presiden General Conference, Seventh-day Adventists, Silver Spring, Md., U.S.A.

Pelajaran 1 | 31 Desember-6 Januari

Roh dan Firman

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: 2 Petrus 1:19-21, 1 Korintus 2:9-13, Mazmur 119:160, Yohanes 17:17.

Ayat Hafalan: “Segala tulisan yang diilhamkan Tuhan memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran. Dengan demikian tiap-tiap manusia kepunyaan Tuhan diperlengkapi untuk setiap perbuatan baik” (2 Timotius 3:16, 17).

Alkitab mengatakan berikut mengenai dirinya sendiri: “Segala tulisan yang diilhamkan Tuhan memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran. Oleh sebab itu setiap manusia kepunyaan Tuhan diperlengkapi untuk setiap perbuatan baik” (2 Timotius 3:16,17). Kitab Suci memenuhi peranan ini kerana ia adalah Firman Tuhan, yang dinyatakan kepada bangsa manusia melalui pekerjaan Roh Suci. Di dalam Alkitab Roh Suci menyatakan rencana Tuhan kepada kita dan menunjukkan kepada kita cara hidup yang menyenangkan Dia.

Namun Roh Suci beroperasi bukan sahaja pada masa lampau di dalam asal usul Alkitab. Dia terlibat dengan Firman Tuhan di dalam banyak cara yang penting hari ini juga. Mungkin apa yang paling penting ialah pembacaan kita terhadap Firman itu dan keinginan untuk memahaminya dengan betul. Inilah masanya kita memerlukan Roh Suci. Roh Ilahi yang sama membangkitkan di dalam diri kita satu keinginan untuk memeluk Firman Tuhan dan menerapkan ajarannya di dalam hidup kita. Oleh yang demikian, pekerjaan Roh bersama dan melalui Firman Tertulis untuk mengubah kita menjadi ciptaan baru di dalam Kristus.

Minggu ini kita akan menjejaki pekerjaan Roh Suci ketika ia dikaitkan dengan Kitab Suci.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 7 Januari.*

Roh Suci dan Wahyu

Bagaimanakah Tuhan memastikan bahawa rencanaNya akan disampaikan dengan setia kepada umat manusia berdosa? Dia melakukan ini dalam dua aktiviti utama yang berkaitan oleh wahyu dan inspirasi Roh Suci.

Di dalam proses menyampaikan wahyu, bangsa manusia bergantung kepada pertolongan Seorang yang di luar daripada diri mereka sendiri untuk menyatakan perkara kepada kita yang, kita sebagai makhluk ciptaan (dan telah jatuh), tidak dapat mengetahuinya oleh diri kita sendiri. Iaitu, Roh Suci mengajarkan kebenaran yang perlu disampaikan kepada kita (lihat, sebagai contoh, *Dan. 2:19-23*) jika tidak, kita tidak akan mengetahuinya melalui prasarana semula jadi.

Wahyu adalah satu proses di mana Tuhan membuat diriNya dan rencanaNya diketahui oleh manusia. Idea asas yang dikaitkan dengan istilah wahyu ialah mendedahkan atau membuka penutup, satu pernyataan mengenai sesuatu yang jika tidak ia akan tersembunyi. Kita memerlukan wahyu seumpama ini kerana, sebagai makhluk fana dan manusia berdosa yang terpisah dari Tuhan oleh kerana dosa, kita sangat terbatas dalam apa yang kita boleh pelajari atas melalui usaha kita sendiri. Kita bergantung kepada Tuhan untuk mengetahui rencanaNya. Oleh yang demikian, kita bergantung kepada wahyu Tuhan kerana kita bukan Tuhan dan hanya memiliki pengetahuan semula jadi yang terbatas mengenai Dia.

Sila baca 2 Petrus 1:19-21. Apakah yang hal ini katakan mengenai asal usul mesej nubuat Alkitabiah? Apakah yang diberitahu kepada kita oleh asal usul Ilahi pada mesej Alkitabiah mengenai autoriti pada Alkitab?

Menurut rasul Petrus, mesej berbentuk nubuatan dalam Perjanjian Lama bukan berasal dari manusia. Para nabi telah digerakkan oleh Roh Suci dalam cara demikian agar kandungan mesej mereka itu datangnya dari Tuhan. Orang-orang ini tidak menciptakan mesej itu sendiri. Mereka hanya media yang melaluinya mesej itu disampaikan, bukan pengasasnya. Petrus sangat sengaja dalam menekankan sumber nubuatan yang diilhamkan oleh Roh: walaupun ditulis oleh manusia, namun “tidak pernah nubuat dihasilkan oleh kehendak manusia” (*2 Petrus 1:21*). Asal usul Ilahi inilah yang memberikan kepada Alkitab autoritinya yang mutlak ke atas hidup kita. **Tuhan menggunakan manusia untuk menyampaikan FirmanNya kepada dunia. Bagaimanakah kita boleh digunakan oleh Roh Suci untuk melakukan perkara yang sama hari ini, bukan dalam menulis Kitab Suci tetapi dalam menyampaikan apa yang sudah sedia dituliskan?**

Roh Suci dan Inspirasi

Inspirasi adalah istilah yang digunakan untuk menerangkan pengaruh Tuhan melalui pekerjaan Roh Suci dalam menyampaikan mesejNya melalui manusia sebagai prasarana. Pekerjaan Roh Suci dalam proses inspirasi adalah alasan mengapa kita dapati suatu perpaduan asas di dalam semua Kitab Suci sehubungan dengan kebenaran. Sebagai Roh Kebenaran (*Yohanes 14:17, 15:26, 16:13*), maka Roh Suci itu akan memimpin kita kepada semua kebenaran.

Sila baca 2 Petrus 1:21, Ulangan 18:18, Mikha 3:8, dan 1 Korintus 2:9-13. Apakah yang ayat ini beritahu kepada kita mengenai para penulis Alkitab dan mengenai penglibatan Tuhan terhadap asal usul Alkitab?

Berada di dalam “dorongan Roh Kudus” (*2 Petrus 1:21*) merupakan satu ikrar yang kuat tentang pekerjaan Roh Suci dalam memberikan inspirasi. Di dalam 1 Korintus 2:9-13, rasul Paulus mentauliahkan pemberian wahyu dan inspirasi kepada Roh Suci. Kepada kita para Rasul, dia telah mengatakan, Tuhan telah menyatakannya melalui Roh Suci (*1 Korintus 2:10*). Para rasul “tidak menerima roh dunia, tetapi roh yang berasal dari Tuhan, supaya kita tahu, apa yang dikurniakan Tuhan kepada kita” (*1 Korintus 2:12*). Kemudian di dalam ayat 13 dia berpindah kepada pekerjaan tentang inspirasi di mana dia berbicara mengenai perkara “kurnia-kurnia Tuhan dengan perkataan yang bukan diajarkan kepada kami oleh hikmat manusia, tetapi oleh Roh.” Paulus tidak ragu-ragu tentang sumber dan autoriti terhadap apa yang dia khutbahkan.

Sementara banyak bahagian dalam Alkitab berupa hasil dari wahyu langsung yang luarbiasa dari Tuhan, namun bukan semua yang di dalam Alkitab itu dinyatakan dalam cara demikian. Kadangkala Tuhan menggunakan para penulis Alkitab melalui penelitian mereka yang berhati-hati terhadap sesuatu perkara atau ketika mereka menggunakan dokumen lain yang sedia ada (*Yosua 10:13, Lukas 1:1-3*) untuk menyatakan dan menyampaikan mesejNya. Oleh sebab itu semua kandungan Alkitab adalah diwahyu dan diilhamkan (*2 Timotius 3:16*). Inilah alasan yang Paulus mengatakan bahawa “segala” yang telah ditulis itu telah dituliskan untuk tujuan mengajar kita “supaya kita teguh berpegang pada pengharapan oleh ketekunan dan penghiburan dari Kitab Suci” (*Roma 15:4*). Tuhan yang berfirman dan yang telah menciptakan bahasa manusia membolehkan orang pilihan untuk menyampaikan dalam kata-kata manusia ajaran yang diilhamkan dalam cara yang boleh dipercayai dan diharapkan.

“Tuhan telah merasa senang untuk menyampaikan kebenaranNya kepada dunia melalui prasarana manusiawi dan Dia sendiri oleh Roh Suci telah mentauliahkan manusia dan membolehkan mereka untuk melakukan pekerjaannya. Dia telah menuntun pemikiran dalam memilih kata-kata yang harus diungkapkan dan apa yang harus dituliskan. Harta itu telah diamanahkan kepada prasarana manusiawi, namun demikian ia sememangnya berasal dari Syurga.” — **Ellen G. White**, *Selected Messages, book 1*, ms. 26.

SELASA 3 Januari

Roh Suci dan Kebenaran Kitab Suci

Sementara wahyu adalah satu tindakan luarbiasa yang melaluinya Tuhan menyatakan kebenaran kepada manusia terpilih, inspirasi pula adalah aktiviti oleh Roh Suci yang melindungi kebenaran pada apa yang para penulis manusiawi telah tuliskan, dengan demikian kata-kata mereka memiliki pentauliahkan Tuhan yang sepenuh. Tuhan benci pada saksi dusta (*Keluaran 20:16*) dan Dia tidak berbohong (*Ibrani 6:18*). Dia disebut Tuhan Kebenaran (*Mazmur 31:5, Yesaya 65:16*). Dalam hal yang sama, Roh Suci disebut "Roh Kebenaran" (*Yohanes 14:17*).

Sila baca Mazmur 119:160. Apakah yang diajarkan oleh ayat ini mengenai sesuatu hal yang Tuhan nyatakan kepada kita?

Sila baca Yohanes 17:17. Apakah yang Yesus katakan di sini kepada kita mengenai Firman Tuhan?

Firman Tuhan itu boleh dipercayai dan layak diterima sepenuhnya. Adalah suatu yang bukan tugas kita untuk duduk dalam penghakiman ke atas Kitab Suci; sebaliknya, Kitab Suci mempunyai hak dan kekuasaan untuk menghakimi ke atas kita. "Sebab firman Tuhan hidup dan kuat dan lebih tajam dari pada pedang bermata dua mana pun; ia menusuk amat dalam sampai memisahkan jiwa dan roh, sendi-sendi dan sumsum; ia sanggup membezakan pertimbangan dan fikiran hati kita" (*Ibrani 4:12*).

Sudah tentulah, walaupun Alkitab itu telah ditulis oleh mereka yang tinggal dalam zaman dan tempat serta budaya tertentu, namun kita harus jangan menggunakan hakikat itu untuk meniadakan atau mengabaikan mesej yang terkandung di dalam Alkitab untuk kita. Sebaik pintu itu terbuka maka Alkitab itu akan menjadi takluk kepada manusia dan penentuan mereka tentang apa yang benar. Akibatnya ialah ramai orang, sementara mendakwa sebagai mempercayai Alkitab, namun menolak suatu perkara seperti penciptaan enam-hari, air bah sedunia, kelahiran dari seorang anak dara, kebangkitan jasad Yesus dan Kedatangan Kedua Kali secara fizikal. Ini berupa beberapa di antara banyak kebenaran Alkitab yang disingkirkan oleh mereka yang mudah buat kesilapan ketika duduk dalam menghakimi Kitab Suci. Itu bukanlah laluan yang kita harus ambil.

Mengapakah sangat penting untuk menyerahkan penghakiman kita sendiri kepada Firman Tuhan dan bukan sebaliknya?

RABU

4 Januari

Roh Suci Sebagai Guru

Roh Suci memainkan peranan penting bukan sahaja dalam memberikan kepada kita Firman Tuhan tetapi juga dalam membantu kita memahaminya dengan betul. Umat manusia dikaburi di dalam pemahaman mereka terhadap kebenaran; secara semula jadi, mereka terpisah dari Tuhan (*Efesus 4:18*). Itu sebab Roh sama ini, yang mewahyu dan mengilhamkan Firman Tuhan, adalah yang Sama yang membolehkan kita memahaminya. Masalahnya ialah bukan kerana Alkitab itu sebuah buku yang kabur. Masalahnya ialah dengan sikap kita yang dicemari dengan dosa terhadap Tuhan, yang menyatakan diriNya di dalam Alkitab.

Roh Suci adalah Guru yang rindu untuk menuntun kita kepada satu pemahaman lebih dalam terhadap Kitab Suci dan kepada sikap sukacita dalam menghargai Alkitab. Dia membawa kebenaran Firman Tuhan itu kepada perhatian kita dan memberikan satu pemahaman yang segar terhadap kebenaran tersebut agar hidup kita boleh ditandai dengan kesetiaan dan penurutan penuh kasih sayang kepada kehendak Tuhan. Hal ini boleh terjadi, hanya apabila kita mengambil Alkitab itu dengan kerendahan hati dan yang boleh diajar.

Sila baca 1 Korintus 2:13, 14. Apakah yang rasul Paulus tuliskan mengenai perlunya kita mentafsirkan perkara rohani dalam cara rohaniah?

Dalam pemahaman kita terhadap Alkitab, kita bergantung kepada Roh Suci. Tanpa Roh Suci, kepentingan rohaniah pada Alkitab tidak dapat difahami, hanya makna bahasanya sahaja yang dapat dimengerti. Tambah pula, sebagai manusia berdosa kita selalunya bertentangan dengan kebenaran Tuhan, bukan kerana kita tidak memahaminya tetapi kerana kita memilih untuk tidak menurutinya. Tanpa Roh Suci maka tidak ada sikap kasih sayang terhadap mesej Tuhan. Tidak ada pengharapan, tidak ada kepercayaan dan tidak ada kasih sayang sebagai respon. Apakah Roh bawa ke dalam hidup adalah seharmonis dengan kebenaran yang sudah sedia disampaikan di dalam Alkitab.

“Banyak pandangan yang berbeza sehubungan dengan apa yang Alkitab ajarkan tidak timbul dari sebarang kekaburan di dalam kitab itu sendiri tetapi lahir dari kebutaan dan prasangka dari para pentafsir. Manusia mengabaikan kenyataan jelas dalam Alkitab dan mereka mengikuti alasan mereka sendiri yang terpesong.” – Ellen G. White, *The Advent Review and Sabbath Herald*, Jan. 27, 1885. Bagaimanakah sikap angkuh pada diri anda sendiri telah menjadi batu sandungan yang telah menghalang anda daripada menerapkan kebenaran Kirab Suci itu di dalam kehidupan anda? Di dalam hal apakah keinginan anda sendiri itu telah menghalang anda daripada menerima kebenaran Tuhan di dalam hidup anda? Bagaimanakah anda boleh belajar untuk menyerahkan segala-gala kepada Tuhan?

KHAMIS 5 Januari

Roh Suci dan Firman

Roh Suci, yang telah mewahyu dan mengilhamkan kandungan Alkitab itu kepada manusia, sama sekali tidak akan memimpin kita ke arah yang bertentangan dengan Firman Tuhan dalam apa juga cara.

Sila baca Yohanes 5:39, 46, 47 dan Yohanes 7:38. Apakah autoriti yang Yesus maksudkan di dalam ayat ini? Bagaimanakah Alkitab mengesahkan bahawa Yesus itu adalah Mesias?

Sesetengah orang mendakwa sebagai telah menerima “wahyu” istimewa dari Roh Suci yang bertentangan dengan mesej jelas dari Alkitab. Bagi mereka Roh Suci itu telah mendapat satu autoriti yang lebih tinggi daripada Firman Tuhan. Setiap kali Firman Tuhan yang diilhamkan dan dituliskan itu dibatalkan dan mesejnya yang jelas diabaikan, maka kita berada di lapangan yang berbahaya dan tidak menuruti pimpinan Roh Tuhan. Hanya Alkitab yang menjadi perlindungan kita. Ia satu-satunya norma yang boleh dipercayai bagi semua hal berkaitan agama dan amalan.

“Melalui Kitab Suci maka Roh Suci berbicara kepada minda dan menyakinkan kebenaran ke dalam hati. Oleh itu Dia mendedahkan kesalahan dan menyingkirkannya daripada jiwa. Adalah melalui Roh kebenaran yang bekerja melalui firman Tuhan maka Yesus menaklukkan umat pilihanNya kepada diriNya sendiri.” – **Ellen G. White**, *The Desire of Ages*, ms. 671.

Ellen G. White sudah menyatakannya dengan sangat jelas bahawa “Roh itu tidak diberikan – dan tidak boleh dikurniakan – untuk menggantikan Alkitab; kerana Kitab Suci dengan jelas menyatakan bahawa firman Tuhan adalah piawai yang olehnya semua ajaran dan pengalaman hidup harus diuji.” – **Ellen G. White**, *The Great Controversy*, ms. 9.

Roh Suci tidak pernah diberikan untuk menggantikan Firman Tuhan. Dia bekerja seharmonis dengan dan melalui Alkitab untuk membawa kita dekat kepada Kristus, dan dengan demikian membuat Alkitab itu satu-satunya norma bagi hidup rohaniah dan alkitabiah yang autentik. Kita boleh yakin bahawa apabila seseorang itu datang dan membuat pengakuan yang bercanggah dengan Firman Tuhan bahawa orang itu tidak mengungkapkan kebenaran. Kita tidak boleh menghakimi hati dan motif. Namun, kita boleh menghakimi teologi (ajaran) dan satu-satunya piawai yang kita gunakan untuk menghakiminya ialah melalui Firman Tuhan.

Apakah di antara beberapa ajaran yang manusia cuba anjurkan di dalam gereja yang jelas bercanggah dengan Firman Tuhan? Apakah seharusnya respon kita kepada (1) mereka yang menganjurkan kesilapan ini; (2) kepada kesilapan itu sendiri?

JUMAAT 6 Januari

Renungan Tambahan: Sila baca **Ellen G. White**, *The Great Controversy*, "The Scriptures a Safeguard," ms. 593-602. Sila baca juga **Ellen G. White**, *The Desire of Ages*, "Let Not Your Heart be Troubled," ms. 662-680.

Sila fikirkan mengenai semua kebenaran yang kita tahu hanya kerana ia telah dinyatakan kepada kita di dalam Alkitab. Fikirkan, sebagai contoh, tentang penciptaan. Apakah perbezaan di antara apa yang Firman Tuhan ajarkan mengenai bagaimana kita telah diciptakan dan bagaimana manusia mengajar tentang cara kita telah diciptakan – iaitu, melalui satu proses tentang apa yang sekarang disebutkan sebagai "sintesis neo-Darwin." Perhatikan betapa salahnya manusia telah menerimanya! Fikirkan, juga, mengenai Kedatangan Yesus Kedua Kali dan kebangkitan orang mati pada kesudahan zaman. Ini berupa kebenaran yang kita tidak dapat pelajari atas usaha kita sendiri. Ia harus dinyatakan kepada kita; dan sememangnya ia telah dinyatakan melalui Firman Tuhan, yang telah diilhamkan oleh Roh Suci. Malah, satu kebenaran paling penting dari segalanya ialah, bahawa Yesus Kristus yang telah mati untuk dosa kita, dan bahawa kita diselamatkan oleh iman di dalam Dia dan pekerjaanNya demi kita, berupa satu kebenaran yang sama sekali kita tidak dapat fahami atas usaha kita sendiri. Kita tahu mengenainya hanya kerana ia telah dinyatakan kepada kita. Fikirkan mengenai kebenaran lain yang kita ketahui hanya kerana ia telah diberitahukan kepada kita melalui Firman Tuhan. Apakah seharusnya hakikat bahawa kebenaran penting seperti ini hanya terdapat di dalam Alkitab beritahu kepada kita tentang betapa pentingnya Firman Tuhan itu perlu berada di dalam hidup kita?

Soalan Perbincangan:

1. Mengapa Alkitab berupa satu panduan yang lebih selamat dalam soalan rohani daripada suatu tanggapan yang subjektif? Apakah kesan apabila kita tidak menerima Alkitab sebagai piawai di mana kita menguji semua ajaran dan juga pengalaman rohani kita?
2. Kita sering mendengar perkataan "kebenaran" digunakan dalam pelbagai konteks. Di dalam kelas, sila bincang mengenai konsep "kebenaran" ini, bukan sahaja tentang apa yang benar dan apa yang tidak benar tetapi mengenai apa maksudnya apabila kita berbicara sesuatu mengenai perkara yang "benar." Apakah maksudnya bagi sesuatu hal yang "benar"?
3. Bagaimanakah reaksi gereja anda jika seseorang mendakwa sebagai memiliki satu "cahaya yang baharu"?
4. Asingkan perbezaan radikal di antara bagaimana ajaran Alkitab tentang cara kita diciptakan dan apa yang hikmat manusiawi ajarkan. Apakah yang hikmat manusia ajarkan, iaitu, pemahaman terkini mengenai teori evolusi yang sama sekali bercanggah dengan mesej Alkitab. Apakah yang hal itu beritahu kepada kita tentang mengapa kita harus percaya kepada Alkitab daripada segala yang lain?

Panduan Guru

Garis Panduan Pelajaran

Ayat Utama: 2 Petrus 1:19-21

Pelajar Akan:

Mengetahui: Memahami bahawa Alkitab itu adalah rencana Tuhan yang dinyatakan, yang diilhamkan oleh Roh Suci. Ia melindungi gaya seseorang dan satu piawai yang melaluinya semua ajaran dan penglaaman harus diuji.

Merasakan: Mengalami satu sikap menyerah sepenuhnya kepada pimpinan Roh Suci melalui Firman Tuhan dan bukan melalui satu penilaian persendirian dan keangkuhan manusiawi.

Melakukan: Memilih untuk membiarkan Roh Suci membentuk pemikirannya melalui Firman Tuhan dan melalui dorongan dan kuasa Roh, serta menuntun pelajar itu untuk menyerahkan setiap sikap dan tindakan pelajar itu yang tidak seharmonis dengan Ilham Firman Tuhan.

Garis Pembelajaran:

I. Mengetahui: Memahami Peranan Roh Suci dalam Wahyu dan Inspirasi

- A. Apakah beza di antara istilah wahyu dan inspirasi?
- B. Oleh kerana Roh Suci bekerja melalui manusia yang telah menuliskan Alkitab, bagaimanakah kita dapat pastikan bahawa ia adalah wahyu Tuhan kepada kita yang boleh dipercayai?
- C. Bagaimanakah inspirasi membentuk apa yang Tuhan nyatakan melalui para penulis Alkitab?

II. Merasakan: Mengambil Alkitab Dengan Sikap Rendah Hati

- A. Bagaimanakah sikap yang dengannya kita mengambil Alkitab menentukan keupayaan Roh Suci untuk mengubah kita melalui ayat-ayat di dalam Kitab Suci?
- B. Mengapakah sangat mudah mengambil alih pandangan manusia mengenai Alkitab terhadap apa yang Alkitab katakan sebenarnya?

III. Melakukan: Mengalami Kuasa Pada Firman

- A. Mengapakah sangat penting untuk membiarkan Roh Suci membentuk pemahaman kita terhadap Firman Tuhan?
- B. Apakah langkah yang Tuhan pimpin untuk anda ambil di dalam kehidupan rohani anda sendiri agar anda akan lebih menghargai Alkitab dan mengalami kuasanya yang mengubah hidup dalam cara yang lebih penuh?

Kesimpulan: Apabila kita merespon kepada pimpinan Roh Suci dan menerima dengan rendah hati ajaran Ilahi di dalam Alkitab, hidup kita akan diubah oleh kurnia kasih Tuhan dan minda kita akan dilindungi dari penipuan Iblis.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: 2 Timotius 3:16, 17

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Alkitab itu lebih dari sekadar satu koleksi tulisan berinspirasi, Ia adalah Firman Tuhan yang berotoriti dan mengubah hidup. Apabila dibaca dengan penuh berdoa dan dengan sikap yang rendah hati serta boleh di ajar di bawah pengaruh Roh Suci maka ia akan mengubah hidup kita.

Hanya untuk Guru: Pelajaran kita minggu ini memulakan pelajaran bagi suku tahun ini kepada pelayanan Roh Suci. Roh Suci telah berbicara melalui Firman. Tuhan sudah menyatakan diriNya di dalam Kitab Suci. Kebenaran pada Alkitab mengisahkan cerita tentang Tuhan dan bagaimana Dia bekerja di dalam hidup manusia. Tanpa Roh yang bekerja melalui Firman, maka kita akan dibiarkan kepada pemahaman manusiawi yang sesat terhadap kebenaran.

Tekankan hakikat bahawa, tanpa pimpinan dari Roh Suci, maka mengenali rencana Tuhan dan memahami kebenarannya akan berupa satu andaian yang akan membuat kita berada di dalam ketidakpastian dan kekeliruan.. Firman Tuhan memberikan satu penjelasan dan ketetapan berhubung mengetahui dan memahami rencanaNya.

Pembuka Perbincangan: Katakanlah bahawa Puan Jones menghadiri kelas Sekolah Sabat anda buat pertama kali. Lalu pada pertengahan perbincangan dia mengangkat tangannya dan berkata, "Roh Suci telah membisikkan kepada saya bahawa kita sekarang berada pada zaman akhir."

Lalu anda menjawab kepadanya, "Ya, saudari, kita memang percayakan hal itu."

Dia meneruskan, "Bukan, maksud saya kita benar-benar sudah dekat. Saya telah diilhamkan bahawa ekonomi akan jatuh dan bahawa umat Tuhan harus jangan ada hutang sama sekali dan bahawa kita semua harus berpindah ke desa-desa dan bercucuk tanam untuk mendapatkan makanan. Akhir zaman itu mungkin akan tiba satu atau dua tahun lagi. Saya bukannya mahu menetapkan tarikh bagi kedatangan Yesus kerana saya tahu Kitab Suci mengatakan, 'Tiada sesiapa yang tahu hari atau jam Dia akan datang,' tetapi saya beri tahu kamu, hal ini telah diilhamkan kepada saya bahawa hari itu akan tiba lebih cepat daripada yang kita sangkakan."

Soalan Perbincangan:

1. Sehubungan dengan pelajaran hari ini, bagaimanakah anda akan merespon kepada Puan Jones? Apakah pencerahan yang anda boleh kongsiikan yang boleh membantu dia dan juga membantu kelas?

Panduan Guru

2. Bagaimanakah pelajaran minggu ini memberikan anda panduan dalam jawapan anda? Apakah prinsip di dalam Firman Tuhan yang boleh membantu Puan Jones?
3. Mengapakah Firman Tuhan berupa satu pelindung terhadap idea yang bersifat spekulatif?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya untuk Guru: Terdapat perbezaan di antara “wahyu” dan “inspirasi.” Wahyu adalah berkaitan dengan mendedah atau menyatakan kebenaran Tuhan yang tidak berubah. Kebenaran Tuhan tidak bergantung kepada pandangan atau aktiviti manusia dalam apa cara sekalipun. Kebenaran itu adalah satu kebenaran sama ada manusia menerimanya atau tidak. Kebenaran Tuhan adalah kekal dan universal. Ia adalah kekal kerana ia diberikan kepada setiap generasi pada sepanjang zaman. Kebenaran Tuhan, sama seperti hukum graviti, digunapakai pada sepanjang zaman dan di semua tempat. Budaya tidak akan membentuk atau mengubah kebenaran. Kebenaran yang membentuk dan mengubah budaya.

Di sebaliknya, inspirasi adalah pekerjaan Tuhan oleh Roh Suci melalui ejen manusia untuk menyampaikan kebenaranNya. Tuhan sama yang menyatakan kebenaran telah menuntun para penulis Alkitab ketika mereka menulisnya. Tuhan tidak mengimlakkan setiap perkataan Alkitab itu kepada para penulis Alkitab. Dia mengarahkan minda mereka dan menuntun pena mereka. Mereka telah menulis menggunakan kata-kata mereka sendiri dengan menggunakan perbendaharaan kata yang tersedia kepada mereka dibawah inspirasi Roh Suci untuk menyampaikan Firman Tuhan yang teguh.

Ulasan Alkitab:

I. Roh Suci: Guru Kepada Semua Kebenaran (*Imbas kembali Yohanes 16:13 bersama kelas.*)

Salah satu fungsi Roh Suci ialah menuntun kita kepada kebenaran. Perhatikan bahawa Roh Suci tidak memaksa kita untuk menuruti kebenaran. Dia tidak paksakan kebenaran ke atas kita. Dia tidak menekankan kita untuk menurut. Dia “memimpin” kita ke dalam “seluruh kebenaran.” Denagn lemah lembut Dia memimpin kita untuk memahami bahawa jalan Tuhan, yang dinyatakan di dalam FirmanNya, adalah yang terbaik. Ketika Roh Suci menuntun kita, kita dapati bahawa kata-kata Yesus, “Aku datang, supaya mereka mempunyai hidup, dan mempunyainya dalam segala kelimpahan,” adalah benar di dalam hidup kita sendiri (*Yohanes 10:10*).

Apakah kebenaran yang Roh Suci akan tuntun kita kepadanya? Ia adalah kebenaran mengenai Tuhan. Setiap doktrin Alkitab menyatakan sesuatu mengenai keindahan pada kebenaran mengenai Tuhan yang mengasihi kita dan rindu agar kita diselamatkan di dalam kerajaanNya. Sehubungan dengan

Panduan Guru

kontroversi besar di antara baik dan jahat, tujuan Firman yang diilhamkan itu ialah menyatakan kebenaran mengenai sifat kasih Tuhan untuk semua manusia. Yang berbeza dengan sifat Syaitan yang berpusat pada keangkuhan sendiri.

Terdapat sekurang-kurangnya dua lagi aspek mengenai Roh yang menuntun kita kepada semua kebenaran. Pertama, Roh Suci menuntun kita untuk memahami kebenaran doktrinal Alkitab agar dapat melindungi kita dari penipuan si jahat, penipuan yang memutarbelitkan sifat Tuhan. Yesus berkata, “Kuduskanlah mereka dalam kebenaran; firman-Mu adalah kebenaran” (*Yohanes 17:17*). Dia juga berkata, “kamu akan mengenal Tuhan. Oleh itu kamu akan dibebaskan” (*Yohanes 8:32, ABB*). Kebenaran akan membebaskan kita dari kesilapan teologikal yang sekian lama telah memukau dunia keagamaan.

Kedua, Roh Suci juga menuntun kita kepada kebenaran mengenai diri kita sendiri. Apabila kita datang kepada Kristus, kesalahan kita akan dihapuskan (*1 Yohanes 1:9, Rom. 8:1*). Kita menjadi anak-anak Tuhan, ahli di dalam keluargaNya (*Yohanes 1:12, Efesus 2:19*). Di sebalik perasaan kita sendiri mengenai ketidaklayakan, rasa bersalah dan hina, namun Roh Suci menuntun kita kepada kebenaran pada Firman. Kita telah diciptakan oleh Tuhan, ditebus semula oleh Kristus dan diubah oleh Roh Suci. Firman Tuhan yang teguh itu tidak berdusta. Kita adalah anak-anakNya, selamanya dijamin di dalam kasih dan rahmatNya.

Soalan Perbincangan:

1. Salah satu fungsi Roh Suci ialah memimpin atau menuntun kita kepada kebenaran yang berbeza daripada memaksa kita. Jelaskan kedua-dua perkataan ini: memimpin dan memaksa. Apakah perbezaan di antara dua perkataan ini? Apakah yang dinyatakan oleh perbezaan ini mengenai cara Roh memimpin kita?
2. Apakah kebenaran yang kepadanya Roh Suci pimpin kita?
3. Dari apakah kebenaran itu akan bebaskan kita? Bagaimanakah ia melakukannya?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya untuk Guru: Dunia keagamaan dipenuhi dengan sejumlah umat yang memanggil diri mereka “Kristian” yang memiliki kehidupan Kristian yang cetek. Bincang bersama kelas anda bagaimana mengelak suatu perangkap keagamaan yang cetek. Bincangkan mengenai mengapa sangat sedikit Kristian yang meluangkan sangat sedikit waktu untuk merenungkan Firman Tuhan?

Soalan Renungan:

1. Apakah yang menghalang manusia daripada memahami kebenaran Firman Tuhan?

Panduan Guru

2. Mengapakah malah sesetengah Kristian Advent gagal untuk menikmati rasa sukacita sebagai anajk-anak Tuhan yang telah ditebuskan?
3. Bagaimanakah kita boleh memahami dengan lebih baik Firman itu dan menerima berkat sepenuhnya yang Tuhan mahu berikan kepada kita?

Soalan Penerapan:

- Apakah di antara beberapa perkara yang menghalang kita daripada memiliki satu pengalaman mendalam dan tetap dengan Kristus melalui FirmanNya yang diilhamkan oleh Roh?

LANGKAH 4 – MEWUJUDKAN

Hanya untuk Guru: Rasul Petrus meringkaskan dengan baik pokok utama di dalam pelajaran kita dengan kata-kata berikut: "Karena kamu telah dilahirkan kembali bukan dari benih yang fana, tetapi dari benih yang tidak fana, oleh firman Tuhan, yang hidup dan yang kekal" (1 Petrus 1:23). Fokus pelajaran kita hari ini ialah dua serangkai. Pertama, Firman Tuhan adalah berautoriti dan menyatakan kebenaranNya. Kedua, Firman Tuhan itu mengubah hidup. Sila bantu setiap ahli kelas untuk melihat bahawa kebenaran itu bukan hal mengenai pandangan peribadi. Kebenaran itu terdapat di dalam Firman Tuhan. Pimpin juga ahli kelas anda dalam memahami bahawa, ketika mereka mempelajari Firman Tuhan dengan hati yang penuh berdoa, hidup mereka akan diubah sepenuhnya.

Aktiviti:

1. Undang setiap kelas untuk berpaling kepada orang sebelahnya dan kongsikan pokok utama pelajaran ini yang dia akan bawa pulang dari kelas hari ini.
2. Selepas ahli kelas sudah selesai berkongsi bersama, undang mereka untuk mengongsikan dengan semua ahli dalam kelas satu-satunya perkara paling penting yang mereka telah temui secara peribadi di dalam pelajaran minggu ini untuk kehidupan rohani mereka.

Pelajaran 2 | 7-13 Januari

Roh Suci: Bekerja Di Belakang Tabir

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: Yehezkiel 37:5, 9; Kejadian 1:2; Ayub 26:13; Keluaran 31:1-5; Yohanes 16:13, 14; Galatia 5:16-23.

Ayat Hafalan: "Ia akan memuliakan Aku, sebab Ia akan memberitakan kepadamu apa yang diterima-Nya dari pada-Ku" (Yohanes 16:14).

Roh Suci tidak mendapat perhatian utama di dalam Kitab Suci sebagaimana yang terjadi pada Bapa dan Anak. Namun demikian, Alkitab memberitahu kita bahawa Roh Suci turut hadir pada saat-saat penting yang tertentu di sepanjang sejarah kudus. Pada mulanya, ketika Tuhan menciptakan dunia ini, Dia ada bekerja tetapi lebih berada di bahagian belakang. Dia aktif dalam memberi inspirasi kepada para nabi Tuhan dan dengan demikian telah memainkan peranan utama di dalam penulisan Firman Tuhan. Dia juga terlibat dalam pembentukan Yesus Kristus di dalam rahim Maria.

Namun demikian Dia tidak berada pada pusat catatan Alkitab dan kita hanya tahu sedikit mengenai Dia. Dia kekal berada di bahagian belakang dan itu adalah kerana peranannya ialah memajukan pekerjaan Uknun lain di dalam Ketuhanan – iaitu Yesus, Anak Tuhan – dan untuk memuliakan Tuhan Bapa. Semua ini adalah supaya manusia berdosa boleh diselamatkan dari kematian kekal yang dibawa oleh dosa.

Dari kesaksian Kitab Suci, kita pelajari bahawa Roh Suci dengan penuh rela dan sukacita menerima peranan mendukung, menolong, menopang dan melengkapkan di belakang tabir. Tidak kira sama ada pada penciptaan atau penebusan atau misi, Dia tidak berusaha mencari perhatian utama di sebalik peranannya yang sangat penting.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 14 Januari.*

AHAD

8 Januari

Roh Suci Yang Sukar Difahami

Sila baca Yohanes 3:3-8 dan Yehezkiel 37:5, 9. Mengapakah angin itu satu gambaran sesuai bagi pekerjaan misteri oleh Roh Suci?

Dengan membandingkan tindakan Roh Suci kepada angin, Yesus menggambarkan keadaan Roh itu sebagai suatu yang sukar difahami. Pergerakan angin mempunyai suatu yang misteri padanya. Sukar untuk meramal dengan pasti dari mana datangnya angin itu dan ke mana ia pergi. Siapakah yang kadangkala tidak merasa keliru dengan kemunculan angin dari arah yang tidak menentu secara tiba-tiba?

Namun demikian, kita boleh pelajari suatu keadaan biasa pada corak pergerakan angin. Dalam hal sama, Roh Suci itu aktif di tempat di mana Dia inginkan. Tiada sesiapa yang boleh mengawalNya. Namun kita boleh tahu di mana Dia aktif dan bekerja. Sama seperti angin, Roh Suci itu tidak kelihatan tetapi boleh menjadi sangat berkuasa. Sudah tentulah kita boleh merasakan kehadiran angin dan sering dapat melihat kesannya walaupun kita tidak nampak angin itu sendiri. Dari satu tiupan perlahan-lahan sampai kepada pukulan yang berbahaya, angin itu boleh menjadi satu tenaga yang sangat berkuasa. Apabila Roh Suci digambarkan sebagai angin, aktivitiNya telah dikaitkan dengan idea membangkitkan orang yang sudah mati. Hal ini menunjukkan kuasa yang mempunyai kesan paling tinggi, sesuatu yang hanya Tuhan yang boleh lakukan.

Bagaimana hal ini dicapai kekal suatu yang misteri. Tuhan dan pekerjaNya melalui Roh Suci adalah lebih besar daripada apa yang kita dapat fahami dengan sepenuhnya, sebagaimana halnya dengan banyak perkara lain sama ada sekular atau kudus.

Namun ini tidak bermakna bahawa kita tidak dapat mengetahui apa yang Roh Suci boleh laksanakan. Kita harus mengakui bahawa sikap sesuai dalam melihat misteri Ilahi ialah kerendahan hati. Sikap rendah diri menghargai kemegahan Tuhan menyedari keterbatasan kita sebagai makhluk ciptaan dan mengakui keperluan kita untuk mendapat wahyu Ilahi.

Ellen G. White dengan tepat mengatakan: "Misteri pada Alkitab, yang sangat jauh dari suatu hujah terhadapnya, adalah di antara kenyataan paling kukuh terhadap keilahian inspirasinya. Jika ia tidak mengandungi catatan mengenai Tuhan tetapi suatu yang kita boleh mengerti; jika kebesaran dan kemegahanNya boleh dicapai oleh minda fana, maka pada masa ini, Alkitab itu tidak akan mengandungi kenyataan nyata mengenai keilahian." — **Ellen G. White**, *Education*, ms. 170.

Apakah di antara kuasa-kuasa yang tidak kelihatan yang boleh membawa kesan kepada hidup kita? Apakah yang hal ini harus ajarkan kepada kita mengenai realiti pengaruh yang tidak kelihatan namun berkuasa ini di dalam dunia kita?

ISNIN

9 Januari

Roh Suci Pada Penciptaan

Pekerjaan besar yang pertama oleh Tuhan di atas planet ini ialah Penciptaan. Alkitab jelas menyebut Tuhan (*Kejadian 1:1*) dan Yesus Kristus (*Kolose 1:16, 17*) sebagai Pencipta langit dan bumi dan malah semua yang telah diciptakan (*Yohanes 1:1-3*). Namun, Alkitab juga ada menyebut mengenai kehadiran Roh Suci di dalam kerja-kerja Penciptaan.

Sila baca Kejadian 1:2; Ayub 26:13; 33:4; Mazmur 33:6; 104:29, 30. Apakah peranan Roh Suci pada Penciptaan? Bagaimanakah Roh Tuhan itu dikaitkan kepada penciptaan kehidupan?

Kisah Penciptaan di dalam Kejadian 1:2 menyebut mengenai kehadiran Roh Tuhan pada Penciptaan. Ayub 26:13, 33:4, Mazmur 104:29, 30 dan Mazmur 33:6 menyokong peranan aktif oleh Roh Suci dalam Penciptaan luarbiasa bumi ini. Sementara Alkitab jelas menyebut Tuhan Bapa dan Anak IlahiNya, Yesus Kristus, sebagai giat aktif dalam penciptaan dunia ini (lihat Yesaya 64:8; Kolose 1:16, 17), Roh Suci itu juga hadir walaupun tidak kelihatan dengan jelas.

Dia tidak muncul sebagai pelaksana utama di dalam kisah Penciptaan. Di sebaliknya, Dia “melayang-layang” di atas permukaan ruang ang kosong dan melalui pergerakannya Dia hadir ketika kehidupan diciptakan di bumi ini. Istilah Ibrani bagi “melayang-layang” (merahepeth), di atas permukaan bumi yang digiunakan di dalam Kejadian 1:2 adalah istilah sama yang digunakan di dalam Ulangan 32:11, di mana Tuhan disamakan dengan burung rajawali yang melayang-layang di atas anaknya. Secara intimnya Roh Suci terlibat sama di dalam penciptaan kehidupan di bumi ini dan menjaga makhluk hidup yang baru diciptakan itu sama seperti apa yang rajawali lakukan untuk anaknya. Mazmur 104:30 menunjukkan bahawa tindakan Penciptaan itu berlaku hanya melalui pekerjaan Roh Suci dan Dia melaksanakan peranan aktif semasa proses ini berlaku.

Roh Suci bukan sahaja hadir semasa Penciptaan dunia ini, Dia juga aktif dalam proses penciptaan kita semula di mana Dia memberikan kitab hati yang baru dan minda yang baru. Bagaimanakah kedua-dua aktiviti ini saling berkaitan? Apakah yang Hari Sabat beritahu kepada kita mengenai pekerjaan Penciptaan dan penciptaan semula ini?

SELASA 10 Januari

Roh Suci dan Sanktuari

“Dan mereka harus membuat tempat kudus bagi-Ku, supaya Aku akan diam di tengah-tengah mereka” (Keluaran 25:8).

Selepas kerja-kerja Penciptaan, rencana keselamatan Tuhan adalah perkara paling penting di dalam Alkitab. Di dalam dunia yang berdosa, apakah baiknya pada Penciptaan jika tidak ada rencana Penebusan? Sebagai orang berdosa, kita perlu bukan sahaja Pencipta tetapi juga Penebus. Betapa kita bersyukur kerana kita memiliki Penebus itu, iaitu Yesus Kristus. Tanpa Dia, kita tidak akan ada pengharapan di dalam dunia yang di dalamnya sendiri tiada menawarkan kita apa-apa.

Di dalam Perjanjian Lama, Khemah Sucilah dan upacara di dalamnya yang menggambarkan pengampunan Tuhan terhadap dosa dan membayangi pekerjaan Yesus, Penebus kita. Di sinilah rencana keselamatan itu dinyatakan kepada bangsa Israel zaman silam (lihat *Ibrani 4:2*). Sementara kebanyakan dari untuk pengampunan dosa, namun Roh Suci itu digambarkan sebagai terlibat secara aktif dengan membolehkan beberapa orang tertentu untuk membina bangunan sanktuari sesuai dengan corak yang Tuhan sudah nyatakan kepada Musa.

Sila baca Keluaran 31:1-5. Bagaimanakah Roh Suci itu terlibat di dalam pembinaan sanktuari? Bagaimanakah Roh Suci membantu mereka yang telah membangunkan tempat kediaman Tuhan?

Alkitab juga memberitahu kita bahawa Roh Suci juga hadir semasa pembinaan sanktuari, tempat utama di mana pendamaian di antara Tuhan dan manusia berlaku dan Tuhan yang kudus bertemu dengan orang berdosa. Adalah Tuhan yang telah menyampaikan kepada Musa rencanaNya untuk membangunkan sanktuari di bumi itu menurut bangunan asalNya yang di Syurga (*Keluarannya 25:9, 40*).

Khemah Suci itu adalah model Tuhan untuk menggambarkan rencana keselamatanNya. Tuhan akan tinggal di tengah-tengah umatNya dalam cara yang istimewa dan Dia akan melakukan itu di dalam sanktuari yang Dia arah untuk dibina oleh umat Israel. Pekerjaan Roh Sucilah yang telah membolehkan manusia untuk menyiapkannya dengan kemahiran senibina dan dengan keindahan sebagaimana yang Tuhan beritahukan kepada mereka. Tanpa bantuanNya maka umat Israel tidak akan mampu melakukan ketukangan senibina yang indah ini.

Dengan melihat kepada kuasa yang ada pada Roh Suci maka sudah pasti Dia tidak memerlukan bantuan tangan manusia untuk membina sanktuari itu. Di sebaliknya, Dia membolehkan manusia untuk melakukannya dengan kemahiran dan keindahan. Bagaimanakah dan di mana kah anda boleh mendorong orang lain untuk menggunakan bakat mereka dalam memajukan kerajaan Tuhan dan memuliakan Tuhan?

RABU

11 Januari

Roh Suci Dalam Memuliakan Yesus Kristus

Roh Suci sentiasa aktif pada zaman Perjanjian Lama walaupun pekerjaannya tidak sama luas seperti pada zaman Perjanjian Baru. Dengan kedatangan Yesus, Mesias yang telah dijanjikan, maka pelayanan Roh Suci itu dipergiatkan dan Dia mengurniakan pemberianNya kepada semua umat percaya. Sementara Perjanjian Baru memberitahu kita bahawa Roh Suci itu aktif dalam pelbagai cara di dalam hidup rohani kita dan di dalam kehidupan gereja, mungkin pekerjaannya yang paling penting ialah untuk memuliakan Yesus Kristus.

Sila baca Yohanes 16:13, 14 dan Yohanes 15:26. Apakah yang Yesus katakan sebagai pekerjaan yang dilakukan oleh Roh Suci? Bagaimanakah semua pekerjaan Roh Suci yang lain itu berkaitan dengan pekerjaan utama ini?

Yesus memberitahu kita bahawa Roh Suci itu tidak berbicara mengenai diriNya sendiri tetapi mengenai Yesus. KerjaNya terdiri daripada meningkatkan karya penebusan Yesus. Dia membiarkan diriNya berada di bahagian belakang dan menumpukan pancaran cahaya ke atas Yesus. Telah tepat dikatakan bahawa "mesej Roh itu kepada kita bukanlah 'Pandanglah kepadaku; dengarlah kepadaku; datanglah kepadaku; kenalilah diriku' tetapi selalunya 'Pandanglah pada Dia dan kemuliaanNya; dengarkanlah Dia dan FirmanNya; pergilah kepadaNya dan terima kehidupan; kenalilah Dia dan rasailah pemberian sukacita dan kedamaianNya.' Roh, kita bolehlah katakan, adalah pendamai yang membawa kita dan Kristus bersama dan memastikan kita kekal bersama." — **J. I. Packer**, *Keep in Step With the Spirit: Finding Fullness in Our Walk with Tuhan, revised and enlarged edition (Grand Rapids: Baker Books, 2005)*, ms. 57, 58.

Hal ini sangat penting. Sebarang penekanan pada pekerjaan Roh Suci yang mengurangkan daripada uknum dan pekerjaan Yesus Kristus bukan berasal dari Roh Suci. Apa yang sama pentingnya dengan Roh Suci adalah kehidupan rohani kita. Dia harus jangan mengambil alih di dalam pemikiran kita dan untuk keselamatan kita hanya untuk Yesus Kristus. Setiap kali Yesus ditinggikan maka Roh Suci itu sedang bekerja. Itu sebabnya kita dipanggil umat Kristian, iaitu, para pengikut Kristus (bandingkan dengan Kisah 11:26), dan bukan "Pneumians," iaitu, para pengikut Roh (lihat buku oleh **Graham A. Cole**, *He Who Gives Life: The Doctrine of the Roh Suci [Wheaton, Ill.: Crossways Books, 2007]*, ms. 284).

Mengapakah sangat penting bagi kita untuk mengangkat Tuhan yang telah bangkit itu di dalam semua pekerjaan yang kita lakukan? Kerana, fikirkan mengenai apa yang Yesus telah lakukan untuk kita. Kita terhutang segala-galanya kepadaNya. Bagaimanakah kita dapat menunjukkan sikap kita yang bersyukur (sebagai contoh, sila lihat 2 Tes. 1:11, 12)?

PELAJARAN 2: Roh Suci: Bekerja Di Belakang Tabir

25

KHAMIS 12 Januari

Roh Suci dan Kristus

Roh Sucilah yang melaksanakan inkarnasi Yesus (*Lukas 1:34, 35*). Dia telah mengurapi Yesus untuk misiNya (*Lukas 3:21, 22*). Pengurapan Yesus telah membolehkan Dia memiliki kuasa untuk menjalankan misi MesianikNya dan mentauliahkan Dia untuk mengurniakan Roh Suci itu kepada murid-muridNya. Roh Suci itu telah menuntun dan menopang Yesus semasa dalam pencubaanNya (*Markus 1:12; Matius. 4:1; Lukas 4:1, 2, 14*) supaya Yesus "a dapat menolong mereka yang dicubai" (*Ibrani 2:18*; banding dengan *Ibrani 4:15, 16*). Roh Suci telah memperkasakan Yesus untuk pekerjaan penebusan ini (*Ibrani 9:14*) dan membuat kebangkitan Yesus dari Kubur itu terjadi (*1 Petrus 3:18*). Dalam semua hal ini Roh Suci kekal berada di bahagian belakang dan Dia membantu membawa Yesus ke muka depan.

Sila baca Lukas 24:44-49; Galatia 5:16-23; dan Efesus 4:23, 24. Apakah yang kita pelajari mengenai pekerjaan Roh Suci di dalam ayat-ayat ini? Bagaimana Roh Suci itu memuliakan Yesus?

Roh Suci memuliakan Yesus sekurang-kurangnya dalam cara seperti berikut:

1. Dengan mengajar tentang Dia di dalam Kitab Suci dalam cara yang boleh dipercayai. Tiada yang perlu untuk kita ketahui mengenai Kristus dan keselamatanNya terlepas pandang atau mengelirukan. Semuanya ada di dalam Firman Tuhan jika hanya kita membacanya di dalam iman dan penyerahan.
2. Dengan membawa manusia ke dalam satu hubungan menyelamatkan dengan Yesus Kristus. Dengan lemah lembut Roh Suci bekerja di dalam hati dan fikiran manusia. Dia memberikan mereka pengertian agar mereka memahami hal-hal rohani dan mereka akan bersedia untuk meletakkan kepercayaan mereka di dalam Yesus Kristus dan menerima Dia sebagai Pemimpin dan Penebus mereka.
3. Dengan menghasilkan semula sifat Kristus di dalam diri kita. Dia akan menerapkan nilai-nilai Kristus di dalam hidup kita (*Galatia 5:22, 23*). Melalui darah Yesus Kristus kita telah diberikan kemenangan ke atas dosa (banding dengan *Wahyu 12:11*) dan Roh Suci itu membolehkan kita untuk berjalan dalam kesetiaan kepada hukum Tuhan.
4. Dengan membolehkan kita memiliki satu hidup seperti Kristus, tidak mementing diri sendiri dan penuh kasih sayang dalam melayani orang lain. Dia menyeru setiap manusia ke dalam satu pekerjaan tertentu untuk Tuhan dan membolehkan kita menjangkau kepada orang lain di dalam semangat Roh Kristus yang menarik.

Bagaimanakah pekerjaan menghasilkan semula sifat kristus di dalam hidup kita itu boleh membawa kemuliaan kepada Bapa?

JUMAAT 13 Januari

Renungan Tambahan: Tidak dipersoalkan, pekerjaan Roh Suci adalah sangat penting dalam perjalanan hidup kita bersama Tuhan. Namun, mungkin kita tidak dapat melihat Dia bekerja tetapi kita dapat melihat kesan pekerjaannya di dalam hidup kita dan di dalam hidup orang lain. Jika hidup anda telah diubah melalui iman dalam Yesus, ia telah diubah hanya melalui pekerjaan Roh Suci yang ada di dalamnya. “Sementara angin itu sendiri tidak kelihatan, namun ia menghasilkan kesan yang boleh dilihat dan dirasakan. Oleh itu pekerjaan Roh di dalam jiwa akan menyatakan dirinya dalam setiap tindakan mereka yang telah merasai kuasanya yang menyelamatkan. Apabila Roh Tuhan berkuasa di dalam hati, ia mengubah hidupnya. Fikiran yang cenderung berdosa akan disingkirkan, perbuatan jahat ditinggalkan; kasih, kerendahan diri dan kedamaian akan menggantikan kemarahan, kecemburuan dan persengketaan. Sukacita akan mengambil alih kesedihan dan penampilan akan memantulkan sinar cahaya Syurga.” – **Ellen G. White**, *The Desire of Ages*, ms. 173. Inilah berupa janji-janji indah dan sejumlah banyak jiwa-jiwa yang telah menunjukkan betapa nyata dan benar hal ini. Tetapi pekerjaan Roh Suci tidak serta merta. Kita tidak secara automatik menjadi jenis manusia yang sepatutnya. Satu kehidupan beriman dan berserah kepada Tuhan adalah satu kehidupan penuh perjuangan, penyerahan dan pertaubatan jika kita gagal. Roh Suci adalah Ejen Ilahi yang bekerja di dalam hidup kita untuk menjadikan kita makhluk baharu di dalam Kristus. Namun, hal ini berupa satu kerja yang dilakukan seumur hidup. Walaupun kesilapan dan kelemahan kita seharusnya memacu kita kepada penyerahan yang lebih besar untuk Tuhan kita, namun kita tidak boleh membiarkan Iblis menggunakannya untuk melemahkan kita dalam kehidupan kita sebagai Kristian kerana inilah yang dia sentiasa dilakukannya dengan penuh bersemangat. Apabila kita diejek oleh dosa kita, kita harus sentiasa ingat kepada kematian Yesus demi orang berdosa. Adalah kerana kita adalah kita, orang berdosa yang memerlukan kurnia kasih, maka Yesus telah mati untuk kita dan memberikan rahmat itu kepada kita.

Soalan Perbincangan:

1. Apakah yang boleh diajarkan kepada kita oleh contoh Roh Suci mengenai melayani dari belakang tabir? Iaitu, melakukan pekerjaan Tuhan dalam cara yang ramai orang tidak tahu mengenainya, tidak nampak dan malah tidak dihargai?
2. Bagaimanakah Roh Suci mengangkat Yesus dan meletakkan Dia ke dalam tumpuan? Bagaimanakah anda mengangkat Yesus tanpa meletakkan diri anda ke pusat perhatian orang ramai? Mengapakah hal itu kadang kala sangat sukar untuk dilakukan? Bagaimanakah kita melawan kecenderungan semula jadi dalam sikap mempromosi diri sendiri?

Panduan Guru

Garis Panduan Pelajaran

Ayat Utama: Yohanes 3:3-8

Pelajar Akan:

Mengetahui: Menyadari bahawa Roh Suci sedang bekerja dengan sangat berkuasa di dalam dunia ini dan di dalam kehidupannya walaupun dia tidak dapat membeza dan memahami sepenuhnya caraNya.

Merasakan: Memupuk setiap hari perasaan terbuka kepada pelayanan Roh Suci di dalam hidupnya.

Melakukan: Menyerah kepada pimpinan, dorongan dan ajaran Roh Suci di dalam hidupnya setiap hari.

Garis Pembelajaran:

I. Mengetahui: Memahami Peranan Roh Suci Di Belakang tabir

- A. Mengapakah Yesus menggunakan angin sebagai lambang untuk menggambarkan pekerjaan Roh Suci di dalam perbualanNya dengan Nikodemus?
- B. Bagaimanakah pekerjaan Roh Suci itu berupa suatu misteri Ilahi?

II. Merasakan: Penciptaan dan Penebusan

- A. Bagaimanakah perasaan anda dengan mengetahui bahawa kuasa sama pada Roh Suci yang telah membawa dunia ini menjadi wujud adalah tersedia untuk kita hari ini dalam mencipta semula hidup kita ke dalam imejNya?

III. Melakukan: Memuliakan Tuhan

- A. Salah satu fungsi utama Roh Suci ialah memuliakan Tuhan. Apakah maknanya memuliakan Tuhan dan bagaimanakah kita boleh membuat tindakan memuliakan Tuhan itu berupa hal penting dalam hidup kita?
- B. Bagaimanakah pelayanan di belakang tabir yang dilakukan oleh Roh Suci, yang sentiasa “menyatakan” Yesus, menyediakan satu contoh mengenai kerendahan diri bagi setiap kita hari ini?

Kesimpulan: Apabila kita merespon kepada dorongan Roh Suci dan membiarkan Dia mengawal hidup kita sepenuhnya, maka kita akan memuliakan Yesus dalam semua yang kita lakukan dan akan menyatakan buah Roh di dalam interaksi kita dengan orang lain setiap hari.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: Yohanes 3:3-8

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Peranan Roh Suci di seluruh Alkitab adalah jelas. Dia adalah Guru kita, Penuntun kita dan Pengajar kita. Dia meyakinkan tentang dosa dan menunjukkan jalan kebenaran. Dia menyediakan kita dengan kuasa untuk mengalah dan kekuatan untuk melawan pencobaan. PerananNya ialah mengangkat Yesus dan memuliakan Juruselamat dan menuntun kita untuk melakukan hal yang sama di dalam hidup kita.

Hanya untuk Guru: Pelajaran minggu ini secara khusus mengetengahkan pelayanan Roh Suci di dalam penciptaan dan penebusan. Roh Suci telah turut sama dengan Bapa dan Anak pada mulanya dalam Penciptaan (*Kejadian 1:2; Mazmur 33:4; dan Mazmur 104:29, 30*). Pemazmur berkata, “Apabila Engkau mengirim rohMu, mereka tercipta” (*Mazmur 104:30*). Roh memberikan nyawa kepada semua makhluk hidup. Roh Suci telah memainkan peranan penting di dalam Penciptaan bumi ini dan Dia juga memainkan peranan penting di Salib dalam Penebusan semua makhluk manusia. Roh Suci telah menopang dan menguatkan Yesus sepanjang hayatNya di bumi. Dia mengatur kelahiran Juruselamat, memimpin Dia sepanjang pelayananNya, menangani Dia semasa di salib, menantikan Dia pada kebangkitan dan menemani Dia semasa Kenaikan ke Syurga.

Sila tekankan bahawa tanpa pelayanan Roh Suci, kita tidak bernyawa, tidak berkuasa dan mati secara rohaniah. Kita memiliki “suatu bentuk keagamaan” tetapi sebenarnya, suatu sikap amalan keagamaan yang kosong. Roh Sucilah yang menghembuskan kehidupan Tuhan di dalam jiwa kita, menyatakan Kristus dan mengangkat Dia di dalam hidup kita.

Pembuka Perbincangan: Nikodemus telah datang kepada Yesus pada suatu malam.

Kita tidak perlu mengutuk dia kerana datang pada waktu malam. Ia berupa suatu mukjizat kerana dia sudi datang bertemu Yesus. Hakikat bahawa dia telah datang adalah satu petunjuk mengenai gerakan Roh Suci di dalam hatinya. Jika anda adalah Nikodemus dan ingin mengemukakan satu permintaan, apakah itu? Pada pendapat anda, mengapakah Nikodemus telah datang menemui Yesus? Apakah sebenarnya yang dicarinya?

Soalan Perbincangan:

1. Pada pendapat anda, apakah yang telah mendorong Nikodemus untuk bertemu dengan Yesus?
2. Pada pendapat anda, mengapakah Yesus menggunakan lambang angin dalam perbualannya dengan Nikodemus?
3. Bagaimanakah lambang tentang angin disamakan dengan “Roh Tuhan melayang-layang di atas permukaan air” di dalam Kejadian 1:2?

Panduan Guru

4. Apakah yang ditunjukkan oleh angin? Mengapakah ia berupa satu lambang mendorong bagi setiap kita?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya untuk Guru: Pertama, Roh Suci telah memberikan inspirasi kepada para penulis Alkitab. Hari ini Dia memberikan inspirasi kepada kita ketika kita membaca firman yang mereka ilhamkan. Roh Suci turut hadir dalam kuasaNya yang besar semasa Penciptaan. Kini, melalui kuasa yang sama, Dia mengerjakan mukjizat penciptaan semula di dalam hidup kita. Roh Suci telah menguatkan Yesus untuk berhadapan dengan pencubaan oleh Iblis. Hari ini Dia menguatkan kita untuk berhadapan dengan pencubaan yang sama. Roh Suci telah mendorong Yesus dengan harapan Kebangkitan ketika Dia berhadapan dengan kematian dan Dia mendorong kita dengan pengharapan kebangkitan ketika kita berhadapan dengan penghujung hidup kita di dunia ini. Roh Suci memberikan kita kepastian bahawa kita adalah anak-anak Tuhan dan meletakkan di dalam hati kita jaminan dan kepastian Ilahi tentang hidup kekal melalui Yesus Kristus Tuhan kita.

Ulasan Alkitab:

I. Buah Roh (*Imbas kembali Galatians 5:16–24 bersama kelas.*)

Ayat di dalam Galatia 5:16–24 adalah beberapa di antara ayat paling berkuasa di dalam Perjanjian Baru. Di sini Paulus membezakan hidup dalam daging dan hidup di dalam Roh. Ungkapan “hidup oleh roh” (ayat 16,) bermaksud menjalani kehidupan sesuai dengan ideal rohaniah melalui kuasa Roh Suci. Ia bermaksud membiarkan nilai-nilai syurgawi untuk menuntun hidup anda. Ia bermaksud mengisi minda anda dengan prinsip-prinsip yang kekal. Ia melibatkan menyulami fikiran anda dengan Firman yang menyelamatkan. Ia termasuklah membiarkan prinsip Kitab Suci untuk menuntun setiap perkara yang anda lakukan.

Berbeza dengan hidup oleh Roh, Paulus menerangkan hidup oleh daging sebagai kehidupan yang dikuasai oleh kegairahan, keinginan dan nafsu duniawi. Seseorang yang menjalani hidup oleh daging adalah mereka yang berserah setiap hari kepada keinginan hati secara semula jadi. Seseorang yang hidupnya dikuasai oleh pekerjaan oleh daging – seperti pemikiran yang hawa nafsu; semangat yang pamarah dan pendendam; minda yang penuh hasad dengki; atau kurangnya penguasaan diri – hidup di dalam kekuatannya sendiri dan bukan di dalam kuasa Roh. Berbeza dengan mereka yang dibelenggu oleh keinginan daging, terdapat mereka yang berserah kepada dan dikawal oleh Roh Suci. Hidup mereka menyatakan buah Roh, seperti sikap kasih sayang, sukacita, damai sejahtera, panjang sabar dan kawalan diri.

Betapa satu kontras! Bagaimanakah dua gaya hidup ini boleh berbeza secara nyata? Apakah yang membolehkan seseorang berjalan di dalam sukacita Roh sementara yang seorang lagi menyerah kepada keinginan nafsu daging? Nasihat Kristus kepada Nikodemus menyatakan jawapannya: kewujudan, atau ketiadaan,

Panduan Guru

Roh Suci di dalam hidup. Angin, atau nafas, Roh Suci itu adalah yang mengubah hidup (*Yohanes 3:3-8*). Kita dapati di seluruh Alkitab petunjuk berkuasa tentang pekerjaan Roh Suci. Kuasa Roh sama ini yang telah membuat dunia menjadi wujud tersedia untuk kita hari ini. Roh sama yang menghembuskan nafas hidup kepada lembah tulang dalam Yehezkiel telah menyebabkan satu pasukan tentera yang perkasa untuk berdiri atas kakinya sendiri, tersedia untuk kita hari ini (*Yehezkiel 37*). Kuasa Roh sama yang telah menguatkan Yesus semasa Dia berada di bumi tersedia untuk kita hari ini. Roh inilah yang melaksanakan mukjizat kurnia kasih Ilahi di dalam hati para umat percaya agar mereka menjadi satu “ciptaan baru” di dalam Kristus (*2 Kor. 5:17*).

Ellen G. White telah menulis kata-kata penuh pencerahan berikut kepada seorang misionari: “Menghargai hakikat bahawa Tuhan adalah berharga kecekapan kelengkapan kita. Jika kita tidak ingat hal ini maka kita akan banyak kehilangan dalam kehidupan Bergama. Kita bekerja oleh diri sendiri dan bukan dikerjakan oleh kuasa Roh Suci.” – *Testimonies to Southern Africa*, ms. 81. Sama seperti Penciptaan itu tidak terjadi dengan sendirinya melalui suatu proses evolusi, maka penciptaan semula juga tidak terjadi dengan sendirinya melalui suatu proses aktiviti atau pekerjaan manusia. Ia adalah pekerjaan oleh kuasa Roh Suci yang mengubah kita menjadi imej Kristus.

Soalan Perbincangan:

1. Apakah maksudnya hidup di dalam Roh? Bagaimanakah setiap kita boleh bersikap lebih sensitif kepada pekerjaan Roh Suci di dalam hidup kita? Mengapakah kemungkinan kita boleh memiliki titik hitam di dalam sifat kita?
2. Apakah pekerjaan yang mungkin Tuhan mahu lakukan di dalam hidup kita yang kita belum lagi menyedarinya?
3. Apakah perkara lain yang orang lain mungkin nampak di dalam diri kita yang kita tidak nampak? Bagaimanakah kemungkinan Roh Suci sedang menggunakan hal-hal ini untuk menakutkan kita tentang suatu titik hitam yang ada di dalam sifat kita sendiri?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya untuk Guru: Roh Suci bersaksi dan memuliakan Yesus dan tidak pernah berusaha memuliakan diriNya sendiri. Sila bincang bersama kelas bagaimana ciri-ciri seperti ini pada Roh Suci boleh menyelesaikan kebanyakan konflik yang ada di dalam gereja dalam jangka waktu yang singkat.

Soalan Renungan:

1. Bagaimanakah kita boleh memupuk sikap terbuka kepada pekerjaan Roh Suci di dalam hidup kita?
2. Bagaimanakah kita boleh lebih sensitif kepada hal-hal yang Roh Suci cuba nyatakan kepada kita?

Panduan Guru

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya untuk Guru: Sebagaimana Roh Suci telah memenuhi hidup Yesus dengan kuasa Ilahi, demikian juga Dia rindu untuk mengisi setiap kita dengan kuasaNya. Tanpa kuasa Roh, kita bakal berdepan kegagalan di dalam hidup kita sebagai Kristian. Kita tidak dapat mencipta semula hati kita sama seperti kita tidak dapat menciptakan dunia. Kita tidak boleh menghembuskan nafas hidup kepada jiwa-jiwa yang tidak bernafas ini, sama seperti Yehezkiel tidak boleh melakukannya kepada lembah yang penuh dengan tulang yang kering. Sama seperti Maria tidak boleh mengandungkan Kristus tanpa dibantu oleh Roh, maka kita juga tidak boleh melahirkan satu hidup baru di dalam hati yang tandus tanpa Roh Kristus.

Activiti:

1. Sila undang ahli kelas anda untuk meluangkan sedikit waktu untuk membaca senarai pekerjaan oleh daging dan senarai pekerjaan oleh Roh seperti yang terdapat di dalam Galatia 5.
2. Dorongkan setiap ahli kelas untuk mengkaji hati mereka sehubungan dengan senarai ini sambil memohon agar Roh Suci memperkasakan mereka dengan buah Roh.
3. Minta pada ahli kelas untuk memperhatikan dengan senyap tentang ciri-ciri sifat manakah yang mereka tunjukkan dari senarai mengenai pekerjaan oleh daging. Undang mereka untuk berdoa dengan senyap, ketika anda mengakhiri sesi kelas, dengan meminta buah pada Roh menggantikan kerja-kerja daging di dalam hati mereka masing-masing.

Pelajaran 3 | 14-20 Januari

Kellahian Roh Suci

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: Kisah 5:1-4; 1 Korintus 2:10, 11; Yesaya 63:10-14; Titus 3:4-6; Roma 8:11; 1 Petrus 1:2.

Ayat Hafalan: “Kasih karunia Tuhan Yesus Kristus, dan kasih Tuhan, dan persekutuan Roh Kudus menyertai kamu sekalian” (2 Korintus 13:13).

Di seluruh Alkitab, ketuhanan Tuhan bapa itu dinyatakan. Kita dapati kebenaran ini dinyatakan di dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. Ia berupa salah satu dasar paling penting tentang kebenaran yang dinyatakan di dalam Firman Tuhan.

Ketuhanan Yesus juga diteguhkan di banyak tempat dalam Kitab Suci, sudah tentulah, terutamanya, dalam Perjanjian Baru, baik di dalam kitab-kitab Injil dan juga Surat Tulisan para rasul.

Namun demikian, Ketuhanan pada Roh Suci diajar dalam istilah yang lebih halus. Ia boleh dilihat dalam pelbagai kenyataan Alkitab yang tidak langsung. Di sini kita perlu membandingkan ayat kitab suci dan ayat kitab suci yang lain agar dapat mengkaji dengan teliti apa yang Tuhan telah nyatakan di dalam FirmanNya mengenai Roh Suci. Dalam berbuat demikian, kita harus jangan menegaskan kurang daripada apa yang Kitab Suci katakan dan kita juga “Jangan melampaui yang ada tertulis” (1 Korintus 4:6). Topik ini menuntut satu sifat rendah diri yang boleh diajar; kita harus jangan membuat alasan kita sebagai manusia tentang Tuhan untuk dijadikan satu piawai tentang cara Roh Suci itu harus difahami. Sebaliknya, kita harus menerima dan bersaksi tentang apa yang Kitab Suci tegaskan, walaupun betapa sukarnya beberapa di antara konsep itu untuk kita fahami sepenuhnya.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 21 Januari.*

AHAD 15 Januari

Roh Suci dan Tuhan

Alkitab tidak menyampaikan satu keterangan sistematik mengenai Roh Suci. Sebaiknya kita dapati bekas-bekas menarik yang menunjukkan bahawa para penulis Alkitab menganggap Roh Suci itu sebagai setara dengan Tuhan. Terdapat beberapa ungkapan dalam Alkitab di mana aktiviti sama yang diberikan kepada Tuhan dan kemudiannya kepada Roh Suci.

Sila baca Kisah 5:1-4. Apakah yang kita boleh simpulkan mengenai Tuhan dan the Roh Suci dari kata-kata Petrus kepada Ananias?

Jika Roh Suci itu bukan Tuhan, maka Petrus telah berbicara di sini dalam cara yang sangat tidak berhati-hati dan suatu putarbelitan yang berbahaya. Namun, aspek menarik mengenai sifat Roh Suci ialah hakikat bahawa rasul Petrus meletakkan Tuhan dan Roh Suci itu pada tahap yang setara. Di dalam ayat 3, dia bertanya kepada Ananias mengapa dia telah berbohong kepada Roh Suci dan dia meneruskan pada penghujung ayat 4: "Engkau bukan mendustai manusia, tetapi mendustai Tuhan." Petrus dengan jelas menyamakan Roh Suci itu dengan Tuhan. Maksudnya ialah bahawa Ananias bukan sahaja berbohong kepada para rasul itu tetapi kepada Tuhan sendiri. Berbohong kepada Roh Suci ialah berbohong kepada Tuhan. Roh Suci itu adalah Tuhan. Maknanya itu dinyatakan dengan jelas di sini.

Mengapakah suatu hukuman yang sangat tegas terhadap apa yang dua orang ini telah lakukan?

Kita harus ingat bahawa para umat percaya di dalam gereja yang mula-mula seperti yang disebutkan di dalam Kisah Para Rasul adalah umat yang "sehati dan sejiwa" (*Kisah 4:32*). Kesatuan ini adalah hasil dari Roh Suci dan inilah sebabnya mengapa mereka dengan rela dan mengikut kesukaan hati telah mengongsikan apa yang mereka miliki. Berbohong sehubungan dengan perkongsian ini ialah menyangkal kesatuan pada masyarakat dan berdusta kepada Roh yang memperkukuhkan kesatuan itu dan membuatnya menjadi wujud.

Itu sebab pembohongan oleh Ananias dan isterinya itu telah memalsukan pekerjaan Ilahi dan kehadiran Roh Suci di dalam masyarakat gereja yang mula-mula. Ketidakjujuran seumpama ini terhadap Tuhan adalah yang memusnahkan dan menghalang Roh Tuhan dari bekerja dengan berkesan di dalam hidup umat percaya. Tuhan mahu kita untuk melayani Dia tanpa berbelah-bahagi. Oleh kerana masyarakat agama baru itu berada pada persimpangan yang penting maka Tuhan menggunakan akibat yang drastik untuk memastikan agar gereja yang baru ini bekerja dalam kesatuan dan kebenaran antara sesama anggota dan bersedia untuk dipimpin oleh RohNya.

Fikirkan bagaimana mudahnya Ananias dan Safira boleh mewajarkan dosa mereka. Kerana, bukankah kita sendiri pernah menjualkan harta kita sendiri dan memberikan sebahagiannya kepada gereja? Apakah halnya jika kita menyimpan sedikit daripada hasil itu untuk diri kita sendiri? Apakah yang cerita ini harus beritahu kepada kita tentang bagaimana kita harus perlu berhati-hati berhubung cara kita mewajarkan tindakan kita?

ISNIN

16 Januari

Ciri-ciri Ilahi Pada Roh Suci

Di dalam beberapa ayat Alkitab Roh Suci itu digambarkan sebagai memiliki ciri-ciri Ilahi.

Apakah ciri-ciri dan aktiviti oleh Roh Suci yang disenaraikan di dalam ayat Alkitab berikut, yang sebaliknya, hanya diberikan kepada Tuhan?

1 Korintus 2:10, 11; Banding dengan Yesaya 40:13, 14 _____

Mazmur 139:7 _____

Ibrani 9:14; banding dengan 1 Timotius 6:16 _____

Lukas 1:35; Roma 15:19; banding dengan Mazmur 104:30 _____

Di dalam kajiannya tentang hikmat Tuhan, Paulus membahas bahawa Roh Sucilah yang membuat hikmat Tuhan ini diketahui oleh kita. "Hal sama mengenali hal yang sama" berupa alasan yang Paulus gunakan di sini di dalam hujahnya. Hanya Dia yang setara dengan Tuhan boleh mengetahui perkara dalam tentang Tuhan (*1 Korintus 2:10, 11*). Tidak ada yang mengenali Tuhan seperti yang Roh kenali Tuhan, kerana Dia mengenali Tuhan dari dalam/ Dia mengenali dalam cara yang orang luar tidak tahu. Roh Suci itu sememangnya Mahatahu.

Hadirat Roh itu adalah hadirat Tuhan. Saya tidak dapat melarikan diri ke tempat di mana Roh Tuhan tidak ada, Dia adalah maha-hadir (*banding dengan Mazmur 139:7*).

Roh Suci itu disebut sebagai Yang Kekal (*Ibrani 9:14*). Menurut Alkitab, berapakah jumlahnya makhluk kekal itu? Hanya Tuhan yang kekal (*1 Timotius 6:16*). Jika Roh itu disebut sebagai kekal, maka sudah tentulah Dia adalah Tuhan.

Roh Suci juga maha kuasa dan perkasa. Di dalam Lukas 1:35 ungkapan "Roh Suci (Kudus)" dan "kuasa yang Maha Tinggi" adalah bentuk ungkapan yang sama maksudnya. Di sini ia merujuk kepada satu kejadian luarbiasa tahap pertama, iaitu anak dara yang mengandung. Di dalam Roma 15:19, rasul Paulus mengakui bahawa pekerjaan pelayanan ini telah dicapai oleh "oleh kuasa tanda-tanda dan mujizat-mujizat dan oleh kuasa Roh" Tuhan. Sememangnya, Roh Suci boleh melakukan mukjizat Ilahi.

Yesus juga berkata bahawa menghujat Roh Suci tidak boleh diampuni (*Matius 12:31, 32; Mark 3:28, 29*). Hal ini tidak mampu difahami kecuali Roh itu adalah Ilahi.

Mungkin pekerjaan paling menakjubkan oleh Roh Suci ialah kebolehanNya untuk mengubah hati dan minda manusia. Roh Sucilah yang membolehkan satu kelahiran rohaniah yang baru (*Yohanes 3:5-8*). Dia memiliki kuasa untuk mencapai sesuatu yang hanya Tuhan boleh laksanakan.

SELASA 17 Januari

Petunjuk Dalam Alkitab

Terdapat pelbagai rujukan mengenai Roh Suci di dalam Alkitab yang boleh juga digunakan untuk merujuk kepada Tuhan.

Sila baca Yesaya 63:10-14 dan bandingkannya dengan Bilangan 14:11 dan Ulangan 32:12. Kepada siapakah yang penulis rujukkan di dalam ayat ini dan apakah yang hal ini beritahu kepada kita mengenai keilahian Roh Suci?

Di dalam Yesaya 63:10, umat itu telah memberontak dan mendukakan Roh Suci. Namun demikian, di dalam kisahnya yang sejajar, seperti yang terdapat di dalam Bilangan 14:11, mengatakan bahawa "TUHAN berfirman kepada Musa: 'Berapa lama lagi bangsa ini menista Aku?' " Di dalam Ulangan 32:12, kita telah diberitahu bahawa "demikianlah TUHAN sendiri menuntun dia, dan tidak ada dewa asing menyertai dia." Jelas bahawa para penulis Alkitab telah melihat Tuhan dan Roh Suci sebagai setara di sini.

Di dalam 2 Samuel 23:2, kita membaca bahawa "Roh TUHAN berbicara dengan perantaraanku" sementara dalam kenyataan sejajar dalam ayat 3, ia mengatakan: "Tuhan Israel berfirman... kepadaku." Sekalilagi, kesimpulan dari ayat alkitab yang sejajar ini ialah bahawa Roh Suci itu dianggap sebagai setara dengan Tuhan.

Bandingkan 1 Korintus 3:16, 17 dengan 1 Korintus 6:19, 20 dan bandingkan 1 Korintus 12:11 dengan 1 Korintus 12:28. Bagaimanakah rujukan kepada Roh Suci dan kepada Tuhan digunakan silih-berganti di dalam ayat ini? Apakah sifat sama yang dirujuk kepada Tuhan dan kepada Roh Suci?

Di dalam 1 Korintus 3:16, 17, Paulus menggunakan bahasa sama yang digunakan di dalam 1 Korintus 6:19, 20. Bagi rasul Paulus, didiami oleh Roh Suci ialah didiami oleh Tuhan. Dengan menyamakan "kediaman Tuhan" dengan kediaman "Roh Suci," Paulus menyatakan bahawa Roh Suci itu adalah Tuhan.

Di dalam 1 Korintus 12:11, Paulus menulis bahawa Roh Suci ialah yang membahagikan kurnia roh pada setiap umat percaya. Beberapa ayat kemudian di dalam 1 Korintus 12:28, kita diberitahu bahawa Tuhanlah yang melakukannya. Mesej asas adalah jelas: Roh Suci ialah yang melakukan tindakan sama yang Tuhan lakukan, satu kenyataan berkuasa bahawa Roh Suci itu setara dengan Tuhan.

Sila baca sekali lagi Bilangan 14:11. Dalam cara apakah kemungkinan hal ini diaplikasikan kepada kita hari ini? Fikirkan cara luarbiasa yang Tuhan telah bekerja di dalam gereja kita. Fikirkan mengenai semua alasan yang Dia telah berikan untuk kita percayai. Bagaimanakah kita dapat pastikan bahawa kita tidak melakukan hari ini apa yang umat Tuhan lakukan ribuan tahun dahulu?

RABU

18 Januari

Pekerjaan Ilahi Oleh Roh Suci

Roh Suci melaksanakan suatu pekerjaan tertentu, yang Alkitab sebutkan sebagai hanya dilakukan oleh Tuhan. Dia aktif dalam kerja Ilahi pada penciptaan dan Dia sama saja aktif di dalam pekerjaan Tuhan untuk mencipta semula orang berdosa.

Sila baca Titus 3:4-6. Bagaimanakah Paulus menggambarkan penglibatan Roh Suci di dalam proses penciptaan semula?

Roh Suci telah disebutkan sebagai seiring dengan “Tuhan Juruselamat kita” (*Titus 3:4*) di dalam konteks penyucian kelahiran kembali (pembaptisan) dan pembaharuan rohaniah kita (*Titus 3:5*). Dia adalah ejen kelahiran baru kita. Dia memperbaharui hati kita. Dia membangkitkan keinginan dalam diri kita untuk mengikuti Kristus. Dia adalah roh yang memberi hidup (*Rom. 8:2*). Dialah yang mentahirkan orang berdosa dan mengubah tabiat mereka. Dia menolong kita untuk menjadi taat kepada Yesus Kristus yang telah menyelamatkan kita. Hanya makhluk Ilahi yang boleh melakukan perkara indah seperti ini.

Bandingkan Yesaya 6:8-10 dengan Kisah 28:25-27. Kepada siapakah para penulis Alkitab katakan sebagai yang Ilahi sedang berbicara?

Terdapat beberapa ungkapan dalam Alkitab di mana, pada satu sudut, Tuhan yang dikatakan sebagai sedang berbicara dan pada sudut lain para penulis Alkitab berkata bahawa Roh Suci yang berbicara. Roh Suci lah yang telah menyampaikan dengan luarbiasa Kitab Suci itu kepada kita (*2 Petrus 1:21*), sesuatu yang di bahagian lain digambarkan sebagai inspirasi dari Tuhan (*2 Timotius 3:16*). Tindakan memberikan Kitab Suci itu berupa satu lagi pekerjaan Ilahi oleh Roh Suci.

Apakah yang Roma 8:11 ajarkan kepada kita mengenai keilahan pada Roh Suci?

Alkitab mengatakan bahawa Roh Suci telah membangkitkan Yesus dari kematian dan juga akan membangkitkan kita melalui Roh. Hanya Tuhan yang memiliki kuasa untuk membangkitkan manusia dari kematian, Dengan demikian Roh Suci itu adalah Tuhan.

Apakah perubahan yang anda boleh lakukan yang boleh membuat anda bersikap lebih terbuka kepada pimpinan Roh Suci? Iaitu, apakah amalan yang mungkin menghalang anda daripada melihat dengan jelas pimpinanNya di dalam hidup anda?

KHAMIS 19 Januari

Keperluan Pada KellahianNya

Apakah yang akan hilang jika Roh Suci itu bukan Tuhan? Jika Roh Suci itu bukan Tuhan sepenuhnya, maka implikasi untuk keselamatan dan ibadah adalah serius. Alkitab memberitahu kita bahawa Roh Suci itu bertanggungjawab untuk regenerasi umat percaya. Dia diam di dalam diri mereka yang memenuhi mereka. Dia memperbaharui pemikiran kita dan mengubah tabiat kita. Dia memiliki kuasa untuk membangkitkan orang mati. Dia membuat para pengikut Kristus itu sama seperti Tuhan: iaitu suci. Jika Roh Suci itu bukan Tuhan, bagaimanakah kita boleh pastikan bahawa Dia boleh melakukan semua hal ini dan melakukannya dalam cara yang boleh diterima oleh Tuhan?

Sila baca 1 Petrus 1:2; 2 Korintus 13:14; dan Matius 28:18, 19. Apakah hakikat bahawa Roh Suci disebut bersama-sama dengan Tuhan Bapa, Yesus Kristus sebagai Anak di dalam acara baptisan beritahu kepada kita mengenai tempat Roh Suci itu di dalam pemujaan dan penyembahan Tuhan?

Kellahian Roh Suci membantu kita berkait dengan Dia dalam cara yang sesuai yang mengakui Dia sebagai siapa Dia sebenarnya. KellhianNya adalah ciri-ciri bagi kerohanian yang berpusat pada Tuhan. Gereja Perjanjian Baru tanpa teragak-agak menyebut Roh Suci seiring dengan Dua Uknun lain di dalam Ketuhanan. Roh Suci menduduki tempat yang setara di dalam upacara pembaptisan dengan Bapa dan Anak. Baptisan memiliki satu keperluan rohaniah yang dalam dan ia berupa satu upacara penyembahan yang mendalam. Apa yang benar di dalam tindakan pembaptisan juga benar di dalam doa pentahbisan kerasulan. Ia berupa doa sambutan pemujaan di mana Roh Suci dipuja sama seperti Bapa dan Anak. Ketiga-tiga Uknun Ketuhanan disebut seiringan dan diperakui dengan setara.

Roh Suci diperakui sebagai objek penyembahan di dalam Perjanjian Baru, bukan sahaja dalam baptisan dan doa pentahbisan kerasulan, tetapi juga dalam tuntutan setiap waktu bahawa kita bergantung kepadaNya untuk semua keperluan rohaniah yang baik dan harus taat kepadaNya sebagai pemimpin dan pentahir Ilahi kita. Adakah penting bahawa Roh Suci itu Tuhan? Ya, sangat penting. Jika kita tahu siapa Dia sebenarnya dan mengenali serta mengakui ketuhananNya maka kita akan menghormati pekerjaannya dan bergantung kepadaNya untuk pertumbuhan dan pentahiran peribadi kita sendiri.

Fikirkan mengenai apa maknanya bahawa Roh Suci itu, iaitu Tuhan sendiri, sedang bekerja di dalam hidup anda. Betapa satu janji besar yang terdapat di sini untuk kita dalam mengetahui bahawa Tuhanlah yang sedang bekerja di dalam diri anda untuk mengubah anda menjadi apa seharusnya diri anda itu di dalam Dia? Mengapakah ini berupa satu kebenaran yang mengangkat dan menyakinkan?

JUMAAT 20 Januari

Renungan Tambahan: Sila baca **Ellen G. White**, “*Misrepresentations of the Godhead*,” ms. 613-617, di dalam *Evangelism*.

Sebagaimana kita sudah pelajari minggu ini, kenyataan alkitabiah terhadap keilahian Roh Suci itu sangat meyakinkan. Roh Suci itu adalah Tuhan. Namun demikian harus dingatkan: dalam memikirkan tentang Roh Suci, kita sedang berurusan dengan satu misteri Ilahi. Kita ulangi pokoknya: sama seperti kita tidak dapat menjelaskan Tuhan dan sifatNya itu sepenuhnya, maka kita harus melawan godaan dalam menjadikan pemahaman manusiawi kita sebagai norma tentang bagaimana Tuhan itu seharusnya. Kebenaran itu jauh melepasi pemahaman manusia, terutamanya apabila kebenaran itu berkaitan dengan sifat Tuhan itu sendiri.

Pada masa yang sama, iman terhadap Keilahian Roh Suci bermakna lebih daripada sekadar menerima ajaran tentang Tritunggal. Ia merangkumi bergantung dan yakin kepada pekerjaan menyelamatkan oleh Tuhan sebagaimana ia diperintahkan oleh Bapa dan dicapai melalui Anak di dalam kuasa Roh. “Tidaklah cukup untuk sekadar mampu menjelaskan siapa sebenarnya Roh Suci itu ... sifat Roh Suci adalah suatu misteri. Manusia tidak dapat menjelaskannya kerana Tuhan belum menyatakannya kepada mereka. Manusia yang memiliki pelbagai pandangan yang menarik mungkin akan menggabungkan bersama beberapa ayat Kitab Suci dan meletakkan pemahaman manusia ke atasnya namun penerimaan pandangan ini tidak akan menguatkan gereja. Sehubungan dengan misteri seumpama ini, yang terlalu dalam bagi pemahaman manusiawi, berdiam diri adalah emas.” – **Ellen G. White**, *The Acts of the Apostles*, ms. 51,52.

Soalan Perbincangan:

1. Seorang ahli falsafah berbangsa Austria bernama Ludwig Wittgenstein pernah menulis: “Apakah yang kita tidak boleh ungkapkan harus kita lalui dengan berdiam diri.” Walaupun konteksnya sedikit berbeza dengan apa yang Ellen G. White tuliskan di atas, namun prinsipnya adalah sama. Iaitu, mengapakah adalah lebih baik berdiam diri mengenai aspek Tuhan dan tentang kebenaran rohaniah secara umum yang belum dinyatakan oleh Inspirasi?
2. Kadang kala ada baiknya untuk memperhatikan kepada pendirian teologikal dengan bertanya: “Apakah yang akan hilang jika cadangan itu tidak benar?” Contohnya: “Apakah yang akan hilang jika Kristus itu bukan Ilahi?” Sehubungan dengan Roh Suci, sila perhatikan soalan berikut: “Apakah yang akan hilang jika Roh Suci bukan Tuhan sepenuhnya?”
3. Apakah yang dikatakan kepada kita oleh petikan berikut pada tahap yang praktikal? “Roh Suci itu, yang akan memenuhi kita, bukan suatu pengaruh yang samar-samar atau suatu kuasa mistik. Dia adalah Uknum yang Ilahi, untuk diterima dengan penuh kerendahan diri, pemujaan dan penurunan. Itu itu, ia bukan persoalan mengenai kita lebih memiliki Dia tetapi Dia lebih memiliki kita – ya, semua yang adalah kita.” – **LeRoy Edwin Froom**, *The Coming of the Comforter*, ms. 159.

Panduan Guru

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Petrus 1:2

Pelajar Akan:

Mengetahui: Memahami realiti bahawa Roh Suci itu adalah Makhluk Ilahi, sama seperti Bapa dan Anak yang adalah Makhluk Ilahi.

Merasakan: Menghargai peranan Roh Suci dalam mencipta semula umat percaya ke dalam imej Ilahi dan mengbuah dia menjadi sama seperti Kristus.

Melakukan: Bernekad untuk membiarkan kuasa Ilahi Roh Suci untuk mengubah hidupnya.

Garis Pembelajaran:

I. Mengetahui: Mengakui Kepentingan Rohaniah pada Roh Suci sebagai salah satu Ahli Uknum dalam Ketuhanan.

- A. Apakah bukti Alkitabiah yang ada bahawa Roh Suci itu adalah Makhluk Ilahi?
- B. Mengapakah kebenaran Alkitabiah ini sangat penting? Apakah implikasi yang ada jika Roh Suci itu bukan satu Makhluk Ilahi sebagaimana halnya dengan Bapa dan Anak?

II. Merasakan: Menghargai Peranan Roh Suci Dalam Proses Penebusan.

- A. Bagaimanakah satu pemahaman tentang peranan Roh Suci di dalam Penebusan itu boleh membawa satu perubahan di dalam kehidupan rohani anda?
- B. Mengapakah dosa Ananias dan Safira ketika berdusta kepada Roh Suci sangat serius? Pada pendapat anda, mengapakah hukuman Tuhan itu sangat dahsyat?

III. Melakukan: Menerapkan Kebenaran Ilahi Tentang Siapa Roh Suci Ityu Dalam Hidup Kita

- A. Mengapakah kisah mengenai Ananias dan Safira sangat penting untuk gereja hari ini?
- B. Bagaimanakah tindakan Roh Suci sebagai Uknum Ketiga dalam Ketuhanan membuat satu perubahan di dalam hoidup rohani kita setiap hari?

Kesimpulan: Apabila kita memahami peranan Roh Suci sebagai Uknum Ketiga pada Ketuhanan maka kita mampu lebih menghargai pelayanannya dan bekerjasama dengan Dia dalam membuat pilihan positif demi perubahan yang Dia nyatakan di dalam hidup kita. Memahami realiti pada Keilahian Roh Suci akan menghasilkan satu penghargaan dari hati tentang siapa Dia dan satu kerinduan kepadanya untuk mengubah hidup kita.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Korintus 6:19, 20

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Sama seperti sanktuari Tuhan di bumi berupa satu tempat kediaman bagi kemuliaan Shekinah Tuhan, tubuh kita adalah tempat kediaman Roh Suci, bertujuan untuk menyatakan kemuliaan Tuhan melalui gaya hidup yang soleh. Kebenaran menakjubkan mengenai Kitab Suci ialah bahawa Tuhan alam semesta rindu untuk tinggal di dalam hati kita melalui Uknun Roh Suci.

Hanya untuk Guru: Pelajaran minggu ini adalah penting kepada pemahaman kita terhadap pelayanan Roh Suci di dalam kehidupan setiap umat Kristian. Memahami bahawa Roh Suci adalah Uknun Ketiga pada Ketuhanan dengan ciri-ciri sama yang ada pada Bapa dan Anak membuat satu perubahan besar di dalam cara kita berkait dengan peranan Roh Suci di dalam hidup kita. Roh Suci itu bukan suatu bentuk tenaga untuk digunapakai. Dia bukan suatu kuasa yang harus dicari. Dia adalah Ahli Sekutu pada Ketuhanan yang kepadanya kita membuka hati kita dan menyerahkan hidup kita. Kita bukan menggunakan Roh Suci. Dia yang menggunakan kita untuk bersaksi kepada kemuliaan Kristus yang disalibkan, telah bangkit dan yang akan datang segera.

Ciri-ciri pada Tuhan adalah ciri-ciri pada Roh Suci. Roh Suci adalah Maha mengetahui, Maha Kuasa, Maha Hadir dan Maha Kekal (*1 Korintus 2:10, 11; Mazmur 104:30; 139:7; Ibrani 9:14*). Dipenuhi dengan Roh bermakna dipenuhi dengan hadirat Tuhan. Roh yang tinggal di dalam diri kita adalah hadirat Tuhan yang tinggal di dalam diri kita, di dalam hati kita yang adalah rumah Tuhan. Ia adalah Tuhan yang tinggal di dalam kita melalui Roh SuciNya.

Pembuka Perbincangan: Di seluruh Alkitab, Bapa, Anak dan Roh Suci adalah berkait bersama dalam kesatuan yang tidak terputus (*Matius 28:18, 19; 1 Petrus 1:2; 2 Korintus 13:14*). Mereka bekerjasama di dalam pekerjaan Penciptaan dan Penebusan. Dalam cara apakah pekerjaan Mereka itu sama? Bagaimanakah pekerjaan Mereka itu berbeza? Siapakah di antara Tiga Uknun ini yang terkemuka pada zaman Perjanjian Lama? Siapakah di antara Mereka yang paling jelas dipaparkan di dalam empat kitab Injil? Mengapa? Siapakah yang berada di muka depan dalam buku Kisah Para rasul?

Sesetengah orang telah menyebut buku Kisah sebagai “Kisah Roh Suci.” Di seluruh buku Kisah dan surat tulisan rasul Paulus, Roh Suci itu hadir sebagai Uknun Ketiga pada Ketuhanan, meyakinkan jiwa terhadap dosa, mengajar dalam kebenaran, bersaksi tentang Yesus dan mengubah kehidupan. Ketika menulis kepada Titus, rasul Paulus berkata bahawa

Panduan Guru

kita telah diselamatkan “bukan kerana perbuatan baik yang telah kita lakukan, tetapi kerana rahmatNya oleh permandian kelahiran kembali dan oleh pembaharuan yang dikerjakan oleh Roh Suci” (*Titus 3:5*). Adalah melalui Roh Suci maka hati kita diperbaharui, hidup kita diubah dan jiwa kita disegarkan.

Soalan Perbincangan:

1. Apabila anda berbicara mengenai Roh Suci, apakah yang serta-merta anda fikirkan? Kongsikan dengan kelas beberapa ungkapan yang timbul dalam minda anda apabila anda memikirkan mengenai Roh Suci.
2. Bagaimanakah satu pemahaman mengenai siapa Roh Suci itu akan membuat satu perubahan di dalam hidup anda? Apakah cara praktikal yang pengetahuan seumpama ini boleh membuat satu perubahan kepada kita?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Ulasan Alkitab

Hanya untuk Guru: Di seluruh Perjanjian Baru Roh Suci itu digambarkan sebagai ejen regenerasi, mentahirkan, mengubah hidup dan memberi hidup yang Ilahi (*Titus 3:5, 1 Pet. 1:2, 2 Kor. 3:6*). Di dalam Roma 8, rasul Paulus berbicara mengenai hidup dalam daging dan hidup dalam Roh. Hidup dalam daging ialah satu usaha sia-sia untuk cuba menjalani hidup sebagai Kristian dengan kekuatan kita sendiri dan bukan di dalam kuasa Roh Suci. Hidup di dalam Roh ialah menjalani kehidupan yang berserah kepada dorongan dan arahan Roh. Ia adalah mati setiap hari kepada keinginan hati yang fana dan diperbaharui oleh rahmat mentahirkan dari Roh.

Penyaliban adalah satu bentuk kematian yang sangat menyakitkan. Penyaliban Kristus itu semestinyalah demikian. Kristus telah mati untuk dosa kita, tetapi melalui Roh Suci, kita mati kepada keinginan dosa. Dosa itu bukan lagi satu gaya hidup bagi hati yang sudah bertaubat. Kerinduan jiwa kita ialah menyenangkan Yesus dan kerinduan ini dapat dicapai melalui kuasa pentahiran oleh Roh Suci.

I. Memahami Keilahian Roh Suci (*Imbas kembali 1 Petrus 1:2 dan Roma 15:9 bersama kelas.*)

Apakah ciri-ciri yang ada pada Tuhan? Apakah yang membuat Tuhan itu Tuhan? Pertama, Dia adalah kekal. Dia tidak pernah ada permulaan dan sama sekali tidak akan ada penghujung. Dia adalah “Akulah” (*Keluaran 3:14*) yang agung. Dia adalah “Dia, yang ada dan yang sudah ada dan yang akan datang” (*Wahyu 1:4*). Hakikat bahawa Tuhan telah wujud sejak kekekalan

Panduan Guru

meletakkan Dia terasing daripada segala makhluk yang dicipta di dalam alam semesta. Dia adalah yang Maha Tahu, atau yang mengetahui segala perkara (*Daniel 2:20–22*). Tiada sebarang hal yang Tuhan Maha-Bijak itu tidak tahu. Ilmu pengetahuanNya tidak terhad bukan separa. Dia adalah Maha Hadir dan Maha Kuasa juga. HadiratNya boleh dirasai di mana-mana (*Mazmur 139*). Kuasanya tiada batasnya. Dia adalah Tuhan yang kekal, Maha Mengetahui, Maha Kuasa dan Maha Hadir. Idea mengenai masa depan sebagai “terbuka,” dan bahawa kononnya ada perkara yang Tuhan tidak boleh tahu, adalah suatu hal yang asing kepada Alkitab.

Di sinilah satu kebenaran yang menakjubkan. Kualiti sama yang diberikan kepada Tuhan di dalam Kitab Suci adalah juga diberikan kepada Roh Suci. Roh Suci itu juga adalah kekal (*Ibrani 9:14*). Dia Maha Mengetahui, Maha Kuasa dan Maha hadir (*1 Korintus 2:10, 11; Rom. 15:19; Mazmur 139:7*). Bapa dan Anak adalah hadir bersama kita, menyediakan semua sumber Syurga melalui pelayanan oleh Roh Suci.

Sebagai anak-anak Tuhan, kita telah dijanjikan dengan hikmat dan kuasa Roh. Melalui Roh, kita memiliki kepastian tentang hidup yang kekal dan pengharapan selepas kubur. (*Rom. 8:12–17*). Jika Roh Suci itu bukan Ilahi, bagaimanakah mungkin Dia boleh memberikan kita hikmat Ilahi, rahmat yang menyucikan, kuasa yang mengubah hidup dan pengharapan kekal? Jika Roh Suci itu hanya sekadar suatu tenaga, sudah tentu Dia tidak boleh menawarkan kita dengan kepastian tentang hidup yang kekal. Sifat kekal pada Ketuhanan adalah sangat penting di dalam pemahaman kita terhadap kepentingan pada Roh Suci bagi kehidupan sebagai Kristian.

Sila kaji bersama kelas anda implikasi praktikal bahawa Roh Suci itu adalah kekal, Maha Mengetahui, Maha Kuasa dan Maha Hadir. Apakah makna pada ciri-ciri ini di dalam kehidupan umat Kristian setiap hari?

Perhatikan Hal Ini: Mengapakah ciri-ciri pada Roh Suci ini sangat penting dalam menghadapi pencubaan yang datang dari si Jahat? Mengapakah sesetengah ilmunan teologi mengatakan bahawa kepercayaan pada Roh Suci adalah salah satu kebenaran yang paling disalahfahami di dalam Alkitab dan bahawa jika kita memiliki satu pemahaman yang lebih baik mengenai siapa Dia dan bagaimana mengalami kuasaNya yang mengubah hidup maka genggamannya dosa di dalam hidup kita boleh dilepaskan?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya untuk Guru: Kita sering bergelut dengan sikap mementing diri sendiri yang sama, tabiat berbahaya yang sama dan kecenderungan berbuat dosa selama bertahun-tahun lamanya. Sila bantu ahli kelas anda untuk memahami kuasa memperbaharui, menyucikan dan mengubah hidup oleh Roh Suci sebagai Uknun Ketiga pada Ketuhanan.

Soalan Penerapan:

Panduan Guru

1. Bagaimanakah kita dapat mengalami kuasa mengubah hidup oleh Roh Suci yang digambarkan oleh Kitab Suci?
2. Apakah perkara di dalam hidup kita yang mengalihkan perhatian kita dan menghalang kita daripada menikmati kepenuhan kuasa Roh Suci?
3. Apakah yang kita boleh lakukan mengenai gal-hal yang mengalihkan perhatian kita ini? Apakah kunci untuk mendapat kemenangan ke atas tabiat seumur hidup, tingkah laku dan tabiat yang tidak seharmonis dengan kehendak Tuhan?

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya untuk Guru: Pelajaran minggu ini ditulis khusus untuk membantu setiap ahli kelas untuk dapat memahami kuasa Ilahi Roh Suci sebagai Uknun Ketiga dalam Ketuhanan. Sila bantu ahli kelas anda untuk memahami dengan jelas kebenaran penting ini untuk kehidupan Kristian.

Aktiviti:

1. Jika bekalan dapat disediakan, sila bekalkan pensil dan kad indeks kepada setiap ahli kelas. Undang mereka untuk menuliskan dalam satu ayat perkara paling penting yang mereka telah pelajari pada minggu ini.
2. Sebagai satu dorongan kepada kelas, minta setiap ahli kelas untuk membaca ayat yang mereka telah tulsikan. Jika bekalan tidak dapat disediakan, sila undang ahli kelas untuk mengongsikan pandangan mereka dengan kelas.

Pelajaran 4 | 21-27 Januari

Keperibadian Roh Suci

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: Yohanes 16:13, 14; Roma 8:14-16; Roma 15:13; Yohanes 14:6; Yohanes 17:17; Roma 5:5.

Ayat Hafalan: "Tetapi Penghibur, yaitu Roh Kudus, yang akan diutus oleh Bapa dalam nama-Ku, Dialah yang akan mengajarkan segala sesuatu kepadamu dan akan mengingatkan kamu akan semua yang telah Kukatakan kepadamu" (Yohanes 14:26).

Memandangkan Roh Suci itu seringkali digambarkan di dalam Alkitab dari segi yang tidak berperibadi, seperti angin atau api, sesetengah orang telah menyimpulkan bahawa Dia bukan berperibadi, iaitu sejenis kuasa Ilahi. Dalam pandangan mereka, Dia lebih seperti tenaga elektrik yang memperkasakan kita dan bukan wujud sebagai satu Makhluk yang Ilahi. Tetapi persoalannya bukan sama ada beberapa di antara ayat itu boleh dibawa ke hadapan yang menandakan suatu perasi yang lebih tidak berperibadi atau pengaruh oleh Roh Suci. Persoalannya ialah, sama ada terdapat banyak bahagian dalam Kitab Suci yang secara positif menetapkan keperibadianNya.

Ada ayat yang mengatakan demikian dan kita perlu memberikan pertimbangan kepadanya agar kita mendapat gambaran yang lebih jelas tentang siapa Roh Suci itu.

Minggu ini kita akan mempelajari lebih banyak lagi mengenai keperibadian Roh Suci sebagaimana digambarkan di dalam Kitab Suci. Kebenaran ini akan membantu kita memahami dengan lebih baik peranan Roh Tuhan yang Ilahi di dalam hidup kita. Ia akan membantu kita untuk mendapat satu pemahaman lebih dalam tentang pentingnya percaya kepada keperibadian Roh Suci untuk kehidupan rohaniah kita. Hanya jika kita melayani pemikiran yang betul mengenai Dia maka kita boleh memberikan kepadaNya kasih, hormat, keyakinan dan penyerahan yang sepatutnya diberikan kepadaNya.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 28 Januari.*

AHAD 22 Januari

Gambaran Yesus Mengenai Roh Suci

Sila baca Yohanes 16:13, 14; Yohanes 15:26, 27; dan Yohanes 14:17, 26. Apakah ciri-ciri yang sangat peribadi yang Yesus berikan kepada Roh Suci di dalam ayat ini? Apakah maknanya bagi anda bahawa Yesus menggambarkan Roh Suci sebagai penolong dan penghibur (parakletos)?

Menurut Yesus, Roh Suci itu memimpin, berbicara, mendengar, menyatakan dan memuliakan (*Yohanes 16:13, 14*). Roh Suci juga mengajar dan mengingatkan kita (*Yohanes 14:26*). Dia tinggal di dalam diri kita (*Yohanes 14:17*), Dia bersaksi (*Yohanes 15:24, 26*) dan Dia meyakinkan (*Yohanes 16:8*). Hal ini kedengaran lebih seperti tindakan satu keperibadian yang berdaulat daripada suatu kuasa yang tidak berperibadi.

Sila baca Yohanes 14:16-18. Bagaimanakah janji Yesus itu akan digenapi? Bagaimanakah murid-murid itu tidak dibiarkan sendirian?

Yesus pedulikan para pengikutNya. Dia tidak akan membiarkan murid-muridNya sebagai yatim piatu. Dia telah berjanji akan mengutus Roh Suci. Di sini Yesus secara khusus berkata bahawa Dia akan menghantar seorang "Penolong yang lain" atau "Penghibur." Kata-kata yang Yesus gunakan di sini adalah penting. Dia berjanji akan memberi penolong yang lain. Bukan yang berbeza. Istilah Yunani bagi "yang lain" ialah "allos." Bahasa Yunani di dalam Perjanjian Baru "allos" menunjukkan bahawa Kristus akan mengutus satu lagi penghibur yang secara numeric adalah berbeza namun memiliki ciri-ciri yang sama, iaitu, yang sama dengan diriNya sendiri. Dalam kata lain, Yesus berjanji Satu yang sama seperti Dia sendiri, Satu yang akan meneruskan untuk melakukan pekerjaNya di dalam diri kita dan yang akan menjadi WakilNya.

Pekerjaan Roh Suci ini adalah satu pekerjaan seorang penolong atau penghibur. Alkitab menggunakan istilah Yunani *parakletos* (*Yohanes 14:16*) untuk menggambarkan seseorang yang akan dipanggil untuk memberi sokongan dan bantuan, seorang yang dipanggil untuk membantu kita. Sama seperti Yesus adalah satu Peribadi, Roh Suci itu juga adalah berperibadi. Idea ini disokong oleh hakikat bahawa ciri-ciri peribadi sering diberikan kepada Roh Suci (sila lihat *Yohanes 14:26, 15:26, Kisah 15:28, Roma 8:26, 1 Korintus 12:11, 1 Timotius 4:1*).

Mengapakah sangat melegakan untuk mengetahui bahawa Roh Suci itu adalah satu peribadi dan bukan sekadar suatu kuasa tenaga?

ISNIN 23 Januari

Aspek Peribadi Pada Roh Suci: Bahagian 1

Ketika anda membaca ayat berikut, sila tanya diri anda sendiri jika ia kedengaran seperti berbicara mengenai suatu kuasa yang tidak berperibadi atau ia berbicara mengenai satu Uknum Ilahi. Roma 8:14-16, 27; Roma 15:30; 1 Korintus 2:10; Kisah 8:29; 10:19, 20; 28:25.

Bolehkah suatu kuasa yang tidak berperibadi mengantara bagi pihak kita? Adakah suatu roh atau kuasa yang tidak berperibadi mempunyai kebolehan untuk menyatakan kepada kita hal-hal mengenai Tuhan? Adakah suatu pengaruh yang tidak berperibadi memiliki keupayaan untuk berkata-kata? Semua kenyataan Alkitab itu akan menjadi lebih masuk akal jika Roh Suci itu adalah makhluk berperibadi bertentangan dengan suatu bentuk kuasa yang tidak berperibadi.

Sila baca ayat berikut. Apakah ciri-ciri peribadi yang diberikan kepada Roh Suci di dalam ayat ini? Efesus 4:30; Acts 5:3, 9; 1 Korintus 12:11; Roma 15:30.

Ciri-ciri yang jelas kelihatan mengenai keperibadian ialah pengetahuan (atau pemahaman), perasaan dan kehendak. Hanya makhluk yang berperibadi boleh berduka. Hanya makhluk berperibadi yang boleh dibohongi dan ditipu. Hanya makhluk berperibadi yang memiliki keupayaan untuk memilih mengikut kehendaknya dan memiliki kerelaannya sendiri. Mungkin sifat kehendak berupa salah satu unsur dan ciri-ciri paling jelas di dalam mana-mana keperibadian. Hanya makhluk berperibadi yang memiliki kapasiti untuk mengasihi. Kasih sejati tidak boleh wujud dalam keadaan yang abstrak dan tidak berperibadi. Kasih sayang timbul dengan sentuhan yang sangat peribadi. Ciri-ciri keperibadian seperti ini menunjukkan bahawa Roh Suci itu adalah makhluk yang sedar pada diri sendiri, mengenali diri sendiri, memiliki kehendak diri sendiri dan boleh membuat keputusan oleh diri sendiri yang mampu untuk mengasihi. Dia bukan suatu cecair bayangan atau suatu intipati yang tidak bersifat peribadi. Roh Suci disebutkan dalam cara peribadi seperti ini kerana Tuhan itu Sendiri adalah Tuhan yang berperibadi.

“Roh Suci memiliki keperibadian, jika tidak Dia tidak boleh bersaksi kepada roh kita dan dengan roh kita bahawa kita adalah anak-anak Tuhan. Dia juga mestilah Uknum yang Ilahi, jika tidak Dia tidak mampu menjangkau rahasia yang tersembunyi di dalam minda Tuhan.” – **Ellen G. White**, *Evangelism*, ms. 617.

Bagaimanakah perspektif Alkitabiah bahawa Roh Suci itu memiliki ciri-ciri yang berperibadi mengimpak hubungan kita dengan Dia? Apakah yang berlainan jika Roh Suci itu hanya sekadar suatu kuasa yang tidak berperibadi bertentangan dengan Tuhan itu sendiri?

SELASA 24 Januari

Aspek Peribadi Pada Roh Suci: Bahagian 2

Satu cabaran yang kita hadapi dalam memahami Roh Suci ialah bahawa kita boleh bayangkan Tuhan sebagai Bapa dalam suatu cara yang kelihatan. Ramai orang juga memiliki gambaran Yesus yang nyata sebagaimana ia dinyatakan di dalam Injil. Dia telah mengenakan pada diriNya sifat manusia kita dan meuncil kepada kita dalam bentuk manusia.

Namun demikian, Roh Suci pula dipamerkan dalam cara yang sangat berbeza. Dia seolah-olah tidak mudah difahami, lebih sukar untuk memahami daripada Bapa dan Anak.

Dengan demikian, sesetengah orang telah merumuskan bahawa Roh Suci itu hanyalah suatu kuasa yang tidak berperibadi. Sebagaimana kita sudah pelajari setakat ini, idea seumpama itu sebenarnya tidak bersikap adil kepada sifat Roh Suci. Malah, terdapat kenyataan di dalam Alkitab yang sama sekali tidak masuk akal jika sekiranya Roh Suci hanya sekadar suatu tenaga yang tidak berperibadi atau suatu kuasa ilahi.

Sila baca dengan teliti dua ayat berikut dan perhatikan jika ia masuk akal jika anda menggantikan rujukan terhadap Roh Suci dengan "kekuasaan," satu istilah yang tidak berperibadi. Mengapakah ayat ini masuk akal hanya jika Roh Suci itu, sememangnya, satu Uknum (berperibadi)?

Roma 15:13 _____

1 Kor. 2:4 _____

Kenyataan oleh rasul bahawa "adalah keputusan Roh Suci dan keputusan kami" (*Kisah 15:28*) itu tidak masuk akal jika Roh Suci hanya berupa suatu kuasa atau penganruh yang tidak berperibadi. Sebaliknya, kenyataan itu menunjukkan bahawa satu lagi makhluk peribadi lain, yang sama halnya seperti Bapa dan Anak adalah makhluk berperibadi.

Tambahan pula, bagaimanakah mungkin umat percaya dibaptiskan "di dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Suci" (*Matius 28:19*), jika sekiranya dua yang pertama disebut itu adalah Berperibadi manakala yang ketiga disebut tidak berperibadi. Hal seperti itu sama sekali tidak masuk akal. Di sebaliknya, kesemua tiga itu disebut sebagai sebahagian daripada satu nama yang sama yang dengannya kita dibaptiskan. Dengan demikian, Roh Suci itu dinyatakan di sini sebagai berada dalam tahap yang sama dengan Bapa dan Anak.

Ellen G. White dengan jelas menyatakan bahawa "ada tiga makhluk peribadi pada trio Syurgawi ... Bapa, Anak dan Roh Suci." – **Ellen G. White**, *Evangelism*, ms. 615. Dia juga sangat jelas mengenai kewujudan peribadi Roh Suci.

RABU 25 Januari

Roh Kebenaran

Sila baca Yohanes 14:6 dan 17:17. Apakah makna istilah kebenaran di dalam ayat ini?

Di dalam Kitab Injil Yohanes, perkataan kebenaran itu adalah satu istilah utama. Pemahaman kontemporari kita mengenai kebenaran sering bersifat sangat abstrak dan berbentuk teoretikal. Di dalam dunia Barat ia telah dibentuk oleh falsafah Yunani. Namun demikian, di dalam Alkitab, terutamanya di dalam Injil Yohanes, kebenaran membawa bersamanya suatu makna yang bersifat peribadi dan khusus: Yesus adalah kebenaran (*Yohanes 14:6*). Sementara Firman Tuhan yang Tertulis mengandungi kebenaran (bandingkan dengan *Yohanes 17:17*, *Mazmur 119:142*), Kebenaran Tuhan dinyatakan dalam cara yang agung di dalam keperibadian Yesus Kristus. Pengenalan sejati tentang Tuhan telah diberikan kepada kita di dalam Yesus, yang dibicarakan oleh Kitab Suci, kerana Tuhan telah menyatakan diriNya melalui Dia.

Sila baca Yohanes 15:26 dan 16:13. Apakah fungsi pada Roh Suci sebagai Roh Kebenaran?

Kita diberitahu di dalam Yohanes 16:13 bahawa Roh kebenaran akan menuntun kita kepada semua kebenaran. Dia melakukan ini dengan menunjukkan kepada Yesus Kristus dan dengan membantu kita untuk mengingati apa yang Yesus telah katakan (*Yohanes 15:26*) dan lakukan untuk kita. Kebenaran yang Roh Suci akan tuntun kita adalah sangat peribadi: Dia mengangkat Yesus dan menuntun kita ke dalam satu hubungan kehidupan dan perhubungan dengan Dia. Apabila Yesus berbicara dengan seorang wanita Samaria, Dia berkata bahawa Tuhan harus disembah di dalam roh dan di dalam kebenaran (*Yohanes 4:24*). Apabila kita meminta pimpinan Roh Suci, Dia akan memimpin kita kepada Yesus, Dia adalah jalan dan kebenaran dan hidup (*Yohanes 14:6*).

Kebenaran di dalam Alkitab bukan suatu perkara abstrak atau teori sebagaimana selalunya muncul dalam falsafah. Kebenaran merangkumi satu hubungan peribadi yang mendalam dan setia dengan Pencipta dan Penebus kita, Dia yang disebut "Tuhan segala kebenaran" (banding dengan *Ulangan 32:4*, *Mazmur 31:6*). Oleh itu, Roh Suci secara tepat disebut "Roh Kebenaran" (*Yohanes 14:17*; *16:13*), yang telah diutus kepada kita dari Bapa (*Yohanes 15:26*), yang menunjukkan bukan sahaja sifat peribadiNya tetapi juga KeilahianNya.

Kita sememangnya cenderung memikirkan kebenaran itu dari segi andaian, sama seperti satu konsep logikal yang dikenali sebagai *modus ponens*. "Jika A, maka ia B. Oleh itu A adalah B." Tidak dipersoalkan bahawa kebanyakan yang kita fahami sebagai kebenaran, kita fahami itu sebagai suatu andaian. Oleh itu, bagaimanakah anda memahami idea mengenai kebenaran sebagai satu Uknum? Sila bawa jawapan anda ke kelas pada hari Sabat nanti.

KHAMIS 26 Januari

Mengapakah Ia Penting?

Persoalan mengenai keperibadian Roh Suci adalah yang paling penting dan ia mempunyai implikasi praktikal yang tinggi. "Jika Dia adalah Uknum yang Ilahi dan kita menganggap Dia sebagai suatu pengaruh yang tidak berperibadi maka kita merompak dari Satu Uknum Ilahi penghormatan, kemuliaan dan kasih sayang yang yang seharusnya diberikan kepadaNya." – **LeRoy Edwin Froom**, *The Coming of the Comforter*, ms. 40.

Jika kita memikirkan Roh Suci itu hanya sebagai suatu kuasa ilahi yang misteri maka pandangan kita adalah: Bagaimanakah saya boleh memiliki lebih Roh Suci? Tetapi jika kita memikirkan Roh Suci itu sebagai satu Makhluk Ilahi maka kita akan bertanya: Bagaimanakah Roh Suci boleh memiliki lebih daripada saya? Pokok penentunya ialah: Adakah anda ingin memiliki Roh Suci, atau adakah anda ingin Roh Suci memiliki anda? Adakah anda melawan pengaruhNya atau adakah anda rela mengikuti Dia dalam penurutan yang bersukacita (sila lihat *Roma 8:12–14*, *Galatia 5:18–24*)? Adakah anda mahu menggunakan Roh Suci menurut rencana anda atau adakah anda bergantung kepadaNya agar Dia dapat membolehkan anda lebih menjadi seperti Yesus Kristus dan melakukan apa yang Dia ingin agar anda lakukan? Adakah anda mengambil secara serius hakikat bahawa "tubuhmu adalah bait Roh Suci yang diam di dalam kamu, Roh Suci yang kamu peroleh dari Tuhan" (*1 Korintus 6:19*) dan adakah anda bersedia memuliakan Tuhan melalui gaya hidup anda?

Sila baca Roma 5:5 dan Efesus 2:18, 19. Bagaimanakah Roh Suci dan kasih itu berkaitan? Apakah impak oleh hal ini kepada anda secara peribadi dan kepada gereja?

Hanya manusia berperibadi yang boleh secara sedar memilih untuk bekerjasama di antara satu sama lain. Kita diundang untuk bekerja bersama dengan Roh Suci, sementara Dia memimpin dan mengubah kita secara peribadi dan sebagai gereja Tuhan secara bersekutu. Jika kita tidak menerima Roh Suci sebagai satu Uknum dalam Ketuhanan maka ia akan menjadi mudah bagi kita untuk mengabaikan Dia, mudah untuk menulikan telinga kita kepada undanganNya dan mengeraskan hati kita terhadap pengaruhNya yang mengubah hidup itu. Oleh kerana kita adalah orang berdosa, makhluk yang dirusakkan oleh dosa yang memerlukan rahmat mengubah dari Tuhan, perkara yang kita tidak harus lakukan ialah mengabaikan dorongan Roh Suci di dalam hidup kita. Jika ada sesuatu yang kita perlukan, itu adalah keperluan kita untuk lebih menyerahkan diri kita sendiri kepadaNya. Oleh itu, dalam pengakuan kita bahawa Roh Suci itu adalah Uknum Ilahi yang mahu menggunakan kita maka Tuhan akan berdiri di tengah-tengah hidup kita sebagai Kristian.

"Kita tidak boleh menggunakan Roh Suci. Roh itulah yang menggunakan kita." – *The Desire of Ages*, ms. 672. Pada pendapat anda, apakah yang dimaksudkan oleh Ellen G. White dengan kenyataan ini? Bagaimanakah Roh Suci boleh menggunakan kita? (Sila lihat *Filipi 2:13*.)

JUMAAT 27 Januari

Renungan Tambahan: Sila baca **Ellen G. White**, *The Desire of Ages*, ms. 669-672, di mana dia berbicara mengenai Roh Suci. Baca juga di dalam *Evangelism*, ms. 613-617.

“Yesus mendekati mereka dan berkata: “Kepada-Ku telah diberikan segala kuasa di sorga dan di bumi. Karena itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman” (*Matius 28:18-20*). Perhatikan, ketika Yesus memberikan panggilan dan pekerjaan mereka, Dia mengatakan untuk membaptiskan murid-murid di dalam “nama” kata tunggal, Bapa, Anak dan Roh Suci. Dia tidak berkata “nama-nama” Bapa, Anak dan Roh Suci tetapi hanya “nama,” (Yunani onoma). Ini berupa bukti lebih berkuasa terhadap sifat tritunggal pada Tuhan kita yang satu (“Dengarlah, hai orang Israel: TUHAN itu Tuhan kita, TUHAN itu esa!” [*Ulangan 6:4*]). Sebagaimana sudah ditunjukkan oleh pelajaran minggu ini, tiada sesiapa yang mempersoalkan keperibadian pada Bapa dan Anak; oleh itu, mengapakah pula ada sesiapa yang mempersoalkan keperibadian Roh Suci? Menurut Alkitab, kita memiliki hadirat Tuhan sendiri yang penyayang, prihatin dan menghiburkan bekerja di dalam kita dan melalui kita. Itulah Roh Suci dan apa yang Dia lakukan. Betapa suatu yang lebih baik untuk diketahui bahawa yang hadir dan tinggal dalam diri kita ini adalah satu Peribadi, sama seperti Bapa dan Yesus itu adalah Peribadi. Ya, sememangnya ia sukar untuk difahami sepenuhnya tetapi, jadi apa? Jika kita tidak dapat memahami sepenuhnya sifat sesuatu yang asas seperti cahaya atau angin, betapa lebih kita tidak akan memahami sepenuhnya sifat sesuatu seperti Roh Suci itu sendiri?

Soalan Perbincangan:

1. Semasa di dalam kelas, sila kembali kepada jawapan anda terhadap pertanyaan hari Rabu mengenai kebenaran itu sebagai satu Uknum, iaitu Yesus Kristus. Apakah maknanya hal itu? Mengapakah Yesus itu adalah kebenaran? Bagaimanakah kita memahami “kebenaran” dalam cara seperti itu, daripada ia hanya sekadar suatu ajaran atau andaian?
2. Ellen G. White telah menulis: “Kita perlu menyedari bahawa Roh Suci, yang sama-sama berperibadi seperti Tuhan itu adalah berperibadi, sedang berjalan-jalan di muka bumi ini.” – Ellen G. White, *Evangelism*, ms. 616. Apalah yang hal ini beritahu kepada kita mengenai realiti dan kehadiran Roh Suci?
3. Sila kembali kepada beberapa di antara ciri-ciri dan sifat pada Roh Suci yang kita sudah pelajari minggu ini. Yang manakah secara khusus memberikan penghiburan kepada anda? Manakah yang paling bermakna kepada anda? Sila kongsi dengan kelas mengapa anda membuat pilihan seperti yang anda lakukan.
4. Apakah yang anda boleh lebih kaitkan diri anda, satu kuasa tenaga yang tidak berperibadi atau Uknum yang berperibadi? Apakah implikasinya pada jawapan anda?

PELAJARAN 4: Keperibadian Roh Suci

Panduan Guru

Garis Panduan Pelajaran

Key Texts: Yohanes 14:16-18, 16:5-15

Pelajar Akan:

Mengetahui: Mengenali kepentingan untuk memahami bahawa Roh Suci adalah satu Peribadi Ilahi, bukan sekadar suatu kuasa tenaga yang keluar dari Bapa.

Merasakan: Mengalami satu penghargaan yang lebih dalam terhadap, dan bergantung kepada, pelayanan Roh Suci di dalam kehidupan setiap hari.

Melakukan: Membangun sensitiviti terhadap suara Roh dan lebih lengkap keterbukaan dalam mertespon kepada pimpinanNya.

Garis Pembelajaran:

I. Mengetahui: Roh Suci Itu Sama-sama Uknum Ilahi seperti Bapa dan Anak.

- A. Apakah ciri-ciri keperibadian Yang Alkitab berikan kepada Roh Suci?
- B. Bagaimanakah anda menjelaskan keperibadian? Apakah yang membuat seseorang itu berperibadi? Bagaimanakah kualiti pada Roh Suci, yang terdapat di dalam Alkitab, memberikan bukti mengenai sifat ini?

II. Merasakan: Roh Suci Rindu Mengisi Setiap Umat Percaya.

- A. Mengapakah sangat penting untuk mengenali bahawa Roh Suci itu adalah Uknum Ketika dalam Ketuhanan sama seperti Keperibadian Ilahi dengan Bapa dan Anak?
- B. Bagaimanakah perasaan anda dengan mengetahui bahawa Yesus tidak membiarkan kita menjadi yatim piatu tetapi rindu untuk hadir secara peribadi dengan kita melalui pelayanan Roh Suci?

III. Melakukan: Roh Suci Rindu Untuk Lebih Menyatakan Yesus.

- A. Keriangian paling tinggi dan sukacita paling besar bagi Roh Suci ialah untuk "mempersaksikan" Yesus di dalam hidup kita. Sila nekadkan untuk meluangkan waktu setiap hari untuk membaca beberapa bahagian di dalam Kitab Injil agar dapat memberi ruang bagi Roh Suci untuk memuliakan Yesus di dalam hidup anda. Apakah yang anda dapati paling membantu di dalam hidup rohani anda sendiri yang membolehkan anda memberikan ruang bagi Roh untuk memuliakan Tuhan di dalam hidup anda. Apakah yang anda dapati paling membantu di dalam kehidupan rohani yang membolehkan anda meluangkan waktu untuk mendengar suara bisikan Roh Suci?
- B. Apakah pengalaman tertentu yang anda boleh kongsi dengan kelas berhubung waktu ketika Roh Suci telah menyatakan kasih Tuhan? Bagaimanakah ia suatu yang bermakna secara khusus bagi anda?

Kesimpulan: Apabila kita membuka hati kita kepada pelayanan, dengan menyedari bahawa Dia adalah Wakil Peribadi Kristus, Uknum Ketiga dalam Ketuhanan, maka Dia akan menyatakan Yesus kepada Kita di dalam segala keindahanNya dan memuliakan Kristus yang dinyatakan di dalam hidup kita.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: Yohanes 16:7

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Roh Suci tidak terbatas oleh masa dan tempat. Dia mana sahaja kita memerlukan Dia, Dia berada di sana. Di mana sahaja kita pergi di dalam nama Kristus, Dia akan berada di sana, memimpin, menasihati, mendorong, menguatkan dan menginspirasi kita dengan pengharapan. Ketika kita memahami realiti pada kehadiran Roh setiap hari maka sukacita di dalam hati kita akan berkelimpahan.

Hanya untuk Guru: Pelajaran minggu ini menyingkapkan keperibadian Roh Suci di seluruh Alkitab. Sesetengah orang akan menyangkal bahawa Roh Suci itu adalah Uknun Ketiga dalam Ketuhanan. Mereka percaya bahawa Roh Suci itu adalah suatu kuasa tenaga atau unsur yang muncul dari Bapa, bukan Uknun dan Peribadi yang nyata.

Dalam pelajaran kita minggu ini, kita akan mengkaji secara sistematik ayat-ayat di dalam Alkitab yang jelas menggambarkan sifat Ilahi dan Keperibadian pada Roh Suci. Tiga keperibadian asas ialah minda yang berakal, satu kebolehan untuk membuat pilihan dan suara yang berkomunikasi. Roh Suci memiliki ketiga-tiga unsur ini. Kita akan mengkaji lebih mendalam dua perkara pertama dalam pelajaran ini.

Pembuka Perbincangan: Apabila anda memikirkan mengenai Roh Suci, apakah yang ada fikirkan? Sejauh manakah jelasnya pemikiran anda mengenai sifat, peranan dan pelayanan Roh Suci? Adakah lebih mudah untuk memikirkan mengenai Bapa dan Anak sebagai Uknun Peribadi daripada memikirkan Roh Suci dalam hal yang sama.

Kita sering samakan hal yang kelihatan dengan keperibadian. Adalah sukar untuk memikirkan mengenai seorang yang halimunan. Sifat pada Roh Suci adalah suatu misteri. Perkara kekal adalah suatu yang sukar bagi minda manusia untuk memahami; namun, hanya kerana kita memahami sepenuhnya sesuatu hal tidak bermakna bahawa perkara yang kita fahami itu tidak wujud.

Soalan Perbincangan:

1. Mengapakah sifat Roh Suci itu sangat penting?
2. Mengapakah umat Tuhan memerlukan pelayanan Roh Suci di dalam hidup mereka setiap hari?
3. Apakah yang kita dapat pelajari dari gambaran Yesus mengenai Roh Suci di dalam Yohanes 16:13, 14?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya untuk Guru: Apabila kita mempelajari misteri Ilahi, adalah suatu hal penting untuk mengkaji apa yang Alkitab katakan dan bersedia untuk membiarkan soalan yang tiada jawapan dinyatakan. Di dalam pelajaran minggu ini, kita

PELAJARAN 4: Keperibadian Roh Suci

Panduan Guru

akan menumpukan kepada apa yang Alkitab ajarkan mengenai keilahian Peribadi pada Roh Suci dan mendapatkan dorongan dan kekuatan bagi hidup kita hari ini.

Ulasan Alkitab

I. “Mengutus Dia Kepadamu”: Roh Suci Sebagai Penolong dan Penghibur

(Imbas kembali Yohanes 14-16 bersama kelas.)

Di dalam hujah yesus mengenai Roh Suci dalam Yohanes 14-16, Dia menggunakan istilah “Penolong” atau “Penghibur” sebanyak empat kejadian (Yohanes 14:16, 26; 15:26; 16:7). Istilah Yunani yang digunakan di dalam ayat ini ialah *parakletos*, yang secara literal bermaksud “mengutus kepadamu,” iaitu kepada mereka untuk menolong mereka.” – *Vines Expository Dictionary of New Testament Words*, s.v. *parakletos*, (<https://www.blueletterbible.org/search/Dictionary/viewTopic.cfm?topic=VT0000499>). Di dalam mahkamah perundangan zaman purba apabila seseorang itu dibicarakan, orang ini akan ditugaskan sebagai *parakletos*, yang akan menolong orang yang tertuduh itu dan menyediakan keperluan orang tersebut. (*Ibid.*) Kemungkinan apa yang diperlukan itu berbentuk fizikal, seperti keperluan makanan, selimut atau air. Sebagai tambahan, termasuklah juga keperluan emosi dan psikologi, seperti perlu diberikan dorongan dan harapan. Atau ia mungkin berupa keperluan undang-undang, seperti perlunya pembelaan atau rayuan bagi pihaknya apabila tuduhan itu dibawa ke pengadilan.

Betapa satu gambaran yang digunakan agar dapat menggambarkan Roh Suci: Iaitu Dia yang datang ke sisi kita untuk memenuhi keperluan kita dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani! Tidak pernah ada situasi di mana kita sebagai anak Tuhan yang Dia tidak hadir bersama kita. Tidak pernah ada pengalaman hidup yang kita depahi di mana Dia tidak mampu menanganinya. Penolong Ilahi kita sentiasa hadir, bersedia untuk membantu pada masa kita memerlukan pertolongan.

Perhatikan Hal Ini: Apakah istilah asal bagi Roh Suci yang digunakan di dalam Yohanes 14:16, dan apakah maknanya hal itu secara literal? Bagaimanakah maknanya itu menolong kita untuk dapat lebih memahami konsep bahawa Roh Suci itu adalah Penolong dan juga Penghibur? Bagaimanakah Dia datang untuk membantu kita? Apakah keperluan yang dipenuhiNya?

II. Peribadi Pada Roh Suci *(Imbas kembali Roma 8:27 dan 1 Korintus 12:11 bersama kelas.)*

Rasul Paulus menggunakan dua istilah menakjubkan untuk menggambarkan Keperibadian Ilahi pada Roh Suci: minda (maksud) dan kehendak. Di dalam Roma 8:27, Paulus berbicara mengenai “maksud Roh itu.” Di dalam 1 Korintus 12:11, dia menunjukkan bahawa Roh Suci itu memberikan kurnia Roh kepada setiap umat percaya secara individu “seperti yang dikehendakiNya.” Maksud dan kehendak adalah dua fungsi unik bagi suatu makhluk yang berperibadi. Mari kita pelajari lebih dekat kepada “maksud” dan “kehendak” di dalam Alkitab bagaimanakah disampaikan di dalam konteks umat manusia yang percaya dan Kristus, untuk menjelaskan dengan lebih nyata apa maknanya bagi Roh Suci dalam memiliki kedua-duanya.

Panduan Guru

Minda (maksud) adalah pusat pada pemikiran. Di sinilah akal, naluri dan pertimbangan mempengaruhi keputusan. Alkitab menggunakan minda untuk menggabungkan konsep kesucian, kesatuan dan kewarasan minda, kualiti yang umat percaya didorong untuk memiliki dan berdoa untuk mendapatkannya. Sebagai contoh, Alkitab memberitahu kita bahawa kita mungkin memiliki fikiran Kristus (*Filipi 2:5, 1 Korintus 2:16*), yang bermaksud, sifatNya yang suci. Apabila berbicara mengenai perlunya bagi kesatuan di kalangan umat percaya, Alkitab menggesa kita untuk “sehati sefikir” (*Roma 12:16, Filipi 4:2; 2 Korintu 13:11*). Berada di dalam hadirat Kristus akan menghasilkan pemikiran yang waras sebagaimana cerita mengenai orang yang dirasuk roh-roh jahat gambarkan dengan penuh kuasa. Seterusnya, apabila roh-roh jahat itu diusir, orang yang dirasuk roh jahat itu di dapati “sudah waras” (*Markus 5:15, Lukas 8:35*), satu ungkapan yang boleh juga diterjemahkan dari bahasa Yunani untuk membawa maksud “berfikiran waras.” – *Vines Expository Dictionary of New Testament Words, s.v. sophroneo*, (<https://www.blueletterbible.org/lang/Lexicon/Lexicon.cfm?strongs=G4993&t=KJV>).

Sama seperti buah fikiran berupa ciri-ciri penentu kepada keperibadian bagi manusia dan Ilahi, demikian juga dengan sifat kehendak. Haiwan memiliki minda. Tetapi sifat kehendak, atau keupayaan untuk membuat pilihan yang rasional, mengangkat kita jauh tinggi mengatasi haiwan ciptaan. Dikurniakan dengan sifat kehendak memantulkan sebahagian daripada apa makna untuk dibentuk ke dalam imej Tuhan. Kita bukan sekadar suatu makhluk, yang digerakkan oleh naluri dan didorong oleh keinginan biologikal. Tuhan telah memberikan setiap kita keupayaan untuk membuat pilihan bermoral melalui penggunaan sifat kehendak itu dengan betul. Ellen G. White menyatakan dengan ringkas: “Sifat kehendak itu berupa kuasa penentu di dalam sifat manusia, kuasa untuk membuat keputusan atau pilihan. Setiap manusia yang dikuasa oleh akal memiliki kuasa untuk memilih perkara yang betul. Dalam setiap pengalaman hidup, firman Tuhan kepada kita ialah, ‘Pilihlah pada hari ini kepada siapa kamu akan beribadah.’ Yosua 24:15. Setiap orang mungkin mahu meletakkan kehendaknya pada pihak kehendak Tuhan, mungkin memilih untuk menuruti Dia dan dengan demikian mengaitkan dirinya dengan ejen-ejen Ilahi, dia akan berdiri di tempat di mana tiada yang boleh memaksa dia untuk melakukan perkara jahat.” – *Education*, ms. 289. Hanya melalui melakukan kehendak itu dengan betul, di bawah pimpinan Roh Suci maka satu sifat soleh akan terbentuk.

Memandangkan Roh Suci itu memiliki minda Ilahi yang berfikir dan berakal dan kehendak Ilahi untuk membuat pilihan, maka Dia semestinyalah, dengan definisi itu sendiri, Peribadi yang Ilahi. Dia bukan sekadar suatu tenaga kuasa yang keluar dari Bapa, atau suatu aspek pada keperibadian Tuhan. Dia adalah Peribadi nyata yang berasingan. Roh Suci itu boleh berfikir, berakal, membuat keputusan dan pilihan. Dia adalah sama-sama nyata dan satu Peribadi Ilahi seperti Bapa dan Anak.

Consider This: Jelaskan ciri-ciri suatu yang berperibadi dan mengapa, berdasarkan kepada kriteria itu bahawa Roh Suci – walaupun suatu misteri seperti yang kita lihat – memenuhi definisi pada keperibadian.

Panduan Guru

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya untuk Guru: Pimpin kelas anda dalam satu perbincangan praktikal tentang bagaimana Roh Suci itu menyatakan kebenaran pada Firman Tuhan dan bagaimana Yesus itu adalah “jalan, kebenaran dan hidup” (*Yohanes 14:6*). Jika Yesus itu adalah “kebenaran,” apakah yang dimaksudkanNya apabila Dia berkata kepada murid-muridNya bahawa Roh Suci akan menuntun mereka kepada “seluruh kebenaran” (*Yohanes 16:13*)?

Renungan/Soalan Penerapan:

1. Apabila kita berusaha mendapatkan Roh Suci untuk berada di tengah-tengah kita, kita bukan mencari suatu “tenaga kosmik” untuk menuntun kita. Apabila kita berusaha mendapatkan pimpinan dari Roh Suci, kita tidak berharap kepada suatu kehadiran mistikal untuk memimpin kita kepada suatu bentuk cahaya yang lebih dalam. Kita adalah meminta Tuhan alam semesta untuk mengutus Uknun Ketiga pada Ketuhanan untuk memberikan kita sokongan yang kita perlukan. Mengapakah kadang kala Roh Suci kelihatan sangat bermisteri? Bagaimanakah kita boleh menjadi lebih nyata di dalam hidup kita?
2. Apakah yang kita sebagai individu boleh menjadi lebih sensitif kepada pekerjaan Roh Suci di dalam hidup kita?
3. Apakah perkara praktikal yang kita boleh lakukan untuk boleh mendengar suara Tuhan yang berbicara melalui Roh Suci ketika kita membaca Firman Tuhan?

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya untuk Guru: Roh Suci itu adalah Sekutu yang berkuasa dalam mengatasi dosa dan membolehkan kita menjalani satu kehidupan yang bersukacita dan memiliki kehidupan Kristian yang berkelimpahan. Roh Suci itu bersedia untuk menguatkan kita ketika kita berhadapan dengan pencubaan, menguatkan semangat kita semasa kita merasa kecewa dan memimpin kita ketika kita membuat keputusan. Ketika kita membiarkan Roh Suci untuk mengisi hidup kita dengan hadirat IlahiNya, kita akan jalani satu kehidupan yang penuh dan bukan berusaha melalui kekuatan kita sendiri melawan segala serangan si jahat dan berada di dalam hidup yang kalah. Kita akan bersukacita di dalam kemenangan yang Roh Suci berikan.

Aktiviti:

1. Minta ahli kelas anda untuk mengongsikan pandangan yang paling penting yang mereka dapat ambil dari pelajaran minggu ini.
2. Sila bincang bersama kelas anda apa maknanya kepada mereka bahawa Roh Suci itu adalah *parakletos* kita yang Ilahi.
3. Undang ahli kelas anda untuk mengongsikan cara yang mereka telah dapati dalam mendengar suara Roh Suci ketika mereka merenungkan Firman dan pekerjaan Tuhan.

Pelajaran 5 | 28 Januari-3 Februari

Baptisan dan Pengisian Roh Suci

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: Markus 1:8; Efesus 5:18; Kisah 13:52; Lukas 11:8-10; Kisah 5:32; Galatia 5:16-26.

Ayat Hafalan: "Pencuri datang hanya untuk mencuri dan membunuh dan membinasakan; Aku datang, supaya mereka mempunyai hidup, dan mempunyainya dalam segala kelimpahan" (Yohanes 10:10).

Sebagai umat Kristian, kita harus dipenuhi dengan Roh Suci. Tanpa Dia, kesaksian kita tidak berkuasa dan hidup Kekristianan kita tidak bermakna melainkan menjadi satu beban. Kita mungkin memiliki ilmu, bakat dan kepetahan tetapi tanpa Roh maka kita tidak akan mengalami hidup sebagaimana Tuhan inginkan untuk kita. Kita tidak akan memiliki jaminan keselamatan dan tidak akan mengenali sukacita yang datang dari melayani Tuhan kita. Kita hanya Kristian dalam nama dan bukan umat Kristian yang sebenar-benarnya.

Namun, Yesus ingin agar kita menjalani hidup yang sepenuhnya. Dia ingin memberi kita hidup sebagaimana yang dimaksudkan, hidup yang penuh dan bermakna kerana ia berakar di dalam Sumber segala hidup: iaitu Yesus Kristus. Dia adalah Pencipta segala kehidupan dan satu-satunya jalan kepada hidup yang kekal. "Akulah jalan dan kebenaran dan hidup. Tidak ada seorang pun yang datang kepada Bapa, kalau tidak melalui Aku" (*Yohanes 14:6*). Kepenuhan ini hanya terjadi dengan berpaut kepadaNya dan ini hanya boleh terjadi melalui pekerjaan Roh Suci di dalam hidup kita.

Minggu ini kita akan mempelajari apa Alkitab katakan mengenai baptisan Roh dan apa maknanya dipenuhi dengan Roh Suci. Kita juga akan melihat beberapa bukti yang menyatakan bahawa kita, sememangnya, dipenuhi dengan Roh.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 4 Februari.*

AHAD 29 Januari

Baptisan Roh Suci

Sila baca Markus 1:8 (banding dengan Matius 3:11, Lukas 3:16, dan Yohanes 1:33), Kisah 1:5, dan Kisah 11:16. Apakah lagi upacara lain yang dilakukan bersama-sama dengan baptisan Roh?

Di dalam Perjanjian Baru terdapat hanya tujuh ayat yang berbicara mengenai dibaptiskan di dalam Roh Suci. Empat daripada ayat ini kembali kepada Yohanes Pembaptis dan menunjukkan kepada Pentakosta. Di sini, Roh Suci itu diberikan untuk menyambut permulaan “hari-hari terakhir” sejarah penyelamatan.

Namun, Yohanes, berbeza dengan Injil yang lain, tidak menggunakan ayat yang menunjukkan masa depan apabila berbicara mengenai baptisan Roh. Sebaliknya, dia menggunakan ayat yang menunjukkan masa kini, yang menandakan bahawa ini berupa sesuatu yang memiliki kesahihan berterusan (lihat *Yohanes 1:33*). Bentuk ayat sama digunakan oleh Yohanes beberapa ayat sebelum itu di dalam Yohanes 1:29, apabila dia berbicara mengenai satu pekerjaan Yesus yang penting: iaitu menghapus dosa dunia. Pelayanan Yesus terdiri daripada menghapus dosa kita dan memberikan Roh Suci kepada kita. Pengalaman berganda dua juga dicatatkan di dalam Kisah 2:38. Setelah mata mereka dibuka kepada Kristus, mereka menerima kedua-duanya, iaitu: pengampunan dosa dan Roh Suci. Pengalaman sama dicatatkan mengenai umat percaya di rumah Kornelius dalam Kisah 10:43, 44 dan kemudiannya dalam Kisah 11:16. Baptisan dengan air telah dikenali sebagai baptisan pertaubatan (*Kisah 19:4*). Apabila kita bertaubat dari dosa dan dibaptiskan di dalam nama Yesus maka kita juga menerima Roh Suci (*Kisah 2:28-39*).

Di dalam Perjanjian Baru, penerimaan Roh Suci dan baptisan turut bersama-sama. Dalam baptisan kita menjadi milik Kristus dan Yesus memberikan Roh Suci kepada kita agar kita boleh jalani kehidupan di dalam kuasaNya dan membolehkan kita memberitakan khabar baik itu. Baptisan Roh bukanlah satu pekerjaan kurnia kasih kedua yang diberikan kemudian di dalam hidup kita yang sesetengah orang kaitkan dengan kurnia luar biasa.

Di dalam 1 Korintus 12:13, Paulus tidak berfikir mengenai satu pengalaman unik seperti pada Pentakosta, tetapi sebaliknya dia berbicara mengenai satu pengalaman semua umat percaya. Dia mengatakan bahawa oleh satu Roh kita semua dibaptiskan ke dalam satu tubuh dan semua dikehendaki meminum dari satu Roh. Paulus menekankan kesatuan. Perkataan “semua” itu penting. Paulus mengaitkan permulaan bagi semua umat percaya ke dalam tubuh Kristus dengan pembaptisan Roh.

Apakah yang telah menjadi pengalaman anda sendiri sebagai dibaptiskan oleh Roh Suci? Apakah maknanya Roh Suci itu bagi hidup anda? Bagaimanakah keadaan anda tanpa Dia bekerja di dalam diri anda?

Dipenuhi Dengan Roh Suci

Sila baca Efesus 5:18, Kisah 13:52, dan Roma 8:9. Apakah maknanya dipenuhi dengan Roh Suci? Bagaimanakah dipenuhi dengan Roh Suci terjadi di dalam hidup kita?

Sebaik kita dibaptiskan dan menjadi milik Kristus, kita harus hidup di dalam kuasa Roh. Untuk hal ini terjadi kita harus dipenuhi dengan Roh. Terdapat banyak rujukan di dalam Perjanjian Baru di mana umat Tuhan dipenuhi dengan Roh (*Lukas 1:41, 67; Kisah 2:4; 4:8, 31; 9:17; 13:9*). Rasul Paulus menggunakan perkataan dipenuhi untuk mengatakan bahawa seseorang itu telah berserah sepenuhnya kepada Tuhan dan terbuka kepada pengaruh pimpinan Roh Suci agar pekerjaan Tuhan sendiri boleh dicapai di dalam hidup seseorang itu.

Jika kita mengalah kepada pengaruh alkohol maka kehidupan, percakapan dan pemikiran kita akan dikesani dengan negatif. Apabila kita dipenuhi dengan Roh Suci, kita menyerahkan setiap bahagian hidup kita kepada pengaruhNya yang mengubah hidup dengan hasilnya bahawa kehidupan, percakapan dan pemikiran kita akan memantulkan Yesus.

Sementara Roh itu diberikan oleh mendengar dengan iman (*Galatia 3:2*) dan diterima melalui iman (*Galatia 3:14*) pada pembaptisan kita (*Titus 3:5, 6*), maka kita perlu berusaha mendapatkan pengisian Roh Suci itu setiap hari. Kita tidak boleh tinggalkan satu pengalaman berkuasa yang kita telah miliki tahun lalu, atau bulan lalu atau malah kelmarin. Kita perlukan pengisian Roh Tuhan setiap hari kerana setiap hari membawa cabarannya tersendiri.

Ayat Kisah 13:52, istilah dipenuhi dengan Roh Suci menunjukkan satu tindakan yang berterusan. Secara literal ia bermaksud: "dipenuhi (berterusan)." Dipenuhi dengan Roh bukan satu peristiwa yang terjadi hanya sekali. Ia sesuatu yang harus kita usahakan dan terima setiap hari. Keadaan dipenuhi ini harus diulangi agar setiap bahagian hidup kita dipenuhi dengan hadiratNya dan dengan demikian kita diperkasakan untuk menjalani hidup yang seharusnya kita miliki.

Dipenuhi dengan Roh Suci tidak bermaksud bahawa kita memiliki Dia lebih banyak tetapi Dia memiliki kita dengan lebih. Hanya apabila kita serahkan semua aspek hidup kita kepada Roh setiap hari maka barulah Dia menggunakan kita untuk kemuliaan Tuhan.

"Saya ingin tekankan kepada kamu hakikat bahawa mereka yang memiliki Yesus di dalam hatinya oleh iman sebenarnya telah menerima Roh Suci. Setiap individu yang menerima Yesus sebagai Juruselamat peribadinya, sama pastinya dia juga menerima Roh Suci sebagai Penasihat, Pentahir, Penuntun dan Saksi." – Ellen G. White, *Manuscript Releases*, vol. 14, ms. 71.

SELASA 31 Januari

Syarat: Bahagian 1

Firman Tuhan menunjukkan kepada suatu keadaan tertentu yang diperlukan bagi Roh untyuk tinggal di dalam diri kita. Kita akan melihat kepada beberapa hal yang penting pada dua hari berikut ini.

Sila baca Kisah 2:37, 38. Apakah syarat pertama untuk menerima Roh Suci?

Satu syarat untuk menerima kurnia Roh Suci ialah pertaubatan. Mendengar Firman Tuhan akan membangkitkan naluri kita dan boleh menuntun kita kepada satu kesedaran terhadap keberdoaan yang sebenar dan keadaan yang hilang. Pertaubatan sebenar adalah lebih daripada sekadar merasa bersalah terhadap akibat buruk dosa kita. Ia adalah satu perubahan menyeluruh pada hati dan minda agar kita dapat melihat keadaan dosa itu yang sebenarnya, iaitu: satu kejahatan yang hodoh dan pemberontakan melawan Tuhan. Satu-satunya cara kita boleh mengalami pertaubatan sebenar ialah merasa disentuh oleh kasih Tuhan: "Maukah engkau menganggap sepi kekayaan kemurahanNya, kesabaranNya dan kelapangan hatiNya? Tidakkah engkau tahu, bahwa maksud kemurahan Allah ialah menuntun engkau kepada pertaubatan?" (*Roma 2:4*).

Sila baca Galatia 3:14 dan Yakobus 1:6-8. Mengapakah kita tidak dapat menerima Roh Suci tanpa percaya kepada Firman Tuhan?

Yesus sudah berjanji untuk mengutus Roh itu sebagai wakilNya. Kita terima pemberian yang dijanjikan ini dalam iman. Tetapi jika kita meragui janji Tuhan dan tidak percaya kepada FirmanNya maka kita sama seperti orang yang talam dua muka dan tidak akan dapat menerima apa-apa dari Tuhan. Iman itu lebih daripada penerimaan intelek. Ia adalah meletak nyawa kita atas garis penentu dengan percaya bahawa Tuhan akan berpegang pada FirmanNya dan tidak mengecewakan kita walau apapun yang terjadi.

Sila baca Lukas 11:8-10, 13. Mengapakah pengantaraan berterusan itu boleh membuat perubahan?

Tuhan tidak teragak-agak untuk memberikan Roh itu kepada kita. Tuhan itu baik dan pemurah, lebih daripada apa yang kita lakukan terhadap anak-anak kita sendiri. Syafaat berterusan yang kita lakukan tidak akan mengubah mindaNya. Dia kita yang akan mengubah kita dan membawa kita ke dalam hadirat Tuhan. Doa tidak akan membawa Tuhan turun kepada kita tetapi membawa kita naik kepadaNya. Doa kita hanya menyatakan nekad kita dan menyediakan kita untuk menerima kurnia itu.

Bagaimanakah kita boleh belajar untuk menjadi lebih gigih, rajin, dan menyerah-diri dalam kehidupan berdoa kita sendiri? Mengapakah penting bahawa kita belajar semua perkara ini?

RABU

1 Februari

Syarat: Bahagian 2

Sila baca Kisah 5:32. Mengapakah penurutan terhadap Firman Tuhan itu satu syarat penting untuk menerima Roh Suci?

Dahulu, juga sekarang, Roh Suci itu diberikan kepada semua yang menurut Tuhan. Dalam Alkitab, kasih dan penurutan itu adalah seiring, dan iman sejati dinyatakan di dalam penurutan. Jika kita percaya kepada Tuhan dengan segenap hati kita maka kita akan menuruti hukumNya. Yesus telah berkata: "Jika seorang mengasihi Aku, dia akan menuruti firmanKu" (*Yohanes 14:23*). Penurutan adalah satu lipihan yang menuntun kepada satu gaya hidup yang menuruti kehendak Tuhan yang dinyatakan di dalam hukumNya. Kita harus terus-menerus berada dalam penurutan jika kita mahu mengakui Yesus sebagai Tuhan kita (*Lukas 6:46*). Di dalam 1 Yohanes 2:4, 5 kita diberitahu bahawa "Barangsiapa berkata: Aku mengenal Dia, tetapi ia tidak menuruti perintah-Nya, ia adalah seorang pendusta dan di dalamnya tidak ada kebenaran. Tetapi barangsiapa menuruti firman-Nya, di dalam orang itu sungguh sudah sempurna kasih Allah; dengan itulah kita ketahui, bahwa kita ada di dalam Dia." Ini berupa kata-kata yang tegas. Kita juga tahu dari Yohanes bahawa "Barangsiapa menuruti segala perintah-Nya, ia diam di dalam Allah dan Allah di dalam dia. Dan demikianlah kita ketahui, bahwa Allah ada di dalam kita, yaitu Roh yang telah Ia karuniakan kepada kita" (*1 Yohanes 3:24*). Apabila kita melakukan apa yang Tuhan telah perintahkan maka kita akan memiliki minda yang damai sejahtera.

Sila baca Yudas 18-21. Mengapakah kita perlu mengelak semua kekejian jika kita mahu dipenuhi dengan Roh Roh?

Api dari Roh Suci tidak akan terus menyala di dalam hidup kita apabila minda kita memikirkan hal duniawi. Roh Suci bertindak balas dengan sensitif terhadap kewujudan segala bentuk dosa dan keduniawian di dalam hidup kita. Oleh itu kita perlu mengekalkan diri kita di dalam kasih Tuhan dan berhubung sentiasa dengan Tuhan melalui doa agar kita mengelakkan segala bentuk kenajisan dan mempamerkan satu semangat kuasa, kasih dan disiplin (*2 Timotius 1:6, 7*). Hanya melalui satu pertarungan yang dekat dan sengit melawan diri maka kita boleh menjadi jenis umat yang sepatutnya. Sudah tentulah kita tidak dapat melakukannya secara sendirian; pertarungan itu muncul dalam pilihan kita sama ada menyerahkan kehendak kita kepada dorongan Roh Suci atau membiarkan keinginan daging menguasai diri kita. Itu adalah Pilihan kita.

"Tiada had bagi kegunaan seseorang mengetepikan keinginan sendiri dan memberi ruang kepada pekerjaan Roh Suci di dalam hatinya dan menjalani kehidupan yang berserah sepenuhnya kepada Tuhan." – **Ellen G. White**, *The Desire of Ages*, ms.250, 251. Bagaimanakah anda boleh menerapkan kata-kata ini di dalam hidup rohani anda sendiri?

PELAJARAN 5: Baptisan dan Pengisian Roh

61

KHAMIS 2 Februari

Hidup Berpusat Diri Sendiri lawan Hidup Berpusat Pada Kristus

Sila baca Galatia 5:16-26 dan bandingkan dengan Efesus 5:1-9, 17-20. Senaraikan perbezaan di antara hidup berpusat pada diri sendiri dan hidup yang penuh dengan Roh.

Kehidupan seseorang yang tidak hidup di dalam Roh jauh berbeza dari hidup dan nilai seseorang yang dipenuhi dengan Roh.

Orang Yang Berpusat Pada Diri Sendiri

Inginkan dosa dan tidak menyenangkan Tuhan
Dikawal oleh keinginan dosa
Menyalahguna kebebasan dan dibelenggu oleh dosa

Tidak menurut kehendak Tuhan
Mementing keinginan diri sendiri
Mempamerkan buah dosa
Tidak sedar perlunya pengampunan
Dan bersikap angkuh terhadap dirinya

Orang Yang Dikawal Oleh Roh

Inginkan hal rohani dan yang menyenangkan Tuhan
Dikawal oleh Roh
Bebas dari belenggu dosa dan dibawa kepada kebebasan di dalam Kristus
Menurut Kehendak Tuhan
Mengorbankan keinginan sendiri
Mempamerkan buah Roh

Menyedari perlunya diampuni dan Memuji Yesus atas apa yang Dia telah lakukan

Hidup seseorang yang dipenuhi dengan Roh Tuhan ditunjukkan oleh satu penurutan penuh kasih sayang kepada hukum Tuhan dan satu semangat pengasih yang lemah lembut terhadap orang lain (lihat 2 Korintus 5:14). Setelah diperbaharui di dalam minda dan pemikiran kita dan setelah menerima satu hati yang baru dan satu penampilan baru dalam kehidupan maka nilai dan tingkah laku kita akan berubah. Kita tidak lagi ingin lalui hidup kita dengan kekuatan sendiri tetapi dalam penyerahan kepada Roh Suci (*Galatia 3:3*).

Kita tidak boleh mengubah diri kita sendiri. Kita tidak memiliki kuasa sebenar untuk mengubah diri kita sendiri kerana dosa sudah sangat sebat di dalam diri kita. Tenaga pembaharu harus datang dari Tuhan. Perubahan dari dalam hanya boleh berjaya dilakukan melalui kerja pengubah pada Roh Suci. Tiada sekadar suatu perubahan luaran, seperti usaha membetulkan tabiat buruk yang ini dan itu, akan membuat kita menjadi Kristian. Perubahan itu harus timbul dari hati yang diperbaharui oleh Roh Suci.

Hal ini berupa satu pekerjaan seumur hidup, satu pekerjaan yang ada naik turunnya, tetapi satu pekerjaan yang Tuhan janji untuk lakukan

di dalam diri kita jika kita berserah kepadaNya. “Akan hal ini aku yakin sepenuhnya, yaitu Dia, yang memulakan pekerjaan yang baik di antara kamu, akan meneruskannya sampai pada akhirnya pada hari Kristus Yesus (*Filipi 1:6*).

Pada sudut manakah anda melihat sikap mementing diri sendiri dan berpusat pada diri sendiri itu muncul, dan pada sudut manakah anda melihat satu kehidupan yang memantulkan pekerjaan Roh Suci di dalam diri anda? Apakah yang jawapan anda itu beritahu kepada anda mengenai diri anda sendiri dan pilihan yang perlu anda buat?

JUMAAT 3 Februari

Renungan Tambahan: Adalah suatu hal semula jadi bagi setiap orang untuk berusaha mengawal hidupnya sendiri. Kita selalunya bergantung kepada usaha kita sendiri untuk mencapai semua yang kita mampukan. Sementara ramai orang meluangkan masa mereka dalam usaha mencapai kawalan diri, sesetengah orang lain pula memiliki sikap takut yang tidak sihat akan kehilangan kawalan diri. Dilema manusia seperti ini boleh mendapatkan jawapannya hanya di dalam Tuhan. Dia mahu agar anda memberikan kepadaNya, Pencipta dan Penebus anda, penguasaan penuh atas hidup anda. Dia mengenali dan menyayangi anda dalam cara yang tiada orang lain boleh lakukan. Hal ini akan membuka pintu bagi Dia untuk bekerja di dalam hidup anda. Dengan memilih untuk menyerahkan kehendak anda kepada pimpinan Roh Suci Tuhan, maka anda akan memiliki damai luarbiasa dariNya dan mendapat peluang yang tidak terbatas untuk menjadi berkat kepada orang lain. Namun kita perlulah memiliki kerinduan untuk mendapat kuasa ini di dalam hidup kita. Tuhan tidak akan memaksakan diriNya kepada sesiapapun kita. Untuk menjadi makhluk bermoral maka kita perlu menjadi makhluk yang bebas memilih. Untuk benar-benar menjadi bebas di dalam Kristus maka kita perlu memiliki satu kesedaran meninggalkan sesuatu (iaitu meninggalkan tabiat berdosa yang lalu) dan satu kesedaran keberadaan iaitu berada di dalam kuasa Roh Suci).

Dalam usaha menjadi benar-benar bebas atau merdeka, maka kita perlu benar-benar berserah kepada kawalan Roh Suci. Tidak ada percanggahan

...sambungan di ms 64

...sambungan dari ms 63

di sini. Kebebasan kita terdapat dari pembebasan dari hukuman dan kuasa dosa yang sentiasa membelenggu kita dan sentiasa menuntun kepada kebinasaan. Di sebaliknya, dengan berserah kepada Tuhan dan membuat jalan bagi Roh Suci untuk berada di dalam hidup kita maka kita bukan lagi berada di dalam hukuman (sila lihat *Roma 8:1*) tetapi kita menjalani satu kehidupan di mana kita "tidak hidup menurut kehendak daging tetapi menurut kehendak ." Itulah satu-satunya kebebasan sejati yang kita, sebagai makhluk berdosa yang sudah jatuh, akan ketahui.

Soalan Perbincangan:

1. Sesetengah orang berpendapat bahawa kebebasan itu terdiri daripada keadaan yang boleh melakukan apa saja yang kita inginkan, bila kita mahu dan bagaimana kita inginkannya. Apakah salahnya konsep seperti ini dari sudut perspektif Kristian? Apakah idea Alkitabiah mengenai kebebasan sebenar? (Lihat *Mazmur 119:45*, *Lukas 4:18*, *Yohanes 8:34-36*, *2 Korintus 3:17*, dan *Galatia 5:1*.)
2. Mengapakah penting untuk kita mengetepikan sikap mementing diri sendiri dan mentahbiskan hidup kita sepenuhnya kepada Tuhan sebelum Roh boleh bekerja dengan megah melalui kita? Apakah yang Tuhan boleh lakukan di dalam diri anda yang akan membuat anda lebih menjadi berkat kepada orang lain jika anda mengetepikan sikap mementing diri sendiri dan membuka hati anda kepada kerja-kerja Roh Suci di dalam diri anda?
3. "Kehidupan Kristian bukan suatu pengubahsuaian atau penambahbaikan pada yang lama tetapi satu transformasi pada tabiat. Terdapat satu tindakan untuk mati pada keinginan sendiri dan dosa dan satu kehidupan yang baru secara menyeluruh. Perubahan seperti ini hanya boleh dilakukan oleh keberkesanan kerja-kerja Roh Suci." – Ellen G. White, *The Desire of Ages*, ms. 172. Bincang dalam kelas implikasi pada kata-kata ini.
4. Bandingkan bukti pada hidup yang memusat pada diri sendiri dengan hidup yang dipenuhi oleh Roh (lihat carta hari Khamis). Bincang dengan ahli kelas Sekolah Sabat anda apakah berkat terbesar yang akan menjadi milik kita dalam hidup yang dipenuhi Roh.

Panduan Guru

Garis Panduan Pelajaran

Ayat Utama: Matius 3:11

Pelajar Akan:

Mengetahui: Memahami makna baptisan Roh Suci di dalam Kitab Suci dan menerapkan kepentingan praktikal pada ajaran Alkitab ini di dalam hidupnya. Dia juga akan menemukan syarat-syarat untuk menerima kepenuhan Roh Suci hari ini.

Merasakan: Memupuk satu keinginan mendalam untuk diisi setiap hari dengan Roh Suci dan menjalani kehidupan dengan satu kesedaran terhadap kehadiran dan pimpinan Roh.

Melakukan: Berusaha dengan sesedarnya baptisan Roh Suci setiap hari melalui pembelajaran penuh minat terhadap Firman Tuhan.

Garis Pembelajaran:

I. Mengetahui: Makna dan Pentingnya Dibaptiskan oleh Roh Suci

- A. Mengapakah baptisan Roh Suci itu sangat penting di dalam hidup setiap umat percaya?
- B. Apakah perubahan praktikal yang dibuat oleh baptisan Roh Suci di dalam hidup kita masing-masing?
- C. Mengapakah anda tidak boleh menjadi seorang Kristian yang komited tanpa baptisan Roh Suci?

II. Merasakan: Kemiskinan Pada Jiwa Tanpa Baptisan Roh Suci

- A. Bagaimanakah perasaan kelemahan dan kekurangan kita sebenarnya harus mendorong kita untuk berusaha mendapatkan pengisian Roh Suci?
- B. Mengapakah sikap kurang pengetahuan tentang baptisan Roh Suci itu sangat memudaratkan hidup kerohanian kita?

III. Melakukan: Sukacita dan Kekuatan Untuk Hidup Di Dalam Kuasa Roh

- A. Mengapakah hidup di dalam kuasa Roh Suci itu sangat mencabar setiap hari?
- B. Apakah di antara beberapa perkara praktikal yang kita boleh lakukan bagi menyiapkan hati kita untuk dipenuhi oleh Roh Suci?

Kesimpulan: Satu pemahaman yang betul terhadap baptisan Roh Suci akan membaca kita untuk menyedari keserbakurangan pada jiwa tanpa kepenuhan. Ketika kita mengikuti langkah-langkah praktikal berdasar Alkitab untuk dipenuhi dengan Roh Suci maka kita akan menerima kekuatan dan sukacita.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: Matius 3:11

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Tuhan rindu untuk mengisi umatNya dengan Roh SuciNya, walaupun mungkin mereka tidak memahami sepenuhnya kepentingan untuk pengisian itu dan tidak memahami sepenuhnya langkah-langkah tentang bagaimana hendak dipenuhi dengan Roh Suci. Hati Kristus yang penyayang menginginkan agar kita semua mendapat faedah yang Syurga berikan itu dalam mengalahkan serangan sijahat dan seberapa mungkin menjalani hidup yang berkelimpahan. Tuhan sedang melakukan setiap perkara yang mungkin untuk membolehkan kita menjadi pemenang dalam peperangan melawan kejahatan.

Hanya untuk Guru: Pelajaran minggu ini seharusnya boleh membantu para ahli dalam kelas anda untuk menyedari bahawa baptisan Roh Suci bukan untuk umat Kristian elit secara rohaniah yang terpilih sahaja. Baptisan atau pengisian Roh Suci adalah untuk semua umat percaya pada setiap generasi. Apabila kita menjadi tidak sensitif kepada kemasukan Roh Suci dalam diri kita, maka kita menjalani satu kehidupan Kristian dalam kekuatan kita sendiri dan tidak berdaya untuk mengalahkan pencubaan. Kita hidup dalam kekecewaan kekalahan dan bukan hidup dalam sukacita kemenangan. Keputusan yang kita ambil berdasar kepada kebijaksanaan manusiawi dan bukan bersandar kepada pimpinan Ilahi. Kita terperangkap dalam tabiat yang kelihatan tidak boleh ditinggalkan dan bukan menikmati sukacita dari kebebasan yang dibawa oleh Roh Kristus.

Pembuka Perbincangan: Pastor Mark Finley, seorang evangelis Seventh-day Adventist, telah mengadakan satu siri kumpulan penginjilan di sebelah Pantai Timur Amerika, di negeri Massachusetts. Setelah selesai salah satu kumpulan itu, seorang pemuda lewat dua-puluhan menghampiri Pastor Finley dengan muka yang risau dan ganjil. Dia bertanya, "Boleh kita bercakap secara peribadi? Saya ada satu soalan penting untuk ditanyakan kepada pastor."

Pastor Finley membawa pemuda ini ke satu sudut dalam dewan untuk berbincang. Pemuda itu serta merta meluahkan kerisauannya melalui pertanyaan yang diajukannya dengan penuh cemas. "Bagaimanakah saya tahu bahawa saya sudah melakukan dosa yang tidak boleh diampuni? Mengapakah saya sangat merasa kosong secara rohaniah? Adakah perasaan kekosongan ini satu tanda bahawa Roh Suci sudah meninggalkan saya?" Dengan sabar Pastor Finley menjawab pertanyaan itu satu demi satu sehingga pemuda ini memiliki satu jaminan baru di dalam Kristus dan satu kesedaran tentang kehadiran Roh Suci setiap hari di dalam hidupnya.

Berikut adalah pertanyaan yang asas: Apakah bezanya di antara dosa yang tidak boleh diampuni dan baptisan Roh Suci? Terdapat dua kutub pada pihak

Panduan Guru

bertentangan dalam spektrum Roh Suci. Tambahan, apakah baptisan Roh Suci itu? Bagaimanakah seseorang secara literal “dipenuhi” dengan Roh? Mengapakah pengisian Roh Suci itu bukan sekadar suatu pengalaman beremosi? Jenis pengalaman apakah itu?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya untuk Guru: Tema utama pada pelajaran hari ini ialah (1) baptisan Roh Suci, (2) syarat-syarat untuk menerima Roh Suci dan (3) perubahan yang dibuat oleh pengisian Roh Suci di dalam hidup setiap umat percaya. Di bawah payung tema ini yang lebih luas, bahagian ulasan ini kita akan cuba memberi jawapan kepada pertanyaan berikut: Apakah baptisan Roh Suci itu? Apakah yang Yohanes Pembaptis maksudkan apabila dia menunjukkan para pendengarnya ke hadapan kepada Yesus yang akan membaptiskan mereka dengan “Roh Suci dan api” (*Matius 3:11*)? Perhatikan bahawa Alkitab berkata, “dan api” bukan “atau api.” Apakah maknanya pada perbezaan ini?

Ketika para pelajar anda mengkaji jawapan kepada pertanyaan ini, adalah penting untuk mereka sentiasa mengingati bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga cara utama yang dapat membantu dalam memahami suatu ayat Alkitab:

Pertama, syorkan pada mereka untuk membaca konteks pada ayat tersebut. Mereka harus perhatikan apa yang dikatakan sebelum dan selepas ayat tersebut.

Kedua, bagaimanakah perkataan dan konsep pada ayat ini digunakan di bahagian lain di dalam Alkitab?

Ketiga, apakah makna pada perkataan di dalam ayat yang mereka sedang kaji itu? (Kadang kala, ada baiknya untuk melihat kepada bahasa asal yang digunakan di dalam ayat itu. Satu kamus atau komentari Alkitab yang baik sangat membantu dalam hal ini.)

Sepanjang pelajaran ini, pastikan untuk menekankan kepada para pelajar bahawa baptisan Roh Suci adalah untuk semua umat percaya. Kongsikan kebenaran bahawa baptisan itu adalah diselamkan dan bahawa kita semua boleh diselamkan di dalam hadirat Tuhan melalui pelayanan Roh Suci. Ketika kita menyebetikan minda kita dengan Firman maka kita dipenuhi dengan Roh Suci. Roh Suci sama yang telah mengilhamkan Alkitab akan mengisi dan mengubah hidup kita sementara kita membacanya.

Ulasan Alkitab

I. Baptisan Roh Suci (*Imbas kembali Matius 3:11 bersama kelas.*)

Di seluruh Alkitab api digunakan sebagai satu lambang kehadiran Tuhan. Di dalam Kejadian 3:24, kehadiran Tuhan yang mengawal pohon kehidupan dilambangkan dengan pedang yang menyala-nyala. Di dalam Keluaran, kehadiran Tuhan dinyatakan di dalam belukar yang terbakar (*Keluarannya 3:2-4*). Ia juga dinyatakan di dalam tiang api yang memimpin umat Israel pada waktu malam (*Keluarannya 13:21*). Tuhan membuat diriNya kelihatan di dalam “api yang

menghanguskan” di puncak Gunung Sinai (*Keluaran 24:17*). Dia menunjukkan diriNya dalam kemuliaan di Khemah Suci di Tempat Yang Maha Suci di dalam Sanktuari (*Keluaran 25:8, 21, 22; 40:34-38*). Dia berada di dalam api yang telah menghanguskan mezbah orang kafir di Gunung Karmel, berada di dalam bara api dari mezbah Syurga yang telah menyentuhkannya kepada mulut Yesaya dan sebagai api pemurni dalam Maleakhi (*1 Raja 18:38; Yesaya 6:6-8; Maleakhi 3:2, 3; 4:1*).

Seperti yang kita lihat, di seluruh Perjanjian Lama kehadiran Tuhan itu dinyatakan melalui gambaran api yang menyala-nyala. Oleh itu, bukanlah suatu kebetulan bahawa dalam Kisah 2 kehadiran Kristus dinyatakan dalam lidah api. Di seluruh Perjanjian Baru, api adalah lambang Alkitab yang unik untuk membayangkan kemuliaan, kemegahan dan kuasa hadirat kekal Tuhan melalui pelayanan Roh Suci.

Baptisan dalam Kitab Suci bukanlah dengan percikan atau siraman air. Ia adalah diselamkan. Dibaptiskan di dalam Roh Suci ialah diselamkan di dalam hadirat Tuhan. Ia adalah dipenuhi dengan rahmatNya dan memancarkan kemuliaanNya. Ia adalah menyatakan kepada dunia yang dalam penantian dan tontonan alam semesta kebesaran pada kuasaNya di dalam hidup kita. Ia adalah untuk hidup seharmonis dengan kehendakNya, bernekad menuruti jalanNya dan berserah kepada matlamatNya. Ketika diperkasakan oleh Roh maka hidup kita diubah dan kita menjadi saksi kepada kurnia kasihNya. Apabila kita diselamkan di dalam air baptisan sebagai satu kesaksian tentang komitmen penuh kita kepada Kristus dan kebenarannya, kita juga dibaptiskan dengan Roh dan mengalami pengisian Roh Suci dalam hidup kita.

Perhatikan Hal ini: Sila berikan contoh dari Perjanjian Lama dan Baru tentang bagaimana api itu digunakan untuk melambangkan kehadiran Tuhan.

- Apakah makna baptisan? Jelaskan mengenai diselamkan. Apakah maknanya dibaptiskan atau diselamkan di dalam hadirat Tuhan?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya untuk Guru: Keadaan dalam Alkitab yang diberikan bagi kehadiran Roh Suci telah diberikan bukan kerana Tuhan mahu menahan RohNya dari kita tetapi kerana Dia inginkan agar kita menerimanya di dalam kepenuhannya. Bukan kerana Tuhan teragak-agak dalam memberikan Roh itu; ia adalah kerana kita tidak berkeupayaan untuk menerima Roh Suci itu dalam kepenuhannya tanpa memenuhi syarat-syaratnya.

Soalan Renungan:

1. Tuhan rindu untuk mengisi dan memenuhi kita dengan Roh SuciNya dan mengubah hidup kita secara radikal lebih daripada apa yang kita boleh bayangkan. Keinginannya ialah agar kita hidup dalam kemenangan yang memantulkan kebaikanNya dan mempamerkan kasih dan kuasaNya. Apakah makna baptisan Roh Suci itu kepada anda secara peribadi?
2. Bagaimanakah Roh Suci itu telah membuat satu perubahan di dalam hidup anda?
3. Apakah di antara prinsip praktikal dalam menerima kepenuhan Roh Suci setiap hari?

Panduan Guru

Soalan Penerapan Hidup: Sila ambil keadaan berikut bagi penerimaan Roh Suci secara individu dan bincangkan di dalam kelas anda:

1. Mengapakah pertaubatan itu berupa syarat penting untuk menerima Roh Suci?
2. Apakah peranan percaya pada Firman Tuhan lakukan dalam menerima Roh Suci?
3. Bagaimanakah penurutan itu memainkan satu peranan dalam penerimaan Roh Suci?
4. Pada pendapat anda, mengapakah Tuhan tidak akan mencurahkan Roh SuciNya kepada mereka yang secara sedar tidak menurut kehendakNya?
5. Mengapakah keadaan yang tidak murni itu menghalang pekerjaan Roh Suci?

Aktiviti: Sila minta ahli kelas anda untuk mengongsikan ayat Alkitab yang paling bermakna kepada mereka mengenai kuasa Roh Suci di dalam hidup kita.

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya untuk Guru: Unsur pada semua iman Kekristianan ialah hidup berpusat pada Kristus. Jika iman kita tidak membuat satu perubahan di dalam hidup kita setiap hari, maka ia tidaklah ada sebarang bezanya. Bagi iman untuk benar-benar menjadi tulen dan autentik, ia haruslah boleh membuat satu perubahan di dalam setiap aspek hidup kita. Transformasi ini merupakan salah satu alasan bagi Roh Suci. Apabila kita dipenuhi dengan Roh Suci, hidup kita akan berubah dan orang yang melihat kita akan dapat perhatikannya.

Aktiviti:

1. Apakab bezanya di antara orang yang berpusat pada diri sendiri dengan orang yang dikawal oleh Roh Suci?
2. Sila baca Galatia 5:16-26 dengan penuh perhatian dan minta Tuhan untuk menyatakan mana-mana ruang pada hidup anda yang tidak harmoni dengan lengkap dengan rencanaNya. Luangkan masa untuk merenungkan kepada apa yang Roh Suci bawa ke fikiran anda.
3. Serahkan ruang hidup itu kepadaNya dan terima janji Roh Suci untuk mendapatkan kemenangan.



Pelajaran 6 | 4-10 Februari

Roh Suci dan Hidup Yang Soleh

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: 1 Petrus 1:14-16; Yesaya 6:3; Ibrani. 12:14; 1 Korintus 6:11; 1 Timotius 1:8; Mazmur 15:1, 2.

Ayat Hafalan: “Semoga Allah damai sejahtera menguduskan kamu seluruhnya dan semoga roh, jiwa dan tubuhmu terpelihara sempurna dengan tak bercacat pada kedatangan Yesus Kristus, Tuhan kita” (1 Tesalonika 5:23).

Adalah mudah untuk menjadi tidak sensitif kepada kesucian Tuhan dan tidak banyak memikirkan mengenai kenyataan kebencian Tuhan terhadap dosa dan kejahatan.

Namun, Kesucian adalah tema penting dalam Alkitab. Usaha mengejar kesucian, untuk menjadi pengasih dan murni seperti Yesus, haruslah menjadi keutamaan bagi setiap Kristian. Kita tepat merasa ngeri oleh satu sikap “aku-lebih-suci-daripadamu.” Namun pada masa yang sama, kita mudah melupakan apa maknanya menjalani satu kehidupan yang murni dan disucikan.

Kasih dan kesucian Tuhan adalah bersama tanpa terpisah. Tanpa kesucian Tuhan maka kasihNya berada dalam bahaya sentimentalisme; tanpa kasihNya maka kesucian Tuhan itu adalah suatu kekerasan dan tidak boleh dihampiri. Kedua-dua sifat ini, iaitu kasihNya dan kesucianNya, adalah dasar kepada tabiatNya.

Roh Suci secara rumit berkaitan dengan usaha kita untuk mengejar kesucian. Kerana, namaNya adalah Roh Suci dan Dia disebut “Roh kekudusan” (*Roma 1:4*). NamaNya mengingatkan kita bahawa Tuhan itu suci dan bahawa adalah kerinduan besar bagi Tuhan untuk membuat orang berdosa menjadi imej kepada kekudusanNya sendiri.

Minggu ini kita akan melihat lebih dekat kepada apa maknanya menjadi suci dan menjalani satu kehidupan yang suci.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 11 Februari.*

AHAD 5 Februari

Kekudusan Tuhan

Sila baca 1 Petrus 1:14-16. Mengapakah pendorong mutlak bagi kesucian adalah realiti Tuhan itu sendiri? Apakah yang mendorong anda untuk menjalani hidup yang suci? Apakah maknanya bahawa Tuhan itu suci?

Adalah suatu perkara popular untuk menekankan kasih Tuhan sementara mengabaikan kesucianNya. Sementara Tuhan itu adalah kasih, namun idea mengenai kesucian itu lebih dikaitkan dengan nama Tuhan di dalam Alkitab daripada mana-mana atribut lain (*Mazmur 89:18, Yesaya 40:25, Yeremia 51:5, Yehezkiel 39:7, Wahyu 4:8*). Kesucian menggambarkan kesempurnaan kemurnian dan moral pada sifatNya. Kesucian Tuhan bermakna bahawa Dia secara sempurnanya baik dan selengkapnya bebas daripada kejahatan. Kesucian Tuhan adalah satu kesempurnaan bagi semua atributNya yang lain.

Jika Tuhan itu mahakuasa (kuasa yang tidak terduga), mahatahu (pengetahuan yang sempurna dan lengkap) dan mahahadir (hadi di semua tempat) tetapi tidak memiliki kesucian maka Dia akan berupa satu kuasa yang kita benar-benar boleh merasa takut. Di sebaliknya, Dia adalah Tuhan yang kepadaNya kita harus mengasihi.

KuasaNya adalah kuasa suci. RahmatNya adalah rahmat suci. HikmatNya adalah hikmat suci dan kasihNya adalah kasih yang suci. Dalam pengertian ini, kesucian adalah istilah Ilahi yang paling berintim dari segala-galanya kerana ia ada kaitannya dengan sifat Tuhan itu sendiri. Mungkin menyangkal keberadaan kemurnian kesucian Tuhan itu adalah lebih buruk daripada menyangkal kewujudanNya. Yang kemudian ini membuat Dia tidak wujud manakala yang sebelum itu membuat Dia tidak berpengasihan, malah berupa dewa yang keji.

Kesucian Tuhan itu bermakna Dia terpisah dari dosa dan sepenuhnya usahakan kebaikan yang Dia pameran di dalam diriNya. Dalam kata lain, kesucian menunjukkan satu kualiti yang relasional dan juga kualiti moral. Ia merangkumi terpisah dari dosa dan penyembahan sepenuh kepada kemuliaan Tuhan.

Di dalam Yesaya 6:3 dan Wahyu 4:8, Tuhan digambarkan sebagai "Suci, suci, suciy." Apabila para penulis Alkitab mahu menekankan sesuatu yang penting, mereka mengulangi perkataan itu agar menarik perhatian kita terhadap apa yang diucapkan. Yesus menarik perhatian kita kepada kenyataan penting dengan mengulangi perkataan "Yerusalem, Yerusalem" (Matius 23:37), atau menyebut nama seperti "Marta, Marta" (Lukas 10:41). Dari semua atributNya, hanya kesucian Tuhan yang disebut tiga kali berturut-turut. Hal ini menunjukkan sesuatu yang paling tinggi kepentingannya. Sememangnya sifat Tuhan itu adalah suci. Dia adalah murni dan baik adanya.

Betapa suatu yang menakutkan kita, dan sememangnyaalah demikian, jika Tuhan kita yang maha kuasa itu tidak suci dan tidak penyayang? Apakah yang jawapan anda beritahu kepada anda mengenai mengapa kita harus bersyukur kerana Tuhan itu adalah sebagaimana yang Dia katakan mengenai diriNya?

Sifat Pada Kesucian

“Lebih dekat anda menghampiri Yesus, maka lebih cacat anda melihat diri anda di depan mata anda sendiri; kerana pandangan anda akan menjadi lebih jelas dan ketidaksempurnaan anda akan kelihatan dalam kontras yang lebih luas dan nyata kepada sifatNya yang sempurna. Ini adalah bukti bahawa angan-angan Syaitan telah kehilangan kuasanya; bahawa kuasa berpengaruh dari Roh Tuhan sedang membangkitkan anda.” – **Ellen G. White**, *Steps to Christ*, ms. 64, 65.

Sila baca Efesus 1:4, 5:25-27, dan Ibrani 12:14. Apakah matlamat Tuhan bagi semua umatNya dan bagi gereja?

Kesucian adalah pemberian Tuhan dan perintahNya. Oleh yang demikian, kita harus berdoa untuk mendapatkannya dan berusaha menyatakannya setiap hari. Kesucian adalah buah Roh yang dinyatakan di dalam hidup kita setiap hari ketika berjalan dengan Roh bersama Kristus setiap hari (*Galatia 5:16, 22, 25*). Kesucian, dalam satu pengertian, ialah sifat yang sama seperti sifat Kristus. Itu bermakna menjadi milik Kristus dan menjalani kehidupan sebagai anakNya dalam penurutan dan komitmen yang penuh kasih sayang dan bertambah menjadi lebih serupa dengan rupaNya. Makna asas yang dikaitkan dengan konsep kesucian menandakan satu keadaan yang terpisah, yang diasingkan bagi satu perkhidmatan istimewa untuk Tuhan. Pada sudut lainnya, kesucian juga menandakan satu kualiti moral dan rohani intrinsic, iaitu menjadi soleh dan murni di hadapan Tuhan. Kedua-dua aspek perlu dipelihara bersama.

Di dalam Perjanjian Baru, umat percaya disebut kudus kerana hubungan unik mereka dengan Yesus yang mengasingkan mereka untuk satu matlamat istimewa. Dalam hal menjadi suci tidak membuat mereka sempurna dan tanpa dosa secara etika tetapi mengubah mereka agar mereka boleh mula menjalani satu gaya hidup yang murni dan suci (bandingkan dengan *1 Korintus 1:2* di mana Paulus menyebut orang Korintus sebagai umat kudus atau soleh walaupun mereka bukanlah orang yang berdosa dan tidak sempurna). Umat percaya digesa untuk mengejar kesucian, yang tanpanya tiada sesiapa pun yang akan melihat Tuhan (*Ibrani 12:14*). Penerimaan Tuhan terhadap setiap umat percaya adalah sempurna sejak dari mulanya, namun pertumbuhan kita dalam penyucian adalah satu proses sepanjang hayat dan sentiasa perlu dikembangkan agar kita akan lebih diubah menjadi imej Dia yang tidak bercela, yang telah menyelamatkan kita.

Terdapat satu ketegangan di antara menjadi suci dan perlunya mengejar kesucian. Bagaimanakah usaha kita mengejar kesucian berbeza jika kita tahu bahawa kita sudahpun menjadi milik Tuhan dan bahawa kita telah diterima di dalam Dia oleh pengorbanan Yesus bagi pihak kita?

SELASA 7 Februari

Ejen Penyucian

Apakah yang 1 Korintus 6:11, Titus 3:5 dan Ibrani 13:12 beritahu kepada kita mengenai penyucian?

Penyucian kita dicapai oleh iman (*Ibrani 11:6*) melalui kuasa Roh Suci (*2 Tesalonika 2:13, 1 Petrus 1:2*). Rasul Paulus menulis: “kamu telah memberi dirimu disucikan, kamu telah dikuduskan, kamu telah dibenarkan dalam nama Tuhan Yesus Kristus dan dalam Roh Tuhan kita” (*1 Korintus 6:11*). Yesus menghasilkan kesucian di dalam diri kita yang bertumbuh sepanjang hayat kita dan mengeluarkan buah-buah Roh di dalam diri kita. Keadaan kita yang diubah menjadi sama seperti Dia yang “datangnya dari Tuhan yang adalah Roh” (*2 Korintus 3:18*).

Sila baca Galatia 5:16, 17. Apakah yang Paulus beritahu kepada kita di dalam ayat ini?

Terdapat satu pertempuran yang sedang berlaku di dalam setiap umat percaya. Ketegangan yang kita semua hadapi berpunca dari hakikat bahawa dosa diam di dalam diri kita (*Roma 7:20*). Rasul Paulus mengetahui pertarungan ini apabila dia berkata pada penghujung hidupnya: “Saudara-saudara, aku sendiri tidak menganggap, bahawa aku telah menangkapnya, tetapi ini yang kulakukan: aku melupakan apa yang telah di belakangku dan mengarahkan diri kepada apa yang di hadapanku, dan berlari-lari kepada tujuan untuk memperoleh hadiah, yaitu panggilan sorgawi dari Tuhan dalam Kristus Yesus” (*Filipi 3:13, 14*).

Sila baca Ibrani 12:1, 2. Apakah pertarungan iman yang harus kita hadapi dalam melawan dosa?

Pertarungan yang kita dipanggil untuk kita hadapi ialah menumpukan “mata yang tertuju kepada Yesus, yang memimpin kita dalam iman, dan yang membawa iman kita itu kepada kesempurnaan” (*Ibrani 12:2*). Banyak kali kita bersikap memusat pada diri sendiri dalam keagamaan kita. Kita terlalu menumpukan kepada kemenangan kita dan kepada kekalahan kita dan bukan menumpukan kepada Tuhan yang satu-satunya yang boleh memberikan kita kemenangan melawan dosa. Apabila Roh Suci membantu kita memandang kepada Yesus, maka kita tidak ada keinginan terhadap dosa dan segala hal yang dengan mudah memerangkap kita akan diketepikan (*Ibrani 12:1*). Apabila kita menumpukan kepada dosa dan kekurangan kita maka kita memandang kepada diri kita sendiri dan bukan memandang kepada Yesus. Hal seperti ini membawa kepada kekelahan mudah kerana, dengan melihat kepada kegagalan kita, maka kita dengan mudahnya boleh menjadi putus asa. Namun demikian, dengan memandang kepada Yesus, kita akan dikuatkan dan boleh hidup dalam kemenangan.

Jika seseorang bertanya kepada anda, “Bagaimanakah saya boleh mendapat kemenangan yang dijanjikan di dalam Alkitab?” apakah jawapan anda? Bawa respon anda ke kelas pada Sabat nanti.

RABU

8 Februari

Peraturan Kesucian Ialah Hukum Tuhan

Kita tahu bahawa Tuhan menyeru kita untuk memelihara hukumNya, Namun satu persoalan timbul, mengapakah kita perlu memelihara hukumNya jika kita tidak diselamatkan olehnya? Jawapannya terdapat dalam idea mengenai kesucian.

Sila baca Roma 7:12 dan 1 Timotius 1:8. Apakah atribut yang Paulus gunakan untuk menggambarkan hukum? Bagaimanakah hukum memantulkan tabiat Tuhan?

Hukum itu suci, benar dan baik. Ketiga-tiga atribut ini secara tepat menyatakan Tuhan sendiri. Oleh itu, hukum adalah satu pernyataan terhadap tabiat Tuhan.

Gaya hidup yang penuh dengan Roh bermakna kita hidup sesuai dengan hukum Tuhan. Hukum itu berupa peraturan tetap terhadap kesucianNya. Piagam yang ditetapkan oleh hukum tidak berubah sama seperti Tuhan itu sendiri tidak berubah. Yesus mengesahkan bahawa hukum itu tidak dibatal, tetapi setiap bahagiannya haruslah digenapi (*Matius 5:17-19*). Memelihara hukum bukan satu tindakan legalisme; ia adalah kesetiaan. Hukum tidak menyelamatkan kita. Ia sama sekali tidak. Hukum itu bukan jalan kita kepada keselamatan. Sebaliknya ia adalah laluan untuk orang yang diselamatkan. Hukum itu, dalam satu pengertian, adalah kasut yang digunakan oleh kasih kita untuk berjalan dan menyatakan dirinya. Inilah sebab mengapa Yesus boleh berkata dalam cara yang paling menakjubkan bahawa apabila “makin bertambahnya kedurhakaan, maka kasih kebanyakan orang akan menjadi dingin” (*Matius 24:12*). Kasih sayang akan pudar apabila hukum itu tidak dihormati.

Sila baca Roma 13:10 dan Matius 22:37-40. Mengapakah kasih itu berupa penggenapan hukum?

Sementara garis panduan dan norma bagi kesucian adalah hukum Tuhan, nadi pada kesucianNya ialah kasih. Kasih adalah respon kepada tindakan penyelamatan Tuhan dan ditunjukkan dalam kesetiaan. Anda tidak boleh menjadi murid Yesus yang baik tanpa menjadi pemelihara hukum yang teliti dan penyayang. Kasih sejati inginkan kesetiaan. Kasih tidak membatalkan hukum. Ia menggenapinya.

Mengapakah hukum itu berupa satu pernyataan kasih Tuhan terhadap kita? Bagaimanakah kasih dan penurutan itu berkaitan?

KHAMIS 9 Februari

Mengejar Kesucian

Sila baca Mazmur 15:1, 2; Efesus 4:22-24; dan 2 Timotius 2:21. Apakah yang diberitahu kepada kita mengenai kesucian?

Kesucian adalah prasyarat untuk menikmati kebahagiaan dalam persekutuan dengan Tuhan. Ia adalah prasyarat untuk kegunaan kita kepada Tuhan. Kita tahu mengenai satu ungkapan: "Tanam satu tindakan, akan menuai satu tabiat; tanam satu tabiat, akan menuai satu sifat." Kita boleh tambahkan dengan, "Sifat adalah destini."

Satu-satunya yang kita akan bawa bersama kita ke Syurga ialah sifat kita.

Namun, membina tabiat baru dan sifat baru bukanlah penyucian sendiri oleh usaha sendiri. Pembentukan tabiat adalah cara biasa yang Roh Suci membawa kita ke dalam kesucian. Tabiat adalah sangat penting di dalam kehidupan Kekristianan kita, terutamanya tabiat yang bertumbuh sehubungan dengan nilai Alkitabiah seperti kesabaran, kasih sayang, kesetiaan, kemurahan, kebaikan, kelemahlembutan dan penguasaan diri.

Apabila Roh sudah memenuhi hati kita maka tidak diragukan bahawa kita akan menjadi aktif untuk Tuhan. Namun sering kita lupa bahawa adalah Tuhan yang menyucikan kita dan yang akan menyelesaikan pekerjaan baik yang Dia telah mulakan di dalam diri kita (*Filipi 1:6*). Kadangkala kita terlalu sibuk dalam melakukan segala jenis perkara untuk Tuhan sehingga kita lupa meluangkan masa untuk bersamaNya di dalam doa. Apabila kita terlalu sibuk untuk berdoa, maka kita benar-benarlah terlalu sibuk untuk menjadi seorang Kristian.

Mungkin pengetahuan dan kejayaan kita telah membuat kita menjadi berdikari dan yakin pada diri sendiri sehingga kita memandang ringan kemahiran kita dan acara khas dan dengan demikian melupakan bahawa terasing dari Kristus dan tanpa Roh Suci kita tidak dapat mencapai apa-apa.

Sikap aktif itu bukanlah kesucian. Terdapat orang yang berpendapat bahawa mereka sudah melakukan pekerjaan besar untuk Tuhan, namun, hal sebenarnya ialah, mereka sama sekali tidak menuruti Dia. "Banyak orang akan berseru kepadaKu: Tuhan, Tuhan, bukankah kami bernubuat demi namaMu, dan mengusir setan demi namaMu, dan mengadakan banyak mujizat demi namaMu juga?" (lihat *Matius 7:22, 23*). Terdapat satu perbezaan besar di antara dipanggil oleh Tuhan atau didorong untuk melakukan sesuatu untuk Tuhan. Jika kita tidak terlebih dahulu meluangkan masa senyap untuk mendengar panggilan Tuhan maka kita berhadapan bahaya dalam hal didorong oleh keinginan sendiri untuk melakukan apa saja yang kita ingin lakukan. Tidak akan ada kekuatan, tiada kuasa, tiada damai sejahtera dan tidak berkat berkekalan yang dikaitkan dengan pekerjaan kita jika ia tidak timbul dari satu panggilan Ilahi. Keperluan terbesar di dalam kesucian peribadi kita ialah masa berkualiti dengan Tuhan apabila kita dengar suaraNya dan menerima kekuatan baru dari FirmanNya sebagaimana akan dipimpin oleh Roh Suci. Hal ini akan memberikan pekerjaan itu kita satu kredibiliti yang nyata dan kuasa yang meyakinkan.

JUMAAT 10 Februari

Renungan Tambahan: Sila baca **Ellen G. White**, "*Like Unto Leaven*," ms. 95-102 di dalam *Christ's Object Lessons*.

Bagaimanakah kita, malah memulakan untuk cuba memahami kesucian Tuhan sedangkan sifat kita adalah berdosa dan jatuh dan Dia pula adalah suci tanpa kompromi? Kesuciannya menyatakan Dia sebagai tunggal dan terpisah dari dunia dosa dan kematian yang kita sebagai manusia alami. Namun demikian, di sinilah perkara yang paling menakjubkan: Tuhan menawarkan kita peluang untuk turut sama dalam kesucianNya. Itulah sebahagian daripada apa maknanya satu hubungan perjanjian dengan Dia. "Berbicaralah kepada segenap jemaah Israel dan katakan kepada mereka: Kuduslah kamu, sebab Aku, TUHANmu, kudus" (*Imamat 19:2*). Atau sebagaimana kitab Ibrani mengatakan: "Sesungguhnya, akan datang waktunya, demikianlah firman Tuhan, 'Aku akan mengadakan perjanjian baru dengan kaum Israel dan dengan kaum Yehuda... Maka inilah perjanjian yang Kuadakan dengan kaum Israel sesudah waktu itu,' demikianlah firman Tuhan. 'Aku akan menaruh hukumKu dalam akal budi mereka dan menuliskannya dalam hati mereka, maka Aku akan menjadi TUHAN mereka dan mereka akan menjadi umatKu'" (*Ibrani 8:8,10*). Di dalam ayat ini maka kita dapat melihat hubungan di antara kesucian, perjanjian dan hukum. Kita tidak boleh menjadi suci ketika terpisah dari menurut hukum Tuhan dan kita menuruti hukumNya hanya ketika Dia Sendiri, iaitu Roh Suci, menulis hukumNya itu di dalam hati dan minda kita. Betapa satu keistimewaan yang menjadi milik kita: "supaya kita beroleh bagian dalam kekudusan-Nya" (*Ibrani 12:10*), yang kita nyatakan melalui penurutan kasih terhadap hukumNya.

Soalan Perbincangan:

1. Semasa dalam kelas, sila lihat kembali jawapan anda kepada pertanyaan di penghujung pelajaran hari Selasa mengenai apa yang anda beritahu kepada seseorang yang bertanyakan bagaimana memiliki janji kemenangan atas dosa direalisasikan di dalam hidup mereka sendiri. Apakah yang anda akan beritahukan kepada mereka?
2. Apakah maknanya memiliki hukum Tuhan itu dituliskan di dalam hati dan minda kita? Mengapakah hakikat ini berbeza dari hanya memilikinya tertulis pada loh batu?
3. Apabila anda memikirkan kesucian Tuhan, apakah yang anda fikirkan? Persilakan setiap ahli kelas untuk berbicara mengenai apa yang mereka bayangkan tentang bagaimana rupanya kesucian Tuhan itu. Apakah yang Yesus nyatakan kepada kita mengenai kesucian Tuhan?
4. Apakah yang menjadi dasar kepada kesucian kita? Bagaimanakah kesucian itu dicapai?
5. Pada awal minggu ini, dalam pelajaran hari Rabu menyatakan: "Hukum tidak menyelamatkan kita. Ia sama sekali tidak. Hukum itu bukan jalan kita kepada keselamatan. Sebaliknya ia adalah laluan untuk orang yang diselamatkan." Bagaimanakah sentimen ini membantu kita memahami apa seharusnya peranan hukum itu bagi umat Kristian yang disucikan yang di dalamnya Roh Suci sedang bekerja?

Panduan Guru

Garis Panduan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Petrus 1:14-16

Pelajar Akan:

Mengetahui: Menyadari semula dan lebih menghargai seruan Roh Suci dalam Alkitab untuk kesucian.

Merasakan: Memupuk satu kerinduan yang bertambah-tambah untuk kesucian dan gaya hidup yang soleh.

Melakukan: Bernekad oleh kuasa Roh Suci untuk menjalani satu kehidupan yang suci.

Garis Pembelajaran:

I. Mengetahui: Kesucian adalah Unsur pada Siapa Tuhan Itu dan Nadi pada Apa Maknanya Menjadi Seorang Kristian.

- A. Mengapakah sangat popular pada hari ini untuk menekankan kasih Tuhan sementara sering kali mengabaikan kesucianNya?
- B. Apakah bezanya jika Tuhan itu maha kuasa dan maha mengetahui tetapi tidak kudus?
- C. Bagaimanakah kesucian Tuhan itu berkait dengan kasihNya? Apakah perbezaan yang hubungan ini lakukan di dalam hubunganNya dengan kita?

II. Merasakan: Sukacita Mengejar Kesucian Melalui Kuasa Roh Suci

- A. Adakah kesucian itu satu destinasi yang kita capaikan atau satu perjalanan yang kita lalui sebagai umat Kristian? Jelaskan.
- B. Mengapakah usaha ke arah kesucian dan murni seperti Yesus harus menjadi satu usaha bagi setiap umat Kristian?

III. Melakukan: Bernekad Dengan Kurnia Kasih Tuhan untuk Mengejar Kesucian Melalui Doa, Belajar FirmanNya dan Bermeditasi Cara Kristian.

- A. Bandingkan ungkapan Alkitab, “berjalan dalam Roh” dan “bertandinglah dalam pertandingan iman.” Bagaimanakah dua kenyataan ini sama dan bagaimanakah anda boleh menrapkannya di dalam hidup anda?
- B. Bagaimanakah kita dapat membina tabiat baru sedangkan tabiat lama tertanam dengan mendalam?

Kesimpulan: Usaha mengejar kesucian adalah panggilan bagi setia umat Kristian. Apabila kita mengejar kesucian, kita sedang mencari Tuhan itu Sendiri, yang adalah suci. Roh Sucilah, iaitu Penolong Ilahi, yang akan datang membantu kita untuk menguatkan kita di dalam usaha kita untuk mengejar kesucian yang menjadi unsur utama pada sifat Tuhan.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: Efesus 1:3-6

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Tuhan telah memilih kita sebelum dasar dunia dijadikan. Di dalam Kristus, kita telah diberkati dengan setiap berkat rohani agar kita boleh memantulkan kurnia kasih dari sifatNya dan mendapatkan kesucianNya. Kesucian bukanlah suatu keadaan kesempurnaan yang kita berusaha untuk capai. Ia adalah psatu proses berterusan untuk menjadi sama seperti Yesus, satu keadaan yang dicapai setiap hari melalui kuasa Roh Suci ketika kita bersekutu dengan Tuhan dalam doa dan melalui FirmanNya. Kesucian adalah hasil daripada berpegang kepada keindahan sifat Kristus.

Hanya untuk Guru: Kesucian Tuhan sebahagian besarnya terdiri daripada dua unsur utama: Pertama, ia merangkumi sifatNya yang benar dan murni yang berupa sebahagian inti pada tabiatNya. Tuhan tidak boleh bertindak bercanggah dengan sifatNya sendiri, oleh itu, tindakanNya sentiasa benar, murni dan adil. Kedua, kesucian Tuhan menetapkan Dia terpisah dari semua mahkluk ciptaan. Kasih sayang, kemurahan, kebaikan, keadilan dan belas kasihNya tidak terhingga. Tiada yang lain seperti Dia di dalam seluruh alam semesta (*Imamat 19:2; Mazmur 47:8; 1 Petrus 1:15, 16*).

Bermeditasi pada kesucian Tuhan akan menuntun kita untuk memantulkan kesucianNya di dalam hidup kitasendiri (*2 Korintus 3:18*). Ellen G. White menyatakan dengan jelas bahawa, “Ia adalah hukum minda bahawa ia beransur-ansur menyesuaikan dirinya kepada subjek di mana ia bertujuan untuk menetap.” – *Patriarchs and Prophets*, ms. 596. Tujuan pelajaran pada minggu ini adalah dua serampang: untuk membantu ahli kelas memahami pentingnya mengejar satu gaya hidup yang suci dan mendorong mereka untuk membina kesucian itu di dalam hidup mereka sendiri dengan memandang kepada kesucian Tuhan di dalam FirmanNya.

Pembuka Perbincangan: Apabila anda memikirkan kesucian Tuhan, apakah yang muncul dalam fikiran anda? Jika anda harus melukis satu gambar mengenai kesucian Tuhan, bagaimanakah anda akan melukiskannya? Adakah gambaran mengenai Tuhan yang suci di dalam minda anda itu suatu imej positif atau negative? Kenapa? Apakah emosi yang pemikiran tentang kesucian Tuhan timbulkan di dalam diri anda?

Bagi sesetengah orang, bayangan mengenai Tuhan yang suci itu menimbulkan rasa hormat dan terharu. Bagi orang lain, ia menimbulkan rasa takut dan merasa dirinya terkutuk. Terdapat mereka yang menyamakan kesucian Tuhan dengan kebencianNya terhadap dosa dan, oleh kerana mereka tahu mereka telah berbuat dosa, mereka ditenggelami dengan rasa bersalah mereka sendiri sehubungan dengan kesucian Tuhan. Dalam pelajaran minggu ini, kita akan temui bahawa

Panduan Guru

kasih itu adalah dasar utama kesucian Tuhan dan kurnia kasihNya mengalir dari kesucianNya. Tuhan yang suci adalah Tuhan yang adil. KeadilanNya adalah dasar utama bagi alam semesta yang bebas dari serangan dosa.

Soalan Perbincangan:

1. Pada pendapat anda, mengapakah suatu hal yang popular untuk menekankan kasih Tuhan tepai mengetepikan kesucianNya?
2. Adakah kesucian Tuhan itu satu pemberian atau satu perintah atau keduanya sekali? Kenapa?
3. Apakah bezanya di antara kesucian dan kesempurnaan?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya untuk Guru: Terdapat satu ketegangan di dalam hidup setiap umat Kristian. Ketegangan itu adalah di antara siapa kita dan apa yang kita rindu untuk terjadi dalam diri kita. Ia berupa ketegangan di antara yang nyata dan yang ideal. Sebagai umat Kristian yang komited, kita rindu untuk memantulkan imej Yesus di dalam semua tindakan kita, namun demikian, seringkali kita gagal mencapai kerinduan kita. Berita baiknya ialah bahawa kita diterima di dalam Kristus, ditebus oleh Kristus dan dibenarkan oleh Kristus. Kita menerima keselamatan melalui pengorbananNya, bukan dengan mencapai suatu kesucian luarbiasa (*Efesus 1:6,7; 2:8; Roma 5:8-10*). Di dalam konteks kasih dan rahmatNya, kita berusaha menjadi sama seperti Dia, KasihNya mendorong kita untuk mengejar kesucianNya (*2 Korintus 5:14, 15*). Kita ingin menjadi sama seperti Dia kerana kita sudah ditebuskan oleh kurnia kasihNya (*1 Yohanes 3:1, 2*). Tumpukan perhatyian pada pandangan ini pada sepanjang pelajaran minggu ini: Kita mengejar kesucian kepada kita sudah ditebuskan oleh kurnia kasihNya dan rindu untuk meniru sifatNya. Sebagaimana Kitab Suci katakan, "Kita mengasihi [Tuhan], karena TUHAN lebih dahulu mengasihi kita" (*1 Yohanes 4:19*).

Ulasan Alkitab

I. Gaya Hidup Suci (*Imbas kembali Hebrews 12:2 bersama kelas.*)

Di dalam Ibrani 11, Tuhan menggariskan Dewan MasyurNya untuk orang setia. Fasal 12 bermula dengan kata-kata berikut, "Kerana kita mempunyai banyak saksi, bagaikan awan yang mengelilingi kita, marilah kita menanggalkan semua beban dan dosa yang begitu merintanginya, dan berlomba dengan tekun dalam perlombaan yang diwajibkan bagi kita" (*Ibrani 12:1*). Metafora mengenai "saksi bagaikan awan" menyampaikan satu idea mengenai seorang atlet yang bertanding di dalam sebuah stadium dengan ribuan saksi yang bersorak untuknya. Di sini rasul Paulus menyatakan bahawa wira iman masa lalu juga memberikan sorakan untuk kita dalam perlumbaan menuju kerajaan itu. Mereka mendorong kita untuk mengejar satu kesucian hidup. "Dosa yang sangat mudah memerangkap kita" itu hanyalah satu sikap kurang beriman yang mengarahkan mata kita berpaling dari

PELAJARAN 6: Roh Suci dan Hidup Yang Soleh

Panduan Guru

kebenaran Kristus dan membuat kita bergantung kepada diri kita sendiri. Adalah satu kecacatan berbahaya bahawa manusia akan menumpukan ke atas usaha manusiawi dan bukan atas kurnia kasih Ilahi, jika bergantung kepada kelemahan kita dan bukan kepada kekuatan Kristus.

Rasul Paulus menggesa setiap umat percaya untuk “memandang” kepada Yesus, “pemula” dan “penyempurna” iman kita (Ibrani 12:2). *Seventh-day Adventist Bible Commentary* menyebutkannya seperti berikut: “Untuk sentiasa menumpukan mata iman kepada Yesus ialah mengekalkan satu hubungan tanpa gangguan dengan Dia yang adalah sumber kuasa, Dia yang boleh menguatkan kita untuk dapat bertahan dan menang.” – *Volume 7*, ms. 481. Ungkapan “membawa iman kita itu kepada kesempurnaan” di dalam Ibrani 12:2 berasal dari satu istilah Yunani *teleiôtēs*, (dalam bahasa Inggeris ialah *finisher*), yang bermaksud seorang yang melengkapkan, menyempurnakan atau menyudahi.

Yesus adalah Juruselamat dan Tuhan Kita. Dia adalah yang telah mati untuk kita dan Dialah yang hidup untuk kita. Dialah yang akan membenarkan dan menyucikan kita. Dialah yang telah memulakan pekerjaan baik di dalam diri kita dan akan menyempurnakannya. Melalui pelayanan Roh Suci, Uknun Ketiga dalam ketuhanan, kita akan “bertumbuhlah dalam kasih kurnia dan dalam pengenalan akan Tuhan dan Juruselamat kita, Yesus Kristus” (2 *Petrus* 3:18). Melalui Christ, kita yang tidak suci ini akan diterima sebagai suci dan melalui kurnia kasihNya dibuat menjadi suci.

Perhatikan Hal ini: Di dalam Roma 7:12, rasul Paulus menggambarkan hukum Tuhan itu sebagai “kudus, benar dan baik.” Di seluruh Alkitab, Tuhan juga digambarkan sebagai suci (*Yesaya* 6:3), adil (1 *Yohanes* 1:9 dan baik (*Mazmur* 25:8). Jika inilah ciri-ciri Tuhan dan hukum, maka apakah persamaan seperti ini beritahu kepada kita mengenai sifat itu sendiri pada hukum? Apakah hubungan pada hidup yang penuh dengan Roh dengan hukum Tuhan? Bincangkan kenyataan berikut bersama kelas anda: “Anda boleh berusaha memelihara hukum tanpa kasih, tetapi anda tidak dapat benar-benar mengasihi tanpa memelihara hukum.”

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya untuk Guru: Di dalam masyarakat kita yang merasa seronok-sendiri dan berpusat pada diri sendiri, konsep mengenai penyangkalan diri, penurutan dan kesucian mungkin akan kelihatan tidak dapat difahami oleh kebanyakan orang. Sila bantu ahli kelas anda untuk memahami bahawa inti sebenar pada kehidupan Kristian ialah bahawa umat percaya, yang diselamatkan oleh kurnia kasih dan diubah oleh kasih Tuhan, secara semulajadi akan mengejar kesucian. Apabila anda mengagumi seseorang, anda akan berusaha untuk menjadi sama seperti orang yang anda paling kagumi. Kasih Kristus memenangi hati kita dan kita rindu untuk menjadi sama seperti Dia di dalam tingkah laku.

Soalan Penerapan:

1. Bagaimanakah kita dapat membina tabiat dan amalan baru untuk menuntun kita dalam perjalanan ke arah kesucian?

Panduan Guru

2. Apakah perkara di dalam hidup kita yang menghindari kita dari menjalani hidup yang suci?
3. Mengapakah menjalani kehidupan dalam kesucian seringkali kelihatan sangat mencabar?

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya untuk Guru: Mengejar kesucian sebenarnya adalah mengejar Tuhan dan ingin menjadi sama seperti Dia di dalam tingkah laku. Sila bantu ahli kelas anda untuk memahami bahawa Roh Suci itu akan menghasilkan kesucian di dalam kehidupan semua orang yang meluangkan masa mencari Tuhan melalui doa dan FirmanNya.

Aktiviti:

1. Minta ahli kelas anda untuk mengongsikan apa konsep baru mengenai kesucian yang mereka telah pelajari di dalam pelajaran minggu ini.
2. Edarkan kartu kosong berukuran 4 x 6 kepada setiap ahli kelas. Minta mereka untuk menuliskan atas kartu masing-masing satu doa untuk memiliki kesucian dalam tiga atau empat ayat. (Jika bekalan kartu tidak dapat disediakan, sila minta setiap ahli kelas untuk mengarang doa itu secara senyap di dalam hati masing-masing.) Berikut adalah satu contoh doa untuk memiliki kesucian.

Ya Tuhan,

Hari ini, saya rindu untuk menjadi seperti Engkau. Seringkali saya merasa terlalu gopoh dalam meluangkan masa di dalam hadiratMu. Ampunilah aku kerana kegopohanku. Perlahankanlah aku untuk mendapat waktu yang secukupnya agar dapat mendengar suaraMu. Ubahlah aku oleh Roh SuciMu dan biarkanlah aku hidup dalam kesucian yang Engkau minta aku miliki. Dalam nama Yesus, amin.

Pelajaran 7 | 11-17 Februari

Roh Suci dan Buah Roh

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: Yohanes 15:1-11, Galatia 5:22, 1 Korintus 13, Roma 14:17, Efesus 5:9, Matius 5:5.

Ayat Hafalan: "Tetapi buah Roh ialah: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri. Tidak ada hukum yang menentang hal-hal itu" (Galatia 5:22, 23).

Buah dari Roh adalah inti sebenar dalam kehidupan Kristian. Ketika Paulus menyenaraikan sembilan aspek berlainan pada buah ini, namun ia sebenarnya adalah satu buah sahaja dan harus dilihat dalam keseluruhannya. Buah Roh itu tidak memberitahu kita apa yang seseorang itu boleh lakukan untuk Tuhan melalui kurnia Roh dan bakat. Sebaliknya, ia menunjukkan bagaimana orang itu hidup untuk Tuhan. Ia memberitahu siapa orang tersebut. Semua nilai yang disenaraikan di dalam Galatia 5:22, 23 ada di dalam Yesus Kristus. Oleh yang demikian, buah Roh itu adalah kehidupan Yesus Kristus di dalam diri kita yang dilakukan melalui kuasa Roh Suci.

Buah Roh itu bukan suatu yang kita capai semata-mata melalui usaha manusiawi. Adalah mungkin untuk menghasilkan dan mempamerkan beberapa di antara nilai baik sama ini melalui perbuatan nekad kita sendiri. Namun itu tidaklah sama dengan apa yang Roh Suci lakukan di dalam diri kita. Apa yang kita boleh hasilkan dengan diri kita sendiri adalah buah tiruan berbanding buah sejati yang Roh Suci hasilkan. Buah tiruan adalah palsu. Dari jauh ia kelihatan sama indahnya, tetapi rasanya tidak terduga rendah mutunya berbanding yang tulen. Buah tulen tidak dikilangkan. Ia bertumbuh dari satu hubungan. Apabila Roh Suci menghubungkan kita dengan Yesus, melalui FirmanNya dalam Alkitab, ciri-ciri pada sifatNya mula dinyatakan di dalam hidup kita sendiri.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 18 Februari.*

AHAD 12 Februari

Keadaan Yang Berhasil

Sila baca Yohanes 15:1-11. Mengapakah buah itu hanya boleh muncul dari satu hubungan aktif bersama Yesus, iaitu pohon anggur? Mengapakah tinggal di dalam Yesus itu sangat penting? Bagaimanakah kita tinggal di dalam Dia?

Rahsia pertama bagi Kekristinan tulen yang menghasilkan buah ialah tinggal di dalam Kristus. Jika terpisah dari Kristus maka kita tidak boleh menghasilkan buah rohani yang tulen. Buah Roh bukan dikenakan kepada kita dari luar tetapi ia adalah akibat dari hidup Yesus yang ada di dalam diri kita. Di dalam Yohanes 15:1-11, Yesus memberitahu kita bahawa buah yang dihasilkan adalah akibat dari hidup Yesus, yang adalah pohon anggur, yang mengalir melalui cabang, yang terdiri dari umat percaya. Penghasilan buah itu adalah pekerjaan Tuhan melalui Yesus Kristus.

Tanggungjawab umat percaya ialah untuk tinggal di dalam Kristus. Apabila Kristus tinggal di dalam pemikiran kita, maka Dia akan menjadi kelihatan di dalam tindakan kita. Yesus menerapkan hidupNya di dalam diri kita. Kehidupan yang Kristus punya akan dihasilkan di dalam diri kita dalam satu pengertian bahawa kita akan memantulkan tabiatNya.

Buah Roh itu adalah tabiat Yesus yang dihasilkan oleh Roh Suci di dalam diri para pengikut Kristus. Apabila Kristus tinggal di dalam diri kita maka kita akan "hiduplah oleh Roh, maka kamu tidak akan menuruti keinginan daging" (*Galatia 5:16*).

Di dalam kata-kata Yesus sendiri: "Demikianlah setiap pohon yang baik menghasilkan buah yang baik, sedang pohon yang tidak baik menghasilkan buah yang tidak baik. Tidak mungkin pohon yang baik itu menghasilkan buah yang tidak baik, ataupun pohon yang tidak baik itu menghasilkan buah yang baik" (*Matius 7:17, 18*). Buah yang baik adalah buah semula jadi hasil dari hubungan tetap kita dengan Yesus melalui Roh Suci. Apabila kita bekerjasama dengan dorongan Roh dari dalam hati kita maka buah Roh itu menjadi kelihatan di dalam hidup kita. Tabiat kita akan diubah untuk memantulkan tabiat Yesus Kristus dalam apa yang kita katakan dan lakukan, malah fikirkan. Roh Suci akan memberikan kita kuasa untuk memiliki hidup yang berkemenangan dan membentuk nilai-nilai yang menjadi tabiat mereka yang bergelar anak-anak Tuhan.

Di dalam 2 Timotius 3:5, rasul Paulus menggambarkan mereka yang "menjalankan ibadah mereka, tetapi pada hakikatnya mereka memungkirinya." Apakah bezanya di antara menjalankan ibadah secara sendiri dan satu kehidupan yang dipenuhi dengan Roh Suci? Bagaimanakah kita tahu kehidupan manakah yang kita sendiri lalui?

Buah Kasih

Sila baca Galatia 5:22 dan 1 Korintus 13. Mengapakah kasih berupa aspek yang pertama dan terutama bagi buah Roh? Bagaimanakah kasih membawa kesan kepada semua aspek pada buah ini?

Kasih secara sesuai memimpin dan memuncak pelbagai sifat pada buah Roh dan menerap pada seluruh buah tersebut. Dalam satu pengertian semua kualiti lain yang disenaraikan boleh dipandang sebagai aspek pada kasih. Memandangkan Tuhan itu kasih (1 Yohanes 4:8), maka nilai Kristian terbesar ialah kasih (1 Korintus 13:13). Kasih Tuhan adalah dasar dan sumber bagi setiap kebaikan yang lain. Kasih Tuhan dicurahkan kepada kita di dalam hati kita melalui Roh Suci (Roma 5:5). Kasih adalah bukti bahawa kita adalah anak-anak Tuhan.

Kasih ini adalah jauh lebih besar daripada sekadar suatu perasaan kasih sayang manusiawi. Ia tidak boleh dihasilkan melalui usaha manusia. Ia muncul akibat tinggal di dalam Kristus. Kasih ini adalah murah hati dan bukan berupa upah. Di dalam sifatnya yang lemah lembut namun teguh, kasih Ilahi akan membawa seorang berdosa kepada pertaubatan dan membangkitkan di dalam dirinya satu kerinduan untuk mendapat sesuatu yang lebih baik. Kasih mempunyai kuasa untuk menyatukan – malah termasuk mereka yang dahulunya bermusuhan (Lukas 6:27, 28; Roma 5:8). Dengan demikian, melalui kasih kita terhadap sesama sendiri maka dunia akan tahu bahawa umat Kristian sememangnya adalah pengikut Yesus Kristus (Yohanes 13:35). Buah kasih ini juga akan menuntun umat Kristian untuk menyatakan sikap memahami dan bersensitif terhadap orang lain.

Adalah suatu hal menarik bahawa keterangan unggul mengenai kasih di dalam 1 Korintus 13 adalah di antara fasal 12 dan 14. Dua fasal ini adalah mengenai kurnia Roh. Namun, fasal 13 pula adalah mengenai kasih: iaitu buah Roh. Malah pemberian yang bermutu tinggi sekalipun tiada nilainya tanpa kasih. Kurnia Roh tanpa buah Roh tidak berkuasa untuk menghasilkan berkat yang Tuhan maksudkan. Namun, kasih adalah pelekat yang mengikat bersama semua nilai buah Roh yang lain menjadi satu dan memberikan kesahihan kepada segala-gala yang kita lakukan.

Bahagian manakah di dalam hidup anda yang kurangnya kualiti kasih? Minta pada Roh Suci untuk mengisi anda dengan kasih terhadap mereka yang anda temui setiap hari. Anda harus sentiasa ingat bahawa Tuhan juga mengasihi kita melalui orang lain. Bagaimanakah anda menunjukkan kasih terhadap orang lain. Bagaimanakah kasih membawa kesan kepada nilai lain yang disebutkan di dalam buah-buah Roh itu?

SELASA 14 Februari

Sukacita, Damai Sejahtera dan Kesabaran

Roma 14:17 berbunyi berikut: “Sebab Kerajaan Allah bukanlah soal makanan dan minuman, tetapi soal kebenaran, damai sejahtera dan sukacita oleh Roh Suci” (NASB). Iaitu, sukacita adalah reaksi kasih kepada berkat Tuhan dan rahmat dan pengampunanNya yang besar.

Kini, sukacita manusia sering tertumpu kepada hal-hal duniawi dan dikesani oleh keadaan yang mengelilingi kita. Namun, sukacita yang berakar kepada buah Roh menumpukan kepada Tuhan dan apa yang Dia telah lakukan untuk kita. Ia tidak didorong oleh keadaan sekeliling. Sebagai umat Tuhan, kita harus bersukacita. Ini tidak bermakna bahawa kita harus sentiasa senyum sepanjang masa walaupun suatu senyuman yang mesra itu boleh mengungkapkan banyak perkara. Namun kepercayaan kita kepada Tuhan akan memberikan kita alasan berkelimpahan untuk bergembira dengan sukacita yang tidak terduga atas apa yang Dia telah lakukan untuk kita dan di dalam diri kita. Sukacita rohaniah adalah akibat dari iman yang aktif.

Sila baca Yohanes 14:27 bersama-sama dengan Roma 14:17. Bagaimanakah kedamaian dikaitkan dengan pekerjaan Roh Suci?

Kedamaian adalah lebih berkekalan daripada sukacita. Kedamaian datang akibat daripada dibenarkan oleh iman di dalam Tuhan kita Yesus Kristus (*Roma 5:1*). Apabila kita berdamai dengan Tuhan, maka Roh Suci akan memimpin kita untuk bersikap damai dan sabar terhadap orang lain. Oleh kerana Tuhan yang damai sejahtera akan bersama kita (*Filipi. 4:9*) melalui Roh Suci maka kita tidak akan memiliki sikap suka bertengkar dan ber dendam dengan orang lain. Di sebaliknya kita akan berusaha untuk hidup sedaya mungkin dengan setiap orang (*Roma 12:18*).

Sila baca 2 Petrus 3:9. Bagaimanakah kesabaran itu memantulkan tabiat Tuhan?

Kesabaran bukanlah ciri lazim pada manusia. Ia bermakna bertahan sabar bersama orang lain dan dengan keadaan walaupun perkara tidak berjalan lancar seperti yang diharapkan. Namun di dalam ujian sekalipun, kita tidak sendirian. Tuhan menopang kita melalui Roh Suci dan membina sikap sabar di dalam diri kita yang menjadi ciri tanda pengenalan bagi umat percaya pada akhir zaman (*Wahyu 14:12*). Hanya mereka yang memiliki matlamat yang berbaloi boleh menjadi sabar.

Sukacita, damai sejahtera dan kesabaran. Berapa banyakakah dari buah ini yang anda alami di dalam hidup anda? Mana satukah dari hal ini yang anda perlu pertingkatkan kerjanya di dalam diri anda?

RABU 15 Februari

Kemurahan, Kebaikan dan Kesetiaan

Sila baca 1 Korintus 13:4. Mengapakah kemurahan yang tulen memiliki daya tarikan positif kepada orang lain? Di mana anda melihat kemurahan Tuhan dalam urusannya dengan manusia?

“Kemurahan” adalah perkataan yang sering digunakan dalam menggambarkan urusan Tuhan dengan umatNya. Kemurahan juga menggambarkan urusan kita dengan orang lain di dalam kegagalan mereka. Tuhan boleh bersikap agak tegas dalam menangani kesilapan kita. Namun demikian, Dia akan menangani kita seperti seorang ayah penyayang menangani anak yang sedang belajar (*Hoses 11:1-4*). Mungkin tiada yang lebih kerap melemahkan kesaksian dan pelayanan Kristian kita daripada sikap tidak berkemurahan. Ia tidak melibatkan wang untuk bersikap pemurah, malah ia boleh membuka pintu kepada hati orang lain. Betapa kita bersikap tegas dan teguran kita, namun kita tidak perlu bersikap tidak pemurah (tidak baik) dalam urusan kita dengan orang lain walau apapun kesalahan atau isu yang terlibat. Bertindak menegur dalam sikap kebaikan mungkin berupa satu tanda kebangsawanan terbesar di dalam perwatakan kita.

Sila baca Efesus 5:9. Apakah yang mengiringi kebaikan di dalam petikan ini?

Kebaikan adalah kasih yang bertindak. Kebaikan yang bertumbuh sebagai buah Roh termasuklah pekerjaan dan tindakan yang baik. Ia berupa kebaikan yang ditunjukkan kepada orang lain dalam pekerjaan kasih yang praktikal. Apabila Roh Suci tinggal di dalam diri kita, maka akan mengalir keluar kebaikan positif kepada orang yang kita gauli.

Sila baca Galatia 5:22. Mengapakah penting untuk bersikap dipercayai dan setia di dalam kehidupan kita sebagai Kristian bersama Tuhan?

Apakah dilihat di sini ialah kesetiaan pada watak dan tingkah laku yang dihasilkan melalui Roh Suci. Kesetiaan bermakna boleh dipercayai atau diharapkan. Mereka yang setia akan melakukan apa yang mereka telah janji akan mereka lakukan. Kesetiaan juga adalah watak Yesus Kristus, yang disebut “Saksi yang setia” (*Wahyu 1:5*), dan Tuhan Bapa, yang berpegang kepada janjinya dan setia di dalam apa yang Dia lakukan (*1 Korintus 1:9, 10:13, 1 Tesalonika 5:24, 2 Tesalonika 3:3*). Di dalam kesetiaan kita, kita akan memantulkan imej Tuhan di dalam hidup kita. “Adalah bukan hasil yang besar yang kita capai tetapi motif yang darinya kita bertindak, yang akan diambilkira oleh Tuhan. Dia lebih menghargai kebaikan dan kesetiaan daripada kebesaran pencapaian suatu pekerjaan.” – **Ellen G. White**, *Testimonies for the Church, vol. 2*, ms. 510, 511.

KHAMIS 16 Februari

Kelemahlembutan dan Penguasaan Diri

Sila baca Galatia 5:23 dan Matius 5:5. Mengapakah kelemahlembutan dan kesopanan sangat penting bagi sikap kepimpinan yang sama seperti Kristus?

Kelemahlembutan atau kesopanan tidak bermakna suatu kelemahan. Ia bukan suatu sikap pengecut atau kurangnya kepemimpinan. Berbeza dengan hal itu, Musa telah disebut sebagai orang yang paling bersifat lembut hatinya di muka bumi (*Bilangan 12:3*); namun demikian, dia adalah pemimpin umat Tuhan yang berkuasa. Orang yang lembut hatinya tidak riuh, tidak suka bertengkar atau tidak mementingkan diri sendiri secara agresif. Sebaliknya, ia melayani dalam semangat lemah lembut. Lembut hati adalah pernyataan luaran pada iman dan keyakinan yang ada di dalam, namun bukan atas diri sendiri tetapi atas kuasa Tuhan yang bekerja di dalam diri kita. Selalunya, mereka yang mempamerkan kekuatan, riuh rendah dan bersikap tegas melakukannya untuk menyembunyikan sikap tidak yakin dan takut.

Sila baca Galatia 5:23 dan Amsal 16:32. Apakah kesengsaraan yang datang jika kita tidak boleh mengawal diri kita sendiri? Apakah berkat yang boleh kita miliki jika kita boleh mengawal diri sendiri dan bersikap lemah lembut di dalam hidup kita?

Aspek terakhir pada buah Roh ialah kesederhanaan atau kawalan diri. Dia sinilah kita semua harus berhati-hati kerana siapakah yang tidak bergelut, dalam suatu aspek tertentu, dengan usaha penguasaan diri? Sebelum seseroang itu boleh memimpin sebuah kota, satu masyarakat atau sebuah gereja, dia harus boleh menguasai dirinya sendiri. Kesederhanaan sejati adalah penguasaan bukan sahaja atas makanan dan minuman tetapi atas setiap fasa kehidupan.

Semua aspek yang disebutkan di atas adalah satu bahagian pada buah Roh. Apabila Alkitab menggambarkan pekerjaan Tuhan di dalam hidup kita, aspek etikal kesucian mempunyai lebih keutamaan atas kurnia yang bersifat karismatik. Sikap seperti Kristus di dalam semua aspeknya ini adalah apa yang sebenarnya pointing di dalam hidup umta percaya. Memandangkan bahawa buah Roh adalah tanda umum yang nyata bagi semua umat percaya di mana sahaja mereka berada maka ia ia menghasilkan satu kesatuan jelas di dalam gerejanya.

Fikirkan mengenai ruang di dalam hidup anda di mana anda harus lebih mampu menguasai diri. Mungkin anda bersikap lebih baik di dalam satu ruang dan lemah pada ruang yang lain. Mengapakah sangat penting untuk memiliki, melalui kuasa Tuhan, penguasaan diri di atas semua ruang hidup kita? Sila bawa jawapan anda ke kelas pada hari Sabat.

JUMAAT 17 Februari

Renungan Tambahan: “Dalam bahasa moden petikan di dalam Galatia 5:22, 23 boleh berbunyi seperti berikut: ‘Buah daripada Roh adalah yang penyayang, pernyataan dicintai, semangat berseri dan sabar ceria, fikiran yang tenang dan tingkah laku yang tenang, sikap sabar dalam keadaan yang berprovokasi dan berdepan cubaan orang, wawasan bersimpati dan sikap menolong secara bijaksana, pertimbangan berkemurahan dan perbuatan amal yang berbesar hati, kesetiaan dan boleh dipercayai dalam segala keadaan, rendah hati yang tidak memikir diri sendiri dalam kegembiraan orang lain, dalam semua perkara ia boleh menguasai diri, yang merupakan tanda terakhir kepada kesempurnaan. Ini adalah jenis watak dari Buah Roh. Semuanya ada di dalam firman Buah. Ia bukan dengan berusaha, tetapi dengan mematuhi; bukan dengan bersikap bimbang, tetapi dengan mempercayai; bukan pada pekerjaan tetapi pada iman.’” – **S. Chadwick**, di dalam *Arthur Walkington Pink, The Holy Spirit (Bellingham, Wash.: Logos Bible Software, n.d.), chapter 30.*

“Jika sikap mengasihi kebenaran ada di dalam hati anda maka anda akan berbicara mengenai hal-hal yang benar. Anda akan berbicara mengenai berkat pengharapan yang anda miliki di dalam Yesus. Jika anda memiliki kasih di dalam hati anda, maka anda akan berusaha untuk membina saudara anda di dalam iman yang paling suci. Jika satu perkataan dilafazkan yang memudaratkan sifat sahabat atau saudara anda, jangan sekali-kali syorkan ucapan jahat seperti ini. Ia adalah pekerjaan musuh. Sila ingatkan pembicara itu dengan penuh sopan bahawa Firman Tuhan melarang jenis perbualan seperti itu.” – **Ellen G. White**, *Ye Shall Receive Power*, ms. 76.

Soalan Perbincangan:

1. Di dalam kelas, sila bincang mengenai pertanyaan akhir pada penghujung pelajaran hari Khamis berhubung penguasaan diri. Jika kita diselamatkan oleh kurnia kasih, mengapakah kemenangan atas dosa itu sangat penting? Kerana, bukankah Injil itu mengenai pengampunan dosa? Pada waktu yang sama, fikirkan mengenai watak Yudas dan apa yang dosa mengingini itu telah lakukan terhadap dirinya. Apakah yang kita boleh peajari dari contohnya ini mengenai jawapan kepada pertanyaan tentang perlunya kemenangan? Juga, bagaimanakah apa yang Ellen G. White katakan boleh membantu memberkan pencerahan atas pertanyaan tentang perlunya kemenangan? “Satu ciri tabiat yang salah, satu keinginan dosa yang dipelihara, akan akhirnya menghapuskan semua kuasa pada Injil.” – *Testimonies for the Church, vol. 5, ms. 53.*
2. Mengapakah buah Roh itu lebih penting daripada sebarang kurnia Roh?
3. Sila baca dengan nyaring 1 Korintus 13 di dalam kelas dan bincangkan apa maknanya. Mengapakah Paulus meletakkan penekanan besar kepada perlunya ada kasih? Bagaimanakah kita boleh belajar mengasihi dalam cara yang Paulus katakan tentang menunjukkan kasih di sini? Mengapakah mati pada keinginan diri sendiri dan diam di dalam Kristus sangat penting, terutamanya dalam mengasihi mereka yang benar-benar kita tidak suka?

Panduan Guru

Garis Panduan Pelajaran

Ayat Utama: Galatia 5:22-26, Yohanes 15:1-8

Pelajar Akan:

Mengetahui: Menyadari kepentingan mutlak untuk tinggal di dalam Kristus agar dapat menghasilkan buah Roh di dalam hidupnya.

Merasakan: Mengalami satu kerinduan mendalam untuk meluangkan masa bersama Yesus dan membentuk buah Roh.

Melakukan: Memutuskan untuk meluangkan masa bersama Yesus di dalam doa, belajar Alkitab dan bermeditasi dalam sifat Kekristianan agar dapat membentuk buah Roh di dalam setiap aspek hidupnya.

Garis Pembelajaran:

I. Mengetahui: Kerohanian dan Buah Roah

- A. Bolehkah anda menjadi Kristian yang autentik tanpa menyatakan buah Roh di dalam hidup anda sendiri? Mengapa, dan mengapa tidak?
- B. Apakah yang dibuktikan oleh buah Roh Suci?

II. Merasakan: Tinggal Dalam Kristus dan Buah Roh

- A. Apabila perasaan rendah dan seseorang mengungkapkan kata-kata kasar dan anda merespon dengan kasih, kemurahan, kesabaran dan penguasaan diri, apakah yang hal ini lakukan untuk anda dan untuk hubungan sesama?
- B. Bagaimanakah perasaan anda apabila anda tidak mempamerkan buah Roh dalam satu keadaan yang tegang? Apakah perasaan yang anda miliki apabila anda bersikap tidak pengasih, tidak sabar dan tidak lemah lembut?

III. Melakukan: Hidup Harian dan Buah Roh

- A. Bernekad untuk mengasingkan waktu setiap hari untuk bersama Yesus dan menyemak keadaan hidup rohani anda.
- B. Mengasingkan jumlah waktu yang khusus setiap hari untuk tinggal di dalam Kristus melalui doa dan belajar FirmanNya.

Kesimpulan: Buah Roh itu bukan satu sifat semula jadi manusia. Ia adalah hasil dari tinggal di dalam Yesus yang menghasilkan satu perubahan luarbiasa di dalam hidup setiap umat percaya. Buah Roh adalah bukti bahawa kita memiliki satu hubungan dengan Yesus yang benar-benar tertanam jauh ke dalam hati. Pohon yang sihat menghasilkan buah yang sihat dengan berkelimpahan. Sebagai umat Kristian, kita tidak perlu berusaha keras di dalam kekuatan kita sendiri untuk menghasilkan buah Roh. Ketika kita tinggal di dalam Yesus, melalui belajar Alkitab dan berdoa, maka Dia akan membentuk buah-buah ini di dalam diri kita.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: Galatians 5:22, 23

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Motivasi terbesar untuk penurutan dan pelayanan ialah kasih. Kasih Tuhan untuk kita adalah yang mengubah hidup. Memahami kasihNya itu akan mengubah kita. Ketika kita menerima kasihNya maka kita mampu mengasihi. Mengasihi Tuhan membolehkan kita mengasihi orang lain. Jika terpisah dari Tuhan maka hati manusia secara semulajadi akan bersikap mementingkan diri sendiri dan tidak mampu untuk benar-benar mengasihi.

Apabila kita meluangkan masa untuk memandang kepada kasih Tuhan, yang dinyatakan di dalam Kristus, maka kita akan diubah. Untuk “dipimpin di dalam Roh” (*Galatia 5:25*) bermakna menumpukan fikiran kita kepada Kristus, ia adalah “tetap berada di dalam [Kristus]” (*1 Yohanes 4:13*). Ia adalah meluangkan waktu bersama Kristus. Ketika kita meletakkan keutamaan kita di atas hubungan kita dengan Kristus, maka kasihNya akan mengalir ke dalam hati kita dan buah Roh akan dinyatakan di dalam hidup kita. Ellen G. White menyatakannya dengan indah sekali: “Apabila kita mengelai Tuhan kerana itu adalah keistimewaan kita untuk mengenali Dia, maka hidup kita akan menjadi satu kehidupan penurutan yang berterusan. Melalui tindakan menghargai sifat Kristus, melalui persekutuan dengan Tuhan, maka dosa akan menjadi satu kebencian bagi kita.” – *The Desire of Ages*, ms. 668.

Hanya untuk Guru: Pelajaran minggu ini menumpukan kepada pembentukan buah Roh di dalam hidup kita. Kita akan mengkaji setiap ciri kualiti yang dikenali sebagai buah Roh itu, yang digariskan di dalam Galatia 5:22, 23. Ciri kualiti ini adalah sebenarnya atribut tabiat Kristus. Yesus itu penyayang, sabar, berkemurahan, baik dan tidak mementingkan diri sendiri. Dia sentiasa mempamerkan sikap lemah lembut dan penguasaan diri, Dia menyatakan kesetiaan kepada kehendak Bapa dan damai sempurna, atau percaya, kepada Bapa Syurgawinya.

Ketika kita memandang kepadaNya, kita akan menjadi seperti Dia yang paling kita kagumi. Memandangkan Roh Suci itu diutus untuk “bersaksi” (*Yohanes 15:26*) dan “memuliakan” (*Yohanes 16:14*) Yesus, dan ketika kita tunduk kepada doronganNya dan berserah kepada kuasaNya yang meyakinkan, maka Roh Suci akan bersaksi dan memuliakan Yesus di dalam hidup kita sendiri. Kasih Kristus akan dinyatakan di dalam dan melalui kita (*1 Yohanes 3:1-3, 4:9-11*). Adalah suatu hal yang mustahil untuk benar-benar mengasihi Tuhan dan tidak mengasihi orang yang di sekeliling kita. Kasih Tuhan adalah mata air yang darinya semua kasih sejati akan mengalir keluar. Dalam mengasihi Dia maka kita mengasihi sesama sendiri. Lebih banyak kita mengasihi Tuhan, lebih banyak kasihNya mengalir melalui kita kepada orang lain (*1 Yohanes 4:12-16*). Setiap buah Roh bertumbuh dari kasih kita kepada Tuhan dan kasihNya kepada kita.

Panduan Guru

Pembuka Perbincangan: Di dalam Galatia 5, rasul Paulus berbicara mengenai “hiduplah oleh Roh” (*Galatia 5:16*) dan “perbuatan daging” (*Galatia 5:19*). Dia menggesa kita untuk “menyalibkan daging dengan segala hawa nafsu dan keinginannya.” (Sila lihat *Galatia 5:17, 24*.) Tanya ahli kelas anda apa maknanya “hidup oleh Roh” di dalam hidup kita setiap hari? Apakah maknanya “menyalibkan daging?”

Sila baca Galatia 5:22-24 dan tanya ahli kelas anda untuk menerangkan bagaimana setiap kita boleh menyatakan buah Roh itu di dalam hidup kita. Minta seorang ahli kelas untuk mengongsikan cara yang dapat membantu mereka “menyalibkan” daging dan “hidup oleh Roh.” Bagaimanakah mereka telah menemukan cara untuk membiarkan Roh Suci menyatakan diriNya di dalam hidup mereka? Sila jemput ahli kelas untuk mengongsikan pengalaman di dalam hidup mereka semasa belajar firman Tuhan yang mereka rasa bermakna kepada pertumbuhan Kekristianan mereka.

Soalan Perbincangan:

1. Apakah yang kita boleh pelajari dari ungkapan Paulus “hiduplah oleh Roh” (*Galatia 5:16*), mengenai satu kehidupan yang menyatakan buah Roh?
2. Adakah buah Roh itu sesuatu yang kita sendiri bentuk, atau adakah ia satu pemberian yang diberikan kepada kita secara automatik oleh Tuhan? Jelaskan. Jika kita yang membentukkannya, bagaimanakah kita membentukkannya dan dari manakah datangnya kekuatan untuk dapat membentukkannya?

LANGKAH 2-Mengkaji

Hanya untuk Guru: Kajian perubatan moden telah mendapati bahawa pemakanan berasaskan tuumbuh-tumbuhan mengurangkan risiko penyakit jantung, strok, kebanyakan kanser, obesiti dan kencing manis jenis 2, Anda tidak perlu pemakanan berlainan untuk mengurangkan risiko pada setiap penyakit ini. Memakan pelbagai jenis buah-buahan, kacang, bijirin dan sayur-sayuran akan mengurangkan bukan sahaja risiko penyakit arteri koronari tetapi juga risiko penyakit pembunuh yang lain pada abad ke-21 ini.

Sama benar halnya dengan pertumbuhan rohani. Kita tidak perlu pendekatan berbeza bagi setiap penyakit rohani yang menyerang kita. Sikap tidak sabar, tidak pemurah, cemburu, dengki dan nafsu memiliki penawar yang sama – iaitu Yesus. Kemarahan, kebencian, hasad dengki dan kekecewaan mendapat penyelesaiannya di dalam Dia. Buah Roh adalah bukti luaran yang kita sudah meluangkan masa bersama Kristus dan hati kita mengalirkan kasihNya dengan berkelimpahan.

Panduan Guru

Ulasan Alkitab

I. Bertumbuh Dalam Kristus dan Buah Roh (*Imbas kembali Yohanes 15:4 bersama kelas.*)

Yesus adalah penyelesaian mutlak kepada semua masalah rohani kita. Dia telah menyatakan kebenaran kekal ini: "Tinggallah di dalam Aku dan Aku di dalam kamu. Sama seperti ranting tidak dapat berbuah dari dirinya sendiri, kalau ia tidak tinggal pada pokok anggur, demikian juga kamu tidak berbuah, jikalau kamu tidak tinggal di dalam Aku" (*Yohanes 15:4*). Tinggal di dalam Kristus bermakna membina satu hubungan berterusan denganNya setiap hari. Ranting tidak akan bertumbuh dan menghasilkan buah jika ia bersatu dengan pohon pada satu hari dan terpisah darinya pada hari yang lain. Sesetengah individu akan mengalami ombak emosi keagamaan yang tinggi pada suatu hari dan seakan-akan berjalan di dalam lembah kecuiaan pada hari yang lain. Satu hubungan yang hidup dan bermakna dengan Yesus yang memantulkan kurnia Roh Suci di dalam hidup bukan suatu pangalaman yang ada naik turunnya. Ia adalah satu persekutuan dengan Kristus yang tetap setiap hari.

Ketika kita datang kepadaNya dan beristirahat di dalam kasihNya maka kita akan menjadi penyayang, sabar, lembut hati, sopan dan menguasai diri sendiri. Perhatikan kenyataan teguh berikut ini: "Akar akan menghantar khasiatnya melalui dahan kepada ranting yang paling hujung. Demikianlah Kristus menyampaikan tenaga kekuatan rohani kepada setiap umat percaya. Selagi jiwa itu bersatu dengan Kristus maka tidak akan ada bahaya ia akan layu atau kering.

"Kehidupan pohon itu akan dinyatakan di dalam buah segar pada ranting. Dia yang 'tinggal di dalam Aku' kata Yesus, 'dan Aku di dalam dia akan menghasilkan banyak buah: kerana tanpa Aku kamu tidak dapat melakukan apa-apa.' Apabila kita hidup dengan iman pada Anak Tuhan, buah Roh akan kelihatan di dalam hidup kita dan tiada satupun yang terlepas." – **Ellen G. White**, *The Desire of Ages*, ms. 676.

Kunci untuk menyatakan buah Roh di dalam hidup kita bukanlah meletakkannya pada suatu senarai-semak rohani dan menyemaknya apabila kita dikatakan sebagai sudah mencapai matlamat kita. Di sebaliknya, ia adalah menumpukan kepada mengenali Yesus dan membiarkan Dia menyatakan buah RohNya di dalam diri kita. Apabila seorang petani dapat menghasilkan tuaian yang berkelimpahan maka dia akan bersukacita. Begitu juga halnya dengan Tuhan. Bapa Syurgawi kita akan bersukacita apabila kita membiarkan Roh Suci untuk menghasilkan buahNya di dalam hidup kita (*Yohanes 15:11*). Apabila, melalui kurnia kasih Ilahi, kita mengambil bahagian dalam sifat Ilahi maka sifat Tuhan akan disahkan benar di hadapan alam semesta di dalam kontroversi di antara baik dan jahat. (Sila lihat *The Seventh-day Adventist Commentary*, vol. 7, ms. 1043.)

Soalan Perbincangan:

1. Persoalannya bukanlah, Adakah Yesus rindu tinggal di dalam kita? Persoalannya ialah, Adakah kita membiarkan Dia melakukannya? Adakah kita meluangkan masa mengenali Dia sebagai Sahabat? Semua bentuk persahabatan memerlukan waktu.

Panduan Guru

2. Sila baca Yohanes 15:4, 7. Apakah hubungannya pada tindakan tinggal di dalam Kristus dengan membaca Firman?
3. Bagaimanakah Kristus tinggal di dalam kita? Adalah ini suatu bentuk pengalaman yang samar-samar dan mistik atau adakah terdapat cara sebenar yang Yesus tinggal di dalam hidup kita? Jelaskan.
4. Apakah hubungannya pada tindakan membentuk buah Roh dengan tinggal di dalam Kristus?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya untuk Guru: Sila baca Galatia 5:22-24 bersama kelas anda. Imbas kembali secara ringkas setiap buah Roh Suci. Tanya setiap ahli kelas untuk menjelaskan salah satu daripada Sembilan buah yang disenaraikan di dalam Galatia 5. Sebagai contoh, apakah kasih itu? Bagaimanakah anda menerangkan sukacita? Apakah damai sejahtera? Bagaimanakah anda menggambarkan seseorang yang menunjukkan sikap sabar dan lembut hati? Sila ambil pendekatan ini bagi setiap buah Roh.

1. Di manakah di antara Sembilan buah Roh ini yang ada dapati sukar dinyatakan di dalam hidup anda? Pada pendapat anda, apakah alasan bagi kesukaran seperti ini? Apakah yang anda boleh lakukan untuk mengubah keadaan tersebut?
2. Apaklah isu di dalam hidup anda yang menghalang anda daripada memiliki satu hubungan penting dan mengubah kehidupan dengan Kristus? Bernekad untuk menyerahkan isu tersebut ke dalam rtanganNya.

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya untuk Guru: Buah Roh Suci bukanlah suatu ideal yang tidak realistik kepada umjat percaya yang sederhana, yang hanya boleh dimiliki oleh “umat soleh” yang hebat. Ia adalah pertumbuhan semula jadi ketika meluangkan masa bersama Yesus. Sila bantu ahli kelas anda untuk menyedari kepentingan utama dalam meluangkan masa bersama Yesus setiap hari agar Roh Suci boleh membentuk buahNya di dalam hidup mereka.

Aktiviti:

1. Minta ahli kelas anda untuk meluangkan beberapa minit untuk mengimbas kembali senarai buah di dalam Galatia 5:22-24. Minta mereka menulis beberapa ruang dalam hidup yang mereka paling sukar untuk mendepaninya.
2. Dorong setiap ahli kelas untuk meluangkan masa berdoa pada penghujung setiap kelas, dengan menyerahkan ciri-ciri yang tidak dingini ini kepada Tuhan dan meminta Dia membentuk buah Roh Suci di dalam hidupnya.

Pelajaran 8 | 18-24 Februari

Roh Suci dan Kurnia Roh

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu ini: 1 Korintus 12:4-7, 11; Efesus 4:7; 1 Korintus 12:14-31; Roma 12:3-8; 1 John 4:1-3.

Ayat Hafalan: “Ada rupa-rupa karunia, tetapi satu Roh. Dan ada rupa-rupa pelayanan, tetapi satu Tuhan. Dan ada berbagai-bagai perbuatan ajaib, tetapi Allah adalah satu yang mengerjakan semuanya dalam semua orang” (1 Korintus 12:4-6).

Ketika pergi merantau dalam urusan perniagaan, seorang peniaga telah meninggalkan anak lelakinya untuk mengurus hal ehwal keluarga dengan tugas-tugas tertentu yang perlu dilaksanakan. Tetapi anak lelaki itu kemudian menyedari bahawa bapanya tidak menyediakan prasarana dan peralatan yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya. Merasa kecewa dengan keadaan seperti itu, anak itu membiarkan tugas itu tanpa dilaksanakannya.

Dalam hal yang sama, apabila Yesus meninggalkan murid-muridnya dan pergi bersama BapaNya di Syurga, dia telah memberikan mereka satu tugas tertentu: iaitu mengkhutbahkan berita baik mengenai Injil kepada dunia. Tetapi Yesus tidak membiarkan murid-muridNya tanpa perlengkapan. Apa yang Dia telah perintahkan untuk mereka laksanakan, Dia mampukan mereka untuk dapat melakukannya, tetapi di dalam namaNya dan melalui kuasa dan pertolongan Roh Suci. Di dalam 1 Korintus 1:4-7 Paulus mengucap syukur “atas kasih karunia Allah yang dianugerahkan-Nya kepada kamu dalam Kristus Yesus.

Sebab di dalam Dia kamu telah menjadi kaya dalam segala hal: dalam segala macam perkataan dan segala macam pengetahuan, ... Demikianlah kamu tidak kekurangan dalam suatu karuniapun.” Kurnia Roh telah diberikan melalui Roh Suci di dalam Kristus untuk membangunkan gerejaNya.

Minggu ini kita akan mempelajari Roh Suci itu sebagai Pemberi Berdaulat bagi kurnia Tuhan yang menakjubkan itu dan melihat kepada perbezaan di antara buah Roh itu dan kurnia Roh tersebut.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 25 Februari.*

AHAD 19 Februari

Buah Roh dan Kurnia Roh

Buah Roh dan kurnia Roh memiliki Pelopor yang sama. Namun dua hal ini tidak sama. Tiada orang yang diperlukan untuk menyatakan suatu kurnia Roh tetapi setiap orang harus menyatakan buah Roh itu. Kurnia Roh tidak semestinya menunjukkan sikap kerohanian, tetapi buah Roh menyatakannya. Sementara hanya ada satu sahaja buah, namun terdapat banyak kurnia dan ada di antara yang lebih besar daripada yang lain.

Sila baca 1 Korintus 12:4-7, 11. Apakah unsur pada apa yang Paulus ajarkan di sini?

Sementara semua aspek pada buah Roh dicipta oleh Tuhan agar dapat dilihat di dalam kehidupan para pengikutNya, namun bukan semua umat percaya memiliki kurnia roh yang sama. Tidak ada perintah yang mengatakan bahawa semua harus memiliki satu kurnia tertentu, seperti kurnia lidah, umpamanya. Sebaliknya, Tuhan memperlengkapkan umat yang percaya kepadaNya dengan kurnia yang berlainan sebagaimana Dia lihat sebagai yang sesuai. Kurnia roh itu diberikan agar kita dapat melayani orang lain dan membangunkan tubuh Kristus, iaitu gerejaNya. Kurnia ini tidak diberikan untuk kemuliaan dan kegairahan kita sendiri. Ia dianugerahkan untuk memajukan pekerjaan Tuhan.

Oleh itu, kurnia roh itu tidak bernilai tanpa buah Roh. Adalah suatu hal menarik bahawa di dalam konteks kurnia roh itu, sikap penyayang sering dibayangkan. Serta merta selepas 1 Korintus 12 adalah gambaran kasih sayang yang agung di dalam fasal 13. Efesus 4:11-13 diikuti dengan rujukan mengenai kasih sayang di dalam ayat 15 dan 16. Ayat berikutnya selepas Roma 12:3-8, di mana kurnia Roh ada disebutkan, ada menyebut mengenai kasih (lihat *Roma 12:9, 10*).

Kerana kurnia itu adalah pemberian rahmat; iaitu, ia adalah pemberian kasih. Ia telah diberikan kerana kasih sayang dan melayani kasih kepada Tuhan dalam menjangkau orang lain. Tuhan yang penyayang dan maha tahu menyediakan prasarana untuk menyelesaikan apa yang Dia telah amanahkan untuk dilaksanakan oleh umatNya. Mungkin itu sebabnya mengapa kasih itu berupa pemberian terbesar dari segala-galanya (1 Korintus 13:13).

Mengapakah kasih itu sangat penting terhadap segala sesuatu yang kita lakukan sebagai Kristian? Bagaimanakah Kasih, di dalam satu pengertian, “memperkasakan” kesaksian kita?

Tuhan, Pemberi Kurnia Roh Yang Agung

Bukan kita yang memutuskan apa kurnia yang harus kita miliki. Istilah Yunani bagi kurnia Roh ialah *charismata* – ia adalah pemberian rahmat, dibahagi dan diberikan oleh Tuhan sendiri. Kita tidak dianugerahkannya kerana status, kedudukan, penghormatan, pendidikan atau pencapaian rohaniah kita. Ia adalah hadiah, diberikan secara percuma kerana kasih agar kita boleh menunaikan tugas yang Tuhan telah amanahkan kepada kita untuk kita laksanakan.

Sila baca Efesus 4:7. Kita sering memikirkan bahawa Roh Suci adalah yang memberikan kurnia roh. Rasul Paulus mengaitkan Yesus dengan pemberian kurnia itu. Bagaimanakah Yesus terlibat di dalam pemberian kurnia itu?

Paulus mengatakan bahawa rahmat Kristus telah mendapat hak untuk me,berikan kita kurnia itu. Tetapi Roh Suci yang membahagikannya kepada anggota gereja. Mereka yang telah menerima Yesus Kristus sebagai. Juruselamat peribagi mereka dan percaya kepadanya akan dilengkapi oleh Roh Suci dengan kurnia Roh “seperti yang dikehendakiNya” (1 Korintus 12:11). Penganugerahan kurnia itu adalah keputusan mutlak Tuhan itu sendiri.

Kebolehan semula jadi sebagaimana ianya bukanlah suatu kurnia roh. Kurnia roh tidak sama dengan bakat semula jadi yang seseorang telah bina di dalam dirinya melalui pendidikan yang gigih. Ramai orang bukan Kristian telah diberkati dengan baktat semula jadi seperti ini. Sementara setiap perkara baik dan bakat yang sempurna itu datangnya dari Tuhan (*Yakobus 1:17*), namun Tuhan tekah memutuskan untuk melengkapkan umat pernayaNya dengan kurnia istimewa agar dapat memberkati kehidupan orang Kristian lain dan untuk membangunkan gerejaNya. Tuhan juga boleh menggunakan bakat semula jadi untuk tujuan itu apabila seseorang itu mengakui bahawa bakat seumpama itu sekalipun datangnya dari Tuhan dan dengan berdoa dan penyerahan mentahbiskan bakat itu kepada pekerjaan Tuhan.

Apakah yang Paulus beritahu kepada para pembacanya di dalam 1 Korintus 12:14-31 mengenai pembahagian kurnia tersebut? Mengapakah perspektif seperti ini sangat penting untuk memahami bagaimana kurnia roh itu berfungsi di dalam gereja?

Roh Sucilah yang membahagikan kurnia menurut kebijaksanaan dan kehendakNya. Oleh kerana dia mengasihi kita dan tahu dengan tebaik bagaimana kita boleh melayani Dia dengan paling cekap maka kita tidak perlu mempunyai perasaan dengki terhadap orang lain dan kurnia mereka. Untuk bersikap dengki terhadap kurnia orang lain berupa satu tanda tidak bersyukur terhadap Tuhan dan meragui kebijaksanaanNya dalam membahagikan pemberianNya itu.

Apakah pemberian yang Tuhan telah berikan kepada para anggota dalam gereja anda? Apakah mesej yang anda boleh ambil dari hakikat bahawa pelbagai manusia memiliki pelbagai kurnia roh?

SELASA 21 Februari

Matlamat Kurnia Roh

Sila baca Roma 12:3-8 dan Efesus 4:8-12. Apakah matlamat kurnia roh yang Tuhan telah berikan kepada kita?

Kurnia roh itu ternyata diberikan untuk melayani, bukan untuk pemuliaan kita. Ia bukan suatu perdayaan luarbiasa yang akan memenuhi sikap ingin tahu pada kita dan bukan juga diberikan sebagai satu penawar kepada kebosanan kita. Seringkali kita memikirkan mengenai pemberian Roh Suci itu dari segi memenuhi keperluan rohani kita atau sebagai memperkasakan kita di dalam perjalanan hidup bersama Tuhan. Akibatnya ialah satu pandangan terhadap kurnia Roh Suci yang lebih berat kepada mengutamakan Kekristianan daripada mengutamakan Kristus. Ia lebih menumpukan kepada kita daripada menumpukan kepada Tuhan. Apabila kita cuba melahirkan satu perspektif pada kurnia rohani yang berpusat pada Tuhan maka kita akan menyedari bahawa kurnia yang Tuhan berikan akan memenuhi tujuan Ilahi yang berlipat ganda: ianya diberikan untuk mengembangkan kesatuan pada gereja dan untuk membangunkan gereja (*Efesus 4:12-16*). Ianya diberikan untuk melaksanakan pelayanan gereja atas suruhan Ilahi (*Efesus 4:11, 12*). Secara mutlak ia telah diberikan untuk memuliakan Tuhan (*1 Petrus 4:10, 11*).

Inilah alasan mengapa kurnia itu sama sekali tidak diberikan untuk meneguhkan kepercayaan kita. Ia adalah untuk meneguhkan iman orang lain (*1 Petrus 4:10; 1 Korintus 14:12, 26*). Ia adalah diberikan untuk membawa keuntungan rohaniah dan peneguhan iman kepada seluruh gereja. Adalah menjadi suatu tragedi apabila kurnia Tuhan itu, yang seharusnya memupuk kesatuan di dalam gereja, disalahgunakan agar hanya segelintir individu tertentu yang terangkat. Apabila hal ini terjadi, ada individu menerima pujian yang tidak sepatutnya. Hal ini seterusnya memupuk perpecahan yang akan memberi ruang kepada perbalahan.

Seringkali kita memikirkan mengenai kurnia rohani hanya dari segi kebolehan dan bakat yang kita terima. Sementara talenta turut terlibat di dalam kurnia rohani, kita harus sentiasa ingat bahawa dalam mengurniakan pemberian rohaniah, Roh Suci juga sentiasa memberikan satu tugas tertentu atau pelayanan yang turut mengiringinya (*1 Petrus 4:10*). Oleh itu, kita bolehlah katakan bahawa kurnia rohani ini adalah suatu keupayaan tertentu yang diberikan secara luarbiasa oleh Tuhan melalui Roh Suci. Pemberian ini melengkapkan seseorang bagi satu jenis pelayanan istimewa yang akan membangunkan gereja. Untuk mencapai matlamat tersebut maka pelbagai kurnia diperlukan.

Pada pendapat anda, mengapakah satu tujuan utama bagi pemberian itu adalah kesatuan gereja? Bagaimanakah umat percaya dengan kurnia rohani mereka yang berlainan menuju kepada matlamat kesatuan di dalam gereja? Apakah yang perlu berlaku agar pemberian yang berlainan di dalam gereja itu akan menjadi berkat dan bukan menjadi sumber perbalahan?

RABU 22 Februari

Pemberian, Dahulu dan Sekarang

Sila baca 1 Korintus 14:1 dan bandingkan dengan pelbagai senarai di dalam 1 Korintus 12:7-11, 27-31; Roma 12:3-8; dan Efesus 4:11, 12. Adakah pemberian itu diberikan hanya kepada umat percaya di dalam Perjanjian Baru? Mengapakah pemberian itu tersedia hari ini?

Terdapat sesetengah umat Kristian yang berpendapat bahawa kurnia rohani yang disebutkan di dalam Perjanjian Baru dihadkan pada zaman Yesus dan para rasul. Mereka berkata bahawa, dengan kematian murid para rasul yang pertama maka kurnia rohani istimewa juga tidak lagi wujud di dalam gereja. Dalam menyokong pandangan seperti ini mereka memetik dari 1 Korintus 13:10 di mana Rasul Paulus mengatakan bahawa "jika yang sempurna tiba, maka yang tidak sempurna itu akan lenyap." Sememangnya akan ada masanya apabila kurnia rohani itu tidak ada lagi. Tetapi ia tidak akan ada nanti hanya apabila yang sempurna itu datang, iaitu, apabila kita tidak lagi melihat melalui kaca yang gelap tetapi muka dengan muka, apabila Yesus datang kembali. Alkitab memberitahu kita bahawa kurnia rohani itu diberikan untuk membangunkan gereja (1 Korintus 12:28). Paulus menggesa umat percaya dengan berkata "usahakanlah dirimu memperoleh karunia-karunia Roh, terutama karunia untuk bernubuat" (1 Korintus 14:1). Kurnia itu diperlukan untuk kesejahteraan pada tubuh. Dalam ketiadaan sebarang bukti Kitab Suci bahawa Tuhan telah menghentikannya, kita harus menganggap bahawa Dia bermaksud agar ia kekal berterusan sehinggalah gereja sudah menyelesaikan misinya dan Kristus sudah datang lagi.

Pekerjaan Tuhan akan diselesaikan pada akhir zaman dengan kuasa yang kekuatan yang jauh mengatasi permulaannya yang pertama. Selagi gereja dipanggil untuk menyediakan dunia bagi kedatangan Kristus yang kedua kali maka Tuhan tidak akan membiarkan anggota gereja tanpa bantuan dalam menunaikan misi mereka. Namun pemberian kurnia rohani ini sama sekali tidak akan menggantikan Alkitab dan tidak juga berada pada tempat yang sama dengan Alkitab. Sebaliknya, ia adalah penggenapan janji Alkitab untuk melengkapi umat percaya agar mereka boleh membangunkan tubuh Kristus dan menyediakan dunia untuk menerima kedatangan Yesus yang segera.

Sila baca Efesus 4:11-13, terutama ayat 13, yang berkata: "sampai kita semua telah mencapai kesatuan iman dan pengetahuan yang benar tentang Anak Allah, kedewasaan penuh, dan tingkat pertumbuhan yang sesuai dengan kepenuhan Kristus." Apakah yang hal ini beritahu kepada kita mengenai keperluan masa kini untuk kurnia Roh di dalam gereja?

KHAMIS 23 Februari

Roh Suci dan Kurnia Memahami

Sila baca 1 Korintus 12:10, 14:29 dan 1Yohanes 4:1-3. Mengapakah kurnia untuk dapat memahami itu penting?

Sementara terdapat kurnia rohani tulen di dalam gereja, namun Alkitab juga mengingatkan kita untuk tidak percaya kepada setiap roh tetapi menguji roh mengenai kepatuhannya kepada Kitab Suci, keselariannya dan sama ada ia menyanjung Yesus sebagai Tuhan. Adalah satu keperluan untuk dapat membezakan “bermacam-macam roh” (1 Korintus 12:10) kerana bukan segala-gala yang mengaku sebagai datang dari Tuhan itu benar-benar datang dari Tuhan. Kita sudah diingatkan bahawa terdapat kuasa kegelapan yang berusaha menyesatkan gereja dan bahawa ada tiruan keiblisian yang menyerupai kurnia tulen dari Roh, seperti ajaran palsu, nubuatan palsu, penglihatan yang tidak benar, kurnia lidah yang palsu, kuasa penyembuhan ghaib, tanda-tanda dan kehairanan yang mengelirukan dan sebagainya.

Namun sesetengah orang yang menerima kesahihan kurnia roh hari ini, malah hari ini juga, telah meletakkan penekanan istimewa ke atas beberapa kurnia rohani dan telah memberikan keutamaan yang tidak munasabah kepada kehadiran tanda-tanda dan kehairanan yang istimewa. Adalah suatu hal menarik bahawa Paulus menyenaraikan kurnia untuk memahami dan membezakan sebaik selepas dia menyebut kurnia “untuk mengadakan mukjizat” dan kurnia “bernubuat” dan sebelum dia menyebut mengenai kurnia bahasa roh atau kurnia lidah (1 Korintus 12:10).

Untuk dapat mengekalkan gereja berada di dalam kebenaran dan kesatuan dan melindungi para anggota dari mengikuti nabi-nabi palsu dan dikelirukan dengan tanda-tanda dan mukjizat palsu, Tuhan memberikan gereja kurnia untuk dapat membezakan bermacam-macam kurnia. Kematangan, pengetahuan dan kesetiaan Alkitabiah kepada Firman Tuhan di dalam iman dan amalan adalah diperlukan untuk membuat penilaian yang betul. Namun, asas untuk semua pemahaman mestilah Firman Tuhan. Hanya melalui menguji segala-gala oleh Firman maka kita boleh mengemali dengan pasti sama ada apa yang kita dengar dan lihat itu benar-benar datang dari Tuhan, atau jika tidak, ia datang dari suatu tempat yang lain.

“Umat yang membuat pekerjaan mukjizat itu satu ujian bagi imannya akan mendapati bahawa Syaitan boleh, melalui perdayaan, melaksanakan keajaiban yang kelihatan seperti mukjizat yang tulen. . . . Jangan biarkan hari-hari berlalu dan peluang keemasan terlepas dalam mencari Tuhan dengan segenap hati, minda dan jiwa. Jika kita tidak menerima kebenaran di dalam kasihnya itu, kita mungkin tergolong dengan mereka yang akan melihat mukjizat dilaksanakan oleh Syaitan pada hari-hari terakhir dan percaya kepadanya. Banyak perkara ganjil akan muncul sebagai mukjizat yang indah yang harus dianggap sebagai satu penipuan yang dibuat oleh bapa segala dusta. . . . Manusia ketika dibawah pengaruh roh-roh jahat akan melakukan mukjizat.” – **Ellen G. White**, *Selected Messages, vol. 2*, ms. 52, 53.

JUMAAT 24 Februari

Renungan Tambahan: Sila baca **Ellen G. White**, *The Great Controversy*, ms. 511-517, 593-602.

Sesetengah orang telah bertanya, "Mengapakah kita tidak melihat jenis mukjizat sama, seperti mukjizat penyembuhan, hari ini seperti yang dilihat pada zaman Alkitab?" Pertama, sememangnya kita mendengar cerita mengenai mukjizat. Tentu sekali ada orang yang telah melihatnya juga dengan mata sendiri. Kedua, apabila membaca Alkitab, kita boleh mendapat gambaran bahawa mukjizat itu akan sentiasa terjadi. Tetapi kita mendapat gambaran itu hanya kerana Roh Suci mengilhamkan para penulis untuk menuliskan mengenai peristiwa yang sangat penting dalam membangunkan gereja yang mula-mula dan antara peristiwa ini sering termasuklah mukjizat. Kita boleh bayangkan bahawa dalam kebanyakan kes, dan selalunya, hal-hal pada waktu itu adalah seperti itu pada hari ini: iaitu umat yang sedang diajarkan dengan Firman Tuhan dan menyahut kepada Roh Suci. Akhir sekali, Ellen G. White telah menulis: "Cara yang Yesus telah bekerja adalah untuk mengkhutbahkan Firman dan melegakan penderitaan melalui melakukan mukjizat penyembuhan. Namun saya telah dimaklumkan bahawa kita tidak dapat bekerja dalam cara ini pada hari ini kerana Syaitan akan melaksanakan kuasanya dengan melakukan mukjizat. Para hamba Tuhan hari ini tidak dapat melakukan pekerjaan melalui mukjizat kerana banyak pekerjaan penyembuhan, yang mengakui sebagai datang dari Ilahi, akan dikerjakan. Oleh itu, atas alasan ini maka Tuhan telah menyediakan satu jalan yang umatNya akan memajukan pekerjaan penyembuhan fizikal, digabungkan dengan mengajar FirmanNya. Hospital akan dibangunkan dan melalui institusi ini terdapat para pekerja yang akan memajukan pekerjaan pinginjian perubatan yang tulen. Dengan demikian satu pengaruh pengawalan diletakkan di sekeliling mereka yang akan datang ke hospital untuk mendapatkan rawatan." – **Ellen G. White**, *Selected Messages, book 2*, ms. 54.

Soalan Perbincangan:

1. Apakah bezanya di antara buah Roh dan kurnia Roh?
2. Bagaimanakah satu pemahaman bahawa kurnia itu diberikan oleh Tuhan yang penyayang dan bijaksana membantu kita untuk menghargai pelbagai kurnia di dalam gereja kita?
3. Mengapakah penyembuhan mukjizat dan kehairanan itu sendiri bukan satu panduan selamat bagi menentukan kebenaran? Apakah yang kita perlukan bersama-sama dengannya?
4. "Berdasarkan kasih kurnia yang dianugerahkan kepadaku, aku berkata kepada setiap orang di antara kamu: Janganlah kamu memikirkan hal-hal yang lebih tinggi dari pada yang patut kamu fikirkan, tetapi hendaklah kamu berfikir begitu rupa, sehingga kamu menguasai diri menurut ukuran iman, yang dikurniakan Tuhan kepada kamu masing-masing." (*Roma 12:3*). Apakah teguran penting yang diberikan kepada kita di sini? Sejauhmanakah "lebih tinggi" kita haru memikirkan mengenai diri kita sendiri?

Panduan Guru

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Korintus 12:4-11

Pelajar Akan:

Mengetahui: Bandingkan buah Roh dengan kurnia Roh. Sila selidiki perbezaan di antara kedua-duanya dan temui matlamat Ilahi Roh Suci bagi kurnia Roh.

Merasakan: Menghargai kurnia Roh Suci dan memupuk satu kerinduan untuk menggunakan kurnia yang Tuhan telah berikan kepadanya untuk membangunkan tubuh Kristus dan menjangkau dalam pelayanan kepada orang lain.

Melakukan: Bersikap sensitif kepada pekerjaan Roh Suci dalam memberikan kurnia rohani dan memutus untuk menggunakan kurnia ini bagi kemuliaan Tuhan.

Garis Pembelajaran:

I. Mengetahui: Memahami Kurnia Roh

- A. Bagaimanakah kita menjelaskan kurnia Roh? Apakah kurnia rohani?
- B. Siapakah yang menentukan siapa yang menerima setiap pemberian?
- C. Apakah perbezaan di antara buah Roh dan kurnia Roh?

II. Merasakan: Memahami Pemberian kita Secara Individu

- A. Mengapakah sangat mudah untuk terlepas pandang kepada kurnia rohani yang Tuhan berikan kepada kita?
- B. Apabila kita bersikap iri hati terhadap mereka yang memiliki pelbagai kurnia, apakah sebenarnya hal seperti ini katakan mengenai sikap kita terhadap Tuhan?

III. Melakukan: Memahami Tujuan Kurnia Rohani

- A. Apakah tujuan pemberian yang dikurniakan oleh Roh Suci?
- B. Bagaimanakah pemberian oleh Roh Suci itu membolehkan kita untuk bergaul secara positif dengan anggota lain di dalam gereja?
- C. Apakah fungsi yang ada pada kurnia rohani di dalam membangunkan tubuh Kristus dan menjalankan pelayanan dalam masyarakat?

Kesimpulan: Apabila kita merespon secara positif kepada dorongan Roh Suci untuk mengenali Yesus secara intim, Roh Suci itu mengurniakan pemberian atau kebolehan yang diberikan melalui kuasa Ilahi, kepada setiap kita sebagaimana dikehendakiNya, agar dapat membangunkan tubuh Kristus, melayani masyarakat umum dan memuliakan Tuhan.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Korintus 12:4-11

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Roh Suci mengurniakan pemberian kepada setiap umat percaya untuk membangunkan gereja Kristus dan mencapai misi Kristus di dalam masyarakat. Tuhan kita tidak memberikan kita satu tugas tanpa melengkapkan kita untuk dapat menjalankan tugas tersebut. Dia tidak memberikan kita satu misi tanpa memberikan kita kurnia yang diperlukan untuk menunaikan misi tersebut. Kurnia Roh itu diberikan kepada setiap umat percaya agar dia boleh menunaikan peranannya sebagai anggota di dalam tubuh Kristus dalam memuliakan Tuhan melalui pelayanan di dalam tubuh tersebut.

Hanya untuk Guru: Pelajaran minggu ini menyatakan salah satu prinsip yang paling berkuasa di dalam seluruh Alkitab bagi pertumbuhan gereja yang sihat. Tuhan telah memberikan setiap anggota pemberian talenta bagi pelayanan di dalam gereja dan di dalam masyarakat. Dia mungkin tidak akan menyedari apa kurnia itu tetapi Roh Suci telah memberikannya. Apabila kita mengenali pemberian yang Tuhan berikan kepada kita ini dan menggunakannya untuk kemuliaanNya maka gereja akan berfungsi sebagai satu tubuh yang sihat.

Dorongkan ahli kelas untuk berdoa agar Tuhan akan membantu mereka agar dapat mengenali kurnia mereka dan menuntun mereka dalam menggunakan kurnia ini demi memajukan kerajaanNya. Kongsikan pandangan bahawa Roh Suci sama yang telah memberikan kurnia ini akan menyatakan kepada setiap kita kurnia mana yang Dia telah berikan dan bagaimana menggunakannya dengan cara yang terbaik di dalam pekerjaan Kristus. Apabila kita bersikap sensitif kepada pekerjaan Roh Suci dan komited sepenuh kepada Kristus dan pekerjaanNya maka Roh akan menuntun kita untuk dapat memahami kurnia kita dan mengajar kita cara terbaik untuk menggunakan bagi kemuliaan Tuhan.

Pembuka Perbincangan: Mari kita baca bersama kurnia Roh Suci yang disenaraikan di dalam 1 Korintus 12:27, 28 dan Roma 12:6-8. Jika anda boleh memilih untuk dapat memiliki mana-mana di antara kurnia ini, yang mana satukah anda akan pilih? Mengapakah anda mahu memilih kurnia itu? Apakah yang membuat kurnia itu suatu yang menarik bagi anda?

Dapatkah anda mengingati suatu hari lahir istimewa atau Krismas semasa zaman kanak-kanak ketika anda sangat-sangat inginkan sesuatu dan menjadi kecewa apabila anda tidak dapat memilikinya? Kekecewaan seperti ini berlaku kepada seorang anak gadis kecil yang berdoa untuk memiliki seekor gajah. Dia rindu untuk memiliki seekor gajah sebagai binatang peliharaannya. Tiada lain yang dia inginkan lebih dari seekor gajah yang hidup. Adakah anda berpendapat bahawa ibubapanya telah memberikan dia seekor gajah untuk disimpan di belakang rumah? Sudah tentu tidak! Mereka lebih bijak daripada anak kecil ini. Terdapat waktunya kita juga berdoa

Panduan Guru

untuk dapat memiliki “gajah” kita tetapi Tuhan itu lebih bijaksana daripada kita dan hanya memberikan kurnia kepada kita yang Dia tahu dengan terbaik bahwa kita akan gunakan untuk memuliakan namaNya dalam pelayananNya.

Soalan Perbincangan:

1. Pada pendapat anda, mengapakah Roh Suci memilih apa kurnia untuk setiap umat percaya dan tidak mendorong kita untuk berdoa bagi mendapatkan suatu kurnia tertentu??
2. Apakah kurnia yang kita didorong untuk mencarinya? (Sila lihat *1 Korintus 12:30, 31.*)
3. Apakah bezanya di antara kurnia rohani dan bakat semula jadi?
4. Mengapakah topik mengenai kurnia rohani sangat menggalakkan?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya untuk Guru: Setiap pemberian Tuhan diberikan kepada kita atas kelimpahan rahmat dan kasihNya. Dia mengasihi gerejaNya dengan mendalam sehingga Dia memberikan kita kurnia untuk membangunkan gerejaNya. Walaupun setiap umat Kristian tidak dapat melakukan segala-galanya. Namun setiap kita masing-masing boleh melakukan sesuatu untuk Kristus. Setiap kita teah diberikan kurnia untuk melayani.

Walaupun pemberian ini berbeza-beza, namun semuanya adalah diperlukan bagi sebuah gereja yang sihat dan berfungsi. Tidak ada pemberian yang tinggi atau rendah. Kurnia membantu sama pentingnya dengan kurnia menyembuh. Kurnia peramah sama pentingnya dengan kurnia pengkhotbah. Kurnia memberi sama pentingnya dengan kurnia mentadbir. Dapatkah anda bayangkan gereja yang tidak ada anggota yang memiliki kurnia membantu, kurnia peramah, atau kurnia memberi? Ia pastinya satu gereja dengan anggotanya yang dingin, mementing diri sendiri dan berfokus ke dalam. SAetiap pemberian adalah penting. Sebagaimana rasul Paulus katakan dengan tepatnya, “Tetapi Allah telah memberikan kepada anggota, masing-masing secara khusus, suatu tempat pada tubuh, seperti yang dikehendaki-Nya... Malahan justru anggota-anggota tubuh yang nampaknya paling lemah, yang paling diperlukan” (*1 Korintus 12:18, 22*). Sila bantu ahli kelas anda untuk dapat memahami bahawa setiap anggota diperlukan, setiap mereka telah diberikan kurnia oleh Tuhan dan setiap anggota telah dipanggil oleh Tuhan untuk menggunakan pemberian itu, sama ada ia besar atau kecil, untuk memajukan kerajaanNya.

Ulasan Alkitab

I. Roh Suci Memberikan Kurnia Rohani Untuk Pelayanan (*Imbas kembali 1 Korintus 12:11 bersama kelas.*)

Gereja di Korintus mempunyai satu masalah rohani yang serius. Terdapat sikap cemburu, iri hati dan perbalahan di kalangan para anggotanya (*1 Korintus 3:3, 4*). Sikap tidak bermoral menular masuk ke dalam gereja (*1 Korintus 5:1*). Sesetengah

Panduan Guru

anggota malah mengancam untuk membawa orang lain ke muka pengadilan sivil untuk menyelesaikan masalah mereka (*1 Korintus 6:1*). Terdapat perbincangan mengenai memakan daging yang dipersembahkan kepada berhala, pemyalahgunaan Perjamuan Suci dan kurnia rohani (*1 Korintus 8, 11, 14*). Gereja di Korintus berpecahan, penuh dengan konflik dan berdepan perbalahan.

Di dalam konteks inilah maka rasul Paulus, di bawah inspirasi Roh Suci, menulis kepada mereka mengenai kurnia rohani sebagai satu kuasa penyatupaduan umat. Dia menggariskan tiga kunci utama mengenai kurnia rohani di dalam hidup dan pelayanan gereja:

1. Tuhan yang berdaulat memberikan kurnia sebagaimana yang dikehendakiNya. Kita tidak memilih kurnia mana yang kita terima. Dia memilih kurnia mana yang Dia ingin berikan.
2. Setiap umat percaya menerima sekurang-kurangnya satu pemberian tertentu yang diberikan oleh Roh Suci.
3. Fungsi bagi semua kurnia rohani ialah untuk memuliakan Tuhan dengan membangunkan gereja, menyatupadukan tubuh Kristus dan menjangkau keluar dalam misi kepada masyarakat.

Roh yang sama ini yang akan mengurniakan setiap pemberian kepada umat percaya. Paulus membuat perkara ini sangat jelas sehingga tidak dapat disalahfahami. "Tetapi semuanya ini dikerjakan oleh Roh yang satu dan yang sama, yang memberikan karunia kepada tiap-tiap orang secara khusus, seperti yang dikehendakiNya" (*1 Korintus 12:11*). Ellen G. White menambahkan, "Kepada setiap anggota ditetapkan suatu pemberian tertentu yang harus digunakan untuk memajukan kerajaan Juruselamt." – *Testimonies to the Church, vol. 4*, ms. 618. Setiap kita telah diberikan satu kurnia tertentu oleh Kristus untuk digunakan di dalam pelayanannya. Tiada yang tertinggal. Setiap kurnia adalah diperlukan untuk membangunkan kerajaan Tuhan dan memajukan matlamatNya.

Consider This: Apakah fungsi pada kurnia rohani? Bagaimanakah kurnia ini bertindak sebagai kuasa penyatupaduan di dalam gereja?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya untuk Guru: Pimpin kelas anda di dalam satu perbincangan praktikal tentang bagaimana menemukan kurnia rohani mereka dan bagaimana menggunakannya di dalam pelayanan Kristus. Tunjukkan kepada mereka bahawa Roh sama yang mengurniakan pemberian itu yang akan menyatakannya kepada mereka. Berikut adalah beberapa langkah untuk membantu ahli kelas anda untuk menemukan kurnia rohani yang Tuhan telah berikan:

1. Serahkan hidup anda kepada Kristus dan bersyukur kepadaNya atas kurnia yang Roh Suci telah berikan kepada anda.
2. Minta Dia menyatakan kurnia tersebut.
3. Sila selidiki bahagian kesaksian dan pelayanan yang anda rasa Tuhan sedang panggil untuk anda laksanakan dan turut terlibat di dalam pelayanan itu.
4. Ingatlah bahawa pemberian kita tidak datang dalam keadaan yang sudah matang sepenuhnya. Semakin kita menggunakan kurnia yang Tuhan telah

Panduan Guru

berikan, semakin ia akan bertumbuh, dan kita akan semakin cekap dalam menggunakannya.

5. Perhatikan beberapa pengesahan dari kalangan anggota tubuh Kristus yang lain bahawa Tuhan telah mengurniakan anda dengan talenta bagi suatu bidang tertentu.

Soalan Renungan:

1. Apabila kita menyerahkan hidup kita kepada Yesus dan dibaptiskan, Dia berjanji untuk mengutus RohNya untuk menguatkan kita mendepani pencubaan Syaitan dan memberikan kita kurnia rohani untuk pelayanan. Mengapakah bahawa kadangkala kita gagal mengenali pemberian yang dikurniakan kepada kita?
2. Bagaimanakah kita mengenali kurnia mana yang Tuhan telah berikan kepada kita?

Soalan Penerapan:

1. Bagaimanakah kita dapat membantu satu sama lain untuk menemukan kurnia rohani kita?
2. Apakah kurnia rohani yang ada pada anggota kelas yang lain? Perhatikan kelas Sekolah Sabat anda. Sila jemput ahli kelas untuk menyebut beberapa kurnia rohani yang mereka lihat ada pada anggota kelas yang lain.

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya untuk Guru: Ketika kita menemukan pemberian yang Tuhan sudah kurniakan kepada kita dan menggunakannya untuk membangunkan gerejaNya dan bersaksi di dalam masyarakat, kita akan mendapatkan sukacita di dalam pelayanan. Kepuasan rohaniah berlaku apabila kita menggunakan kurnia rohani yang telah diberikan kepada kita agar dapat menjadi berkat kepada orang lain. Kita tidak menuntut pujaan bagi diri kita sendiri atas kurnia ini kerana kita tahu itu adalah kurnia rohani yang diberikan oleh Tuhan yang penyayang bagi memajukan pekerjaanNya.

Aktiviti:

1. Apakah pemberian yang Tuhan telah berikan kepada anda dan bagaimanakah anda boleh menggunakannya dalam pelayanan dengan lebih berkesan?
2. Fikirkan mengenai beberapa projek bermotif kreatif untuk kelas Sekolah Sabat anda yang secara unik menggunakan kurnia rohani yang ada pada setiap ahli kelas. Bagaimanakah anda secara berkumpulan dapat menggunakan pemberian anda itu untuk pekerjaan Kristus?

Pelajaran 9 | 25 Februari-3 Mac

Roh Suci dan Gereja

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: Efesus 1:22, 23; 1 Korintus 12:13; Roma 6:3-7; Kisah 17:11; Efesus 4:5, 6; Kisah 2:4-11.

Ayat Hafalan: “Dan berusaha memelihara kesatuan Roh oleh ikatan damai sejahtera: satu tubuh, dan satu Roh, sebagaimana kamu telah dipanggil kepada satu pengharapan yang terkandung dalam panggilanmu, satu Tuhan, satu iman, satu baptisan” (Efesus 4:3-5).

Kadang kala kita memikirkan mengenai Roh Suci yang bekerja hanya pada tahap individu sahaja dan di dalam hidup umat percaya. Tetapi pekerjaan di dalam individu ini adalah dasar kepada kerohanian masyarakat. Roh Suci bertanggungjawab secara mutlak kepada kewujudan gereja Kristus.

Kita sering tergoda untuk memikirkan bahawa gereja itu wujud dan bertumbuh kerana hasil daripada pelbagai aktiviti evangelistik dan misionari yang kita jalankan. Ya, sememangnya, Tuhan mahu mencapainya rencana muliaNya bagi gereja dan melakukannya dengan bantuan kita. Tetapi alasan sebenar bagi gereja terletak bukan pada apa yang kita lakukan; bukan juga berupa hasil dari organisasi kita yang cekap dan pentadbiran kita yang berkesan, betapapun hal ini sangat penting. Gereja wujud kerana apa yang Tuhan sudah lakukan dan terus lakukan untuk kita melalui Roh Suci. Roh Suci lah yang mewujudkan satu masyarakat dan persekutuan rohani yang memiliki Tulisan Firman Tuhan yang diilhamkan oleh Roh yang sama sebagai autoriti bagi iman dan amalannya. Alkitab yang diilhamkan oleh Roh adalah dasar kepada kesatuan teologikal gereja. Tanpa pekerjaan Roh maka gereja tidak akan wujud dan tidak dapat meneruskan untuk menunaikan kesatuan misinya.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 4 Mac.*

Roh Suci Menyatukan Kita Dengan Kristus

Roh Suci menyatukan kita dalam cara berlipat kali ganda. Kita tidak akan wujud sebagai gereja jika Roh Suci tidak terlebih dahulu menyatukan kita dengan Kristus. Kristus adalah kepala gereja (lihat *Efesus 1:22, 23; 5:23*). Melalui Roh Suci, kita disatukan dengan erat kepada Kristus sendiri. Keadaan bersatu dengan Kristus adalah dasar kepada semua berkat keselamatan kerana semua yang ada pada kita di dalam Tuhan datang daripadaNya. Kita yang dibuat menjadi anak-anakNya, membenaran dan juga penyucian kita, hidup kita yang berkemenangan melawan dosa dan pemuliaan akhir kita semuanya di terima melalui kesatuan kita dengan Kristus. Oleh itu, Dia semestinyalah dasar kepada seluruh kehidupan kita sebagai Kristian.

Sila baca Efesus 2:18, 20-22 dan 1 Petrus 2:6, 7. Apakah yang diberitahukannya kepada kita mengenai peranan Kristus dan Roh Suci dalam pembentukan gereja?

Melalui Roh, kita memiliki akses kepada Tuhan Bapa, Yesus Batu Karang, dasar keselamatan kita dan yang di atasnya semua bahagian lain pada seluruh bangunan itu didirikan.

Pekerjaan Roh atas pada tahap setiap individu menuntun kepada satu masyarakat agama tertentu: iaitu gereja. Apabila kita sudah mengalami keselamatan melalui iman di dalam Yesus Kristus sahaja dan setelah disentuh oleh kasih Tuhan maka terdapat satu "persekutuan Roh" (*2 Korintus 13:13*) yang manis di dalam gereja. Umat percaya secara individu sedang dibentuk ke dalam rumah rohani Tuhan "di dalam Roh" (*Efesus 2:22*). Sebagai pengikut Kristus kita harus bersikap ghairah untuk "memelihara kesatuan Roh oleh ikatan damai sejahtera" (*Efesus 4:3*). Di dalam cara yang mungkin, tanpa mengkompromikan apa yang tidak boleh dikompromikan, kita perlu berusaha mendapat kesatuan di dalam persekutuan umat percaya.

Sila baca Kolose 3:12-14. Bagaimanakah kita dapat menggambarkan ciri-ciri ini dan menyumbang kepada kesatuan di dalam gereja? Mengapakah ciri-ciri ini sangat penting kepada kesatuan gereja?

ISNIN 27 Februari

Roh Suci Menyatupadukan Kita Melalui Baptisan

Sila baca 1 Korintus 12:13. Bagaimanakah baptisan menyatukan kita dengan Kristus dan dengan Roh?

Adalah Roh Suci yang menyatupadukan kita menjadi satu badan umat percaya. Pintu masuk umum ke dalam kerajaan rohani Kristus ialah melalui baptisan. Kita dibaptiskan ke dalam satu badan gereja khusus. Oleh itu, baptisan memiliki satu dimensi kemasyarakatan yang nyata dan implikasi kemasyarakatan yang penting. Sebagai pengikut Kristus kita tidak boleh hidup dengan diri kita sendiri. Kita semua memerlukan sokongan, dorongan dan pertolongan dari orang lain. Sudah tentulah kita tidak dapat menunaikan misi Ilahi ini secara sendirian. Itu sebab mengapa Tuhan telah menciptakan gereja. Mengikuti Kristus bermakna mengikuti Dia di dalam persekutuan bersama dengan umat percaya yang lain. Oleh itu, baptisan dan gereja memiliki satu komponen yang nyata.

Sila baca Roma 6:3-7. Apakah yang dilambangkan melalui baptisan menurut Alkitab?

Tindakan dalam dikuburkan dengan Yesus melalui baptisan ke dalam kematian di kubur air dan dibangkitkan kepada hidup yang baru dalam persekutuan dengan Yesus Tuhan dan Juruselamat kita melambangkan penyaliban kehidupan yang lama dan pengakuan umum dalam menerima Yesus sebagai Juruselamat kita.

“Baptisan adalah penolakan paling sungguh terhadap dunia. Keadaan diri sendiri adalah satu kematian bagi kehidupan dalam dosa. Ketika air menutupi calon baptisan dan di hadapan seluruh warga Syurga dan alam semesta maka satu aku-janji telah disempurnakan. Di dalam nama Bapa, Anak dan Roh Suci, manusia itu akan dibaringkan di dalam kubur air, dikuburkan bersama Yesus dalam baptisan dan dibangkitkan dari air untuk menjalani satu hidup baru dalam kesetiaan kepada.” – **Ellen G. White Comments, *The SDA Bible Commentary, vol. 6, ms. 1074.***

Baptisan merupakan satu langkah positif yang diambil oleh semua orang yang mahu diterima sebagai berada di bawah autoriti Bapa, Anak dan Roh Suci dan harus mengakuinya. Dalam kata lain, baptisan menandakan pertaubatan sejati, penyaliban kepada kehidupan yang lama dan ia menandakan satu kelahiran baru atau pertaubatan. Ia juga merangkumi kewajipan pada satu perjanjian bersama. Umat percaya yang baru berjanji untuk setia kepada Tuhan dan hukumNya dan Tuhan memberi jaminan bahawa kita boleh bergantung kepada pertolonganNya setiap kali kita memerlukannya.

Sudahkah anda membuat keputusan untuk mendapat baptisan umat percaya? Jika tidak, apakah yang menghalang anda daripada mengikuti Yesus di dalam baptisan? Jika anda sudah dibaptiskan dengan diselamkan, bagaimanakah janji baptisan anda membawa impak kepada kehidupan rohani anda bersama Yesus?

SELASA 28 Februari

Roh Suci Menyatupadukan Gereja Melalui Firman Tuhan

Sila baca Kisah 17:11; dan Yohanes 5:39, 46, 47; 8:31, 32. Apakah tanda pengenalan nyata bagi murid Yesus yang sebenar? Mengapakah Alkitab satu-satunya yang tidak boleh diganti dalam menunjukkan kita kepada Kristus dan membantu kita untuk menuruti Dia dengan setia?

Prasarana utama yang olehnya Roh Suci menyatukan kita dengan Kristus ialah melalui Firman Tuhan yang Tertulis. Alkitab adalah sumber yang boleh dipercayai untuk mengenali Yesus dan rencana Tuhan. Itu sebab mengapa membaca Kitab Suci dan menghafal kandungannya sangat penting. Alkitab adalah sumber berautoriti untuk memahami kebenaran dan kesilapan secara rohaniah. Paulus memuji orang Berea atas kebaikan hati mereka (*Kisah 17:11*) kerana mereka rajin belajar dan mengkaji Kitab Suci agar dapat memastikan apa yang mereka dengar itu adalah benar.

Sebarang kebangunan pembaharuan dan rohani – tanpa mengira sama ada ia membawa kesan kita secara individu atau sebagai sebuah gereja secara bersekutu – haruslah berdasar kepada Kitab Suci. Alkitab adalah dasar yang di atasnya iman kita dibangunkan; sementara itu, kasih kepada Yesus dan FirmanNya yang tertulis adalah ikatan yang mengikat kita bersama.

Sila baca Yohanes 17:17-21. Di sini Yesus berbicara mengenai kesatuan sebagai tanda pengenalan bagi pemuridan Kekristianan. Menurut Yohanes 17:17, apakah dasar bagi kesatuan ini?

Firman Tuhan Itu adalah kebenaran (*Yohanes 17:17, Mazmur 119:160*). Kesatuan gereja adalah pekerjaan Roh bersama dan melalui Firman Tuhan dalam Alkitab. Roh Suci sama sekali tidak akan membawa kita untuk meragui, mengkritik, melampaui atau kurang menuruti ajaran Alkitab. Di sebaliknya, Dia membuat kita untuk dapat menghargai autoriti Ilahi pada Kitab Suci. Roh Suci tidak pernah membawa kita menjauhi Firman Tuhan dan Firman Hidup. Sebaliknya, Dia sentiasa memelihara kita untuk kekal, sedar dan bersedia tunduk kepada kedua-duanya. Alkitab adalah sumber dasar bagi setiap kesatuan teologikal sedunia. Jika kita mengurangkan atau melemahkan kepercayaan kita kepada Alkitab sebagai Firman Tuhan maka kesatuan gereja akan hancur.

Berapakah banyaknya waktu yang anda luangkan untuk belajar Firman Tuhan? Lebih penting lagi, bagaimanakah anda boleh belajar untuk berserah kepada ajarannya?

Roh Suci Menyatukan Gereja Dalam Iman dan Doktrin

Satu Tuhan, satu iman, satu baptisan, satu TUHAN dan Bapa dari semua, TUHAN yang di atas semua dan oleh semua dan di dalam semua" (Efesus 4:5, 6). Apakah yang Paaulus beritakan kepada kita di sini mengenai kesatuan dan dari mana ia datang?

Kesatuan di dalam iman dan doktrin boleh dicapai hanya dalam kesetiaan kepada Firman Tuhan. Tuhan, yang sama kelmarin, hari ini dan selamanya membentuk satu ikatan rohani dengan setia umat percaya. Kelahiran baru yang sama, yang dibawa oleh Roh Suci, penurutan sama terhadap Firman Tuhan, yang diperkasakan oleh Roh Suci, akan membawa kepada kesatuan iman dan amalan yang melampaui semua perbezaan manusia dan budaya.

Sementara kita semua telah dipanggil untuk tunduk kepada Firman Tuhan dan melakukan sedaya upaya kita untuk mengekalkan damai sejahtera dengan setiap orang (*Roma 12:18*), namun kita tidak secara mutlak dapat membawa kesatuan teologikal atau kesatuan matlamat sebagai sebuah badan gereja. Kerana kesatuan itu bukan suatu yang dicapai melalui pekerjaan tetapi ia adalah pemberian dari Roh Suci yang bekerja di dalam setiap umat percaya secara individu dan atas gereja secara bersekutu.

Dasar teologikal pada kesatuan ini ialah Firman Tuhan. Mana-mana pendekatan kepada Roh tanpa Firman Tertulis boleh membawa kepada doktrin dan amalan yang mencurigakan. Pada masa yang sama, mana-mana pendekatan kepada Firman Tertulis tanpa Roh Suci akan mengeringkan Firman itu dan membuatnya tandus. Kerana hanya ada satu Tuhan, hanya ada satu iman yang menuntun kepada hanya satu baptisan. Hanya dalam kesetiaan sukacita di dalam Firman Tuhan maka kita boleh melihat kesatuan di dalam gereja kita. Jika tidak ada kesatuan di dalam iman dan doktrin maka tidak akan ada kesatuan di dalam misi.

"Kita ada satu Tuhan, satu iman, satu baptisan. Injil Kristus harus menjangkau semua masyarakat, semua bangsa, semua bahasa dan manusia. Pengaruh pada Injil ialah menyatukan ke dalam satu persaudaraan. Kita hanya ada satu Teladan yang kita harus tiru dalam pembentukan tabiat dan dengan demikian kita semua akan memiliki acuan Kristus; kita akan berada dalam keharmonian yang sempurna; kesukuan akan serasi di dalam Yesus Kristus yang memiliki minda yang sama dan pemerhatian yang sama, berbicara perkara yang sama dan dengan satu suara yang memuliakan Tuhan." – **Ellen G. White**, *Our High Calling*, ms. 171.

Perhatikan kenyataan Ellen G. White ini. Tanpa menghiraukan mengenai orang lain atau apa orang lain lakukan, tetapi tanya diri anda sendiri: Apakah yang saya boleh lakukan untuk dapat mencapai matlamat indah mengenai kesatuan ini?

KHAMIS

2 Mac

Roh Suci Menyatukan Gereja Dalam Misi dan Pelayanan

Sila baca Kisah 2:4-11, 16-21. Apakah hasilnya dari Roh Suci yang dicurahkan kepada umat percaya dalam Perjanjian Baru?

Roh Suci adalah yang bertanggungjawab bagi kebanyakan penjangkauan misionari yang Berjaya yang telah disaksikan oleh sejarah. Tuhan boleh melakukan lebih banyak lagi melalui satu kelompok kecil yang bersatu di dalam kesetiaan mereka terhadapNya daripada apa yang Dia lakukan kepada satu kumpulan besar yang berbelah bagi di dalam kesetiaan mereka. Namun, Tuhan boleh melakukan perkara yang lebih besar apabila kita semua telah menyerahkan hidup kita dan tenaga kita, talenta kita dan sumber kita, kepadaNya.

Dari kesatuan dalam hidup dan misi para umat percaya maka lahirlah gereja Perjanjian Baru. Satu kumpulan kecil dan pemalu telah diubah menjadi pasukan berkuasa yang telah menjadi alat berkesan yang menjangkau manusia dari pelbagai budaya dan bahasa. Mereka bersatu dalam menyampaikan "perbuatan-perbuatan besar yang dilakukan Tuhan" (*Kisah 2:11*). Tuhan sama yang aktif pada zaman Perjanjian Baru akan menjadi aktif pada zaman akhir apabila pekerjaan ini harus diselesaikan sebelum Dia datang kembali.

Sila baca Kisah 2:42-47. Dalam apakah perkara lain yang para umat Perjanjian baru bersatu?

Usaha misi pada Pentakosta telah diringi oleh beberapa faktor lain di mana gereja yang mula-mula berdiri teguh dalam kesatuan. Mereka bersatu dalam mempelajari Alkitab dan terus-menerus menyerahkan diri mereka kepada ajaran para rasul (*Kisah 2:42*). Mereka bersatu dalam persekutuan dan memecah roti bersama, kemungkinan merujuk kepada kesatuan ibadah (*Kisah 2:42*). Mereka bersatu di dalam doa (*Kisah 2:42*) dan di dalam memuji Tuhan (*Kisah 2:47*). Mereka bersatu dalam melayani mereka yang kekurangan ketika mereka dengan percuma mengongsikan apa yang ada pada mereka dan memiliki persamaan dalam semua perkara (*Kisah 2:44, 45*). Kesatuan dalam belajar Alkitab dan persekutuan akan menghasilkan satu kerinduan untuk mengongsikan berita baik itu dengan orang lain dan membantu orang lain di dalam setiap cara yang praktikal. Roh Suci akan membuka mata kita kepada keperluan orang yang berada di sekeliling kita.

Apakah aktiviti di dalam gereja anda yang membantu menyatakan kesatuan di dalam gereja anda? Apakah yang perlu dilakukan lagi?

Renungan Tambahan: “Inilah pekerjaan yang kita juga harus turut lakukan.

Daripada berada dalam penantian bagi suatu musim istimewa yang mengghairahkan, kita harus, dengan bijak, memperbaiki peluang yang sedia ada dengan melakukan apa yang perlu dilaksanakan agar jiwa-jiwa boleh diselamatkan. Disebalik menghabiskan kuasa minda kita dalam berspekulasi sehubungan dengan zaman dan musim yang Tuhan telah letakkan pada kuasaNya sendiri dan ditahan dari pengetahuan manusia, kita haruslah menyerahkan diri kita sendiri kepada penguasaan Roh Suci, melakukan tugas-tugas masa kini, dan menyajikan roti hidup yang tidak dicemari oleh pandangan manusiawi, kepada jiwa-jiwa yang dahagakan kebenaran.” – **Ellen G. White**, *Selected Messages, book 1*, ms. 186.

“Setiap individu berusaha untuk menjadi pusat berpengaruh dan kecuali Tuhan bekerja bagi umatNya maka mereka tidak akan melihat bahawa penyerahan kepada Tuhan itu adalah satu-satunya keselamatan bagi setiap jiwa. RahmatNya yang mengubah hati manusia itu akan menuntun kepada kesatuan yang belum lagi direalisasikan kerana semua yang bersatu di dalam Kristus akan menjadi seharmonis dengan satu sama lain. Roh Suci akan mewujudkan kesatuan.” – **Ellen G. White**, *Selected Messages, book 3*, ms. 20, 21.

Soalan Perbincangan:

1. Apakah yang Ellen G. White maksudkan apabila dia berkata bahawa “setiap individu berusaha menjadi pusat pengaruh”? Mengapakah hal itu suatu kecenderungan semula jadi bagi setiap kita dan apakah yang kita boleh lakukan untuk melawan kecenderungan ini di dalam hidup kita? (Lihat juga *Filipi 2:3, 4*.)
2. Sesetengah orang berhujah bahawa apa yang sebenarnya menyatukan kita ialah pelayanan, bukan doktrin. Malah, mereka berhujah bahawa doktrin cenderung memecah-belahkan umat; oleh itu, ia harus jangan diketengahkan. Namu, mengapakah tidak ada kesatuan di dalam misi dan pelayanan jika terdapat perbalahan di dalam doktrin? Mengapakah satu iman yang secara umum dikongsikan berupa satu faktor berkuasa bagi satu misi yang bersatu dan berkesan?
3. Pada masa yang sama, berapa besarkah ruang diberikan bagi suatu perbezaan teologikal? Tidak ramai orang yang akan memahami kebenaran dalam cara yang sama dan tepat. Bagaimanakah kita boleh bersatu sebagai sebuah gereja, sementara pada masa yang sama, membiarkan perbezaan kecil yang akan timbul? Bagaimanakah umat di dalam gereja anda menangani perbezaan dalam pemahaman dan masih dapat mengekalkan kesatuan?
4. Bagaimanakah Alkitab itu boleh menjadi alat yang akan membawa kesatuan? Apakah tingkah laku yang diperlukan di dalam pembelajaran Firman Tuhan agar kita boleh bersatu sebagai sebuah gereja di dalam misi dan di dalam iman?

Panduan Guru

Garis Panduan Pelajaran

Ayat Utama: Yohanes 17:17-21

Pelajar Akan:

Mengetahui: Memahami prinsip kesatuan gereja yang diilhamkan oleh Roh. Menemukan hubungannya atau komitmennya kepada Kristus, FirmanNya dan misiNya bagi kesatuan tubuh Kristus.

Merasakan: Mengalami satu sikap rendah diri terhadap orang lain dan tunduk kepada kebenaran Kitab Suci sebagai dasar bagi kesatuan.

Melakukan: Memilih untuk membiarkan Roh Suci menghapus sikap mementing diri sendiri demi tujuan lebih besar yaitu kesatuan gereja.

Garis Pembelajaran:

I. Mengetahui: Memahami Prinsip Kesatuan

- A. Apakah peranan Roh Suci dalam menghasilkan kesatuan gereja?
- B. Bagaimanakah kesatuan individu kita dengan Kristus menuntun kepada kesatuan bersekutu di dalam gereja - yang adalah tubuh Kristus?
- C. Mengapakah Alkitab dan doktrin memainkan satu peranan penting di dalam menyatupadukan gereja?

II. Merasakan: Mengekalkan Kesatuan

- A. Bagaimanakah tingkah laku kita mengesani kesatuan di dalam gereja?
- B. Apakah sikap yang menyumbang kepada kesatuan dan apakah sikap yang menyumbang kepada perpecahan?
- C. Mengapakah adalah tidak mungkin untuk memiliki satu pengalaman kesatuan di dalam Roh Suci yang terpisah dari ajaran Firman Tuhan?

III. Melakukan: Mempraktikkan Kesatuan

- A. Apakah yang diajarkan kepada kita oleh prinsip yang digariskan di dalam Kisah 2:41-47 mengenai kesatuan di dalam gereja setempat kita?
- B. Bagaimanakah kita, sebagai sebuah gereja, menerapkan prinsip ini dengan lebih berkesan?

Kesimpulan: Apabila kita merespon kepada dorongan Roh Suci untuk membiarkan Yesus menjadi Juruselamat dan Tuhan kita, sifat seperti keangkuhan dan mementing diri sendiri yang digantikan dengan sifat rendah diri dan penyerahan. Firman Tuhan menjadi penuntun kita dan pelayanan serta kesaksian kita menjadi keinginan kita. Kesatuan adalah yang bertumbuh dalam hati yang bertaubat, berjangkar kepada Firman Tuhan dan komited kepada pelayanan Kristus.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: Efesus 1:22, 23; 2:19-22

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Salah satu fungsi paling penting Roh Suci ialah bersaksi untuk Kristus dan memuliakan Dia (Yohanes 15:26, 16:14). Roh Suci meyakinkan kita tentang dosa, dan mendorong kita tentang perlunya Juruselamat dan menyatakan daya tarikan Yesus yang tiada tandingan kepada kita. Adalah melalui Roh Suci maka kita tertarik kepada Kristus. Adalah dengan kuasa Roh Suci maka hati kita akan diubah dan adalah melalui Roh Suci maka kita dituntun ke dalam tubuh Kristus. Di dalam doa syafaatNya dalam Yohanes 17, Kristus dengan tekun berdoa untuk kesatuan gereja.

Bersatu dengan Kristus – Kepala gereja – maka kita disatukan satu sama lain oleh Roh yang sama. Sama seperti anggota tubuh disatukan dalam kesatuan yang tidak kelihatan, demikian juga anggota tubuh Kristus disatukan melalui Roh Suci di dalam gereja kepada Kristus. Pemakaian Paulus terhadap tubuh sebagai metafora bagi gereja berupa satu gambaran berkuasa kepada kesatuan yang Kristus ingin agar dimiliki oleh umatNya.

Hanya untuk Guru: Kedua-dua ilustrasi kegemaran rasul Paulus bagi gereja, iaitu tubuh dan bangunan, dengan jelas berbicara mengenai kesatuan rapat pada umat percaya. Melalui Roh Suci maka kita “bukan lagi orang asing dan pendatang, melainkan kawan sewarga dari orang-orang kudus dan anggota-anggota keluarga Tuhan, yang dibangun di atas dasar para rasul dan para nabi, dengan Kristus Yesus sebagai batu penjuru [yang] di dalam Dia tumbuh seluruh bangunan, rapi tersusun, menjadi bait Tuhan yang kudus” (*Efesus 2:19-21*). Fikirkan mengenai blok indah yang menjadi sebahagian bangunan gereja rapi dan kuat tersusun bersama blok yang lain. Atau fikirkan mengenai piramid, yang dibina dari batu bata yang besar yang beratnya di antara dua hingga dua setengah tan. Setiap blok tersusun rapi dengan blok yang lain sehingga kita tidak dapat menyelitkan selembar kertas di antaranya. Paulus menggambarkan gereja Tuhan sebagai satu bangunan dengan Kristus sebagai Batu Penjuru Utama, sangat bersatu, sangat dipimpin oleh Roh sehingga tiada yang dapat memisahkan para anggotanya. Setiap mereka dengan senang hati memainkan peranan

Panduan Guru

masing-masing dengan penuh kerendahan diri. Semuanya bersatu dengan yang lain melalui Roh Suci di dalam Rumah Suci Tuhan, yaitu kebenaran kekal. Secara bersama, mereka memuliakan Dia dan bersaksi kepada keindahan kebenaranNya.

Pembuka Perbincangan: Di dalam buku Efesus, rasul Paulus menggunakan dua daripada metafora kegemarannya untuk menggambarkan kesatuan gereja Kristus – tubuh manusia dan bait yang berkemuliaan. Pada pendapat anda, mengapakah Paulus menggunakan dua lambang ini? Apakah yang ada pada tubuh manusia yang dengan jelas menyatakan kesatuan? Fikirkan mengenai pelbagai bahagian organ dalam tubuh. Otak, jantung, paru-paru dan perut yang semuanya mempunyai fungsi yang berbeza. Mata sudah tentu berbeza daripada telinga dan hidung. Kaki mempunyai fungsi tertentu daripada tangan. Jika tubuh sebagai satu metafora menggambarkan lebih banyak perbezaan daripada persamaan, bagaimana perbezaan nyata ini membantu kita memahami konsep mengenai kesatuan? Bagaimanakah kita boleh bersatu tetapi berbeza? Apakah perbezaan di antara kesatuan dan keseragaman?

Soalan Perbincangan:

1. Bagaimanakah anda menjelaskan kesatuan? Apakah dasar bagi kesatuan di dalam gereja?
2. Pada pendapat anda, mengapakah rasul Paulus menggunakan tubuh dan bangunan untuk menggambarkan kesatuan? Adakah satu lambang itu lengkap tanpa yang satu? Jika tidak, kenapa?
3. Apakah peranan yang Roh Suci lakukan di dalam kesatuan gereja?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya untuk Guru: Walaupun baptisan itu adalah lambang kesatuan dengan Kristus dalam kematian, pengkebumian dan kebangkitanNya, ia juga adalah lambang kepada kesatuan dengan gereja Kristus (*Kisah 2:41, 1 Korintus 12:13*). Pada pembatisan, Roh Suci akan memperkasakan dan melengkapkan umat percaya bagi pelayanan mereka di dalam gereja Kristus (*Kisah 2:38, 39*). Apabila bersatu dengan Kristus melalui baptisan maka kita bersatu kepada satu sama lain melalui Roh Suci di dalam tubuh Kristus. Kita telah dibaptiskan ke dalam Kristus, Kepala dan TubuhNya iaitu gereja. Sebagaimana tubuh itu terdiri daripada

Panduan Guru

pelbagai organ yang mempunyai fungsi yang berlainan, namun menyumbang kepada kesejahteraan seluruh tubuh, maka demikianlah juga gereja terdiri daripada pelbagai anggota yang, dengan talenta mereka secara individu, menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan hidup gereja.

Baptisan adalah unsur yang menyatupadukan. Ia menyambut semua orang dari pelbagai latar belakang, kesukuan dan bahasa ke dalam persekutuan dengan Kristus yang hidup dan dengan gerejaNya.

Ulasan Alkitab

I. Kesatuan Dalam Gereja (*Imbas kembali Kisah 2:41–47 dan 1 Korintus 12:13 bersama kelas.*)

Kitab Kisah adalah salah satu buku yang paling mendebarkan di seluruh Alkitab. Walaupun berdepan semua rintangan, namun gereja Perjanjian Baru meledak dalam pertumbuhannya. Bermula dari satu kelompok kecil umat percaya yang baru bermula di dalam Kisah 1, umat percaya yang mula-mula berkembang menjadi satu kuasa besar di seluruh Empayar Rom. Tiga ribu orang ditambahkan kepada anggota gereja pada Pentakosta (*Kisah 2:41*). Rekod mencatatkan bahawa lima ribu lelaki (*Kisah 4:4*), selain kaum wanita dan kanak-kanak, telah dibaptiskan tidak lama setelah upacara pembaptisan yang pertama. Kisah 6 menambahkan bahawa “Firman Allah makin tersebar, dan jumlah murid di Yerusalem makin bertambah banyak.” (*Kisah 6:7*).

Proklamasi berkuasa pada Injil ini telah mewujudkan satu reaksi besar di pihak berkuasa Rom, namun demikian penganiyaan tidak menghindar pertumbuhan gereja pada waktu itu. “Mereka yang tersebar itu menjelajah seluruh negeri itu sambil memberitakan Injil” (*Kisah 8:4*). Terdapat perkembangan yang merentasi sempadan budaya. Kornelius, seorang kepala perajurit Rom, telah dibaptiskan bersama dengan seluruh anggota keluarganya; seorang pegawai kerajaan Etiopia telah menerima Kristus; Lidia, seorang usahawan wanita dari Tiatira, telah dibaptiskan di Filipi; dan seorang penjaga penjara bangsa Rom telah menerima Injil. Gereja telah berkembang dan berganda di seluruh dunia Timur Tengah (*Kisah 9:31*).

Apakah yang membawa kepada pertumbuhan yang cepat ini? Apakah unsur yang Roh Suci gunakan untuk membawa gereja bersama di dalam kesatuan seumpama ini sehingga seluruh dunia dipengaruhi? Kisah 2 menyatakan pencerahan yang mendalam mengenai kesatuan di dalam gereja yang mula-mula. Perhatikan dengan teliti prinsip berikut di dalam

Panduan Guru

ayat 42: “Mereka bertekun dalam pengajaran rasul-rasul dan dalam persekutuan. Dan mereka selalu berkumpul untuk memecahkan roti dan berdoa.”

Umat Perjanjian Baru ini bersatu melalui kepercayaan mereka di dalam kebenaran Kitab Suci. Doktrin merupakan unsur perpaduan di dalam gereja Kristus. Mereka juga bersatu dalam persekutuan, doa dan ibadah. Roh Suci akan menuntun kita kepada kesatuan ketika kita berdoa bersama, berbakti bersama dan menikmati persekutuan sosial satu sama lain. Kesatuan di dalam Kristus dan doktrin dan persekutuan ini menuntun kepada satu komitmen terhadap mosis dan pelayanan. Ellen G. White mengongsikan pandangan berikut: “Pengharapan mereka tidak lagi diletakkan atas kemegahan duniawi. Mereka adalah ‘sehati sejiwa.’ Kisah 2:46; 4:32. Kristus telah memenuhi minda mereka; kemajuan kerajaannya adalah matlamat mereka. Mereka sudah menjadi sama seperti Guru mereka di dalam minda dan di dalam tabiat dan orang ramai ‘mengetahui keduanya sebagai pengikut Yesus.’ Kisah 4:13.” – *The Acts of the Apostles*, ms. 45.

Consider This: Gereja Perjanjian Baru meledakkan dalam pertumbuhan kerana umat percaya yang mula-mula ini telah komited sepenuhnya kepada Kristus dan mereka bersatu dalam hal doktrin Alkitab dan menumpukan kepada mosis Tuhan dalam memenangkan jiwa yang hilang. Satu organisasi bersama telah membawa mereka untuk bersatu. Konflik telah memberi laluan kepada penaklukan, dan permusuhan peribadi telah memberi laluan kepada kesungguhan terhadap visi untuk menyelamatkan jiwa yang hilang. Apakah prinsip yang Roh Suci boleh ajarkan kepada kita dari kesatuan dalam gereja yang mula-mula yang boleh membawa satu perubahan kepada gereja hari ini? Bagaimanakah setiap kita, dan gereja kita, memanfaatkan dari menerapkan prinsip kesatuan yang telah kita temui di dalam pelajaran minggu ini?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya untuk Guru: Pimpin kelas anda dalam satu perbincangan praktikal tentang bagaimana cara terbaik untuk mencapai kesatuan di dalam gereja setempat. Keadaan anggota yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, pelbagai pandangan dan cara untuk memperhatikan sesuatu perkara, bagaimanakah anggota setempat boleh memiliki kesatuan Alkitabiah yang sebenar? Bagaimana unsur kesatuan, sebagaimana digariskan di dalam kitab Kisah, digunapakai pada hari ini? Sila bincangkan setiap lima prinsip dasar mengenai kesatuan di dalam kelas anda: (1) pimpinan Roh Suci, (2) komitmen terhadap Kristus, (3) setia

Panduan Guru

kepada Kitab Suci, (4) persekutuan social dan (5) kesungguhan untuk bersaksi dan melayani.

Soalan Penerapan:

1. Bagaimanakah kesatuan gereja itu boleh menjadi satu keutamaan rohani di dalam setiap hidup kita?
2. Apakah yang gereja boleh lakukan untuk memulakan satu penekanan lebih besar terhadap kesatuan?
3. Bagaimanakah kelas Sekolah Sabat kita boleh memupuk kesatuan di dalam gereja kita?

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya untuk Guru: Roh Suci itu adalah penyatupadu, bukan pemecahbelah. Apabila gereja berpecah oleh konflik dan perbalahan, secara tipikal ia bukanlah pekerjaan Roh Suci. Firman Tuhan yang diilhamkan oleh Roh adalah dasar kepada semua kesatuan. Apabila ada individu yang bangun dan mengambil pendirian teologikal ekstrim yang tidak berakar dengan kukuh kepada Firman maka kita boleh pastikan bahawa Roh Suci tidak memimpin mereka. Roh Suci akan membawa kepada kesedaran terhadap dosa peribadi, membawa kepada tugas peribadi, memupuk kesatuan, menyinarkan cahaya ke atas Kitab Suci dan mendorong kesaksian kita kepada dunia yang hilang.

Aktiviti:

1. Suila renungi pandangan ini pada minggu ini, “Kesatuan dengan Kristus menyatukan satu sama yang lain di kalangan kita.” Adakah sesiapa di dalam gereja yang pada pendapat anda tidak seharmonis? Apakah yang anda boleh lakukan untuk menjambatani jurang itu? Berdoalah pada minggu ini agar Tuhan akan membuka jalan bagi anda untuk berdamai dengan individu itu.
2. Minggu ini, minta pada Tuhan untuk menolong anda menjadi seorang pembawa damai, seorang duta bagi kebaikan dan menjadi saluran berkat untuk memupuk kesatuan yang Yesus doakan di dalam Yohanes 17.

Pelajaran 10 | 4-10 Mac

Roh Kudus, Firman, dan Doa

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: Yohanes 15:7; Matius 7:7; Mazmur 66:18; Kisah 1:6-8; 1 Yohanes 5:14, 15; Kisah 2:38.

Ayat Hafalan: “Demikian juga Roh membantu kita dalam kelemahan kita; sebab kita tidak tahu, bagaimana sebenarnya harus berdoa; tetapi Roh sendiri berdoa untuk kita kepada Tuhan dengan keluhan-keluhan yang tidak terucapkan. Dan Tuhan yang menyelidiki hati nurani, mengetahui maksud Roh itu, yaitu bahwa Ia, sesuai dengan kehendak Tuhan, berdoa untuk orang-orang kudus” (Roma 8:26, 27).

Kerohanian dan doa yang benar adalah seiringan. Tidak ada kehidupan rohani yang sebenar tanpa doa yang sungguh-sungguh. Selepas keperluan untuk bertaubat, mungkin salah satu keperluan terbesar dan paling mendesak adalah kebangkitan semula kehidupan kita yang tekun berdoa. Berita baiknya adalah bahawa dalam doa kitapun, kita tidak dibiarkan tanpa bantuan Roh Kudus. Doa menarik kita dekat kepada Tuhan; ia mengangkat kita ke hadiratNya. Doa dari iman membolehkan kita hidup selaras dengan kesyukuran kita kepada janji-janji Tuhan yang begitu banyak. Kehidupan kita berubah apabila kita menuntut berkat-berkat yang Tuhan telah janjikan dalam FirmanNya. Tuhan lebih daripada mampu untuk memberikan semua keperluan kita menurut kekayaanNya (Flp. 4:19). Doa yang benar dan kerohanian yang tulen sentiasa menjadikan Tuhan sebagai pusat perhatian kita, dan kedua-duanya bertunjangkan dalam FirmanNya yang tertulis, Alkitab.

Kita tidak harus mendasarkan kehidupan rohani kita kepada pengalaman yang tidak tetap dan perasaan yang subjektif, atau menumpukan doa kita kepada amalan meditasi yang palsu. Sebaliknya, kerohanian kita harus dipimpin oleh Alkitab dan mengikuti kehendak Tuhan seperti yang dinyatakan dalam FirmanNya. Roh Kuduslah yang membangkitkan dalam diri kita keinginan untuk mencari kehadiran Tuhan dalam doa dan untuk mengangkat satu sama lain dalam doa kita.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 11 Mac.*

Doa Yang Berkenan Kepada Tuhan

Walaupun doa berjubah kesalehan, namun banyak doa yang dituntun oleh motif yang meragukan atau salah. Mungkin kita berdoa agar nyawa seseorang terselamat kerana kita tidak suka hidup bersendirian. Mungkin kita berdoa untuk kejayaan dalam kerja Tuhan kerana kita memainkan peranan yang penting di dalamnya. Mungkin kita berdoa bagi pertaubatan seseorang kerana selepas itu kehidupan kita akan menjadi lebih mudah. Seringkali doa kita menumpukan lebih kepada apa yang kita inginkan dan bukannya kepada apa yang Tuhan mahu. Doa yang berkenan kepada Tuhan mempunyai fokus yang berbeza.

Sila baca Yohanes 15: 7. Mengapakah penting bagi doa-doa kita agar kita kekal di dalam Yesus dan FirmanNya tetap di dalam kita? Apakah fokus berbeza yang ada pada doa kita jika kita tidak kekal di dalam Yesus?

Untuk mencari Tuhan dahulu dan menikmati persahabatanNya adalah lebih penting daripada segala sesuatu yang lain yang Dia mungkin berikan kepada kita. Jika Tuhan yang utama dalam hidup kita, kita akan mahu melakukan kehendakNya; FikiranNya akan membentuk kehendak kita. Apabila Tuhan menjadi pusat doa itu, kita akan mula berdoa dari perspektifNya. Kita akan mula melihat seluruh kehidupan kita melalui kaca mataNya. Perspektif ini meninggikan derajat doa.

Tuhan amat mengambil perhatian terhadap kita. Dia ingin sekali untuk menjadi sebahagian daripada semua aspek kehidupan kita: kebimbangan kita, ketakutan kita, keinginan kita, harapan kita, kejayaan kita, kegembiraan kita, kegagalan kita – segala-galanya. Kita boleh bercakap tentang perkara-perkara ini dengan Tuhan seperti dengan seorang sahabat yang baik. Kita melihat semua itu melalui kaca mataNya.

Doa tidak mengubah Tuhan; ia mengubah kita, kerana kita dibawa ke hadirat Tuhan yang mengubah kehidupan.

“Doa adalah membuka hati kepada Tuhan seperti kepada seorang sahabat. Doa bukan supaya Tuhan mengetahui apa yang kita kehendaki, tetapi untuk membolehkan kita menerima Dia. Doa bukan membawa Tuhan turun kepada kita, melainkan membawa kita naik kepadaNya.” - **Ellen G. White**, *Steps to Christ*, ms. 93.

Betapa satu petikan yang berkuasa! Ia berjaya menerangkan begitu banyak realiti dari apa yang doa lakukan kepada kita dan untuk kita. Doa itu sendiri menjadikan kita penampung yang terbuka untuk diisi oleh berkat, kuasa, dan kehadiran Tuhan dalam kehidupan kita. Siapakah yang tidak pernah, pada masa tertentu, mengalami realiti bagaimana doa boleh menarik kita lebih dekat kepada Tuhan?

Fikirkan tentang kehidupan doa anda: iaitu, apa yang anda doakan, bila anda berdoa, mengapa anda berdoa, dan sebagainya. Apakah yang ia beritahu anda tentang keadaan rohani anda sendiri dan hubungan anda sendiri dengan Tuhan? Apakah perubahan yang mungkin anda perlu lakukan?

Dasar Doa Alkitabiah: Minta Kepada Tuhan

Sila baca Matius 7:7. Sebelum kita boleh menerima apa-apa dari Tuhan, kita perlu memintanya. Mengapakah tindakan kita untuk meminta begitu penting, jika Tuhan mengetahui segala-galanya?

Meminta adalah menyatakan keinginan kita dan menunjukkan kepercayaan kita kepada Tuhan. Melalui doa kita menghampiri Dia, dari siapa kita memohon sokongan dan bantuan. Apabila kita memohon kepada Tuhan, kita juga secara terbuka memberikan Dia kebenaran untuk menjadi aktif bagi pihak kita. Tuhan mahu ditanya. Dia ingin supaya kita bawa kepadaNya permintaan doa kita. Jika kita tidak meminta kepadaNya, kita tidak akan menerima pemberian yang dijanjikanNya. Yesus berkata: "Oleh karena itu Aku berkata kepadamu: Mintalah, maka akan diberikan kepadamu; carilah, maka kamu akan mendapat; ketoklah, maka pintu akan dibukakan bagimu. Karena setiap orang yang meminta, menerima dan setiap orang yang mencari, mendapat dan setiap orang yang mengetok, baginya pintu dibukakan" (Lukas 11: 9, 10).

Sila baca Markus 11:24; 1 Yohanes 5:14, 15; dan Mazmur 66:18. Mengapakah tiada permintaan doa yang terlalu besar bagi Tuhan? Mengapakah baik untuk mengetahui bahawa Tuhan adalah pemurah dan suka memberi dari kelimpahanNya? Apakah syarat bagi Tuhan untuk menjawab doa kita?

Kita benar-benar boleh memohon kepada Tuhan untuk apa saja. Tiada permintaan yang terlalu kecil atau tidak penting bagiNya. Tiada permintaan yang begitu besar sehingga Tuhan tidak dapat mengurusnya. Dia maha kuasa. Melalui iman kita boleh menuntut setiap janji di dalam Alkitab dan menerima pemberian yang dijanjikan dari tanganNya menurut kehendakNya (2 Kor. 1:20).

Namun terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi supaya kita dapat menerima apa yang kita minta. Jika kita enggan untuk berserah sepenuhnya kepada Tuhan, dan jika permintaan kita hanya menggambarkan keinginan kita yang penuh dosa dan mementingkan diri sendiri, Tuhan tidak akan menjawab doa-doa kita (lihat Yes 59:1, 2). Satu syarat yang penting untuk memenuhi doa kita adalah kesanggupan kita untuk mengikut kehendak Tuhan dan menjadi penurut. "Semua pemberianNya telahpun dijanjikan dengan syarat ketaatan." – Ellen G. White, *Christ's Object Lessons*, ms. 145. Mengetahui bahawa Tuhan adalah pemurah, kita boleh datang dengan berani kepadaNya. "Tuhan tidak dimuliakan oleh doa yang lemah yang menunjukkan bahawa tiada apa yang diharapkan. Dia ingin setiap orang yang percaya, untuk mendekati takhta rahmat dengan kesungguhan dan keyakinan." – Ellen G. White, *Signs of the Times*, 7 Ogos, 1901.

Dasar Doa Alkitabiah: Percaya

Sila baca Markus 11:24. Selain dari bertanya, apakah aspek lain yang Yesus sebut berkaitan dengan doa?

Meminta sahaja tidak mencukupi. Terdapat aspek penting yang kedua yang perlu ada dalam doa kita: iman. Kitab Ibrani memberitahu kita bahawa “tanpa iman tidak mungkin orang berkenan kepada Tuhan” (Ibr. 11: 6). Apabila kita berlutut di hadapan Tuhan, membuka Alkitab dan merujuk mana-mana daripada janji-janji, yang lebih daripada tiga ribu, dan kemudian memohon kepada Tuhan, dengan kesederhanaan seperti seorang kanak-kanak, untuk memenuhi janjiNya kepada kita, kita perlu percaya bahawa Dia akan melakukan apa yang terbaik untuk kita mengikut masaNya sendiri.

Sila baca Kisah 1: 6-8. Bagaimanakah ayat itu menggambarkan orang yang kurang iman? Mengapakah iman merupakan pra-syarat untuk menerima pemberian yang telah dijanjikan?

Jika kita datang kepada Tuhan, kita mesti percaya bahawa Dia wujud dan Dia akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang mencari Dia. Doa yang berkesan mesti disertakan dengan bukan sahaja kepercayaan bahawa Tuhan boleh menjawab, tetapi Dia akan berbuat demikian mengikut kehendak ilahiNya.

Dalam Alkitab, mempercayai adalah berkaitan dengan meyakini. Kita boleh mempercayai seseorang hanya apabila kita tahu orang itu boleh dipercayai. Apabila kita membiarkan keraguan bahawa Tuhan akan menepati janjiNya, maka kita akan goyah dan tidak boleh berharap bahawa kita akan menerima apa-apa daripadanya. Untuk percaya bermakna untuk berpegang kepada firmanNya. Ini bermakna bahawa kita bergantung kepada Tuhan dan janji-janjiNya, walaupun perasaan kita memberitahu kita sebaliknya, kerana “Iman adalah dasar dari segala sesuatu yang kita harapkan dan bukti dari segala sesuatu yang tidak kita lihat” (Ibr. 11: 1). Iman berpaut kepada janji-janji Tuhan kerana kita percaya kepada apa yang Dia telah katakan (Ibr. 11:11). Iman tahu bahawa “adalah mustahil bagi Tuhan berdusta” (Ibr. 6:18). Yesus Kristus tetap sama, baik kemarin maupun hari ini dan sampai selama-lamanya (Ibr 13: 8.). Iman tahu bahawa bagi Tuhan tiada yang mustahil (Lukas 1:37).

Iman membuka pintu kepada khazanah Ilahi. Melalui Roh Kudus, Tuhan menggerakkan hati manusia untuk mempercayai Firman Tuhan dan melalui iman doa kita menggerakkan lengan Yang Mahakuasa.

Apakah yang membantu anda untuk menjadi lebih kuat dalam iman? Apakah aspek dari Yesus yang membantu anda untuk yakin dengan kesediaan dan keupayaannya untuk membantu anda bila anda memerlukan?

Doa Alkitabiah: Menuntut Janji-janji Tuhan

Semua iman adalah sia-sia jika kita tidak menuntut hal-hal yang kita telah doakan.

Sila baca 1 Yohanes 5:14, 15. Apakah sebab yang meyakinkan kita bahawa Tuhan mendengar kita dan kita menerima apa yang kita minta daripadaNya?

Aspek ketiga dari doa Alkitab adalah penerimaan. Selepas meminta kepada Tuhan dan mempercayai janji-janjiNya, kita perlu menuntut apa yang Dia telah janjikan. Kita merasa bersyukur atas janji Tuhan yang kita sudah terima. Oleh yang demikian janji-janji itu diterapkan ke hati kita. Ellen White berkata, “untuk sebarang pemberian yang dijanjikanNya, kita boleh meminta; kemudian kita harus percaya bahawa kita menerima, dan kembalikan kesyukuran kepada Tuhan kerana kita telah menerima.” – **Ellen G. White**, *Education*, ms. 258.

Dalam Lukas 8:11 Yesus membandingkan Firman Tuhan dengan biji. Seluruh pokok epal terkandung di dalam biji buahnya. Dalam cara yang sama, pemberian Tuhan terkandung dalam janji-janjiNya. Apabila kita menuntut janji dan berterima kasih kepada Tuhan untuk itu, kita sudah mempunyai pemberian yang Dia telah janjikan. Kita menerima hadiah yang dijanjikan melalui iman sebelum kita mungkin merasai atau melihatnya.

Contoh kebangkitan Lazarus dalam Yohanes 11 menggambarkan bahawa Yesus berdoa dengan cara ini. Yesus tahu apa kehendak Tuhan dalam situasi ini. Yohanes 11:11 memberitahu kita bahawa Dia sanggup melakukan kehendak TUHAN dan bahawa Dia taat. Dalam Yohanes 11:39-41, kita membaca bahawa Yesus mengucapkan syukur kepada Bapa terlebih dahulu kerana Dia [Bapa] akan membangkitkan Lazarus, walaupun Lazarus masih di dalam kubur. Ketika Dia mengucapkan syukur kepada Bapa [TUHAN], Bapa memenuhi permintaanNya. Sebagai anak-anak Tuhan kita harus hidup dalam janji-janji Tuhan, bukan kepada penjelasanNya. Walaupun kita tidak dapat menjelaskan segala-galanya, kita boleh mempercayai janji-janjiNya.

“Beginilah firman TUHAN, Berserulah kepada-Ku pada waktu kesesakan” Mazmur 50:15. Dia menjemput kita untuk mempersembahkan kepadaNya kebingungan dan keperluan kita, dan keperluan kita akan bantuan ilahi. Dia menyuruh kita segera berdoa. Sebaik sahaja masalah timbul, kita harus mempersembahkan kepadaNya permohonan kita yang ikhlas dan bersungguh-sungguh. Oleh itu, melalui doa kita yang bersifat mendesak, kita memberi bukti keyakinan yang kukuh kepada Tuhan. Kesedaran kita akan keperluan kita membawa kita untuk berdoa bersungguh-sungguh, dan Bapa kita yang di surga digerakkan oleh doa kita.” – **Ellen G. White**, *Christ Object Lessons*, ms. 172.

Mengapakah ia begitu penting untuk sentiasa membawa segala-galanya kepada Tuhan dalam doa?

KHAMIS

9 Mac

Berdoa Meminta Roh Suci

Sila baca Efesus 3: 16 dan Kisah Para Rasul 2:38. Apakah yang ayat-ayat ini beritahu kita mengenai menerima Roh Kudus dalam kehidupan kita?

Terdapat banyak perkara yang boleh kita doakan, tetapi ada satu keperluan besar pada masa ini, masa yang bahaya yang mana kita hidup: ia adalah kurnia Roh Kudus. Ini adalah pemberian terbesar yang Yesus berikan. Dalam memberikan Roh Kudus, Tuhan tidak akan berikan kepada umatNya lebih dari itu. Pemberian ini tidak boleh ditambah lagi (lagipun, apakah yang boleh ditambahkan kepada keTuhananNya sendiri?). Melalui Dia dan pekerjaanNya dalam kehidupan kita, semua keperluan kita dibekalkan. Berkat Roh Kudus akan membawa masuk deretan berkat-berkat yang lain.

Bagaimanapun, terdapat satu halangan utama, itu adalah diri kita sendiri, kerana kita sering tidak bersedia untuk menerima Roh Kudus. Seperti pada zaman gereja Perjanjian Baru, kita perlu sedar bahawa kita harus bertaubat dahulu dan menyerahkan hidup kita sepenuhnya kepada Yesus. Ya, hanya oleh dorongan Roh Kudus yang membolehkan kita untuk berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, apabila kita merespons kepada doronganNya, maka pertaubatan dari dosa adalah hasil sulung daripada pekerjaan Roh Kudus di dalam kehidupan kita. Dengan rendah hati dan iman, kita perlu mengakui dosa-dosa kita, agar Dia boleh menyucikan kita dari segala kejahatan. Kita perlu memahami betapa jatuhnya kita dan betapa kita memerlukan Tuhan dan rahmatNya dalam kehidupan kita. Tanpa Dia, kita hilang, mati dalam dosa-dosa kita dan pasti hilang selama-lamanya.

Oleh itu dalam doa yang sungguh-sungguh, kita akan memenuhi syarat-syarat penerimaan Roh Kudus yang Tuhan telah janjikan kepada kita. Kemudian apa yang harus kita lakukan adalah untuk memohon kepada Tuhan dan Dia dengan senang hati akan memberikan kita RohNya. "Bapa di syurga lebih bersedia untuk memberikan Roh Kudus kepada mereka yang meminta kepadaNya daripada ibu bapa di dunia untuk memberikan hadiah yang baik kepada anak-anak mereka." — Ellen G. White, *Ye Shall Receive Power*, ms. 284.

Sebagaimana hal-hal rohani yang lain, kurnia Roh Kudus tidak berakhir dengan sendirinya. Dia diberikan untuk meninggikan Yesus, untuk memantulkan karakter Kristus dalam kehidupan kita dan membolehkan kita untuk melayani orang lain dalam membina tubuh Kristus, iaitu gereja. Jadi, mana-mana amalan ibadah, secara umum atau peribadi, yang meninggikan Roh mengatasi Yesus Kristus adalah salah. Kerana melalui Yesuslah kita "mempunyai akses dalam satu Roh kepada Bapa" (Efesus 2:18).

Mengapakah karunia Roh Kudus adalah pemberian yang terbesar yang Yesus dapat berikan kepada kita? Apakah pengalaman anda dengan realiti Roh Kudus dalam hidup anda? Bagaimanakah hidup anda akan berbeza tanpa pemberian ini?

Renungan Tambahan: Baca tulisan Ellen G. White, "Asking to Give," ms. 139-149, dalam *Christ's Object Lessons*. Untuk koleksi yang membantu tentang janji-janji yang memberi semangat baca tulisan Ellen G. White, *God has Promised* (Washington, D.C.: *Review and Herald*, 1982).

Tanpa doa, kita tidak akan mempunyai kuasa spiritual dalam kehidupan kita, kerana doa menghubungkan kita kepada Sumber kuasa itu. Tanpa doa kita tidak mempunyai hubungan yang amat penting dengan Tuhan. Kita akan menjadi manusia yang kosong yang mungkin mempunyai "satu bentuk ibadah" tetapi akan kosong dari kuasa dan janji pemberian dari atas. Tanpa keraguan, seperti yang kita lihat sepanjang minggu ini, kita telah diberikan janji-janji indah tentang Tuhan menjawab doa. Namun bagaimana pula dengan masa-masa apabila kita tidak mendapat apa yang kita doakan, walaupun kita telah berusaha untuk memenuhi semua syarat-syarat mengikut keupayaan kita yang terbaik yang Tuhan kurniakan?

"Tetapi janganlah kecewa jika doa anda seolah-olah tidak mendapatkan jawapan segera. Tuhan melihat bahawa doa sering bercampur dengan keduniawian. Manusia mendoakan apa yang akan memberikan kepuasan keinginannya yang mementingkan diri sendiri. Oleh sebab itulah Tuhan tidak memenuhi permintaan mereka dalam cara yang mereka harapkan. Dia membawa mereka melalui ujian dan cubaan, Dia membawa mereka melalui penghinaan, sehingga mereka melihat dengan lebih jelas apa keperluan mereka. Dia tidak memberikan kepada manusia perkara-perkara yang akan memuaskan selera makan yang hina dan yang akan membawa kerosakan kepada ejen manusia dan menjadikannya suatu kehinaan kepada Tuhan. Dia tidak memberikan kepada manusia apa yang akan memuaskan cita-cita mereka dan bekerja semata-mata untuk meninggikan diri. Apabila kita datang kepada Tuhan kita mesti bersikap patuh dan dengan penyesalan akan dosa, menaklukkan segala sesuatu kepada kehendakNya yang suci." – Ellen G. White, *In Heavenly Places*, ms. 89.

Soalan Perbincangan:

1. Dalam cara apakah doa memberi kesan seluruh kerohanian kita? Iaitu, apakah kesan doa ke atas diri anda apabila anda berdoa? Dalam cara apakah anda berbeza selepas anda telah berdoa berbanding sebelum anda berdoa?
2. Apakah yang anda katakan kepada seseorang yang telah berdoa dan berdoa untuk sesuatu dan ia tidak berlaku sebagaimana orang itu harapkan dan doakan, seperti penyembuhan anak yang sakit atau sebagainya? Bagaimanakah kita belajar untuk mempercayai Tuhan walaupun dalam keadaan seperti ini?
3. Dalam kelas, ceritakan tentang pengalaman anda sendiri berkaitan dengan doa dan tentang apa maknanya kepada anda. Apakah yang telah anda pelajari tentang doa yang boleh membantu orang lain yang mungkin bergelut dengan pemahaman akan tujuan doa?
4. Mengapakah penting untuk berdoa walaupun kita tidak memahami sepenuhnya bagaimana semua itu berkerja?

Panduan Guru

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: Roma 8:26, 27

Pelajar Akan:

Mengetahui: Melihat keperluan mutlak doa dan Kitab Suci dalam kehidupan Kristian yang dipenuhi oleh Roh.

Merasakan: Menyedari keperluan untuk mengalami kehadiran Roh Kudus melalui doa dan pembelajaran Alkitab.

Melakukan: Memupuk keinginan untuk masa yang tenang bersekutu dengan Kristus melalui pelayanan Roh Kudus dalam berdoa dan pembelajaran Alkitab yang dijadualkan secara tetap.

Garis Panduan Pelajaran

I. Mengetahui: Janji Pemberian Roh

- A. Mengapakah kehadiran Roh Kudus amat penting dalam kehidupan Kristian?
- B. Apakah hubungan yang ada di antara doa dan pembelajaran Alkitab dan pengisian Roh?

II. Merasakan: Kehadiran Roh

- A. Bagaimana kita boleh mengalami kehadiran dan kuasa Roh Kudus yang lebih lagi dalam kehidupan kita?
- B. Bagaimanakah anda rasa apabila anda mempunyai masa kebaktian yang penuh erti dan bersemangat dengan Tuhan?
- C. Bagaimanakah anda rasa apabila anda berulang kali terlepas masa kebaktian anda?

III. Melakukan: Kuasa Roh

- A. Apakah perkara-perkara tertentu yang anda boleh lakukan untuk meningkatkan kualiti hidup kebaktian anda supaya hidup setiap hari dalam kehadiran dan kuasa Roh Kudus?
- B. Sementara kita membaca janji-janji Kitab Suci, bagaimanakah janji-janji itu boleh menjadi milik kita, dan bukan hanya sesuatu yang kita baca di dalam Alkitab?

Panduan Guru

Kesimpulan: Tuhan rindu untuk mengisi kehidupan kita dengan Roh KudusNya. Roh Kudus adalah Duta peribadi Kristus dan Pemberian Kristus yang paling berharga. Sementara kita menghabiskan masa dengan Yesus dalam doa dan pembelajaran Alkitab, dengan rendah hati dan sikap tunduk, Dia akan memenuhi kita dengan RohNya. Apabila kita menyerahkan hidup kita kepada Kristus, percaya kepada FirmanNya, dan dengan iman menuntut janji-janjiNya, kita akan hidup di hadiratNya. Roh Kudus akan mengisi kehidupan kita. Rahsia menerima Roh Kudus dalam kepenuhan kuasaNya bukan suatu yang rahsia sama sekali. Apabila kita menyerahkan kehidupan kita kepada Kristus, kita memuliakan Dia, bukan kemuliaan bagi diri kita sendiri. Sementara kita berdoa, percaya dan menuntut janji Roh; ia akan dicurahkan kepada kita dengan limpah.

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Yohanes 5:14, 15

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Ramai orang Kristian yang salah faham tujuan doa yang sebenar. Kita berdoa bukan hanya kerana kita inginkan sesuatu untuk diri kita sendiri. Kita berdoa kerana kita begitu mengasihi Kristus dan sangat menghargai apa yang Dia telah dilakukan untuk kita sehingga kita rindu untuk mempunyai hubungan dengan Dia. Berada di sisiNya adalah satu kegembiraan. Menikmati persekutuanNya adalah keinginan hati kita. Doa adalah suasana di mana Roh Kristus berbicara kepada hati kita, dan kita ditarik lebih dekat kepadaNya.

Apabila keinginan hati kita adalah untuk mengenali Dia, kita terbuka untuk menerima berkatNya yang berlimpah. Tuhan kita ialah Pemberi semua pemberian yang baik (Mzm. 84:11, Yak 1:17). Sama seperti ibu bapa yang rindu untuk memberikan pemberian yang baik kepada anak-anak mereka, Bapa kita yang di surga rindu untuk memberikan pemberian yang baik

Panduan Guru

sebanyak-banyaknya kepada setiap daripada kita. Meminta dalam iman, mempercayai kita akan menerima, menuntut janji-janjiNya, kita akan menjadi penerima berkat syurga yang berlimpah.

Hanya Untuk Guru: Salah satu cara yang paling bermakna untuk mengalami kehidupan beribadah yang lebih mendalam adalah dengan menyatukan doa dan pembelajaran Alkitab. Apabila kita berdoa, kita bercakap kepada Tuhan. Apabila kita membaca FirmanNya, Dia bercakap kepada kita. Galakkan kelas anda untuk berlutut di hadapan TUHAN dengan Alkitab mereka yang terbuka. Mulakan dengan bahagian Mazmur atau salah satu daripada Injil. Cadangkan supaya mereka membaca sedikit dari Kitab Suci kemudian dengan senyap bercakap dengan Tuhan tentang apa yang telah dibaca. Roh Kudus akan menunjukkan kepada mereka bidang-bidang dalam kehidupan mereka yang perlu bertumbuh secara rohani. Dia akan memberikan pengertian akan Firman Tuhan yang menarik mereka lebih dekat kepada Yesus.

Ellen G. White memberikan kita nasihat yang praktikal ini: "Jika anda menyelidiki Alkitab dengan semangat yang lemah lembut dan boleh diajar, usaha anda akan diberi ganjaran yang berlimpah. 'Manusia biasa tidak menerima perkara-perkara dari Roh Tuhan: kerana hal itu adalah kebodohan baginya: Begitu juga, dia tidak mengenali perkara Roh, kerana perkara itu dinilai secara rohani.' Alkitab perlu dipelajari dengan doa." – *The Review and Herald*, June 4, 1889. Minta kelas anda untuk mengikuti nasihat yang diilhamkan oleh Ilahi ini supaya menggabungkan pembelajaran Alkitab dengan doa minggu ini dan laporkan kepada kelas pada Sabat seterusnya mengenai perbezaan yang ia lakukan dalam kehidupan ibadah mereka.

Pembuka Perbincangan: Walaupun doa amat bermakna kepada kebanyakan orang Kristian, namun bagi orang lain ia lebih bersifat kewajipan daripada kegembiraan. Ia telah menjadi satu kebosanan mengulangi frasa yang sama berulang kali. Seolah-olah Tuhan membisu dan jauh. Apakah yang anda telah temukan untuk menjadikan kehidupan berdoa anda bermakna? Adakah anda mempunyai tempat kegemaran untuk berdoa di mana anda merasa lebih dekat kepada Tuhan? Adakah anda

Panduan Guru

mempunyai masa yang dijadualkan setiap hari untuk berdoa yang anda tidak mahu terlepas? Apakah aspek kehidupan berdoa peribadi anda yang anda ingin kongsi dengan kelas?

Apabila kita mengamati Yesus dalam doa, kita dapati sekurang-kurangnya empat perkara.

1. Yesus mengakui bahawa doa adalah penting untuk kehidupan rohaniNya. Di seluruh Injil, kita melihat Dia sering dalam doa (Luk 11: 1).
2. Yesus mempunyai tempat-tempat tertentu dan masa-masa tertentu untuk berdoa (Mark 1:35).
3. Yesus kerap berdoa dengan kuat (Ibrani 5: 7, 8).
4. Yesus berserah sepenuhnya kepada kehendak Bapa dalam semua doanya (Mat. 26:39).

Soalan Untuk Perbincangan:

1. Bagaimanakah kehidupan berdoa Yesus boleh menjadi contoh bagi kita sendiri?
2. Mengapakan penting untuk mensepadukan doa dan pembelajaran Alkitab?
3. Apakah peranan yang dimainkan oleh iman dalam doa yang dijawab? Mengapa anda berfikir bahawa iman adalah sangat penting dalam kehidupan doa kita?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Ulasan Alkitab

I. Berdoa Menuntut Janji-janji Tuhan (*Imbas kembali 1 Yohanes 5:14, 15 bersama kelas.*)

Dalam 1 Yohanes 5:14, Yohanes memberi kita jaminan ini: “Dan inilah keberanian percaya kita kepada-Nya, yaitu bahwa Ia mengabulkan doa kita, jikalau kita meminta sesuatu kepada-Nya menurut kehendak-Nya”. Perhatikan di mana keyakinan kita. Ia bukan di dalam doa kita. Ia bukan di dalam perbuatan baik kita atau amalan yang benar. Ia bukan di dalam iman kitapun. Ia adalah di dalam Yesus Kristus. Petikan itu berbunyi, “Inilah keberanian percaya kita kepada-Nya.” Keyakinan kita adalah di dalam Kristus yang tidak berbohong dan yang mana janji-janji adalah pasti. Kita

Panduan Guru

mempunyai keyakinan sepenuhnya bahawa apa yang Kristus telah janjikan Dia mampu untuk menunaikannya.

Perkataan Yunani untuk keyakinan adalah *parrḗsia*. Makna asal perkataan ini adalah kebebasan bersuara— kebebasan dalam mana-mana masyarakat yang benar-benar demokratik untuk bercakap secara terbuka dan berani. Di mata syurga, kita mempunyai kebebasan yang sempurna ini. Kita tidak seharusnya menahan apa-apa atau menyembunyikan apa-apa daripada Dia yang mengenali kita sepenuhnya dan masih mengasihi kita. Tuhan mengajak kita untuk datang kepadaNya dan bercakap dengan bebas tentang apapun yang ada di fikiran kita.

Dalam salah satu ayat yang paling mengagumkan yang pernah ditulis mengenai doa, Ellen G. White menyatakan: “Letakkanlah keinginan anda, kegembiraan anda, kesedihan anda, kekuatiran anda, dan ketakutan anda di hadapanNya. Anda tidak dapat membebaskanNya; anda tidak dapat meletihkannya. . . . Bawakan kepadaNya segala sesuatu yang membingungkan fikiran. Tidak ada yang terlalu besar bagiNya untuk ditanggung, kerana Dia memegang dunia, Dia berkuasa atas semua urusan alam semesta. Tidak ada apapun yang berkaitan dengan kesejahteraan kita terlalu kecil bagiNya untuk diambil perhatian. Tiada bab dalam pengalaman kita terlalu gelap bagiNya untuk dibaca; tiada kebingungan yang terlalu sukar bagiNya untuk dirungkai. Tiada musibah yang menimpa anak-anakNya yang terkecil, tiada kebimbangan yang mengganggu jiwa, tiada kegembiraan, tiada doa yang tulus yang keluar dari bibir, yang mana Bapa di surga tidak pedulikan, atau yang mana Dia tidak ambil perhatian dengan segera.” — *Steps to Christ*, p. 100.

Kita digalakkan untuk datang dengan berani atau dengan keyakinan ke takhta rahmat (Ibr. 4:16). Tuhan sedang menunggu kita untuk datang. Dia di sana, sentiasa mendengar, gembira apabila anak-anakNya datang dengan kegembiraan dan kesedihan mereka, pengharapan dan ketakutan mereka, dan kemenangan dan kekalahan mereka.

Yohanes telah menyatakan bahawa prinsip utama doa adalah meminta sesuai dengan kehendak Tuhan. Kita tidak berdoa, “Tuhan, berubahlah kiranya kehendakMu,” tetapi sebaliknya, “Tuhan, jadilah kehendakMu.” Dalam ulasannya mengenai surat-surat Yohanes, William Barclay menyatakan konsep ini secara ringkas: “Dalam analisa terakhir satu-satunya doa yang benar

Panduan Guru

adalah doa yang mengatakan, 'Jadilah kehendakMu,' dan yang permintaannya hanya karunia untuk menerima [dengan pasrah] kehendak itu dan kekuatan untuk melakukannya.' – Barclay's Bible Commentary, *The Letters of Yohanes and Jude* (Philadelphia: The Westminster Press, 1960) ms. 137.

Soalan Perbincangan: Apakah satu-satunya sumber keyakinan kita yang sebenar? Apakah maknanya untuk mempunyai keyakinan penuh dalam Kristus apabila kita berdoa? Bagaimanakah makna asal perkataan keyakinan dalam bahasa Yunani dapat membantu kita untuk mendalami pemahaman kita tentang apa yang dimaksudkan dengan datang kepada Tuhan tanpa rasa takut atau teragak-agak? Apakah yang dimaksudkan untuk berdoa sesuai dengan kehendak Tuhan?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Ketuai kelas anda dalam perbincangan praktikal dalam menuntut janji-janji Tuhan. Jemput ahli kelas anda untuk berkongsi janji kegemaran mereka dari Alkitab. Anda mungkin ingin meminta seseorang untuk membuat senarai sepuluh janji kegemaran kelas anda dan kongsi dengan seluruh kelas pada Sabat akan datang.

Soalan Renungan: Pada pendapat anda, mengapakah umat Tuhan sering lebih sibuk dengan keinginan untuk mendapatkan sesuatu dari Tuhan daripada mengenali Tuhan yang mereka inginkan sesuatu daripadaNya?

Walaupun Roh Kudus ada di tengah-tengah kita dan dengan lemah lembut membawa kita ke dalam hubungan yang lebih mendalam dengan Yesus, mengapakah kadang-kadang Dia kelihatan begitu jauh? Apakah yang kita boleh lakukan untuk memupuk kesedaran yang lebih peka akan kehadiran Roh?

Soalan Penerapan:

- A. Adakah anda ingat apa-apa janji dalam Alkitab yang tidak perlu didoakan dengan cara ini: "Tuhan, jika itu kehendakMu, saya meminta Engkau untuk melakukan ini untuk saya"?

Panduan Guru

- B. Jika Tuhan rindu untuk memberikan kita Roh KudusNya lebih daripada kerinduan kita untuk menerimanya, maka kenapakah kita harus berdoa untuk pencurahan Roh?
- C. Bagaimanakah kelas Sekolah Sabat setempat kita memberikan penekanan yang lebih kepada doa untuk pencurahan Roh Kudus atas kehidupan kita sendiri dan atas gereja kita?

LANGKAH 4 – MEWUJUDKAN

Hanya Untuk Guru: Ada kekuatan rohani yang nyata apabila umat Tuhan memohon pencurahan Roh Kudus bersama-sama. Roh Kudus datang dalam kuasa yang kuat apabila murid-murid berdoa dalam kesatuan. Jemaat Perjanjian Baru adalah jemaat yang penuh doa. Orang-orang yang beriman itu menyadari ketidakupayaan mereka, tanpa kuasa Roh Kudus, untuk menghadapi godaan syaitan dan untuk menyelesaikan misi Kristus untuk menginjili dunia.

Aktiviti Individu:

- Minggu ini, pilih salah satu ahli kelas Sekolah Sabat dari kelas lain untuk anda kongsi janji Alkitab kegemaran anda.
- Minta Tuhan untuk membimbing anda kepada seseorang rakan doa yang mana anda boleh memohon pencurahan Roh Kudus.



Pelajaran 11 | 11-17 Mac

Mendukakan dan Menolak Roh Kudus

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: Kisah 7:51; Ibr. 10:24, 25; Efesus 4:25-5:2; 1 Tes. 5:19-21; Markus 3:28, 29.

Ayat Hafalan: “Dan janganlah kamu mendukakan Roh Kudus Allah, yang telah memeteraikan kamu menjelang hari penyelamatan” (Efesus 4:30).

Roh Kudus mempunyai keupayaan yang unik untuk membawa orang-orang berdosa kepada kesedaran tentang keadaan keberdosaan mereka yang sebenar. Dia juga membangkitkan dalam diri kita keinginan untuk menerima Yesus dan pengampunanNya dari dosa-dosa kita. Roh Kudus mempunyai kuasa yang tiada taranya untuk menjadikan kita para penakluk dan untuk membolehkan kita untuk mencerminkan sifat Yesus yang indah.

Pada masa yang sama, Roh Kudus yang kuat dan perkasa ini boleh ditolak oleh orang-orang berdosa yang lemah. Dia tidak memaksa diriNya kepada kita.

Dosa adalah sangat memikat, sangat menarik. Namun, ia adalah sangat memperdayakan dan membawa kepada kematian. Ia bertentangan kepada Tuhan dan kesucian dan kebaikanNya yang tulen. Mencerminkan kesucian ilahi ini, Roh Kudus menentang dosa dalam setiap bentuk, dan Dia sedih apabila kita melakukan dosa dan tidak sanggup untuk melepaskannya. Betapa berkuasapun Roh Kudus itu, impak positifNya boleh terpadam. Kita boleh menolak Dia apabila kita terus dalam kehidupan kita yang berdosa. Bahkan injil memberitahu kita bahawa terdapat satu dosa yang tidak dapat diampuni: iaitu menghujat Roh Kudus (Mat 12:31, 32.).

Minggu ini kita akan mengkaji aspek alkitabiah yang berkaitan dengan mendukakan, memadamkan, dan menolak Roh Kudus, dan dengan dosa yang tidak akan diampuni.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 18 Mac.*

AHAD 12 Mac

Menolak Roh Kudus

Sila baca Kisah 7:51. Apakah amaran yang telah diberikan di sini, dan bagaimanakah ia terpakai kepada kita hari ini juga?

Terdapat beberapa dosa yang dinyatakan secara khusus di dalam Kitab Suci sebagai dosa melawan Roh Kudus. Banyak daripada dosa-dosa itu adalah pada peringkat individu. Walau bagaimanapun, terdapat juga satu dimensi korporat yang terlibat, seperti yang kita boleh simpulkan daripada Kisah 7:51. Stefanus menunjukkan bahawa para penuduhnya adalah orang-orang yang keras kepala, sebagaimana umat Israel yang bersikap memberontak apabila mereka menyembah anak lembu emas (Kel 33: 3.). Mereka menentang Roh Kudus kerana mereka enggan mendengar apa yang Roh Kudus tekankan melalui nabi-nabi Tuhan kepada hati mereka. Corak penentangan seperti ini terhadap Tuhan dan rencanaNya akhirnya membawa segelintir untuk menolak tuntutan Tuhan Yesus Kristus. Daripada mengikut Yesus, sebaliknya mereka membuat ibadah luaran pengganti untuk ketaatan kepada Firman Tuhan yang hidup.

Ianya menakutkan bila difikirkan bahawa manusia yang lemah, yang dicipta oleh Tuhan dan bergantung kepadaNya, dapat melawan kerja Roh Kudus dan akhirnya kasih karunia Tuhan. Betapa berkuasapun Tuhan, Dia tidak memaksa diriNya ke atas kemahuan kita. Dia menghormati pilihan kita.

Lagipun, jika Tuhan mahu memaksa kita untuk taat kepadaNya, mengapa Dia tidak melakukannya di Eden, dengan Adam dan Hawa, dengan itu menyelamatkan seluruh dunia daripada krisis dosa? Tuhan telah menjadikan kita makhluk yang bebas, dengan kuasa untuk membuat pilihan moral, sama ada untuk kehidupan atau untuk kematian, sama ada untuk kebaikan atau untuk kejahatan. Betapa suci – dan mahalNya – pemberian yang diberikan kepada kita masing-masing.

Walaupun setiap orang bertanggungjawab ke atas keputusan mereka sendiri, kita juga mempunyai tanggungjawab bersama: kita harus mendorong satu sama lain untuk setia, untuk mematuhi Firman Tuhan, dan kekal dekat dengan Yesus (Ibr 10:24, 25.). Kita menentang Roh Kudus hari ini apabila kita menolak Firman Tuhan dan apabila kita tidak mempedulikan perkhabaran nabi-nabiNya.

Ia amat mudah untuk melihat kembali kepada Israel purba, menghakimi dan mengkritik mereka untuk semua kesilapan mereka. Tetapi bagaimana pula dengan pilihan buruk kita sendiri? Bagaimanakah anda akan rasa jika pilihan-pilihan itu didedahkan kepada umum sebagaimana kesilapan-kesilapan Israel purba didedahkan?

Apakah cara kita boleh membantu orang lain ke arah “kasih dan perbuatan baik”? Apakah tanggungjawab anda untuk memupuk “kasih dan perbuatan baik” dalam diri orang lain?

Mendukakan Roh Kudus: Bahagian 1

Sila baca Efesus 4:30 Di sini Paulus menggunakan satu bentuk perintah yang penting dan memperingatkan kita untuk tidak mendukakan Roh Kudus. Apakah ertinya mendukakan Roh Kudus?

Roh Kudus adalah makhluk peribadi, bukan hanya satu kuasa ilahi. Itulah sebabnya Dia boleh berduka. Tetapi bagaimanakah kita mendukakan Roh Kudus? Mungkin kita harus ingat bahawa salah satu daripada tugas Roh Kudus adalah untuk membuka mata kita kepada dosa (Yohanes 16: 8). Dia membawa kita kepada Yesus, yang mengampuni dosa-dosa kita dan menyucikan kita. Lagipun, Roh Tuhan dipanggil "suci." Ini bermakna Dia membenci dosa. Tetapi Dia bersukacita apabila kita taat kepada Tuhan dalam segala sesuatu, berfikir dan bercakap apa yang murni dan suci. Sebaliknya, ini juga bermakna bahawa Dia sedih apabila kita sangat menyayangi segala sesuatu yang tidak berguna dalam panggilan ilahi kita. Sebarang keputusan di pihak kita untuk berpegang kepada dosa atau untuk meremehkan keseriusan dosa mendukakan hatiNya. Mendukakan Roh Kudus adalah satu perkara yang amat serius.

Konteks kenyataan Paulus dalam Efesus 4: 30 tentang mendukakan Roh Kudus adalah berkaitan dengan gaya hidup seseorang sebelum dia dibaptiskan oleh Kristus, dan apa yang menyusul selepas pertaubatan tersebut. Sebagai ciptaan baru dalam Kristus, kita perlu bersabar dan lemah lembut antara satu sama lain, sabar terhadap sama lain dalam kasih, dan tekun untuk memelihara kesatuan Roh oleh ikatan damai sejahtera: (Efesus 4: 2, 3). Diperbaharui oleh Roh (Efesus 4:23), kita kini mengikut Kristus, Kepala kita yang baru (Efesus 4:15), jadi kita tidak berjalan mengikut fikiran kita yang sia-sia, seperti bangsa lain (Efesus 4:17). Sebaliknya kita menjalani kehidupan yang berkenan kepada Tuhan (Efesus 4: 24-31).

Setiap kali kita membenarkan mana-mana perkara negatif yang disebut dalam ayat-ayat dalam bab 4 ini untuk mendapatkan ruang di dalam hati kita, dan apabila perkara negatif itu terserlah dalam perkataan dan perbuatan kita, maka Roh sedih dan dukacita. Mendukakan Roh Kudus bermaksud untuk memandang rendah kehadiranNya yang menguduskan dan kuasaNya yang mengubah hidup kerana kita terus dengan sengaja berbuat dosa. Roh Kudus bukannya acuh tak acuh kepada cara kita hidup.

Sila baca Efesus 4: 25-31, dan senaraikan tingkah laku moral tertentu yang mendukakan Roh Kudus. Mengapa Roh Kudus didukakan oleh perkara-perkara ini?

SELASA 14 Mac

Mendukakan Roh Kudus: Bahagian 2

Fakta bahawa Roh Kudus boleh berduka memberitahu kita bahawa Tuhan bukannya tidak peduli kepada kita dan apa yang kita lakukan. Tuhan terjejas oleh apa yang kita tentukan dan bagaimana kita hidup.

Sila baca Efesus 4:25 - 5:3. Apakah yang diminta untuk kita lakukan di sini dan bagaimana berbeza kehidupan kita nanti apabila kita mematuhi arahan Alkitab?

Dari segi positif: kita menggembirakan Roh Kudus, apabila kita mengatakan kebenaran dalam kasih; apabila kita marah tentang dosa, tetapi tidak melakukan dosa dalam kemarahan kita; apabila kita bekerja dengan tangan kita sendiri dan menggunakan hasil kerja kita untuk berbuat baik kepada orang miskin; apabila kita bercakap dalam cara yang membina dan memberitahukan kasih karunia kepada pendengar kita; dan apabila kita baik hati, lemah lembut, dan suka mengampuni.

Jika kita mengaku sebagai umat Kristian, namun hidup seolah-olah Kristus tidak pernah datang dan kehidupan kita tidak terkesan oleh pimpinan dan kasihNya, maka kita mendukakan Roh Kudus. Apabila kita mengaku bahawa kita percaya kepada kebenaran, tetapi cara bagaimana kita bertindak dan berperilaku bercanggah dengan pengakuan itu, kita mendukakan Roh Kudus. Kekurangan integriti moral juga mendukakan Roh. Usaha penjangkauan kita tidak boleh berpisah daripada tingkah laku etika kita. Jika kita hidup dalam cara yang mana orang lain sedar bahawa kita benar-benar adalah anak-anakNya dan mencerminkan Yesus, kita membawa kegembiraan kepada hati Tuhan.

Sila baca Efesus 4: 3, 4, 15, 16, 32. Apakah yang ayat-ayat ini nyatakan tentang aspek masyarakat hidup dalam Roh? Bagaimanakah kehidupan yang dipenuhi Roh terserlah dengan sendirinya dalam masyarakat dengan umat percaya yang lain?

Adalah menarik bahawa dalam Efesus 4 terdapat juga aspek masyarakat yang menonjol. Idea perpaduan disebut beberapa kali. Paulus prihatin supaya kita mengekalkan kesatuan Roh kerana kita hidup di dalam Tuhan dalam konteks "satu sama lain" (*Efesus 4:32*). Bagaimana hubungan kita dengan satu sama lain di dalam gereja, "berusahalah memelihara kesatuan Roh oleh ikatan damai sejahtera" (*Efesus 4: 3*) adalah bahagian penting dari tidak mendukakan Roh. Bagaimana kita melayan satu sama lain di dalam gereja, yang merupakan bait Roh Kudus (*1 Kor. 3:16, 17*), benar-benar penting bagi Tuhan. Bagaimana kita menganggap satu sama lain dalam tubuh Kristus adalah sangat penting bagi Roh Tuhan.

Memang baik untuk mengetahui kebenaran, perkhabaran tiga malaikat (*Wahyu 14: 6-12*), tetapi tanyalah diri anda sendiri soalan ini: Bagaimanakah anda melayan orang lain, terutamanya mereka yang berada di bawah anda atau mereka yang tidak dapat berbuat apa-apa untuk anda? Iaitu, mereka yang tidak mempunyai apa-apa untuk diberikan kepada anda sebagai balasan.

RABU

15 Mac

Memadamkan Roh Kudus

Sila baca 1 Tesalonika 5: 19-21. Bagaimanakah Roh Kudus boleh dipadamkan?

Perkataan “memadamkan” mencadangkan idea tentang api. Perkataan akar Yunani yang sama digunakan dalam 1 Tesalonika 5:19 dan dalam Efesus 6: 16. Ini menunjukkan bahawa sesuatu tentang Roh Kudus adalah seperti api yang kita boleh padamkan. Kita harus ingat bahawa Roh Kudus melakukan dua perkara yang penting untuk kita: Dia memberi kita pengetahuan akan dosa, Dia memberi kita kuasa untuk mengatasi dosa. Kedua-duanya berkaitan dengan pengudusan.

Melalui Firman Tuhan, Roh memberitahu kita apa yang kita perlu tahu untuk hidup dalam kehidupan yang suci, dan melalui kuasaNya yang ada dalam jiwa kita, Dia membolehkan kita untuk mengubah kehidupan kita, sesuai dengan pengetahuan ini. Satu cara kita boleh mengelakkan daripada memadamkan Roh adalah “janganlah anggap rendah nubuat-nubuat.” (1 Tes. 5:20). Paulus menasihatkan umat percaya di Tesalonika supaya tidak menganggap rendah nubuat-nubuat, namun dia menyeru mereka supaya bijaksana (1 Tes. 5:21). Walaupun kita terbuka kepada Roh dalam kehidupan gereja dan tidak boleh memadamkan pekerjaan Roh Kudus, kita juga perlu bijaksana kerana ajaran-ajaran palsu dan nabi-nabi palsu akan terus melanda gereja.

Bukan semua roh tidak berbahaya. Firman yang diilhamkan oleh Roh Tuhan, bagaimanapun, adalah pelita bagi kaki kita dan terang bagi jalan kita. (Mazmur 119:105). Olehnya [Firman Tuhan] kita mempunyai piawaian untuk mengukur ucapan-ucapan kenabian walaupun yang baru. Pada zaman Alkitab lampu seperti itu melibatkan sumbu terbakar yang memancarkan cahaya bagi kaki orang yang berjalan pada waktu malam. Alkitab memberitahu kita bagaimana untuk “berjalan dalam Roh” (Gal. 5:25). Kita berbuat demikian dengan menyerahkan diri kita kepada ajaran Firman Tuhan dan dengan menuruti dorongan Roh Kudus sementara Dia menunjukkan kepada kita cara hidup yang kita perlu amalkan.

Ramai yang mengaku percaya bahawa Alkitab adalah Firman Tuhan mentafsirkannya dengan cara yang boleh menghapuskan autoriti Alkitab itu. Mereka merompak kuasa sebenar Alkitab dalam kehidupan mereka. Juga, apabila kita tidak mengindahkan Firman Tuhan dan memperlakukannya dengan tidak hormat, atau mengabaikan untuk menerapkannya kepada diri kita sendiri, kita memadamkan lampu ini yang diberikan untuk memimpin kita dalam perjalanan kita dan untuk membangkitkan hati nurani kita ke arah kerja-kerja yang baik.

Sila baca 1 Tesalonika 4: 7, 8. Apakah yang dimaksudkan untuk dipanggil “dalam kekudusan”? Apakah bidang kehidupan anda mungkin anda perlu tanya diri anda jika sesungguhnya anda hidup “dalam kekudusan”?

PELAJARAN 11: Mendukakan dan Menolak Roh Kudus

137

KHAMIS

16 Mac

Menghujat Roh Kudus

Sila baca Markus 3:28, 29; Lukas 12:10; dan Mat. 12:31, 32. **Jika semua dosa dan perbuatan menghujat boleh diampuni, apakah yang tidak dapat diampuni?**

Mungkin tidak ada dosa lain yang telah menyebabkan ketidakpastian yang lebih besar dan kesedihan yang mendalam di kalangan orang Kristian dan lebih disalahfahami daripada hujat terhadap Roh Kudus. Beberapa orang berfikir bahawa apa yang Yesus maksudkan adalah beberapa dosa tertentu yang amat memedihkan. Bagaimanapun, kita harus mengingatkan diri kita bahawa semua dosa adalah kejam bagi Tuhan, walaupun ada dosa mungkin mempunyai kesan yang lebih drastik daripada yang lain. Akan tetapi apakah yang Yesus maksudkan apabila Dia bercakap mengenai dosa yang tidak dapat diampuni?

Sebenarnya tidak ada satupun daripada ayat-ayat ini yang mengatakan bahawa dosa ini tidak boleh diampuni; cuma ia tidak akan diampuni. Mari kita ingat: kerja Roh Kudus adalah untuk membawa orang berdosa kepada kesedaran akan dosa mereka dan membangkitkan dalam diri mereka keinginan untuk menerima Yesus, yang satu-satunya mengampuni dosa. Oleh itu, hujat terhadap Roh Kudus perlu difahami sebagai penolakan yang sengaja dan berterusan kerja penyelamatan Yesus. Ia berlaku apabila seorang individu dengan sengaja dan menentang kesaksian Roh akan Kristus dan penyelamatan dan rahmatNya.

Yesus tidak bercakap tentang seseorang yang mengucapkan beberapa kata-kata fitnah. Hujat terhadap Roh Kudus dilakukan hanya dalam konteks sikap ketidakpercayaan yang berterusan dan permusuhan terbuka terhadap Yesus. Menghujat Roh Kudus bukanlah episod tunggal; ia adalah cara hidup yang dipilih.

“Sebagai ganti menerima bukti yang ditawarkan kepada mereka, sebagai ganti pengiktirafan di dalam kerja-kerja Kristus pemberian syurga, mereka berpegang kepada tujuan jahat mereka, dan berkata: Dia melakukan kerja-kerja yang indah ini melalui Syaitan. Inilah dosa terhadap Roh Kudus.” – **Ellen G. White**, *Loma Linda Messages*, ms. 156

Apabila hati manusia tetap dalam kedegilan melawan Tuhan dan, dengan itu, secara sedar enggan memberikan kepada Yesus tuntutanNya, hati mereka menjadi keras dan tidak mengakui kebenaran kesaksian Roh Kudus kepada pengorbanan penyelamatan Tuhan Yesus Kristus. Dosa ini di luar pengampunan, bukan kerana Tuhan tidak berkuasa atau tidak mahu mengampuni, tetapi kerana orang itu tidak dapat mengenali dosanya. Oleh itu, dia tidak mahu menerima pengampunan melalui Yesus. Sikap ini, sudah tentu, mempunyai kesan yang kekal.

Bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa, tidak kira apa sahaja yang kita akui tentang diri kita, kita tidak hidup dalam kedegilan melawan Tuhan dan menentang Roh Kudus? (Lihat, misalnya, 1 Yohanes 5: 3 dan Roma 8:14.)

Renungan Tambahan: Hakikat bahawa orang tertanya-tanya, dengan rasa cemas, sama ada mereka telah berbuat dosa yang tidak dapat diampuni menunjukkan bahawa mereka sesungguhnya tidak melakukannya. Jika mereka telah melakukannya, mereka pasti tidak akan bimbang tentang hal itu. Kebimbangan mereka adalah bukti yang mereka perlukan bahawa, sesungguhnya, mereka masih terbuka untuk pimpinan Roh. Apa yang seseorang perlu lakukan adalah menuntun kebenaran Yesus dan, bergantung kepada jasa Yesus, maju terus dalam iman dan ketaatan. Hanya dengan ditutupi oleh kebenaran Kristus, yang merupakan “kebenaran Tuhan” sendiri (Rom 10: 3.), mereka boleh mendapat damai dan jaminan yang sangat kurang pada mereka sekarang ini.

Sebenarnya, hanya satu orang yang Tuhan tidak dapat ampuni, dan orang itu adalah orang yang sentiasa enggan untuk datang kepada Yesus untuk pengampunan. “Dosa hujat terhadap Roh Kudus tidak terletak dalam sebarang perkataan atau perbuatan secara tiba-tiba; ia adalah penolakan yang teguh yang sudah ditentukan ke atas kebenaran dan bukti.” - Komentari Ellen G. White, *SDA Bible Commentary*, jilid 5, ms. 1093. “Tiada sesiapa pun perlu memandangi dosa terhadap Roh Kudus sebagai sesuatu yang misteri dan tidak dapat dijelaskan. Dosa terhadap Roh Kudus adalah dosa keengganan berterusan untuk merespons kepada jemputan untuk bertaubat.” - ms. 1093.

Soalan Perbincangan:

1. Jika seseorang datang kepada anda, bimbang bahawa mereka telah melakukan dosa yang tidak dapat diampuni, apakah yang anda akan katakan dan apakah ayat yang akan anda gunakan untuk membantu? Mengapa pemahaman tentang keselamatan melalui iman sahaja begitu penting untuk membantu seseorang yang merasa dirinya tidak ada harapan dan hilang?
2. Kita memadamkan Roh Kudus apabila kita enggan bertindak atau bercakap sementara Dia menuntun. Dalam keadaan bagaimanakah kita dalam bahaya memadamkan Roh Kudus? Iaitu, aspek apakah dalam kehidupan kita (jika ada?), kita mendapati diri kita menentang tuntunan Tuhan, dan bagaimanakah kita boleh belajar untuk membuat penyerahan yang diperlukan?
3. Kadang-kadang Tuhan membenarkan keadaan tertentu datang ke dalam kehidupan kita yang kita benci atau yang kita tidak faham. Seperti mana yang berlaku kepada Ayub, misalnya. Mengapakah sifat minda yang geram boleh menjejaskan kerja Roh Kudus dalam kehidupan kita? Bagaimana kita boleh percayai Tuhan dengan lebih penuh dan menyerahkan kehidupan kita sepenuhnya kepadaNya, walaupun pada masa yang paling sukar?
4. Oleh kerana takut “tercemar” oleh apa yang mereka rasa adalah pengaruh merosak di dalam gereja, maka segelintir orang menarik diri sepenuhnya dari badan gereja dan mengikut haluan mereka sendiri. Apakah salahnya dengan idea itu, dan mengapa ia bukan model alkitabiah untuk diikuti oleh Kristian?

Panduan Guru

Ringkasan Pelajaran

Ayat Tumpuan: Efesus 4:25–32

Pelajar Akan:

Mengetahui: Meneliti apa artinya untuk mengelakkan daripada menolak tuntutan Roh atas hidupnya.

Merasakan: Menghargai dorongan Roh Kudus dan merasa semula cara-cara di mana Roh Kudus bekerja dalam hidupnya.

Melakukan: Memutuskan untuk peka kepada kerja Roh Kudus dan untuk merespons kepada doronganNya.

Garis Panduan Pelajaran

I. Mengetahui: Mengelak daripada Mendukakan, Melawan, atau Memadamkan Roh Kudus

- A. Bagaimanakah kita boleh mengelak daripada mendukakan Roh Kudus?
- B. Apakah yang dimaksudkan untuk melawan dorongan Roh?
- C. Mengapakah Paulus menggunakan ungkapan, “Janganlah memadamkan roh”? Apakah gambaran yang ditimbulkan oleh ungkapan ini dalam fikiran anda?

II. Membangunkan Kepekaan Suara Hati Terhadap dorongan Roh

- A. Bagaimanakah dorongan Roh Kudus boleh menyedarkan akan keperluan kita untuk pertumbuhan rohani?
- B. Mengapakah mengabaikan dorongan Roh Kudus begitu merosakkan dalam kehidupan Kristian?

III. Melakukan: Merespons Kepada Dorongan Roh Kudus

- A. Bagaimanakah kita boleh membangunkan sikap positif akan penerimaan kepada dorongan Roh Kudus?
- B. Apakah sikap yang menghalang pekerjaan Roh Kudus dalam kehidupan kita, dan apakah langkah-langkah praktikal yang boleh kita ambil untuk mengelakkan fikiran dan perasaan seperti itu?
- C. Apakah yang dapat kita lakukan untuk mengelakkan perangkap hati nurani yang terlalu sensitif dan hidup dalam keadaan takut dan rasa bersalah?

Panduan Guru

Kesimpulan: Pemahaman yang betul akan pelayanan Roh Kudus memimpin kita untuk menjadi sensitif kepada tuntutanNya, responsif kepada doronganNya, dan tunduk kepada kehendakNya. Dalam pemahaman bahawa Roh Kudus adalah Oknum Ketiga Ketuhanan dan Pemberian peribadi Kristus kepada setiap orang Kristian, kita sangat mengasihi Yesus sehingga kita tidak mahu melakukan apa-apa yang akan mendukakan, menolak, atau memadamkan kerja Roh dalam kehidupan kita.

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: Kisah 7:51

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Bapa, Anak, dan Roh Kudus sedang dalam urusan penyelamatan. Tuhan rindu untuk menyelamatkan umatNya, sama ada mereka sedar atau tidak. Dia rindu untuk menyelamatkan mereka sama ada mereka merespons kepada kasihNya atau tidak. Di seluruh Perjanjian Lama, Tuhan berulang kali mengutus nabi-nabiNya dan Rasul-rasul yang diilhami kepada umatNya. Dalam ucapan kenabian dan komunikasi dari syurga, Dia merayu kepada mereka. Meskipun dengan rayuan terkuat dan paling genting, para pemimpin agama menolak perkhabaran Ilahi ini.

Sekali lagi, dalam generasi ini, Tuhan merayu kepada kita melalui RohNya dan mendesak kita untuk merespons kepada dorongan Roh dan belajar daripada pengajaran masa lalu.

Hanya Untuk Guru: Dalam pelajaran minggu ini, bantu ahli kelas anda untuk menjadi sensitif kepada dorongan Tuhan melalui Roh Kudus. Galakkan mereka untuk memupuk sikap sensitif terhadap pelayanan Roh dalam kehidupan mereka sendiri. Huraikan dengan teliti apa maknanya mendukakan, menolak, atau memadamkan Roh Kudus. Terangkan dengan jelas akan hakikat bahawa dorongan Roh bukan untuk menanamkan rasa bersalah; dorongan itu adalah untuk membawa kita kepada Yesus, Sumber dari segala perasaan bebas dari rasa bersalah. Dorongan itu bukan untuk membelenggu kita dalam belenggu legalisme; ia

Panduan Guru

adalah untuk membebaskan kita untuk menikmati kehidupan iman dengan memberikan kepada kita kuasa untuk menuruti.

Pelajaran minggu ini adalah amat penting dalam memahami peranan penting Roh Kudus dalam menyediakan orang untuk kedatangan Yesus dan mempersiapkan mereka untuk pengangkatan.

Pembuka Perbincangan: Beberapa tahun yang lalu, seorang pemuda berusia pertengahan dua puluhan menghadiri satu perkumpulan penginjilan oleh Pastor Mark Finley di bahagian timur laut Amerika Syarikat. Akhirnya dia menerima Yesus Kristus dalam hidupnya dan amat tersentuh dengan kebenaran baru yang dia telah pelajari. Sementara dia bersedia untuk pembaptisan, dia merasakan satu keinginan besar untuk membetulkan sesuatu dalam hidupnya yang telah berlaku beberapa tahun sebelumnya.

Anak muda ini telah terlibat dalam rompakan di bandar. Bersama-sama dengan sekumpulan rakan remaja, dia telah memecah masuk sebuah rumah dan mencuri beberapa peralatan audio dan stereo. Kini selepas pertaubatan, dia yakin bahawa dia perlu membetulkan perkara itu. Dalam rundingannya dengan Pastor Finley, dia membuat satu rencana. Pastor Finley bersetuju untuk bertemu keluarga itu dan mengongsika cerita pertaubatan pemuda itu, memberitahu mereka bahawa orang muda itu bersedia untuk membayar balik kepada mereka barang-barang yang telah dicuri.

Keluarga itu terharu memikirkan bahawa anak muda ini bersedia untuk membayar ganti rugi sepenuhnya. Mereka kagum atas pertaubatannya itu dan menghalalkan semua hutangnya. Bayangkan perasaan damai dan kegembiraan yang menyelubungi hidup anak muda ini setelah dia mendengar berita baik itu.

Mari kita andaikan anak muda ini telah mengabaikan dorongan Roh Kudus. Adakah perasaan bersalahnya akan hilang? Adakah perasaan bersalah itu hilang kerana dia mengabaikannya? Bagaimanakah kita dapat mengetahui bahawa kita sedang digerakkan oleh Roh Kudus dan bukan didorong oleh hati nurani yang keterlaluan?

Berikut ini adalah prinsip asas yang penting bagaimana Roh Kudus bekerja. Roh Kudus sentiasa menginsafkan (menyatakan kita

Panduan Guru

bersalah) kita kepada sesuatu yang khusus. Apabila kita mengaku dosa kita, dosa itu diampuni (1 Yohanes 1: 9). Jika anda merasa bersalah sebelum anda mengaku dosa anda, ia adalah kerana Roh Kudus yang memimpin anda untuk mengakuinya. Jika anda merasa bersalah selepas anda telah mengaku dosa anda, ia adalah kerana syaitan mahu menghalang anda daripada menikmati hasil dari pengampunan.

Jika anda mempunyai perasaan tidak layak yang samar-samar, ini juga seringkali merupakan cara syaitan merompak jaminan anda dalam Kristus. Oleh kerana kita “senantiasa berusaha untuk hidup dengan hati nurani yang murni di hadapan Tuhan dan manusia.” (Kis 24:16), dan ingin menjadi seorang saksi Kristian yang positif terhadap sesiapa yang kita telah aniayai, maka kita sensitif kepada dorongan Roh Kudus untuk membuat ganti rugi bagi kesalahan kita, setakat mana yang mungkin (Mat. 5:23, 24).

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Tema utama pelajaran minggu ini adalah sensitiviti kepada dorongan Roh Kudus. Pastikan anda menekankan kepentingan mengetahui dan mendengar suara Roh Kudus dalam menghidupi kehidupan yang aman, bebas, dan gembira sebagai seorang Kristian.

Ulasan Alkitab

I. Mendukakan Roh Kudus (*Imbas kembali Efesus 4:25-32 bersama kelas.*)

Dalam Efesus 4, rasul Paulus menyenaraikan tingkahlaku yang mendukakan Roh Kudus. Antara yang dia masukkan adalah berbohong, kemarahan, kecurangan, pengucapan jahat, dendam, kegeraman, kemarahan. Jika sifat-sifat ini mendukakan Roh Kudus, tidakkah anda berfikir bahawa Roh akan meninsafkan kita dari kecenderungan ini dan memberikan kuasa kepada kita untuk mengatasinya? Salah satu fungsi utama Roh Kudus adalah untuk mempersiapkan kita untuk syurga. Dia rindu untuk menggantikan kecurangan dengan berintegriti, roh marah dengan sikap tenang, lidah pengkritik dengan perkataan yang baik, kekasaran dengan kebaikan, dan dendam dengan pengampunan.

Perkataan *mendukakan* dalam Efesus 4:30 adalah perkataan Yunani *lupeo*, yang bermaksud untuk menyebabkan kesakitan. Ia adalah rayuan untuk peka terhadap dorongan Roh Kudus dan tidak lagi membawa kesakitan kepada hati Tuhan oleh mengenali dosa tetapi melakukannya dengan sengaja.

Oleh kerana tidak mungkin untuk mendukakan suatu kuasa atau sesuatu tanpa personaliti (tubuh), petikan ini, antara dari yang lain, adalah bukti yang jelas bagi personaliti ilahi Roh Kudus. Mendukakan Roh Kudus bererti menentang tuntutanNya dan menolak rayuanNya. Perbuatan mendukakan, menentang, dan menolak secara berterusan boleh membawa kepada dosa yang tidak dapat diampuni.

Dosa yang tidak dapat diampuni disebut dalam tiga masa-masa tertentu dalam Injil (Markus 3:28, 29; Luk 12:10; Mat 12:31.). Dalam Injil Matius, Yesus secara ringkas menyatakan, "Oleh sebab itu Aku berkata kepadamu: Segala dosa dan hujat manusia akan diampuni, tetapi hujat terhadap Roh Kudus tidak akan diampuni" (Mat. 12:31). Perhatikan penekanan Yesus yang jelas. Setiap dosa akan diampuni. Dosa yang tidak dapat diampuni bukan sejenis dosa. Ia bukan berzina, membunuh, berbohong, atau mencuri. Ia adalah menentang tuntutan Roh Kudus secara sedar, enggan bertaubat, dan terus berpaut kepada dosa walaupun mengetahui perkara yang lebih baik.

Apa yang tidak dapat diampuni tidak berlaku kerana Tuhan berhenti mengasihi kita. Ia berlaku kerana hati seseorang itu menjadi begitu keras sehingga orang itu yang tidak lagi mengasihi Dia. Ia bukan kerana Tuhan tidak akan mengampuni; ia adalah kerana individu itu tidak lagi inginkan pengampunan. Ia bukan kerana hati Tuhan tidak lagi lembut terhadap orang berdosa; ia adalah kerana penolakan berterusan dan keengganan untuk tunduk kepada bisikan Roh Kudus sehingga hati orang berdosa itu tidak lagi lembut terhadap Tuhan.

Berikut adalah cara yang mudah untuk memikirkan dosa yang tidak dapat diampuni. Ia adalah keadaan dalam dosa di mana individu tidak lagi berminat atau inginkan keselamatan, telah mengeraskan hatinya terhadap Tuhan melalui pemberontakan yang disengajakan, dan kini tidak lagi berupaya untuk merespons kepada rayuan kuat Roh Kudus dan ikrar kasih Tuhan.

Perhatikan Hal Ini: Bagaimanakah kita mendukakan Roh Kudus? Apakah dosa yang tidak dapat diampuni?

Kita tidak perlu bimbang melakukan dosa yang tidak dapat diampuni sementara masih menginginkan keselamatan. Seberapa besarpun keinginan kita untuk diselamatkan, kerinduan Tuhan lebih besar untuk menyelamatkan kita. Fungsi Roh Kudus adalah untuk menarik kita setiap hari kepada Kristus untuk menerima pemberian yang berharga yang Dia ingin berikan kepada kita. Bagaimanakah Dia memperkuat kita untuk menjadi lebih seperti Yesus setiap hari?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Ketua kelas anda dalam perbincangan praktikal tentang bagaimana untuk menjadi peka kepada pimpinan Roh Kudus. Bincangkan setiap fungsi Roh Kudus yang berbeza-beza – untuk menginsafkan dosa, untuk memberi kesaksian tentang Yesus, untuk membimbing dan menguatkan orang yang beriman, untuk mengajar kebenaran, untuk menguatkan kesaksian kita. Bagaimanakah kita boleh merespons kepada pimpinan Roh dalam setiap bidang ini?

Soalan Penerapan:

- A. Bagaimanakah kesedaran tentang pelayanan Roh Kudus boleh menjadi bahagian penting dalam kehidupan seharian kita?
- B. Bagaimanakah kita boleh menerima manfaat rohani yang Roh Kudus tawarkan dengan percuma?
- C. Bagaimanakah cara kita dapat menggalakkan satu sama lain untuk menjadi lebih peka dengan pekerjaan Roh Kudus?

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Roh Kudus adalah wakil peribadi Kristus, Rakan kita dalam peperangan antara baik dan jahat, Sahabat dan Teman kita, Penasihat dan Pemimpin kita.

Sila dorongkan ahli kelas anda untuk mendoakan doa yang sederhana ini selalu:

Roh Kudus, Pemimpin yang setia, dekatlah dengan umat Kristian sentiasa; dengan lembut, pimpinlah tanganku, perantau di gurun tandus berbatu. Jiwaku yang lelah bergembira selalu, ketika kudengar suara yang merdu, Berbisik

Panduan Guru

perlahan, "Perantau yang hilang, mari, Aku memimpinmu pulang."

Sentiasa hadir, Sahabat yang sejati, sentiasa hampir bantuanMu pasti, Jangan tinggalkan kami dalam ketakutan, meraba-raba dalam kegelapan. Apabila ribut kesakitan mengganas, hati melemah, harapan lemas. Berbisik perlahan, "Perantau yang hilang, mari, Aku memimpinmu pulang."

– Diadaptasi dari lagu *Holy Spirit, Faithful Guide* oleh Marcus Morris Wells.

Aktiviti:

- A. Adakah anda mempunyai lagu kegemaran berkaitan dengan Roh Kudus? Mengapakah lagu ini sangat bermakna bagi anda? Lihat melalui lagu-lagu pujian Seventh-day Adventist yang berkaitan dengan Roh Kudus dan kongsi dengan kuat baris ayat yang bercakap dalam hati anda.
 - B. Apakah nama atau fungsi Roh Kudus yang anda paling hargai atau kagumi?
-
-

Pelajaran 12 | 18-24 Mac

Kerja Roh Kudus

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: Yohanes 16:8-11; Roma 5:10; Ibrani 4:15, 16; 1 Petrus 5:8, 9; 1 Yohanes 5:12, 13; Mazmur 31:24.

Ayat Hafalan: “Semoga Allah, sumber pengharapan, memenuhi kamu dengan segala sukacita dan damai sejahtera dalam iman kamu, supaya oleh kekuatan Roh Kudus kamu berlimpah-limpah dalam pengharapan.” (*Roma 15:13*).

Sementara kita sampai ke penghujung pelajaran kita suku tahun ini mengenai Roh Kudus dan kerohanian, kita akan memberi tumpuan kepada kerja penting lain dari Roh yang belum menerima perhatian kita.

Apabila Yesus mengumumkan kepada murid-murid bahawa Dia akan pergi kepada Bapa, Dia berjanji akan memberikan kepada mereka Roh Kudus. “Tetapi Penolong, yaitu Roh Kudus, yang Bapa nanti hantarkan dalam nama-Ku, Dia akan mengajarkan segala sesuatu kepadamu dan akan mengingatkan kamu akan semua yang telah Kukatakan kepadamu” (Yohanes 14:26).

Menurut Yesus, Roh Kudus adalah *parakletos*, iaitu, “penolong” atau “penghibur,” atau “peguam bela” yang berdoa untuk kita. Pada masa yang sama Yesus juga mengumumkan kerja yang akan dilakukan peguam bela ini: Ia akan menginsafkan dunia akan dosa, kebenaran dan penghakiman (Yohanes 16: 8).

Dalam minggu terakhir kita, kita akan mengkaji dengan lebih terperinci kerja-kerja khusus Roh Kudus ini. Kita juga akan mempelajari bagaimana kerja-kerja Roh ini berkaitan dengan dua lagi aspek lain yang penting dalam pelayanannya untuk kita: jaminan keselamatan kita, dan pengharapan yang mulia yang memacu kehidupan kita sebagai pengikut Yesus Kristus.

**Sila kaji pelajaran minggu ini sebagai persediaan untuk Sabat, 25 Mac.*

Keinsafan akan Dosa

Sila baca Yohanes 16: 8, 9. Apakah kerja penting yang dilakukan oleh Roh Kudus untuk kita, dan mengapa ini sangat penting?

Yesus memanggil Roh Kudus sebagai *paraclete*, perkataan yang kaya dengan makna dan yang menyampaikan idea penolong, peguam bela, dan penghibur. Roh Kudus tidak masuk ke dalam kerja penginsaf yang penting ini sebagai penuduh kepada saudara-saudara atau sebagai pendakwa kita. Dia tidak dihantar oleh Yesus untuk menghukum kita tetapi, sebaliknya, untuk membantu kita melihat keperluan kita akan rahmat.

Hanya [seorang] penghibur yang akan diterima sebagai penolong. Ia merupakan satu tragedi besar bahawa Kristian, betapapun berniat baik, sering mendekati orang berdosa dengan semangat yang menuduh dan bukannya semangat membantu. Jika kita asyik menunjuk dosa di dalam kehidupan orang lain, maka kita melakukan sesuatu yang Yesus tidak minta kita lakukan. Lagipun, siapakah kita ini untuk menunjuk dosa orang lain sedangkan kita sendiri bukannya orang yang tanpa dosa?

Sila baca Roma 2: 1 dan Matius 7: 3. Apakah mesej yang perlu kita ambil dari ayat-ayat ini?

Kita adalah saksi-saksiNya, bukan para pendakwaNya. Kita dipanggil untuk menjadi saksi akan kuasa penebusanNya, bukan untuk mengutuk orang lain atas kesalahan mereka. Dalam usaha untuk menyedarkan orang lain akan dosa-dosa mereka, kita melakukan kerja yang bukan tugas kita; ia adalah tugas Roh Kudus.

Penghibur itulah—bukan kita—yang akan “meyakinkan” (Yohanes 16: 8) dunia apa dosa itu sebenarnya. Orang yang belum menyerahkan kehidupan mereka kepada Yesus sering tidak mempunyai kesedaran sebenar tentang apa dosa itu sesungguhnya, dan betapa ia sangat merosakkan.

Idea di sini bukan bererti bahawa Roh akan menyenaraikan perbuatan salah tertentu. Sebaliknya, Dia langsung saja kepada asas dosa: tidak percaya di dalam Yesus Kristus (Yohanes 16: 9). Kesengsaraan dan keterasingan kita yang paling dalam bukanlah tergantung dari ketidaksempurnaan moral kita, melainkan oleh kerenggangan kita yang jauh dari Tuhan dan keengganan kita untuk menerima Dia yang Tuhan telah utuskan untuk tujuan menyelamatkan kita dari keadaan ini.

Masalah utama semua dosa adalah kita tidak percaya kepada Yesus dan oleh itu, menolak satu-satunya yang dapat menyelamatkan kita dari dosa dan kesalahan kita. Ini adalah dosa yang meletakkan diri sebagai pusat dari segala sesuatu dan enggan untuk mempercayai Firman Tuhan. Hanya Roh Kudus yang dapat membuka hati dan minda kita kepada keperluan terbesar kita akan pertaubatan dan Penebusan yang didapati hanya melalui kematian Kristus bagi pihak kita.

Keperluan akan Kebenaran

Yohanes 16: 8 menyatakan bahawa Roh Kudus akan menginsafkan dunia, bukan sahaja daripada dosa tetapi juga akan kebenaran. Dalam erti kata lain, dunia, yang tidak tahu apa dosa itu sebenarnya, juga tidak tahu apa kebenaran itu.

Orang yang belum bertaubat membayangkan bahawa moral luaran sudah memadai. Mereka tidak menghendaki kebenaran Tuhan tetapi kebenaran diri mereka sendiri. Mereka menghendaki kebenaran yang datang dari perbuatan zahir mereka, seperti ketaatan kepada hukum Tuhan. Tetapi ketaatan kita kepada hukum tidak dapat membenarkan kita di hadapan Tuhan.

Di dalam Yesaya 64: 6 Nabi menerangkan semua kebenaran buatan sendiri pada zamannya adalah seperti "kain kotor." Dalam kata lain, bahkan usaha kita yang terbaikpun tidak dapat menyelamatkan kita. Akan tetapi kebenaran Yesus adalah cukup untuk kita. Ia memenuhi semua tuntutan hukum Tuhan. Ia diterima oleh Tuhan Bapa. Kita boleh menuntut kebenaran itu untuk diri kita sendiri melalui iman dalam Yesus Kristus sahaja.

Sila baca Roma 5:10 dan Ibrani 4:15, 16. Bagaimanakah kebenaran kita terkait dengan pelayanan hidup Kristus di hadapan Bapa di syurga?

Kebenaran yang dituntut oleh hukum itu telah dipenuhi melalui kehidupan Yesus yang sempurna. Dia mati bagi pihak kita. Walaupun ditolak oleh orang-orang yang telah membunuh Dia di bumi ini, Dia disambut oleh Bapa di syurga. Dengan membangkitkan Yesus, Tuhan Bapa meletakkan cap kelulusanNya ke atas kehidupan Yesus dan kerja penebusanNya. Sekarang Yesus hidup untuk memberi syafaat untuk kita (*Ibrani 4:15, 16*), dan Dia menggunakan jasa kematianNya bagi pihak kita kerana kita tidak mempunyai kebenaran yang diperlukan untuk keselamatan.

Oleh itu kita boleh hidup kerana Dia hidup di dalam kita. "Namun aku hidup, tetapi bukan lagi aku sendiri yang hidup, melainkan Kristus yang hidup di dalam aku. Hidupku yang kulalui sekarang di dalam daging, adalah hidup oleh iman dalam Anak Allah yang telah mengasihi aku dan menyerahkan diri-Nya untuk aku" (*Galatia 2:20*). Apabila Yesus hidup di dalam kita, kita hidup oleh Roh, dan menerima hidup rohani yang baru melalui kuasa Roh (*Roma 8 4*), (Bandingkan dengan *Galatia 3: 2-5; 5:16, 18*).

Pemuliaan Yesus kepada Bapa mengesahkan kehadiranNya di antara kita melalui Roh. Oleh kuasa Roh Kudus, murid-muridNya semakin bertumbuh dalam kesesuaian dengan Kristus.

Pernahkah anda mengalami realiti betapa kotor sebenarnya percubaan anda sendiri mendapatkan kesalehan? Apakah yang ini ajarkan kepada anda tentang keperluan anda akan kebenaran Kristus sebaliknya?

SELASA 21 Mac

Keinsafan Tentang Penghakimaan

Baca Yohanes 16: 8, 11. Apakah penghukuman yang Yesus maksudkan? Mengapa penghakiman ini merupakan berita baik?

Masih ada satu penginsafan besar terakhir yang merupakan sebahagian daripada kerja Roh: penginsafan mengenai penghakiman. Di sinilah di mana banyak daripada ajaran kita tentang hal ini seolah-olah pergi ke arah yang salah dan berbahaya. Seringkali perbincangan mengenai dosa dan kebenaran seolah-olah membawa ramai orang yang mengaku Kristian mengucapkan amaran mengenai penghakiman kepada orang-orang yang menolak Kristus. Dengan berbuat demikian, mereka mengamarkan orang-orang berdosa, sering dengan nada yang menakutkan, akan penghakiman masa depan yang menanti mereka.

Walaupun penghakiman itu adalah satu realiti, ini bukan apa yang Yesus maksudkan dalam Yohanes 16:11. Gaya bahasa ini menunjukkan bahawa Tuhan tidak bercakap tentang penghakiman yang akan datang, seperti yang dilakukanNya dalam Yohanes 12:48. Sebaliknya, aspek penghakiman yang Yesus maksudkan kini merujuk kepada berita baik bahawa Iblis telah dihakimi di Kalvari. Syaitan, musuh besar kebenaran, kini hidup dalam masa yang dipinjam. Penghukuman pasti akan datang, tetapi fokus di sini adalah atas kesedaran bahawa penguasa dunia ini kini sudah terhukum (Yohanes 12:31).

Sila baca 1 Petrus 5: 8, 9. Bagaimanakah Syaitan digambarkan oleh Petrus? Bagaimanakah kita boleh melawan dia?

Syaitan, mengetahui bahawa masa baginya sudah singkat dan bahawa dia telah kalah teruk di Kalvari, bagaimanapun, dia masih hidup. Dia sangat marah, cuba untuk menelan seberapa banyak yang dia boleh. Tetapi dia adalah musuh yang sudah dikalahkan. Yesus telah memenangi kemenangan. Darah Yesus telah membebaskan kita.

Apabila tentera Nazi telah menerima tamparan hebat oleh kejayaan tentera Bersekutu menakluki Perancis pada 6 Jun 1944 semasa Perang Dunia Kedua, ianya jelas sekali bahawa Hitler telah dikalahkan. Namun tentera Nazi terus melawan tentera Bersekutu selama 11 bulan berikutnya sehingga perang itu tamat (di Eropah). Selama 11 bulan itu berupa berlaku pertempuran yang paling berdarah daripada semuanya.

Begitu juga, Syaitan tahu bahawa dia telah dikalahkan di salib. Namun, dia berdegil melawan dan cuba untuk memakan seberapa banyak yang dia boleh. Dalam masa yang mencabar ini kita dipanggil untuk berwaspada dan berjaga-jaga dan menyerahkan segala kebimbangan kita kepada Yesus, kerana Dia mengambil berat terhadap kita (1 Ptr 5: 7, 8).

Mengapakah penghakiman adalah berita yang baik? Siapakah penjamin kita dalam penghakiman? Bagaimanakah kita boleh mengajar tentang penghakiman dalam cara yang mana kita menyemai pengharapan bukannya ketakutan?

Jaminan Keselamatan

Sila baca 1 Yohanes 5:12, 13; Roma 8: 15-17; dan 2 Korintus 5:

5. Sebaik sahaja kita telah menerima Kristus sebagai Juruselamat kita, mengapakah kita boleh mempunyai jaminan hidup yang kekal? Apakah asas bagi jaminan ini?

Roh Kuduslah yang membawa orang berdosa kepada Yesus. Kematian Yesus menggantikan kita telah mendamaikan kita dengan Tuhan. Pengampunan Yesus membebaskan kita untuk menjalani kehidupan baru sebagai anak angkat Tuhan. Sekarang kita bukan lagi musuh-musuh Tuhan (Rom 5:10.), tetapi kita berjalan menurut Roh (Rom 8: 4.) dan menetapkan pemikiran kita kepada perkara-perkara Roh (Rom 8: 5.). Jika kita tidak mempunyai Roh Kristus, kita tidak akan menjadi anak-anakNya dan tidak menjadi milikNya (Rom 8: 9).

Tetapi sekarang kita mempunyai kesaksian dalaman Roh Kudus yang diam di dalam kita. Ia memberi kesaksian kepada kita bahawa kita adalah milik Yesus dan kita adalah waris Tuhan dan pewaris bersama dengan Kristus (Rom. 8:17). Kehidupan berkuasa yang sama yang membangkitkan Yesus dari orang mati kini aktif dalam diri kita dan menjadikan kita, yang telah mati secara rohani, kini hidup (Rm. 8:10). Malah lebih daripada itu, Dia juga memetraikan di dalam hati kita jaminan bahawa kita benar-benar kepunyaan Tuhan. Setelah mendengar dan mempercayai Injil keselamatan kita, kita telah dimeterai di dalam Yesus dengan Roh Kudus, yang diberikan sebagai ikrar pusaka kita (Efesus 1:13, 14). Setiap orang percaya boleh mempunyai kepastian ini (1 Yohanes 5:12, 13).

Baca Efesus 1:13, 14. Apakah yang dimaksudkan dimeteraikan oleh Roh Kudus?

Mereka yang menerima Kristus dilahirkan kembali, iaitu dilahirkan "dari Roh" (Yohanes 3: 3, 5). Roh Kudus memetraikan fakta ini di dalam hati kita supaya kita boleh mempunyai keyakinan telah diselamatkan dan mengalami kegembiraan kerana menjadi anak Tuhan. Roh Kudus memperkenalkan kita sebagai milik Kristus. "Tetapi jika orang tidak memiliki Roh Kristus, ia bukan milik Kristus." (Roma 8: 9). Kita kini mempunyai kesedaran bahawa Tuhan adalah Bapa kita yang pengasih dan kita adalah anak-anak yang dikasihiNya. Roh Kudus adalah bayaran pendahuluan, deposit atau sandaran untuk hadiah utama hidup yang kekal dan tidak dapat mati yang akan diberikan kepada kita pada kedatangan Yesus kedua kali (1 Kor 15: 51-54). Ini adalah ciri iman yang sah. Adalah sukar untuk melihat bagaimana orang Kristian boleh bersaksi dengan kuasa meyakinkan tanpa jaminan tersebut.

"Cakapkan keberanian, cakapkan iman dan pengharapan, maka anda akan memancarkan cahaya di dalam Tuhan. Sentiasa fikirkan pintu terbuka yang Kristus telah ditetapkan di hadapan anda, yang tidak ada seorangpun yang dapat menutupnya. Tuhan akan menutup pintu kepada segala kejahatan, jika anda akan memberikan peluang kepada si jahat. Apabila musuh datang seperti air bah, Roh TUHAN akan mengangkat bagi anda satu standard melawannya." – Ellen G. White, *The Advent Review and Sabbath Herald*, 16 April, 1889.

KHAMIS 23 Mac

Roh Kudus dan Pengharapan

Baca Roma 5: 4, 5; 15:13; dan 1 Korintus 13:13. Bagaimanakah kasih dan pengharapan berkaitan dengan satu sama lain? Bagaimanakah Roh Kudus memainkan peranan penting dalam memberikan kita kasih dan pengharapan?

Roh Kudus itulah yang mencurahkan kasih Tuhan dalam hati kita. Dia menghubungkan kita kepada Tuhan dan membolehkan kasih Tuhan tinggal di dalam kita. Kasih setia Tuhan yang tidak berubah adalah penyebab dan asas kepada pengharapan kita. Tanpa kasih tidak akan ada pengharapan. Hanya kasih menjana harapan. Oleh kerana kasih Tuhan digabungkan dengan kesetiaanNya, maka kita mempunyai pengharapan yang indah bahawa Dia akan datang kembali dan membawa kita pulang di mana Dia berada.

Sila baca Mazmur 31:24. Apakah kesan dari pengharapan ke atas diri kita?

Pengharapan memberi inspirasi. Pengharapan memberi kekuatan baru. Pengharapan membolehkan kita menyanyi dan menjadi gembira. Pengharapan adalah penting untuk hidup. Tanpa pengharapan, apakah tujuan hidup?

Bagaimanapun, mempunyai pengharapan adalah sesuatu yang berbeza daripada menjadi optimis. Optimis berfikir bahawa segala-galanya akan menjadi lebih baik: cuaca, ekonomi, gred sekolah, kewangan, dan sebagainya. Pengharapan, sebaliknya, bukan keyakinan yang buta. Sebaliknya, ia adalah berasaskan kesetiaan Tuhan dan dalam janji-janji yang Dia berikan pada masa lalu. Pengharapan percaya bahawa Tuhan akan memenuhi apa yang Dia telah katakan kerana Dia adalah setia dan benar. Tuhan telah terbukti boleh dipercayai, dan Dia tidak goyah. Kesabaran dan kebenaranNya adalah landasan bagi pengharapan kita.

Juga tidak diragukan, landasan pengharapan kita terdapat dalam Yesus di kayu salib. Apabila kita memandang salib itu, kita dapat melihat dengan cara yang paling berkuasa realiti kasih Tuhan untuk kita. Salib, di mana Yesus mati untuk dosa-dosa kita, memberikan kita dan alam semesta satu pernyataan yang tidak dapat ditandingi tentang bagaimana Tuhan kita itu sebenarnya. Oleh itu, sebagai makhluk yang sudah jatuh di kosmos yang luas dan besar ini, kita boleh mendapat pengharapan, bukan dalam diri kita sendiri atau dalam apapun perkara "besar" yang kita capai, tetapi di dalam Tuhan kita, Tuhan yang telah menyatakan diriNya kepada kita di atas salib.

Bagaimanakah pengharapan Advent bertunjangkan janji setia Tuhan? Bagaimanakah pengharapan mempengaruhi kehidupan kita? Bagaimanakah kita boleh membangunkan gaya hidup yang menggambarkan pengharapan dan bukannya putus asa?

Renungan Tambahan: Baca pilihan Ellen G. White, *Ye Shall Receive Power*, terutama bahagian Oktober “*Ready for the Spirit.*”

Kita boleh merumuskan aktiviti Roh Kudus dengan mengatakan bahawa Roh Kudus bekerja secara harmoni bersama-sama dengan Tuhan Bapa dan Tuhan Anak untuk menyempurnakan keselamatan kita. Roh Kudus membangkitkan kita daripada kematian rohani kita. Dia membawa kita kepada kesedaran tentang dosa kita dan membuka mata kita kepada hakikat bahawa kita adalah orang yang hilang. Dia menyalakan dalam diri kita keinginan untuk perubahan dan membawa kita kepada Yesus Kristus, yang satu-satunya dapat memenuhi keperluan jiwa kita. Dia memberi kita jaminan keselamatan kerana Dia sentiasa menunjuk kita kepada Yesus dan kepada apa yang Yesus telah lakukan untuk kita. Dia menolong kita untuk menjadi lebih seperti Yesus. Dia membuat kita setia dalam perjalanan kita bersama Tuhan. Dia membolehkan kita untuk memenuhi kehendak Tuhan dan melibatkan diri dalam misi dengan berkesan. Dia mengilhami manusia menulis Alkitab [menjadikan Alkitab yang tertulis] sebagai panduan selamat dan norma untuk kehidupan Kristian kita dan doktrin. Di manakah kita tanpa Roh Kudus? Apakah yang kita boleh lakukan tanpa Roh Kudus? Kita akan sengsara dan hilang dan tidak dapat berbuat apa-apa yang akan memberi Tuhan kemuliaan dan kehormatan. Syukur kepada Yesus kerana telah menjanjikan dan mengutus Roh Kudus. “Roh Kudus adalah pemberian yang tertinggi daripada semua pemberian yang Dia boleh minta daripada BapaNya. Dia meminta itu untuk pengagungan umatNya.” – Ellen G. White, *Ye Shall Receive Power*, ms. 13

Soalan Perbincangan:

1. Fikirkan lebih mengenai persoalan apakah dosa itu dan apa pula kebenaran. Mengapakah kita sebagai orang Kristian yang percaya kepada Alkitab sebagai Firman Tuhan, mempunyai pemahaman yang berbeza apakah dosa dan kebenaran itu daripada cara orang-orang yang tidak percaya kepada Alkitab? Apakah perbezaan itu? Apakah yang Alkitab ajarkan kepada kita tentang dosa dan tentang kebenaran yang tidak didapati dari sumber-sumber lain?
2. Kongsi dengan ahli-ahli kumpulan sekolah Sabat anda apa aspek kerja Roh Kudus yang paling berharga untuk anda. Mengapakah ia begitu penting dan bagaimanakah ini telah memberi kesan kepada kehidupan anda?
3. Di kelas, bincangkan mengenai harapan yang kita miliki di dalam Yesus. Apakah sebab-sebab untuk harapan ini? Iaitu, sekiranya seseorang bertanya tentang “hal pengharapan yang ada padamu” (1 Ptr. 3:15), apakah jawapan yang anda akan berikan, dan mengapa? Sejauh manakah hujah anda meyakinkan?
4. Pelajaran minggu ini bercakap tentang soal jaminan keselamatan. Apakah jaminan keselamatan itu? Jika kita memilikinya, mengapa kita memilikinya? Atas apakah ia harus didasarkan, dan bagaimanakah ia berbeza daripada anggapan?

Panduan Guru

Ringkasan Pelajaran

Ayat Tumpuan: Yohanes 16:8-11

Pelajar Akan:

Mengetahui: Bersukacita dalam “Penghibur,” yang membawa kekuatan dan harapan ke dalam kehidupan mereka, serta jaminan keselamatan.

Merasakan: Memupuk kesadaran yang mendalam akan kehadiran Roh dalam kehidupan harian.

Melakukan: Memutuskan untuk mendengar suara penginsaf Roh Kudus, membenarkannya untuk menyatakan kebenaran Kristus dalam kehidupan mereka.

Garis Panduan Pelajaran

I. Mengetahui: Kerja Roh

- A. Apakah perbezaan di antara sabitan dan tuduhan? Bagaimanakah anda rasa apabila anda disabitkan telah melakukan sesuatu? Bagaimanakah anda rasa apabila anda dituduh melakukan sesuatu?
- B. Apakah ertinya bahawa Roh Kudus mensabitkan (menginsafkan) kita akan dosa? Adakah terdapat perbezaan antara dosa (tunggal) dan dosa-dosa (majmuk)?

II. Merasakan: Kerinduan Roh

- A. Bagaimanakah sabitan dosa boleh membuat kita merasa perlukan kebenaran Kristus?
- B. Mengapa kekurangan pengetahuan mengenai pelayanan Roh Kudus sangat memudaratkan kehidupan Kristian kita?

III. Melakukan: Matlamat Roh

- A. Apakah matlamat muktamad Roh dalam kehidupan kita? Bagaimanakah kita boleh bekerjasama dengan Roh Kudus dalam membuat matlamat itu menjadi kenyataan?
- B. Bagaimanakah kita boleh menerima pengharapan, jaminan, dan kekuatan yang Kitab Suci janjikan untuk berikan kepada kita melalui pelayanan Roh Kudus?

Kesimpulan: Matlamat Roh Kudus adalah untuk membawa kita kepada hubungan intim dengan Yesus dan menempatkan di dalam hati kita jaminan hidup yang kekal dalam Yesus Kristus, Tuhan kita. Dia melakukan kerja yang mengagumkan ini dengan menginsafkan kita bahawa, terpisah daripada Kristus, kita hilang. Dosa bukan sekadar sesuatu yang kita lakukan; ia adalah keadaan manusia itu sendiri. Roh Kudus menyatakan siapa kita dan siapa Yesus dan apa makna diriNya bagi kita. Roh memberi kesaksian tentang kebenaran, kebaikan, rahmat, dan kuasa Yesus. Dia menarik kita kepada Yesus yang mana daripadanya kita mendapat karunia hidup yang kekal dan jaminan kekekalan.

Panduan Guru

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: Roma 15:13

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Roh Kudus adalah pemberian amat berharga yang diutus oleh Yesus untuk memberi semangat, menyokong dan menguatkan kita dalam kehidupan Kristian kita. Yesus menjanjikan kepada murid-muridNya bahawa Dia akan memberikan mereka “Penolong yang lain, supaya Ia menyertai kamu selama-lamanya” (Yohanes 14:16). Dia tidak akan meninggalkan mereka menjadi “ ‘anak yatim’ ” (Yohanes 14:18). Dalam diri Roh Kudus, Yesus akan bersama dengan murid-muridNya. Tidak terikat dengan masa dan ruang, Dia boleh diakses oleh semua. Malah, Dia akan menjadi lebih dekat kepada mereka daripada jika Dia tidak naik ke syurga.

Ellen G. White membuat kenyataan yang luar biasa ini: “Pada setiap masa dan di semua tempat, dalam semua kesedihan dan dalam segala kesusahan, apabila harapan kelihatan gelap dan masa depan membingungkan, kita merasa tidak berdaya dan keseorangan, Penolong itu akan diutus sebagai jawapan kepada doa dalam iman. Mungkin keadaan memisahkan kita dari semua sahabat duniawi; tetapi tidak ada keadaan, tidak ada jarak, yang dapat memisahkan kita dari Penghibur syurga. Di mana sahaja kita berada, di mana sahaja kita pergi, Dia sentiasa berada di sebelah kita untuk menyokong, menopang, menguatkan, dan menghiburkan.” - *The Desire of Ages*, ms 669, 670..

Roh Kudus ialah Sahabat kita, Sekutu kita, Penghibur kita, Pendorong kita, Guru kita, kekuatan kita, dan jaminan hidup kekal kita.

Hanya Untuk Guru: Pelajaran ini adalah yang terakhir untuk kita pada kuartal ini dan masa yang terbaik untuk mengkaji semula beberapa pengajaran yang lalu. Ingatkan kelas anda bahawa Roh Kudus adalah Oknum Ketiga Ketuhanan, bukannya bayangan kuasa yang samar-samar, atau kuasa yang keluar dari Tuhan yang tidak dapat dijelaskan. Sebagai wakil peribadi Kristus, Roh Kudus ada bersama kita untuk membantu kita dalam perjalanan kita ke surga. Dia menginsafkan dosa dan menyatakan keperluan kita akan seorang Penyelamat; tetapi Dia juga momfokuskan sinar ke atas kebenaran Kristus dalam semua kilauan dan keindahannya.

Panduan Guru

Penyataan karakter Kristus yang benar dan kasihNya kepada kita tanpa syarat itulah yang menuntun kita untuk ingin menjadi seperti Dia dan untuk menyerah kepada tuntutanNya yang berjanji tidak akan membiarkan kita pergi. Roh Kudus adalah Guru kita, membimbing kita untuk memahami keindahan rahmat, kemuliaan Salib, dan keajaiban pendamaian itu. Melalui pelayanan Roh Kudus, kita terkesan dan di tuntun untuk menerima Kristus sebagai Juruselamat, yaitu Tuhan kita yang penuh kasih dan berkuasa.

Pembuka Perbincangan: Bayangkan kekeliruan dan kebingungan murid-murid apabila Kristus menyatakan kepada mereka bahawa Dia akan pergi. Apakah agaknya yang mereka fikir apabila Dia memberitahu mereka bahawa Dia tidak lama lagi akan naik kepada Bapa? Sudah tentu, mereka mesti berasa cemas, bimbang, tidak pasti, keliru dan bingung. Mereka tidak dapat memahami sepenuhnya apa yang Dia dimaksudkan ketika Dia memberitahu mereka bahawa Dia akan mengutus Penghibur itu kepada mereka. Sehingga kemudiannya, apabila Roh Kudus datang dalam kepenuhan kuasaNya pada hari Pentakosta, mereka mula memahami makna kata-kata Yesus. Sekarang, merasai kehadiran dan kuasa Roh Kudus, mereka memahami makna kata-kata Kristus, “ ‘Adalah lebih berguna bagi kamu, jika Aku pergi’ “ (Yohanes 16: 7).

Janji Yesus akan Roh Kudus [kepada murid-muridNya dahulu] adalah sama bagi kita, umat percaya Perjanjian Baru. JanjiNya tidak terhad. Roh Kudus rindu untuk mengisi kehidupan kita dengan kehadiran-Nya.

Soalan Perbincangan:

1. Minta para ahli kelas anda untuk terangkan masa ketika mereka merasakan kuasa Roh Kudus di dalam kehidupan mereka. Apakah keadaan yang membawa kepada pengalaman ini?
2. Apakah masa kedekatan kepada Yesus yang istimewa yang pelajar anda punyai? Seperti apakah kehidupan kebaktian mereka pada masa ini? Jemput ahli kelas untuk kongsikan masa-masa apabila Roh Kudus dengan jelas hadir dalam kehidupan mereka.

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Tema utama pelajaran suku tahun ini adalah peranan Roh Kudus sebagai Oknum Ketiga Ketuhanan untuk menginsafkan

Panduan Guru

kita akan dosa, menyatakan kebenaran Kristus dalam semua keindahannya, menginspirasi kita dengan pengharapan, membimbing kita ke dalam kebenaran Ilahi, dan terus-menerus mengesankan hati kita untuk merindui syurga.

Pelajaran minggu ini mengetengahkan tema ini. Ia memberi tumpuan terutamanya mengenai peranan Roh Kudus dalam setiap kehidupan kita dengan cara yang sangat praktikal.

Ulasan Alkitab

I. Peranan Roh Kudus (*Imbas kembali Yohanes 16:8-11 bersama kelas.*)

Dalam Yohanes 16: 8-11, Yesus menyenaraikan tiga peranan utama Roh Kudus. Roh “akan menginsafkan dunia akan dosa, kebenaran dan penghakiman” (Yohanes 16: 8). Mari kita kaji setiap istilah ini dengan lebih mendalam sedikit. Perhatikan bahawa Yesus tidak mengatakan bahawa Roh Kudus akan menginsafkan orang akan dosa-dosa mereka, kata ganda, tetapi dosa, kata tunggal. Sekarang jangan salah faham; Roh Kudus sudah tentu menginsafkan kita akan dosa-dosa atau perbuatan kita yang tidak selaras dengan kehendak Tuhan. Tetapi maksud dari petikan ini adalah sesuatu yang lebih mendalam.

Di sini “dosa” digunakan sebagai keadaan manusia. Ia tidak semestinya apa yang kita lakukan semata-mata. Ia adalah siapa kita. Kita dilahirkan dengan sifat manusia yang sudah jatuh ke dalam keadaan dosa. Kita adalah orang-orang berdosa oleh kelahiran dan oleh pilihan, kedua-duanya. Roh Kudus menyatakan keadaan kita yang tiada harapan tanpa Kristus. Jika kita dibiarkan sendiri, kita tidak mempunyai harapan untuk keselamatan. Kita bukan hanya orang-orang berdosa. Kita berada dalam keadaan hilang dengan tiada kemungkinan keselamatan tanpa seorang Penyelamat.

Puji Tuhan! Roh Kudus tidak meninggalkan kita dalam keadaan putus asa ini. Dia bukan sahaja menginsafkan kita akan dosa, Dia menginsafkan kita akan kebenaran.

Perkataan bagi kebenaran yang digunakan di sini dalam bahasa asalnya adalah *dikaiosync*, yang merupakan kebenaran Kristus sendiri. kebenarannya adalah sumber dan ukuran segala kebenaran. Roh Kudus menginsafkan kita akan dosa kita, ketidaklayakan kita, dan keadaan kita yang hilang sepenuhnya tanpa Kristus. Kemudian Dia menyatakan kepada kita kesempurnaan kebenaran Kristus dan keajaiban anugerahnya. Roh

Panduan Guru

menyuburkan iman dalam hati kita untuk menerima kebenaran Kristus sebagai milik kita sendiri dan hidup sebagai anak-anak Tuhan, yang diterima ke dalam keluarga syurga melalui rahmat.

Pernyataan terakhir kita tentang ketiga-tiga kerja penginsafan Roh adalah penghakiman. Yesus menjelaskan mengapa Roh Kudus menginsafkan kita tentang penghakiman dalam Yohanes 16:11 dengan menyatakan, “ ‘akan penghakiman, karena penguasa dunia ini telah dihukum.’ “ Di salib, Yesus menang atas penguasa dan pemerintah neraka (Kol 2:15). Syaitan adalah musuh yang telah dikalahkan. Yesus telah menang. Kemenangan ke atas kejahatan, kematian, dan kubur itu telah tercapai. Roh Kudus mendedahkan kepada kita bahawa kita berada di pihak yang menang.

Perhatikan Hal Ini: “Demikianlah sekarang tidak ada penghukuman bagi mereka yang ada di dalam Kristus Yesus” (Rom 8: 1). Di luar Kristus tidak ada cara untuk kita menang dalam pengadilan terakhir, tetapi di dalam Kristus, melalui Kristus, dan oleh Kristus tidak ada cara kita boleh kalah. Kristus memenangi pertempuran untuk keselamatan kita di Kalvari. Bagaimanakah Roh Kudus memimpin kita masing-masing ke dalam jaminan keselamatan? Apakah peranan yang Roh Kudus mainkan dalam memimpin kita untuk menerima kebenaran Kristus? Mengapakah pelayanan Roh Kudus begitu penting dalam kehidupan setiap orang Kristian?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Pimpin kelas anda dalam perbincangan praktikal tentang apa maknanya untuk hidup dalam kehidupan yang dipenuhi Roh. Buat satu senarai semua perkara yang Roh Kudus janjikan untuk lakukan dalam kehidupan kita. Bincangkan senarai ini dengan kelas anda. Mengapakah setiap daripada perkara-perkara ini penting dalam pengalaman Kristian kita?

Soalan Penerapan:

- A. Apakah antara nama-nama Roh Kudus yang berbeza? Bagaimanakah nama-nama ini penting kepada anda?
- B. Dalam cara apakah Roh Kudus memberi inspirasi kita dengan pengharapan?
- C. Bagaimanakah pengharapan berbeza daripada keyakinan? Apakah asas daripada pengharapan yang Roh Kudus berikan kepada kita?

Panduan Guru

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Apabila kita merespons kepada dorongan Roh Kudus, Dia akan memecahkan setiap halangan yang berdiri di antara Yesus dan kita dan membawa kita untuk bersuka-cita dalam keselamatan yang Juruselamat kita tawarkan dengan percuma.

Aktiviti:

Edarkan kad indeks kepada ahli kelas anda dan minta mereka untuk tuliskan perkara yang paling penting, mereka dapati di dalam kelas mengenai Roh Kudus kuarter ini dan perbezaan yang ia akan lakukan dalam kehidupan mereka. Beri mereka masa tiga hingga lima minit untuk menulis dua atau tiga ayat. Di bawah ini adalah contoh apa yang mereka mungkin tuliskan:

1. “Pada suku tahun ini saya diingatkan sekali lagi bahawa Roh Kudus itu adalah wakil peribadi Kristus, yang rindu untuk menarik saya lebih dekat kepada Kristus. Saya kagum dengan pemikiran bahawa Yesus sentiasa hadir bersama saya setiap hari melalui kehadiran Roh Kudus.” (Atau daripada menulisnya, biarkan ahli kelas untuk memikirkan soalan itu dengan penuh doa.)
2. Jemput ahli kelas anda untuk berkongsi dengan kelas kesaksian yang mereka telah tulis atau yang mereka telah fikirkan.

... ..
... ..
... ..
... ..
... ..
... ..

Daripada Kami:
Sidang Reduksi Bahan Sekolah Sabat
Bahasa Melayu 2016

Ervin Karau
Mokuntil Modili
Lesaya L. Sorudim
Raywena L. Sorudim

Matthew Mambo (SS SAK)
Jabatan SS PEM